

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : KELUASAN TANAH KERAJAAN NEGERI

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Mohon YAB menyatakan jumlah keluasan tanah kerajaan negeri yang masih dara (virginland) mengikut lokaliti Dun Sabak.

JAWAPAN:

- a) Tiada tanah-tanah baru (virginland) di DUN Sabak Bernam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU PERCUMA

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah kandungan perkhidmatan WiFiSelangorku yang akan diberikan percuma kepada rakyat?
 - b) Bagaimana kewujudan internet berkelajuan tinggi mampu memberdaya Ekonomi Hawa berbanding golongan lain? Apakah kaedah yang digunakan?

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan WiFiSelangorku yang diberikan percuma adalah kemudahan capaian internet kepada rakyat untuk mencapai maklumat secara online terutamanya capaian kepada aplikasi online Kerajaan Negeri seperti permohonan bantuan kerajaan dan bayaran cukai. Rakyat juga boleh mendapatkan maklumat perkembangan terkini Kerajaan Negeri melalui Laman Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, Laman Web Menteri Besar, TV Selangor dan Selangorkini. Selain itu juga kemudahan ini dapat meningkatkan pengetahuan rakyat Negeri Selangor dengan capaian ke internet yang tiada sempadan.
- b) Pelbagai kelebihan dan kemudahan internet boleh dimanfaatkan untuk memberdayakan Ekonomi Hawa, antaranya melalui Industri Kecil Sederhana (IKS). Pasaran terbuka secara online dapat diwujudkan bagi mempromosikan produk-produk yang di hasilkan ke seluruh dunia. Pendedahan kepada dunia luar bagi meningkatkan kualiti produk yang akan dihasilkan serta memberi banyak pilihan pembekal melalui pasaran terbuka internet.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DESA

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan pecahan penggunaan RM12 juta yang disalurkan untuk pembangunan desa pada tahun 2015.
 - b) Adakah ADN Kerajaan diberikan peluang untuk mencadangkan penggunaan peruntukan tersebut? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2015, jumlah peruntukan yang diberikan untuk penyelenggaraan jalan kampung adalah sebanyak RM12 juta berbanding RM4 juta pada tahun 2014, manakala bagi menaiktaraf kemudahan asas desa peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM4 juta. Pecahan penggunaan RM12 juta yang disalurkan untuk pembangunan desa pada tahun 2015 adalah diluluskan mengikut permohonan dan keutamaan di setiap daerah di Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri pada masa ini mengamalkan konsep Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan. Sehubungan itu, bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan menepati keperluan rakyat, ADN Kerajaan yang mewakili masyarakat di kawasan masing-masing diberikan peluang untuk mencadangkan projek-projek pembangunan yang diperlukan di kawasan kepada Pejabat Daerah dan Tanah untuk dipanjangkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN DI KAWASAN PEMBINAAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pemaju yang tidak mematuhi kebersihan dan keselamatan di kawasan pembinaan pada tahun 2014?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri kepada pemaju yang tidak mematuhi kebersihan dan keselamatan di kawasan projek pembinaan?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai pemaju yang tidak mematuhi kebersihan dan keselamatan di kawasan pembinaan pada tahun 2014.

PBT	Senaraipemaju tidakmematuhikebersihandankeselamatan kawasanpembinaanpada tahun 2014	yang di
MBSA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ken Grouting Sdn Bhd 2. Euro Powerhouse 3. Gadang Eng Sdn Bhd 4. Asal Bina Sdn Bhd 5. JasmuriConstruction Sdn Bhd 6. Setara Pelana Sdn Bhd 7. AimaConstruction Sdn Bhd 8. DIG CastConstruction Sdn Bhd 9. FairwayTerraceConstruction Sdn Bhd 10.HAB Construction Sdn Bhd 11.EngHanEng Sdn Bhd 12. EsquireCorner 13.AlliedEngConstruction Sdn Bhd (2 tapak) 	
MBPJ	TIADA	
MPK	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tetuan Stg Venture Sdn.Bhd 2. TetuanGanHuat Sing Properties Sdn.Bhd 3. Tetuan GT-Max Motor (M) Sdn.Bhd 4. Tetuan GR Industries Sdn.Bhd. 5. Tetuan GT-Max Properties Sdn.Bhd 6. Tetuan Seri Madang Sdn.Bhd 7. TetuanPantaiBharuAutohausSdn.Bhd 	

	<ol style="list-style-type: none"> 8. Tetuan Wear Safe (M) Sdn.Bhd. 9. Tetuan JC Machinery Sdn.Bhd 10. Tetuan Tembika Wei Kning Sdn.Bhd 11. Tetuan Top Glove Sdn.Bhd. 12. Tetuan Master Glove Manufacturing Sdn.Bhd 13. Tetuan Hin Press & Trading Sdn.Bhd 14. Tetuan Lockwell Enterprise Sdn.Bhd
MPAJ	<ol style="list-style-type: none"> 1. Westar Construction Sdn.Bhd 2. 1 Dolite COP. Sdn.Bhd 3. MudiAngkasa Development Sdn.Bhd 4. Dergahayu Sdn .Bhd 5. Sri Seltra Sdn.Bhd 6. Yongwang Construction SdnBhd 7. Titian Desa Sdn .Bhd 8. BHL Builders Sdn .Bhd 9. Extensive Gain SdnBhd 10. Caely (M) Sdn.Bhd 11. Mutiara Ampang Development Sdn. Bhd.
MPS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Barisan Tenaga Perancang. (Projek Kolam Air Panas) 2. B & G Majestic Property Sdn Bhd. (Templer) 3. B & G Supreme Sdn Bhd. (Selayang Heights) 4. Hype Parkcity Sdn Bhd. (Rawang Mutiara) 5. Shinning Crest Sdn Bhd. (Templer)
MPSJ	Syarikat Prasarana Berhad
MPKj	<ol style="list-style-type: none"> 1. SP Setia Sdn. Bhd. 2. Serambi Utama Sdn. Bhd. 3. Tinta Anggun Engineering Sdn. Bhd. 4. Amber Home Sdn. Bhd. 5. TLS Building Contractor Sdn Bhd 6. Transloyal Development Sdn. Bhd. 7. K Langat Land Sdn. Bhd. 8. Proficient Housing Development Sdn. Bhd. 9. Bangi Height Development Sdn. Bhd. 10. IOI Properties Sdn. Bhd. 11. Jadfe Hill Sdn. Bhd. 12. Wisdom Paradise Sdn. Bhd. 13. TPPT Sdn. Bhd. 14. Fromteam Construction Sdn. Bhd. 15. Sara Timur Sdn. Bhd.

MPSp	TIADA
MDKL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tetuan Acme Asia Sdn. Bhd. 2. Tetuan Bukit Bangga Dev. Sdn. Bhd. 3. Tetuan Kebun BaruuDev. Sdn. Bhd. 4. Tetuan Persatuan Bekas Pelajar-pelajar SJKC Jenjarom 5. Tetuan SAG Development Sdn. Bhd. 6. Tetuan Taipan Village Sdn. Bhd. 7. Tetuan YapChin Beng &YapChinKin 8. Hasrat Pintas Sdn. Bhd.
MDHS	SeongHeng Development
MDKS	<ol style="list-style-type: none"> 1. TetuanNiagaBudimanSdn. Bhd. 2. TetuanJasa Ringgit Holdings Sdn. Bhd. 3. Suppeme Advantage Sdn. Bhd. 4. Tetuan Asahi Development Sdn. Bhd. 5. Tactcom Engineering Sdn. Bhd. 6. Euro SelasihSdn. Bhd. 7. Tan Hock Joo 8. Soo Win Ching& Tan Book Hok 9. Chia Seok Kiang, Chia Sing Liang &Hasnahbt. Hassan 10. Tetuan Soo Sin Hin Dev. Sdn. Bhd.
MDSB	TIADA

- b) Pelbagai usaha dan tindakan yang telah diambil Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh pemaju yang tidak mematuhi kebersihan di keselamatan di kawasan projek pembangunan. Antaranya adalah:
- i. Bagi tapak binaan yang diperiksa dan mendapati terdapat 3 atau lebih tempat pembiakan jentik-jentik, arahan penutupan ke atas tapak binaan tersebut bagi tujuan kerja-kerja pembersihan. Arahan penutupan adalah di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 di mana arahan ini berkuatkuasa selama 14 hari.
 - ii. Sekiranya pihak kontraktor telah menjalankan aktiviti pembersihan dalam tempoh tersebut dan memohon secara rasmi kepada pihak Majlis, pihak Majlis akan memeriksa semula dan melihat dari kesesuaian tapak binaan tersebut untuk mula beroperasi semula.
 - iii. Sekiranya tiada permohonan dari pihak kontraktor dalam tempoh 14 hari, pihak Majlis akan memeriksa semula selepas tempoh tersebut.
 - iv. Tindakan notis pemberitahuan secara bertulis dan kompaun juga akan dikeluarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : TANAH TOL PEMILIK JETI NELAYAN

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah status TOL pemilik jeti bagi nelayan-nelayan di Selangor?
 - b) Berapakah jumlah yang dapat dikutip?

JAWAPAN:

- a) Inventori jeti yang dijalankan oleh LUAS mendapati sebanyak 1350 buah yang telah dibina di dalam Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, jeti nelayan merangkumi sebanyak 1304 buah jeti.

Berdasarkan rekod dan maklumat yang dikumpulkan, LUAS mendapati jeti-jeti nelayan ini dibina di atas tanah kerajaan tanpa mendapat kelulusan daripada Pejabat Tanah Daerah sama ada melalui kelulusan Lesen Menduduki Sementara (LMS) atau kaedah lain. Sehingga kini, tiada LMS yang dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kes pembinaan jeti baru tanpa kelulusan agensi yang telah dikenakan tindakan oleh LUAS dan sedang dalam peringkat pewartaan tapak jeti di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

- b) Pada masa ini, tiada sebarang kutipan hasil sama ada melalui Lesen Pendudukan Sementara (LMS) daripada Pejabat Tanah Daerah dan Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber (Pembinaan Jeti) oleh LUAS dibuat kerana pembinaan jeti nelayan di atas tanah kerajaan ini tidak mendapat sebarang kelulusan agensi yang berkaitan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 16/2008 yang bersidang pada 25 Jun 2008 memutuskan bahawa pengurusan jeti dan kelulusan pembinaan jeti diletakkan di bawah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berdasarkan peruntukan Seksyen 43, Enakmen LUAS, 1999.

Permohonan mendapatkan Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber (Pembinaan Jeti) akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS. Jawatankuasa ini dianggotai oleh jabatan dan agensi yang terlibat seperti

Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Laut, Pejabat Tanah Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, jabatan Alam Sekitar serta jabatan/agensi lain yang akan dijemput mengikut keperluan.

LUAS telah mengambil inisiatif untuk menjalankan inventori jeti di Negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat lengkap berkenaan jeti-jeti sedia ada. Selain itu, inventori yang dijalankan akan memudahkan perancangan aktiviti jeti pada masa hadapan dan menyelaraskan data/*mapping* jeti sedia ada.

Inventori jeti dijalankan di seluruh Negeri Selangor dengan kerjasama daripada Pejabat Daerah dan Tanah setiap kawasan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor dan Jabatan Perikanan Negeri Selangor.

Pengumpulan data inventori yang dijalankan oleh LUAS mendapati sebanyak 1350 buah jeti yang telah dibina di dalam Negeri Selangor yang merangkumi jeti pendaratan ikan dan jeti komersial seperti pecahan yang berikut :

- i. Jeti pendaratan ikan : 1304 buah
- ii. Jeti komersial : 46 buah

Lanjutan itu, Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor dijalankan dengan mengambil kira hasil inventori yang disediakan. Hasil kajian yang dijalankan dapat membantu pihak Kerajaan Negeri di dalam membuat keputusan bagi membolehkan jeti beroperasi secara sah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA INDIA DI LUAR BANDAR

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai program khas untuk belia India di luar bandar?
 - b) Apakah pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan negeri dalam memperkasakan belia India di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri setakat ini tiada program khusus yang diwujudkan untuk belia India di luar bandar. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) mempunyai pelbagai program-program yang boleh disertai oleh golongan belia termasuk belia India. Di antara program-program utama tersebut adalah :
 - 1. Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)
 - 2. Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL)
 - 3. Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
 - 4. Tabung Anak-anak Pekerja Ladang
 - 5. Hadiah Pengajian Anak Masuk Ke Universiti
 - 6. Insentif Perkahwinan Belia
 - 7. Program Bantuan Dana Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
 - 8. Bantuan Projek Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak Negeri Selangor

Program-program sedemikian diwujudkan khusus untuk membantu golongan belia dengan mengambilkira pelbagai aspek seperti bidang perniagaan, pendidikan, kewangan dan sebagainya.

Selain itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Negeri memberi peluang kepada belia India untuk meningkatkan ilmu dalam bidang kemahiran dan teknikal di bawah Program Kemahiran Teknikal di INPENS

InternationalCollege, Kuala Selangor. Sebahagian besar daripada pelajar yang melanjutkan pelajaran di kolej tersebut adalah ditaja oleh Kerajaan Negeri dari segi kos penginapan, makan dan minum serta yuran pengajian dan tajaan adalah diberikan kepada anak-anak pekerja ladang di Negeri Selangor. Sasaran program ini adalah terbuka kepada semua golongan belia dengan tidak mengira bangsa. Program ini telah banyak membantu golongan belia untuk mendalami bidang kemahiran dan teknikal sebagai satu persediaan untuk bekerja dalam bidang berkaitan di masa hadapan. Berikut adalah senarai anak pekerja ladang yang telah dibantu di bawah program ini mengikut tahun :

TAHUN	JUMLAH PELAJAR DITAJA
2008	-
2009	-
2010	175orang
2011	145 orang
2012	106 orang
2013	102 orang
2014	42 orang
Jumlah	570 orang

Sehubungan dengan itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, Kerajaan Negeri seringkali melibatkan penyertaan dari belia-belia India termasuk yang berada di luar bandar dalam pelaksanaan program yang dianjurkan terutamanya program berbentuk perayaan seperti sambutan perayaan Deepavali, Thaipusam dan Ponggal. Penglibatan belia India pada program tersebut adalah merangkumi persembahan, tarian, serta aktiviti-aktiviti kebudayaan.

Di bawah Jawatankuasa ini juga, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program *JobFair* di mana program tersebut memberi peluang pekerjaan kepada golongan belia untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai mengikut kelayakan masing-masing. Inisiatif ini adalah salah satu langkah Kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Selangor yang rata-rata daripada mereka yang menganggur adalah terdiri daripada golongan belia.

- b) Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memperkasakan belia India di Negeri Selangor adalah dengan mengadakan program-program berbentuk motivasi kepada mereka. Melalui kaedah sedemikian, Kerajaan Negeri sedikit sebanyak dapat meningkatkan motivasi dikalangan belia India ke arah mewujudkan individu yang berwawasan. Antara program-program yang telah dijalankan adalah seperti program motivasi, program pemerksaan, program penerangan dan program kesedaran. Program-program sedemikian memberi impak positif di dalam diri belia India di mana mereka menjadi lebih yakin dengan diri sendiri dan mempunyai matlamat untuk memajukan diri di masa hadapan. Keberkesanan program sedemikian sedikit sebanyak membantu belia India untuk lebih menonjol dan mengubah persepsi masyarakat luar. Program-program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor juga adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam memperkasakan belia di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : MODEL PERTANIAN RINGKAS DAN MUDAH BERJAYA

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah kerajaan mempunyai model yang menarik, mudah, komprehensif dan memberi pulangan yang memuaskan untuk belia pinggiran bandar yang tidak mempunyai tanah yang luas?
 - b) Adakah kerajaan mempunyai pelan kerjasama pimpinan tempatan termasuk ADUN dalam menjayakan usaha 'selfsustenance' ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian mengengahkan konsep '*Ediblegarden*' bermaksud taman yang dibangunkan mengandungi tumbuhan yang sesuai untuk dimakan atau pokok herba, sayuran, ulaman, umbisi dan buah-buahan dan digabungkan dengan tanaman landskap.

Selain berfungsi sebagai kebun dapur, '*ediblegarden*' juga boleh menjadi landskap yang menarik jika bijak menggabungkan pokok herba, sayuran dan buahan dengan pokok berbunga atau tumbuhan landskap atau hiasan.

'*Ediblegarden*' tidak semestinya kebun yang besar. Ia boleh dilakukan di dalam pasu, bekas-bekas terpakai, balkoni dan kawasan lapang di tepi rumah. Konsep '*ediblegarden*' dengan Mini fertigasi kini sedang diperkenalkan kepada penduduk bandar. Menerusi konsep ini, taman tidak perlu disiram atau diselenggara setiap hari sebaliknya pengairan dan siraman baja dapat dikawal serta sesuai di ruang yang terhad.

- b) Jabatan Pertanian mempunyai program Pertanian bandar yang digerakkan melalui kepimpinan tempatan dan PBT. Skop program ini melibatkan aktiviti pertanian secara individu, komuniti, pejabat, institusi awam dan swasta serta sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : KILANG HARAM

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah kilang haram yang masih beroperasi di dalam kawasan DUN Batu Tiga (di bawah MBSA, MPSJ dan MPK)? Nyatakan lokasi dan syarikat yang menjalankan kegiatan ini?
 - b) Apakah usaha bagi memastikan semua kilang haram ini diputihkan?
 - c) Bilakah sasaran yang di letakkan agar kilang haram di DUN Batu Tiga akan putih sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Tiada kilang haram beroperasi di dalam kawasan seliaan MBSA dan MPSJ. Manakala terdapat enam buah kilang haram beroperasi di dalam kawasan MPK. Perincian adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan semua kilang haram diputihkan adalah seperti berikut:
 - (i) Mempermudahkan dan mempercepatkan urusan tukar syarat tanah;
 - (ii) Meminimumkan syarat-syarat dan keperluan teknikal di peringkat PBT;
 - (iii) Pemberian insentif pembayaran premium seperti di **Lampiran B**;
 - (iv) Memberi penerangan kepada pemilik tanah dan pengusaha kilang dalam Program Turun Padang;
 - (v) Mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik tanah dan pengusaha kilang; dan
 - (vi) Pelanjutan tempoh Program Pemutihan Kilang sehingga 31 Disember 2015.
- c) Berdasarkan keputusan MMKN ke 9/2015 pada 4 Mac 2015, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bersetuju PPKTK dilanjutkan sehingga 31 Disember 2015. Mulai

1 Januari 2016, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 127 hingga Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965 akan dilaksanakan.

**SENARAI KILANG TANPA KEBENARAN DI DUN BATU TIGA
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

KOD BARU		KOD BARU 2014	MUKIM	NO. LOT	NO. HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)	PEMILIK TANAH	PENGUSAHA / NAMA KILANG / SYARIKAT
BIL.	KILANG							
1	1	KTK / KU 01 / A / T / 001	Kapar	16790 (2568)	GRN 39867 (GM 11054 - Hak Milik Batal)	12,141.00	Mohd. Said b. Rijo No. 2, Jalan Taman Datok Hamid, Klang, 41200 Selangor Turiyah bt. Hj. Ismail Lot 54, Jalan Berkat, Pekan Meru, Kg. Meru, Klang, 41200 Selangor	Coke & Coal Products (M) Sdn Bhd Lot 6502, Lorong Haji Abdul Manan, Kawasan Perindustrian Sungai Puloh, 42100 Klang, Selangor
		KTK / KU 01 / A / T / 002	Kapar	16791 (2569)	GRN 39868 (GM 3188)	12,141.00	Fadzil bin Azalli Hazinah binti Jali Rohimah binti Jali Batu 5 3/4, Jalan Meru, Klang, 41050 Selangor	
		KTK / KU 01 / A / T / 003	Kapar	16792 (2570)	GRN 32893		Coke & Coal Products Sdn Bhd (Tel: -)	
2								

**SENARAI KILANG TANPA KEBENARAN DI DUN BATU TIGA
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

KOD BARU		KOD BARU 2014	MUKIM	NO. LOT	NO. HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)	PEMILIK TANAH	PENGUSAHA / NAMA KILANG / SYARIKAT
BIL.	KILANG							
3	2	KTK / KU 01 / A / T / 004	Kapar	1532	GM 192			KNOBS Sdn. Bhd. Lot 1532, Batu 2, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor
4	1	KTK / KU 01 / B / I / 001	Kapar	173	GM 4210	11,609.00	Abdul Hamid bin Ludin @ Nordin Abdul Rahim bin Abu Samah Mohamad Adzmy bin Hashim Mohmad Kamar bin Hashim Rafidah binti Hashim Sity binti Kassim (Pemegang Amanah bagi pihak Nor Hasimah binti Hashim) Lot 634, Batu 6, Sementa, Jalan Kapar, Rantau Panjang, Klang,	KCS PIAU Trading Sdn. Bhd. (Tel: -)

**SENARAI KILANG TANPA KEBENARAN DI DUN BATU TIGA
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

KOD BARU		KOD BARU 2014	MUKIM	NO. LOT	NO. HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)	PEMILIK TANAH	PENGUSAHA / NAMA KILANG / SYARIKAT
BIL.	KILANG							
							42100 Selangor	
5	1	KTK / KU 01 / B / T / 001	Kapar	15390 (2434)	GM 19686	18,211.00	Jaliah binti Haji Abdul Rahman Mohammad Jais bin Mislal Siti Rugayah binti Mislal Mat Sudi bin Mislal No. 32, Jalan 8, Felda Bukit Cherakah Kapar, Klang, 42200 Selangor	Sungei Rasak Motor Workshop (Tel: 0133519999 Shah)

**SENARAI KILANG TANPA KEBENARAN DI DUN BATU TIGA
KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

KOD BARU		KOD BARU 2014	MUKIM	NO. LOT	NO. HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)	PEMILIK TANAH	PENGUSAHA / NAMA KILANG / SYARIKAT
BIL.	KILANG							
6	2	KTK / KU 01 / B / T / 002	Kapar	15363	GM 640	2,226.00	Abdul Latiff bin Mohamed Hashim bin Hussain Ismail bin Mohamed Salimal bt Hussain Ameran binti Daud	MKS Dines Metal (Tel: -)

**MAKLUMAT PEMBERIAN INSENTIF PEMBAYARAN PREMIUM
DI BAWAH PROGRAM PEMUTIHAN KILANG HARAM**

1. Pengurangan Premium Tambahan

Pemberian potongan sebanyak 50% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan atau 30% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh enam (6) bulan atau 10% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh sembilan (9) bulan kepada pemilik tanah yang menjelas premium secara sekaligus atau ansuran dalam tempoh tersebut.

2. Bayaran Premium Secara Ansuran

Pemilik tanah dibenarkan membayar premium secara ansuran sebanyak dua belas (12) kali dalam tempoh lapan belas (18) bulan atau dua puluh empat (24) bulan dari tarikh Borang 5A atau 7G dikeluarkan bagi permohonan yang baru diluluskan atau mengikut baki tempoh yang ada dalam Borang 5A atau 7G yang dikeluarkan bagi permohonan yang telah diluluskan terdahulu.

3. Pengecualian Premium Khas

Pemilik tanah dikecualikan daripada dikenakan Premium Khas atau denda yang telah ditetapkan di bawah Kaedah 11(6), Kaedah–Kaedah Tanah Selangor 2003 kepada pemilik tanah yang melanggar syarat kegunaan tanah.

4. Pelanjutan Tempoh Pajakan Atas Syarat Guna Tanah Pertanian Bagi Tanah Bertempoh Pajakan Kurang Lima Belas (15) Tahun

Permohonan perlanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian yang mempunyai baki tempoh pajakan kurang 15 tahun diluluskan atas kegunaan industri dan premium dikenakan berdasarkan nilai tanah semasa serta diberi pengurangan premium sebanyak 50%. Pengurangan ini dikecualikan bagi mereka yang telah mendapat insentif di bawah Pengurangan Premium Tambahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : JAWATAN YANG DIPEGANG OLEH SETIAP AHLI EXCO

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila senaraikan semua jawatan yang dipegang oleh setiap ahli exco di badan-badan berkanun, anak-anak syarikat ataupun agensi-agensi lain.
- b) Berapakah gaji, elaun dan segala kemudahan yang diterima oleh setiap ahli exco untuk setiap jawatan yang disenarai di (a)?

JAWAPAN:

- a) i. Badan Berkanun

Bil.	Anak Syarikat	Nama EXCO	Jawatan
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali Y.B. Dato' Teng ChangKhim Y.B. Dato' Iskandar bin Abdul Samad	Ahli Lembaga Pengarah
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali Y.B. Tuan Amirudin bin Shari Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib	Ahli Lembaga Pengarah
3.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Y.B. Dato' Dr. Yunus bin Hairi	Ahli Lembaga Pengarah
4.	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	Y.B. Puan Elizabeth Wong KeatPing Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib	Ahli Lembaga Pengarah
5.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS)	Y.B. Dato' Iskandar bin Abdul Samad	Ahli Lembaga Pengarah

ii. Anak-Anak Syarikat

Bil.	Anak Syarikat	Nama EXCO	Jawatan
1.	Pemerbadanan Menteri Besar (MBI)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali	Ahli Lembaga Pengarah
2.	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)	Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman	Ahli Lembaga Pengarah
3.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali	Ahli Lembaga Pengarah
4.	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali	Ahli Lembaga Pengarah
5.	Selangor State Investment Centre Berhad (SSIC) / Invest Selangor	Y.B. Dato' Teng ChangKhim	Ahli Lembaga Pengarah
6.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali	Ahli Lembaga Pengarah
7.	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi	Ahli Lembaga Pengarah
8.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali	Ahli Lembaga Pengarah
9.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad	Ahli Lembaga Pengarah
10.	Yayasan Dar AIQardAI-Hasan	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi	Ahli Lembaga Pengarah
11.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali	Ahli Lembaga Pengarah
12.	MSNS Holdings Sdn Bhd	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari	Ahli Lembaga Pengarah

iii. Agensi-Agensi Lain

Bil.	Anak Syarikat	Nama EXCO	Jawatan
1.	Yayasan Selangor	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali Y.B. Dato' Teng ChangKhim Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad	Ahli Lembaga Pengarah
2.	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali	Ahli Lembaga Pengarah
3.	Universiti Industri Selangor (UNISEL)	Y.A.B. Tuan MohamedAzmin bin Ali Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad	Ahli Lembaga Pengarah

- b) Jumlah gaji, elaun dan segala kemudahan yang diterima oleh setiap wakil rakyat tersebut tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu.

Walau bagaimanapun, Y.B. Ahli Dewan Negeri yang ingin bertanya perlulah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Jawapan akan diberikan hanya kepada Y.B. Ahli Dewan Negeri yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa Y.B. Ahli Dewan Negeri yang bertanya mestilah bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) adalah berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PELABURAN DI SETIAP DAERAH SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan di setiap daerah sejak tahun 2014 hingga kini.
- b) Apakah insentif atau ganjaran diberikan kepada pelabur tempatan dan asing?
- c) Nyatakan senarai nama syarikat pelabur asing di daerah Kuala Langat.

JAWAPAN:

a) Jumlah pelaburan di setiap daerah bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Daerah	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	93	5,560	1,401,088,324	491,009,117	1,892,097,441
Klang	65	4,781	1,404,387,960	1,750,822,331	3,155,210,291
Kuala Selangor	7	571	180,321,996	5,265,660	185,587,656
Hulu Langat	25	1,469	250,281,992	61,679,635	311,961,627
Gombak	12	427	142,432,506	32,214,721	174,647,227
Kuala Langat	9	1,529	126,393,325	617,018,493	743,411,818
Hulu Selangor	11	418	184,595,204	130,117,254	314,712,458
Sepang	2	185	103,990,481	117,260,987	221,251,468
Sabak Bernam	0	0	0	0	0
Lain – Lain Kawasan	5	178	43,380,000	0	43,380,000
Jumlah Keseluruhan	229	15,118	3,836,871,788	3,205,388,198	7,042,259,986

Sumber : MIDA

- b) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif atau ganjaran berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing.

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenalpasti tapak, menyelaraskan permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi samada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

Dalam membantu menyelesaikan isu pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek secara bulanan yang dipengerusikan oleh YB Dato' EXCO bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan.

- c) Projek-projek perkilangan yang diluluskan melibatkan penyertaan pelabur asing di Daerah Kuala Langat bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Industri	Alamat Syarikat	Status Projek	Negara	Produk
1	Paper, Printing&Publishing	K.P.&P.Kertas Langat, Lot. 7090, Mukim Tanjung 12, KB.No.206, Daerah Kuala Langat, 42700 Banting, Selangor.	Diversification	Japan	1) Kraftliner 2) Liner
2.	FoodProcessing	Lot 2258 & 3654, Batu.9, Jalan Helang, Kebun Baru, Teluk Panglima Garang, 42500 Banting, Selangor.	New	Singapore	Vegetableghee, shortening, margerine, specialtyfatsandc ookingoils
3.	Electrical&Electronics	Lot 1338 & 2493, Jalan, Sukepi, Kawasan Perindustrian Jenjarom, Kampung. Jenjarom, Kuala Langat, 42600 Selangor.	New	Singapore	Sealedleadacid (SLA) batteries (Rechargeable)

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah rumah mampu milik yang telah dibina pada tahun 2014 ?
- b) Senaraikan daerah-daerah yang terdapat rumah mampu milik di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 26 projek Rumah Selangorku yang terdiri daripada 9,935 unit pada tahun 2014. Namun hanya 315 unit Rumah Selangorku sahaja yang telah memulakan pembinaannya pada tahun 2014 manakala bakinya masih di peringkat penyediaan pelan konsep dan kelulusan pelan- pelan pembangunan.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat. juga, kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), telah meluluskan sebanyak 81 projek Rumah Selangorku semenjak tahun 2010 lagi. Projek Rumah Selangorku ini merangkumi semua daerah di negeri Selangor kecuali di Daerah Sabak Bernam. Perincian maklumat Rumah Selangorku mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL.	DAERAH	BIL. PROJEK	BIL. UNIT
1.	Hulu Langat	22	5,608
2.	Petaling	21	9,987
3.	Gombak	9	3,006
4.	Klang	8	3,700
5.	Kuala Selangor	8	2,743
6.	Selangor	7	3,324
7.	Kuala Langat	3	4,082
8.	Hulu Selangor	3	209
9.	SabakBernam	-	-
JUMLAH		81	32,659

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PERMIT MENGANGKUT BAHAN GALIAN

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Lori-lori berat yang mengangkut bahan galian seperti tanah, batu dan pasir sering menimbulkan masalah di jalanraya seperti lebih muatan dan kesalahan lalu lintas. Lori-lori tersebut dilihat sentiasa berada di jalan raya tanpa mengira waktu. Ingin tahu, bagaimana permit membawa bahan galian ini dikeluarkan dan apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengusaha.
- b) Senaraikan syarikat-syarikat pengusaha kuari di Selangor serta syarat-syarat meletup batu yang sepatutnya dipatuhi oleh pengusaha. Bagaimana kaedah pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang daripada agensi yang berkaitan?
- c) Berapakah hasil yang kerajaan perolehi daripada kegiatan kuari, penjualan pasir dan tanah pada tahun 2014 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan permit membawa bahan galian. Berdasarkan Enakmen Mineral (Selangor) Tahun 2000, bahan galian ditakrifkan sebagai bijih mineral, seperti Timah, Emas, Perak, Kaolin, Ilmenit, Pasir Silika, Batu Arang, Bauksit, Mika, Barit, Tembaga, Bijih Besi, Hasil Sampingan Timah dan lain-lain mineral. Manakala bahan batuan ialah apa-apa batuan seperti contoh Batu, Marmar, Kelikir, Pasir, Tanah, Leterit, Lom, Lempung, Tanah, Lumpur, Turf, Gambut, Batu Karang, Cengkerang atau Guano termasuklah Batu-Bata, Kapur, Simen atau barangan lain yang diperbuat daripadanya.
- b) Senarai syarikat-syarikat kuari di Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran A**.

Berikut adalah langkah-langkah pemantauan dan penguatkuasaan bagi aktiviti letupan kuari yang dikawalselia oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM), iaitu:-

- i) Pihak pengusaha hendaklah mendapatkan **LetterOfAuthority To Quarry (LAQ)** sebelum memulakan apa-apa kerja pengkuarian;

- ii) Pengusaha perlu melantik syarikat letupan bahan batuan yang mempunyai lesen dan disahkan oleh pihak JMG Selangor;
 - iii) Bahan letupan yang diperolehi hendaklah mendapatkan kebenaran penggunaannya daripada pihak PDRM; dan
 - iv) Pihak JMG akan membuat ujian tahap gegaran bagi memastikan kawasan sekitarnya tidak menerima kesan gegaran tersebut yang mana boleh menyebabkan keretakan dinding rumah di kawasan sekitarnya.
- c) Data kutipan hasil royalti bahan batuan bagi tahun 2014 mengikut Daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	KUARI (RM)	PASIR (RM)	TANAH MERAH (RM)	JUMLAH ROYALTI (RM)
Petaling	0.00	117,000.00	387,100.00	504,100.00
Klang	0.00	0.00	0.00	0.00
Gombak	1,427,170.00	189,000.00	286,600.00	1,902,770.00
Sepang	0.00	566,000.00	204,000.00	770,000.00
Hulu Langat	19,696,246.00	717,075.00	50,000.00	20,463,321.00
Hulu Selangor	1,143,355.00	2,190,289.00	102,350.00	3,333,644
Kuala Langat	2,454,400.00	5,145,192.00	0.00	7,599,592
Kuala Selangor	0.00	3,698,278.00	290,760.00	3,989,038.00
Sabak Bernam	0.00	0.00	23,500.00	23,500.00
JUMLAH	24,721,171.00	12,622,834.00	1,344,130.00	38,688,135.00

Sumber : PDT

MAKLUMAT KUARI-KUARI YANG MASIH AKTIF BEROPERASI TAHUN 2014 (DI BAWAH AKTA PERHUTANAN 1984)

BIL.	NAMA SYARIKAT	LOKASI	DAERAH	TARIKH MULA OPERASI	TEMPOH PAJAKAN	TARIKH TAMAT	PENGELUARAN TAHUNAN (MT)	KELUASAN YANG DILULUSKAN	STATUS TANAH
1.	Swee Quarry Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Ulu Gombak	Gombak	19.01.98	30 tahun	18.01.2028	880 000	32 Ha	Tanah Rizab Hutan
2.	Hanson Quarry (Sg. Buloh)	Hutan Simpan Bukit Lagong	Gombak	10.06.93	30 tahun	09.06.2023	1 500 000	34.64 Ha	Tanah Rizab Hutan
3.	Kuang Rocks Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong	Gombak	13.11.96	30 tahun	12.11.2026	1 300 000	34 Ha	Tanah Rizab Hutan
4.	Yu Bee Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong	Gombak	20.10.93	30 tahun	19.10.2023	920 000	34 Ha	Tanah Rizab Hutan
5.	Layar Generasi Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong	Gombak	01.01.97	30 tahun	31.12.2026	2 800 000	34 Ha	Tanah Rizab Hutan
6.	Pati Tehcnologies Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong	Gombak	11.02.93	30 tahun	10.02.2023	330 000	37 Ha	Tanah Rizab Hutan
7.	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Bukit Lagong	Gombak	17.07.2002	30 tahun	16.07.2032	1 200 000	34.4 Ha	Tanah Rizab Hutan
8.	Twinnars Sdn. Bhd.	Hutan Simpan Hulu Langat	Hulu Langat	14.01.2004	30 tahun	13.01.2034	600 000	53.15 Ha	Tanah Rizab Hutan

MAKLUMAT KUARI-KUARI YANG MASIH AKTIF BEROPERASI TAHUN 2014 (DI BAWAH PERATURAN KUARI 2003)

BIL.	NAMA SYARIKAT	LOKASI	DAERAH	TARIKH MULA OPERASI	TEMPOH PAJAKAN	TARIKH TAMAT	PENGELUARAN TAHUNAN (MT)	KELUASAN YANG DILULUSKAN	STATUS TANAH
1.	Syarikat Gemilang Sdn. Bhd.	Serendah	Hulu Selangor	4.7.1997	30 tahun	3.7.2027	180,000	31.16 H	Perindustrian
2.	Sunway Quarry Industries Sdn. Bhd.	Rawang	Gombak	2002		19/4/2094	600,000	75.185 H	Pembangunan
3.	Kuari Permata Sdn. Bhd.	Rawang	Gombak	1993	hakmilik		540,000	22.4986 H	Pertanian
4.	Hanson Quarry Products Sdn. Bhd.	Rawang	Gombak		hakmilik		600,000	35.69 H	Pegangan Bebas
5.	Dolomite Industries Co. Sdn. Bhd.	Hulu Langat	Hulu Langat			8/6/2019	1,800,000	339.1 H	Pajakan Negeri
6.	Kenneison Quarries Sdn. Bhd.	Hulu Langat	Hulu Langat			5/7/2022	2,400,000	253.36 H	Pajakan Negeri
7.	Sungai Long Industries Sdn. Bhd.	Hulu Langat	Hulu Langat	1983		30/4/2014	960,000	259.4 H	Pajakan Negeri

MAKLUMAT KUARI-KUARI YANG MASIH AKTIF BEROPERASI TAHUN 2014 (DI BAWAH PERATURAN KUARI 2003)

BIL.	NAMA SYARIKAT	LOKASI	DAERAH	TARIKH MULA OPERASI	TEMPOH PAJAKAN	TARIKH TAMAT	PENGELUARAN TAHUNAN (MT)	KELUASAN YANG DILULUSKAN	STATUS TANAH
8.	Hanson Quarry Products Sdn. Bhd.	Cheras	Hulu Langat	1992		3/7/2021 dan 9/9/2026	600,000	27.2565 H	LOT 20854,28436 & 28437- Tanah Perindustrian, LOT 788,791 & 3106 – Tanah Pertanian, LOT 781 & 790-Tanah Bermilik
9.	Hanson Quarry Products Sdn. Bhd.	Semenyih	Hulu Langat		bermilik		600,000	39.207 H	Perindustrian
10.	Semenyih Quarry Sdn. Bhd.	Semenyih	Hulu Langat	1996	bermilik		600 000	32.42 H	Perindustrian
11.	Kajang Rocks (M) Sdn. Bhd.	Semenyih	Hulu Langat	1993	bermilik		840,000	59 H	Pertanian
12.	C & L Resources	Semenyih	Hulu Langat	2012	bermilik		600,000	13.89 H	Perindustrian
13.	Sunway Quarry Industries Sdn. Bhd.	Kajang	Hulu Langat	1991	bermilik		1,440,000	71.8 H	Perindustrian

MAKLUMAT KUARI-KUARI YANG MASIH AKTIF BEROPERASI TAHUN 2014 (DI BAWAH PERATURAN KUARI 2003)

BIL.	NAMA SYARIKAT	LOKASI	DAERAH	TARIKH MULA OPERASI	TEMPOH PAJAKAN	TARIKH TAMAT	PENGELUARAN TAHUNAN (MT)	KELUASAN YANG DILULUSKAN	STATUS TANAH
14.	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	Hulu Semenyih	Hulu Langat		bermilik		720,000	38.487 H	Pertanian
15.	Tanming Quarry Sdn. Bhd.	Tanjung Dua Belas	Kuala Langat	12/12/2000	99 thn	11/12/2099	960,000	181.0 H	Pertanian
16.	Swasta Rasmi Sdn. Bhd. (Tanjung Quarry)	Tanjung Dua Belas	Kuala Langat	12/12/2000	99 thn	11/12/2099	960,000	81.37 H	Pertanian

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : BANJIR

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan banjir kilat yang pernah berlaku di Selangor pada tahun 2014 mengikut PBT?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan banjir kilat tidak berlaku lagi di Selangor?
- c) Adakah kerajaan negeri pernah melakukan kajian berkenaan kemungkinan berlakunya banjir besar di Selangor seperti di Kelantan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, jumlah kawasan yang terlibat dengan banjir di negeri Selangor sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 92 kawasan. Walaubagaimanapun, data yang dikumpulkan adalah mengikut daerah dan bukan mengikut PBT.

Berikut pecahan 92 kawasan yang terlibat banjir mengikut daerah :

Daerah Petaling	: 17 kawasan
Daerah Klang	: 17 kawasan
Daerah Hulu Selangor	: 15 kawasan
Daerah Gombak	: 11 kawasan
Daerah Sepang	: 7 kawasan
Daerah Kuala Langat	: 7 kawasan
Daerah Hulu Langat	: 6 kawasan
Daerah Kuala Selangor	: 6 kawasan
Daerah Sabak Bernam	: 6 kawasan

- b) Bagi memastikan banjir kilat tidak berlaku lagi di Selangor, semua parit dan longkang perlu dipastikan bersih, tidak rosak dan tersumbat dengan sampah. Penyelenggaraan sistem saliran dan kawasan pembangunan tanah juga perlu dilaksanakan bagi memastikan air larian tidak membebankan parit utama dan sungai sedia ada.

c) JPS tidak mempunyai kajian berkaitan kemungkinan berlakunya banjir besar di Selangor akan tetapi beberapa kajian sistem saluran bagi mengatasi banjir telah dibuat seperti berikut :-

1. Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang.
2. Kajian Pelan Induk Saliran Seri Kembangan.
3. Kajian Pelan Induk Saliran Banting.
4. Kajian Pelan Induk Saliran MSC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : USAHA MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN ILMU NEGERI SELANGOR

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan bagi meningkatkan tahap penguasaan ilmu masyarakat Selangor memandangkan kajian badan antarabangsa tahun 2013 mendapati Malaysia menduduki tangga ke 43 tahap masyarakat berilmu?
- b) Nyatakan kedudukan terkini index masyarakat berilmu Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Usaha-usaha jangka pendek yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap penguasaan ilmu masyarakat Selangor antaranyaialah:
 - i. melaksanakan program merakyatkan ilmu seperti Hari Ilmu dan Program Jejak Ilmuan Negeri Selangor;
 - ii. melaksanakan program-program pemantapan kualiti guru di Negeri Selangor, seperti Kursus Keguruan;
 - iii. melaksanakan program pemantapan pendidikan di pelbagai peringkat seperti seminar keibubapaan, pemantapan pendidikan awal kanak-kanak, pemantapan Bahasa Malaysia kepada pelajar SJKT dan sebagainya;
 - iv. menganjurkan Pesta Buku Selangor secara tahunan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor; dan
 - v. melaksanakan program galakan budaya membaca seperti Let'sReadTogether dan 15 MinutesReadingBreak

Usahajangka panjang yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap penguasaan ilmu masyarakat Selangor antaranyaialah :

- i. meningkatkan tahap infrastruktur sekolah-sekolah di Negeri Selangor agar lebih kondusif; dan
- ii. melaksanakan penjenamaan semula perpustakaan di Negeri Selangor dengan menaiktaraf kemudahan perpustakaan awam di seluruh Negeri Selangor di pelbagai peringkat;

b) Indeks masyarakat berilmu di Negeri Selangor diukur berdasarkan kepada peningkatan budaya membaca di kalangan masyarakat Negeri Selangor. Indeks masyarakat berilmu di Negeri Selangor diukur berdasarkan kepada beberapa kaedah iaitu:

- i. Kajian dan soalselidik; dan
- ii. Pengukuran melalui data statistik perkhidmatan.

Kajian terakhir yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia yang berkaitan dengan pembacaan adalah pada tahun 2005 yang menunjukkan penemuan pembacaan rakyat Malaysia adalah pada tahap 2 naskah setahun manakala pengukuran tahap keilmuan Negeri Selangor adalah berdasarkan kepada peningkatan jumlah keahlian, jumlah pinjaman, jumlah pengunjung dan jumlah aktiviti di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi tahun 2011 hingga 2014.

Keahlian Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor tahun 2011 sehingga 2014

Perpustakaan	KE AHLIAN			Jumlah
	<i>Dewasa</i>	<i>Remaja</i>	<i>Kanak-kanak</i>	
2011	15,057	11,331	18,323	44,711
2012	17,510	13,171	16,674	47,355
2013	18,689	12,583	15,544	46,816
2014	20,871	15,775	19,681	56,327

Jumlah Pinjaman Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor tahun 2011 sehingga 2014

Perpustakaan	PINJAMAN			Jumlah
	<i>Dewasa</i>	<i>Remaja</i>	<i>Kanak-kanak</i>	
2011	242,738	100,836	341,231	684,805
2012	228,487	90,927	313,114	632,528
2013	238,279	78,597	318,321	635,197
2014	287,022	81,288	366,840	735,150

Pengunjung Harian Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor tahun 2010 sehingga 2014

Tahun	Pengunjung Harian
2010	857,233
2011	859,187
2012	1,302,987
2013	1,467,233
2014	1,573,813

Program dan aktiviti yang dijalankan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Tahun 2010 - 2014

Tahun	Jumlah Aktiviti
2010	522 aktiviti
2011	1,021 aktiviti
2012	1,824 aktiviti
2013	2,629 aktiviti
2014	3,585 aktiviti

Berdasarkan statistik di atas jelas menunjukkan telah berlaku peningkatan terhadap budaya membaca di kalangan rakyat di Negeri Selangor pada setiap tahun. Fungsi perpustakaan yang pelbagai fungsi telah menjadi tarikan utama kepada rakyat untuk hadir ke perpustakaan.

I) HARI ILMU DAN GERAKAN MEMBACA PERDANA NEGERI SELANGOR

Bermula pada 26 Jun 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah **mengisytiharkan Hari Ilmu Negeri Selangor**, majlis perasmian telah disempurnakan oleh D.Y.M.M Sultan Selangor. Program ini mengajak rakyat meneruskan budaya membaca dengan menjenama gerakan membaca. Saban tahun, hari ilmu akan diisi dengan program-program bermanfaat seperti membaca serentak beramai-ramai melalui kempen

“15 minutesreadingbreak”, bacaan kegemaran saya, puisi, pidato, kuiz dan sebagainya.

Tahun	Tema	Pencapaian	Catatan
2010	Gerakan Membaca Perdana - ‘TheLargestOutdoorReadingEvent in Malaysia’	15,271 peserta/ Diiktiraf oleh Malaysia BookofRecords	Disempurnakan oleh: D.Y.M.M. Sultan Selangor
	Pelancaran Gerakan Menulis Perdana 2010 Tema : Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan’		Di Tasik Shah Alam
2011	- Konvensyen Penulis	300 penulis	Di Pusat konvensyen Shah Alam
	- Tokoh Penulis Selangor 2011 - Berhenti Sebentar, Jom Baca (15 minutesreadingbreak)	2,125 peserta	
2012	- Tokoh Penulis Selangor 2012	Seorang	Anjuran EXCO Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan
	- Tokoh Pustakawan Selangor 2012	Seorang	
	- Baca & Amalkan (15 minutesreadingbreak)	7,275 penyertaan	Dilaksanakan di 9 daerah Negeri Selangor
2013	- Baca, Amal dan Sumbangkan	741 naskah sumbangan buku	Sumbangan buku oleh pengunjung pesta buku.
	- Gerakan Menulis Perdana Ke 2 Tema: Mengehsankan Insan Di Negeri Selangor’		Program masih berjalan
2014	- Gerakan Menulis Perdana Ke 3 Tema : Mengehsankan Insan Di Negeri Selangor”	4,887 orang penyertaan	
	- Jom Membaca Bersama 10 Minit	610,000 Penyertaan	
	- Program minutesreadingbreak”	2,100 Penyertaan	Di Pusat konvensyen Shah Alam

II) PESTA BUKU NEGERI SELANGOR

Pesta Buku negeri Selangor telah bermula pada tahun 2006 dan telah mendapat sambutan dari masyarakat sehinggalah ia dinamakan sebagai Pesta Buku ke 2 terbesar selepas Pesta buku Kuala Lumpur. Pesta Buku Selangor bertujuan bagi memberi peluang kepada komuniti untuk memilih dan memperolehi bahan bacaan berkualiti tinggi serta terkini.

Perkara	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014
Tarikh	24 Julai – 3 Ogos	25 Jun – 5 Julai	24 Jun – 3 Julai	29 Jun- 9 Julai	24 Mei – 3 Jun	29 Ogos- -8 Sept
Tempat	Kompleks PKNS	Kompleks PKNS	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam	Pusat Konvensyen Shah Alam
Pempamer	64	58	75	86	81	80
Gerai/ Booth	114	114	157	163	163	140
Pengunjung	390,961	423,315	353,530	348,235	312,290	317,896
Kempen Kahlian Baru	2,027	904	1,661	3,161	3,225	3,821

iii) PROGRAM GALAKAN MEMBACA KEBANGSAAN TAHUN 2014

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bersama Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se Malaysia yang juga dianggotai oleh Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Kuala Lumpur, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perlis, Sabah dan Sarawak merancang untuk menjalankan Program

Galakan Membaca Kebangsaan secara serentak diseluruh Negara bagi memberi impak yang lebih meluas kepada masyarakat.

Diantara program ialah:

- i. Kempen Berhenti Sebentar, Jom Baca (*letsreadtogether*)
(Sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia)
- ii. Pelancaran Sahabat Perpustakaan (*FriendsofLibrary*)
(Sempena Hari Belia Negara)
- iii. *Pameran Memori Korporat*
(Sempena Hari Kemerdekaan)
- iv. *Pelancaran: 'KidsForNation' – Ilmu diJunjung, Warga Emas di Sanjung*
(Sempena Hari Warga Emas dan Hari Kanak-Kanak Sedunia)
- vii. *Kempen berhenti sebentar, jom baca (Let'sreadtogether)*

Diadakan secara serentak seluruh Selangor pada 22 April 2014 pada jam 10.00 hingga 10.10 pagi.

Pencapaian hasil dari pelaksanaan *Program Let'sReadTogether* adalah:

- i. Mengumpulkan hampir 2,000 penyertaan di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam
- ii. Melibatkan 500 Buah sekolah di sekitar Selangor
- iii. Melibatkan lebih 50 buah jabatan di seluruh Selangor
- iv. Jumlah keseluruhan penyertaan 610,000 penyertaan
- v. Jumlah keseluruhan di Malaysia adalah sebanyak 2.5 juta pembaca.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PROGRAM INOVASI BELIA NEGERI SELANGOR

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah cadangan pihak kerajaan untuk melaksanakan program pembangunan inovasi untuk golongan belia?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menyambut baik terhadap cadangan bagi melaksanakan program pembangunan inovasi untuk golongan belia bagi melahirkan golongan belia yang sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Cabaran MyInovasion untuk semua lapisan masyarakat termasuklah Sektor Awam dan Swasta, Institut Pengajian Tinggi dan Sekolah.

Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan golongan belia untuk menceburi diri dalam pelaksanaan program pembangunan inovasi dalam semua aspek termasuklah sepuluh (10)teras yang telah digariskan dalam Dasar Belia Negeri Selangor iaitu Pendidikan dan Latihan Kemahiran, Keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemasyarakatan, Jaringan dan Keusahawanan, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Agama dan Akhlak, Kebudayaan dan Kesenian dan Pengantarabangsaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : HAKMILIK INDIVIDU

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan jumlah unit rumah kediaman di LakeEdge Puchong yang telah berjaya mendapat hakmilik individu.
 - b) Apakah sebab-sebab unit-unit yang lain masih tidak diberi hakmilik individu?
 - c) Nyatakan kaedah untuk mempercepat proses pengeluaran hakmilik individu.

JAWAPAN:

- a) Melalui semakan yang dilakukan, terdapat 423 unit rumah kediaman di kawasan LakeEdge Puchong dan keseluruhan unit ini telah dikeluarkan hakmilik individu dan didaftar pada 3 April 2009.
- b) Tidak ada unit yang masih belum dikeluarkan hakmilik individu di kawasan LakeEdge Puchong.
- c) Keseluruhan proses pengeluaran hakmilik individu telah diselesaikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT /FREEDOM OF INFORMATION
(FOI)**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah pegawai maklumat yang dilantik mengikut pecahan agensi dan badan kerajaan negeri.
- b) Senaraikan jumlah dan jenis permohonan di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat mengikut pecahan agensi dan badan kerajaan negeri.

JAWAPAN:

- a) Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 telah diwartakan pada 25 Ogos 2011. Keputusan MMKN Ke-6 / 2012 pada 15 Februari 2012 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-7 / 2012 pada 22 Februari 2012 menyatakan bahawa Pegawai Maklumat hendaklah dilantik daripada kalangan pegawai awam berstatus tetap daripada perjawatan sedia ada di setiap Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri. Pihak Berkuasa Negeri telah melantik 41 orang Pegawai Maklumat bagi mewakili setiap Jabatan / Agensi Negeri dan senarai nama pegawai disertakan di Lampiran A.
- b) Sepanjang tempoh pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011, sebanyak 163 permohonan telah diterima oleh Jabatan / Agensi seperti berikut:

BIL	JABATAN/AGENSI	BIL PERMOHONAN
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	2
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	-
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	-
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	12
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	1
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	-
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	-
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	-
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	-
10.	Majlis Bandaraya Shah Alam	1
11.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	3
12.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	6
13.	Majlis Perbandaran Kajang	-

14.	Majlis Perbandaran Selayang	-
15.	Majlis Perbandaran Klang	-
16.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	14
17.	Majlis Perbandaran Sepang	-
18.	Majlis Daerah Kuala Selangor	-
19.	Majlis Daerah Sabak Bernam	-
20.	Majlis Daerah Hulu Selangor	-
21.	Majlis Daerah Kuala Langat	-
22.	Lembaga Urus Air Selangor	39
23.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	-
24.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor	-
25.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	39
26.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	-
27.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	-
28.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Bahagian Korporat)	4
29.	Perbendaharaan Negeri Selangor	1
30.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	-
31.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	-

BIL	JABATAN/AGENSI	BIL PERMOHONAN
32.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	5
33.	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	-
34.	Jabatan Mufti Negeri Selangor	-
35.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	1
36.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	1
37.	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	-
38.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	-
39.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor	-
40.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	-
41.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	34
	JUMLAH KESELURUHAN	163

DATABASE PEGAWAI MAKLUMAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

JABATAN NEGERI SELANGOR

BIL	AGENSI	NAMA	EMAIL	NO. TELEFON
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Bahagian Korporat)	Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir	asdiana@selangor.gov.my	03-55447040
		Puan Roza Azilla binti Mohamad Razali	rozaazilla@selangor.gov.my	
2	Perbendaharaan Negeri Selangor (Bahagian Khidmat Pengurusan)	Encik Zulkifli bin Osman	zulkifliosman@selangor.gov.my	03-55447041
		Puan Siti Ngahliah binti Parlan	sitingaliah@selangor.gov.my	03-55447201
3	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	Encik Mohd Faizul Fitri bin Muslih	mohdfaizul@selangor.gov.my	03-55190454
		Encik Zainuddin bin Musa	zainuddin@selangor.gov.my	
4	Jabatan Pertanian Negeri Selangor (Bahagian Perkhidmatan)	Mohd Abidin bin Mohd Ariffin	m_abidin@doa.gov.my	03-55192452
		Encik Ahmad Fuadi bin Mat Nooh	fuadi@doa.gov.my	
5	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (Bahagian Khidmat Pengurusan)	Encik Ahmad Fuad Bin Mustaffa	ahmadfuad@selangor.gov.my	03-55447814
		Puan Nor Azyanah binti Nor Ramdzan	azyanah@selangor.gov.my	
6	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Puan Nor Hidayu binti Abd. Razak	hidayu@forestry.gov.my	03-55447507
		Puan Nor Sunatis binti Abd. Ghafor	norsunatis@forestry.gov.my	
7	Jabatan Mufti Negeri Selangor	Encik Nurhelmi bin Ikhsan	helmiikhsan@yahoo.co.uk	03-55143729
		Puan Nik Nur Firdaus binti Abu Bakar	nik@muftiselangor.gov.my	
8	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Puan Norliza binti Yusoff	NorlizaYusoff@jkr.gov.my	03-55447690
		Encik Syawal bin Samin	Syawal@jkr.gov.my	
9	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	En. Nurul Azhar bin Husin	nurulazhar@waterselangor.gov.my	03-55447348
		Puan Azurah binti Zainal Arrifin	azurah@waterselangor.gov.my	
10	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	Encik Shamsul Akmal bin Abd Aziz	shamsul@jais.gov.my	03-55143400
		Puan Saidatina Rosmaniza binti Saidina Othman	rosmaniza@jais.gov.my	
11	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Puan Jayamalar a/p S.Jaganathan	jayamalar28@gmail.com	03-55101400
		Puan Zainab binti Abdul Aziz	zainab_abdaziz@jkm.gov.my	
12	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	Encik Rosly Bin Ahmad	rosly@jpbdselangor.gov.my	03-55101111
		Puan Rusidah binti Jamil	rusidah@jpbdselangor.gov.my	
13	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	YM Raja Haniza binti Kamarudin	rajanhaniza@dvssel.gov.my	03-55104742
		Puan Normawati binti Dasuki	normawati@dvssel.gov.my	
14	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	Puan Noor Huda binti Roslan	noorhuda@esyariah.gov.my	03-55191309
		Puan Norizan binti Fahaaruddin	norizan@esyariah.gov.my	

03-55191309 ext 1401

PEJABAT DAERAH DAN TANAH NEGERI SELANGOR

BIL	AGENSI	NAMA	EMAIL	NO. TELEFON
1	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	Pn. Syarifah Ainul Suhana binti Syed Mohd Taha	ainul@selangor.gov.my	03-78419533
		Encik Mohd Nafizi bin Ramli	nafizi.ramli@selangor.sel	
2	Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	Encik Hafez bin Abdul Aziz	hafez@selangor.gov.my	03-61261406
		Puan Nor Azlina binti Busu	norazlinabusu@selangor.gov.my	
3	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	Puan Nazma Shafini binti Marlizan	nazma@selangor.gov.my	03-33711963
		Puan Latifah binti Darus	latidahdarus@selangor.gov.my	
4	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	Encik Mohd Asraf bin Redzuan	mohdasraf@selangor.gov.my	03-31822555
		Puan Satiyah binti Ahamad	satiyah@selangor.gov.my	
5	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	Puan Nor Azurah binti Nasir	norazurah@selangor.gov.my	03-89251992
		Puan Siti Hasmah binti Rahman	sitihasmah@selangor.gov.my	
6	Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	Puan Noorliza binti Md Salleh	noorliza@selangor.gov.my	03-87061211 ext 413
		Encik Rosli bin Abd. Hamid	rosli@selangor.gov.my	03-87061211
7	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	Encik Mohd Zary Affendi bin Mohd Arif	zary@selangor.gov.my	03-32891011
		Puan Hasniza binti Abdul Aziz	hasniiza@selangor.gov.my	
8	Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	Encik Mohd Fareez bin Mohd Ariss	fareez@selangor.gov.my	03-60641026 ext 435
		Encik Wan Mohd Ariff bin Wan Hussin Hatta	mohdariff@selangor.gov.my	03-60641026 ext 411
9	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	Tuan Haji Jasman Syazry bin Mohd Saari	syazry@selangor.gov.my	03-32241963
		Encik Nik Shariman bin Nik Md Salleh		

PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

BIL	AGENSI	NAMA	EMAIL	NO. TELEFON
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	Encik Madiyan bin Baweh	madiyan@mbsa.gov.my	03-55105133
		Puan Norbani binti Romli	norbani@mbsa.gov.my	
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Tuan Hj. Ahmat Mohaayen bin Hj. Said	moha@mbpj.gov.my	03-79563544
		Puan Haslida binti Samat	haslida@mbpj.gov.my	
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Puan Nik Zalina binti Megat Muda	zalina@mps.gov.my	03-80263131
		Cik Noor Ain binti Ropie	noor.ain@mps.gov.my	
4	Majlis Perbandaran Kajang	Encik Zahari Shukri bin Zainal	zahari@mpkj.gov.my	03-87377475 ext 7020
		Encik Mohd Faizul bin Mohd Daus	fairul@mpkj.gov.my	03-87377475 ext 7055
5	Majlis Perbandaran Selayang	Puan Zulaina binti Abu Talib	zulaina@mps.gov.my	03-61265800
		Puan Nadiyah binti Nazri		03-61265822
6	Majlis Perbandaran Klang	Puan Zulina binti Yahya	zulina.yahya@mpk.gov.my	03-33755555
		Encik Mohd Farid bin Roslan		
7	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Encik Mohamad Yusuf bin Sulaiman	yusofsulaiman@mpaj.gov.my	03-42968000
		Puan Nor Azlin binti Othman	azlin@mpaj.gov.my	03-42807529
8	Majlis Perbandaran Sepang	Puan Nor Suhaila binti Saat	suhaila@mpsepang.gov.my	03-83190300
		Puan Suriana binti Husein	suriana@mpsepang.gov.my	
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	Mohammed Zakir Husin bin Mohammed Zahid	zakirhusin@mdks.gov.my	03-32891439
		Puan Rozaini binti Zambri	rozaini@mdks.gov.my	
10	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tuan Haji Sukimin bin Haji Saiman	sukimin@mdsb.gov.my	03-32241655
		Encik Basir bin Sahir	basir@mdsb.gov.my	03-32241655 ext. 210
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	Encik Kamaruzzaman bin Abdul Rahman	kzaman@mdhs.gov.my	03-60641432
		Encik Zol Himee bin Omar	ros.abdrahman@yahoo.com	03-60644730
12	Majlis Daerah Kuala Langat	En. Muhammad Hafiz bin Shaari	hafiz_shaari@mdkl.gov.my	03-31872825
		Puan Nurul Asimah binti Suriyani	asimah@mdkl.gov.my	

BADAN - BADAN BERKANUN NEGERI SELANGOR

BIL	AGENSI	NAMA	EMAIL	NO. TELEFON
1	Lembaga Urus Air Selangor	Encik Ishak bin Kamaruzaman	ishak@luas.gov.my	03-55111800
		Puan Shahzreena binti Badaruddin	shahzreena@luas.gov.my	
2	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Puan S. Normalis binti Abd. Samad	malis@pkns.gov.my	03-55201350
		Puan Masturah binti Muhammad	masturah@pkns.gov.my	03-55201309
3	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor	Puan Noraini Binti Mohamad Ramlan	noraini@pkps.gov.my	03-55192621
		Puan Siti Aishah binti Mat Arif	sitiaishah@pkps.gov.my	
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	Encik Sarwani bin Abd Jalal	sarwania@hotmail.com	03-55197667
		Encik Norazhan bin Sahlan	norazhan@ppas.gov.my	03-55197667 Ext. 1309
5	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Puan Normaliza binti Md Rayis	normaliza@lphs.gov.my	03-55447537
		Puan Nur Aidah binti Abd. Aziz	nuraidah@lphs.gov.my	03-55447642
6	Perbadanan Adat Melayu Dan Waraisan Negeri Selangor	Encik Adnan bin Che Mud	adnan@padat.gov.my	03-55105138
		Puan Rohana binti Sayadi	rohana@padat.gov.my	03-55105138 ext 116

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : LEBUHRAYA KIDEX

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri telah memuktamadkan keputusan membatalkan pelaksanaan projek ini?
- b) Apakah tindakan alternatif yang diambil bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas dikawasan yang terlibat sekiranya projek ini dibatalkan?

JAWAPAN:

- a) Sebagaimana sedia maklum bahawa Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 7/25 pada 17 Februari 2015 dan telah disahkan di dalam MMKN Ke 8/25 pada 25 Februari 2015 telah membuat keputusan tidak mempertimbangkan dan membatalkan pembangunan Lebuhraya KIDEX. Keputusan ini selaras dengan kegagalan pihak konsesi Projek Lebuhraya KIDEX untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:
 - i. Menyediakan Penilaian Impak Lalulintas (*TrafficImpactAssessment*) yang bebas, Penilaian Impak Sosial (*SocialImpactAssessment*) dan Penilaian Impak Alam Sekitar (*EnvironmentallImpactAssessment*). Kajian-kajian ini perlu membuktikan manfaat yang ternyata kepada pihak pengguna dan penduduk di kawasan yang terlibat setelah mengambil kira kesan negatif yang timbul akibat pembinaan lebuhraya tersebut;
 - ii. Mendedahkan kadar tol sepanjang tempoh konsesi termasuk fasa kenaikan tol yang ditetapkan dalam konsesi. Pihak konsesi perlu memberi anggaran rasmi jumlah tol yang akan dikutip dan kadar pulangan pelaburan (*rateofreturn to invesment*); dan
 - iii. Mendedahkan perjanjian konsesi sepenuhnya untuk mematuhi dasar Kerajaan Negeri yang mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Keputusan pembatalan pembangunan projek Lebuhraya KIDEX telah dimaklumkan kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 29 Disember 2014. Lanjutan daripada keputusan itu, pihak Kementerian yang diketuai oleh Menteri Kerja Raya iaitu Y.B. Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof bersama-sama rombongannya telah berkunjung ke Negeri Selangor untuk mengadakan perbincangan berkaitan pelaksanaan KIDEX.

Dalam pertemuan itu, saya telah menyatakan bahawa sebarang pelaksanaan pembangunan projek di Negeri Selangor perlu mematuhi peraturan Seksyen 20 (A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan selain menurut kebenaran merancang yang diberikan kepadanya. Seksyen 20 (A) Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki setiap jabatan atau agensi kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak dijalankannya. Ini adalah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri juga menggunakan Seksyen 18(i) Akta 172 yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan sesuatu tanah atau bangunan digunakan melainkan menurut Rancangan Tempatan.

Selaras dengan itu, saya juga telah mengumumkan bahawa pembangunan LebuhrayaKIDEX tidak dimasukkan dalam Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri juga memutuskan supaya pembangunan LebuhrayaKIDEX juga tidak dimasukkan di dalam deraf Rancangan Struktur Negeri Selangor yang sedang digubal. Tindakan ini adalah jelas menunjukkan bahawa pembangunan LebuhrayaKIDEX tidak dipertimbangkan dan dibatalkan pembangunannya oleh Kerajaan Negeri.

- b) Sebagai langkah alternatif, Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Selangor untuk menjalankan kajian dan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Kerajaan Negeri memutuskan supaya Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negeri Selangor dibangunkan dalam tempoh enam (6) bulan bermula dari bulan April 2015. Kajian Pelan Induk PengangkutanAwam yang dijalankan akan lebih menyeluruh serta merangkumi aspek sistem pengangkutan awam sedia ada, sistem jaringan jalan raya dan lalu lintas yang akan membantu memperbaiki sistem pengurusan trafik di Negeri Selangor. Melalui pembangunan pelan induk itu juga, Kerajaan Negeri Selangor bolehlah membuat pertimbangan terperinci antara keperluan pembangunan lebuhraya, jalanraya ataupun pembangunan pengangkutan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pendapatan hasil dari industri pelancongan kepada ekonomi Selangor pada tahun 2014.
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk mempertingkatkan hasil pendapatan ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kehadiran pelancong ke negeri Selangor dilihat mengalami penurunan dari tahun 2013 ke tahun 2014 ianya sudah pasti memberikan penurunan jumlah pendapatan kepada Negeri Selangor.

Berikut adalah jumlah kehadiran pelancong ke Negeri Selangor serta jumlah pendapatan yang diperolehi daripada sektor ini daripada tahun 2013 hingga 2014.

Bil.	Tahun	Jumlah Pelancong	Jumlah Pendapatan
1.	2013	6,701,437	RM 4,700,387,911.80
2.	2014	6,072,837	RM 4,259,487,871.80

Jadual di atas menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 9.4% daripada jumlah pendapatan dari tahun 2013 hingga ke tahun 2014.

Oleh itu, jika dilihat daripada statistik di atas, ianya jelas menunjukkan bahawa kehadiran pelancong dan juga jumlah pendapatan Negeri Selangor hasil dari industri pelancongan mengalami perbezaan dengan mengalami penurunan daripada tahun 2013 hingga tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak **440,900,040.00**.

Prestasi yang kurang memberangsangkan bagi tahun 2013 dan 2014 ini sekaligus disebabkan beberapa faktor dan sebab penurunan. Hal ini dapat dilihat dari segi tragedi pesawat yang melibatkan syarikat penerbangan Malaysia seperti insiden MH370, MH17 dan AirAsia QZ8501. Insiden ini meninggalkan impak yang besar dalam jumlah pelancong yang datang daripada Negara China kerana pelancong daripada Negara China adalah penyumbang tertinggi kepada statistik kehadiran pelancong ke Negeri Selangor. Penularan pelbagai penyakit berjangkit seperti wabak selsema burung dan wabak selsema Akut daripada Timur Tengah, juga telah mengakibatkan kekurangan kehadiran

pelancong. Kemelesetan ekonomi pada penghujung tahun 2014, yang disebabkan oleh penurunan harga minyak dunia juga memberi kesan negatif kepada kehadiran pelancongan.

Walaupun bagaimanapun, dengan promosi yang lebih efektif dan meluas yang dijalankan oleh Tourism Selangor dan penganjuran Tahun Melawat Selangor 2015, boleh memberikan impak yang lebih baik seterusnya meningkatkan jumlah kehadiran pelancong ke Negeri Selangor pada Tahun 2015.

- b) Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan hasil pendapatan industri pelancongan adalah melalui siri-siri promosi dalam dan luar negara yang dianjurkan oleh beberapa pihak terutamanya oleh Tourism Malaysia. Melalui program ini, kerajaan negeri melalui Tourism Selangor dan pemaju-pemaju industri pelancongan yang sama-sama menyertai program ini telah menggunakan peluang ini untuk memperkenalkan keunikan aspek-aspek pelancongan yang ada di negeri Selangor di antaranya ialah pelancongan eco, pelancongan sukan dan pelancongan warisan sepertimana yang kita fokus sempena 'Tahun Melawat Selangor 2015'. Dengan ini, kita dapat menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Selangor dan mereka dapat mengalami sendiri pengalaman unik dengan menikmati keindahan yang terdapat di Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan prasarana yang mencukupi, selesa, jimat dan mudah. Hal ini kerana, kemudahan ini memudahkan dan memberikan keselesaan kepada pelancong tidak kira pelancong dari luar atau di dalam negara.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan maklumat lengkap tentang sesuatu destinasi menarik yang terdapat di negara ini, khususnya di tempat-tempat baharu yang dikenal pasti boleh menjadi daya tarikan yang menguntungkan. Hal ini dapat dilihat menerusi media cetak seperti risalah, buku, poster, majalah dan akhbar atau media elektronik seperti radio dan televisyen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERUMAHAN TERBENGGALAI - PROJEK TAMAN KAMPUNG
SUNGAI YU INDAH**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pihak pembeli telah dijanjikan oleh kerajaan negeri untuk menyiapkan projek berkenaan pada tahun 2014 - status terkini projek taman kampung sungai yu indah?
- b) Bilakah pembeli-pembeli akan dapat menduduki rumah berkenaan?

JAWAPAN:

a) dan b).

Projek Taman Sungai Yu Indah merupakan projek usahasama antara Pemodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dengan Tetuan Serambi Padu Sdn Bhd yang dimajukan di bawah Skim Program Khas Perumahan Kos Rendah melibatkan pembangunan keseluruhan 499 unit dengan jumlah unit terjual sebanyak 107 unit/pembeli. Untuk itu, beberapa siri mesyuarat telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai (JPPT) yang dipengerusikan oleh Y.B Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar bagi membantu ke arah pemulihan projek terbengkalai.

Berdasarkan status terkini, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 38/2014 pada 1 Oktober 2014 ke2014 telah meluluskan permohonan SPNB bagi meminda cadangan pembangunan daripada 499 unit RKR **kepada 107 unit RKR (kekal sedia ada), 120 unit Rumah Kos Sederhana dan 272 unit Teres Mampu Milik**. Ini bertujuan bagi membolehkan projek tersebut berdaya maju untuk dipulihkan semula dan membantu menyelesaikan masalah projek berkenaan terus terbengkalai akibat daripada projek defisit.

Berikutan itu, pemaju Serambi Padu Sdn Bhd telah mengemukakan pindaan Pelan Kebenaran Merancang kepada Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) pada 10 Disember 2014 dan kini diperingkat akhir perakuan kelulusan. Ketika ini, kerja-kerja pembinaan di tapak telah terhenti sehingga kelulusan Pelan Pembangunan dari segi kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Lesen dan Permit Jualan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diperolehi semula bagi membolehkan projek diteruskan semula.

Pada masa yang sama, pihak pemaju telah mengambil tindakan bagi memindahkan (swap) sebahagian daripada pembeli sedia ada daripada Fasa 2 untuk dikelompokkan dalam pembangunan RKR di Fasa 1. Walaubagaimanapun, perkara tersebut akan mengambil masa yang panjang untuk diadakan perbincangan dengan setiap pembeli termasuk membatalkan perjanjian asal dan menandatangani perjanjian baru untuk ditawarkan ke unit baru.

Bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual perancangan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi maka Mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai (JPPT) akan melaksanakan pemantauan berkala setiap 2 bulan sekali untuk melihat perkembangan kemajuan projek dan tindakan yang dapat diambil bagi menangani masalah yang wujud dengan kadar segera. Projek ini dijangkakan dapat disiapkan dan diserahkan kepada pembeli selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2016 sekiranya pelaksanaannya mengikut jadual perancangan yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi kewangan KDEB yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai pada tahun 2014?
- b) Adakah prestasi kewangan ini terbaik sepanjang penubuhannya?

JAWAPAN:

- a) Prestasi kewangan KDEB yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai pada tahun 2014 adalah seperti Lampiran 1 hingga 3.
- b) Prestasi kewangan bagi tahun 2014 dengan keuntungan selepas cukai sebanyak RM24.67 juta bukan merupakan yang terbaik sepanjang tahun penubuhannya kerana KDEB pernah mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM34.43 juta yang dicatatkan pada tahun 2013, iaitu paling tertinggi sepanjang tujuh (7) tahun yang lepas.

Kumpulan Darul Ehsan Berhad
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

	Sebelum diaudit
	2014
	RM'000
Pendapatan	14,499
Kos jualan	-
Keuntungan kasar	<u>14,499</u>
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi	69,630
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan	(13,914)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan	<u>(4,279)</u>
Keuntungan operasi	65,936
Kos kewangan	<u>(40,054)</u>
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	25,882
Cukai dan zakat	<u>(1,214)</u>
Keuntungan selepas cukai dan zakat	<u><u>24,668</u></u>

Kumpulan Darul Ehsan Berhad
Penyata Perubahan Ekuiti
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 (Sebelum diaudit)

←----- Tidak boleh diagihkan ----->

	Jumlah ekuiti RM'000	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Saham keutamaan RM'000	Rizab sumbangan RM'000	Kerugian terkumpul RM'000
Baki pada 1 Januari 2014	119,733	262,408	18,360	-	11,677	(172,712)
Jumlah pendapatan komprehensif	24,668	-	-	-	-	24,668
<u>Transaksi dengan pemilik</u>						
Terbitan saham keutamaan	10,000	-	9,900	100	-	-
Baki pada 31 Disember 2014	154,401	262,408	28,260	100	11,677	(148,044)

Kumpulan Darul Ehsan Berhad
Penyata Aliran Tunai
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 (Sebelum diaudit)

	Sebelum diaudit
	2014
	RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi	7,608
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan	27,806
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan	(39,702)
Pengurangan bersih tunai dan bersamaan tunai	(4,288)
Tunai dan bersamaan tunai di awal tahun	32,910
Tunai dan bersamaan tunai di akhir tahun	28,622

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan rumah pangsapuri kos rendah, rumah mampu milik dan rumah Selangorku yang ada di Selangor.
- b) Sila kemukakan senarai lengkap pemohon rumah Selangorku yang berjaya diterima, termasuk bilangan yang dipohon dan bilangan yang berjaya diterima.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan rumah pangsapuri kos rendah yang telah siap dibina adalah sebanyak 207,627 unit. Pecahan bilangan adalah seperti berikut :

Bil	Daerah	Bilangan Unit
1	Petaling	93,232
2	Hulu Langat	38,902
3	Gombak	38,068
4	Klang	17,226
5	Hulu Selangor	13,812
6	Sepang	3,600
7	Kuala Langat	1,978
8	Kuala Selangor	719
9	Sabak Bernam	90
Jumlah Keseluruhan		207,627

Manakala bagi rumah mampu milik dan Rumah Selangorku pula, sebanyak empat projek yang melibatkan 1,774 unit telah siap dibina dan ianya terdiri daripada Bukit Botak, Selayang mempunyai 1,422 unit. Projek kedua adalah di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi yang dibina sebanyak 124 unit, 136 unit lagi terletak di Bandar Sungai Long, Kajang dan baki 92 unit terletak di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemohon yang telah ditawarkan rumah kos rendah sejak dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seramai 17,500 orang. Statistik tawaran permohonan adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Jumlah
1.	2008	1,396
2.	2009	994
3.	2010	2,111
4.	2011	5,218
5.	2012	4,145
6.	2013	1,241
7.	2014	2,395
Jumlah		17,500

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PELABURAN

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah nilai pelaburan luar dan dalam negeri yang telah diterima oleh kerajaan Selangor untuk tahun 2013 dan 2014?

JAWAPAN:

- a) Nilai pelaburan di sektor perkilangan yang diterima oleh Negeri Selangor pada tahun 2014 ialah sebanyak RM7.042 bilion iaitu sebanyak RM3.837 bilion daripada pelabur tempatan dan sebanyak RM3.205 bilion daripada pelabur asing.

Manakala jumlah nilai pelaburan pada tahun 2013 ialah sebanyak RM9.8 bilion dengan RM6.208 bilion daripada pelabur tempatan dan sebanyak RM3.625 bilion daripada pelaburan asing.

Tahun	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2013	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	9,833,006,852
2014	229	15,118	3,836,871,787	3,205,388,198	7,042,259,985
Jumlah	457	38,637	10,044,583,695	6,830,683,142	16,875,266,837

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR (FAS)

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini dan perubahan yang dilakukan oleh FAS ?
- b) Sila huraikan strategi dan pendekatan yang dilaksanakan demi pembangunan sukan tersebut ?
- c) Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh KNS sejak 5 tahun yang lalu ?

JAWAPAN:

- a) Terkini pasukan bolasepak Selangor telah mengharungi perlawanan liga dan Piala FA dan keputusan adalah seperti berikut :-

Liga Super 2015

7hb Februari	Terengganu 2 mln 0 Selangor
14hb Februari	Pahang 1 mln 1 Selangor
21hb Februari	Selangor 1 mln 1 Johor
7hb Mac	PDRM 1 mln 4 Selangor
14hb Mac	Selangor 2 mln 0 Sarawak

Piala FA 2015

28hb Februari	Felda United 2 (P-2) mln 2 (P-4) Selangor
18hb Mac	Selangor 1 mln 3 Terengganu

Persatuan Bolasepak Selangor telah membuat beberapa perubahan dimana YAB Tuan MohamedAzmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor telah dipilih sebagai Presiden, Persatuan Bolasepak Selangor dan juga Pengerusi, Jawatankuasa Pasukan Negeri dan Pertandingan Antarabangsa menggantikan Y. Bhg. Dato' Abdul Mokhtar bin Ahmad.

YAB Presiden juga telah melantik YB Tuan Amirudin bin Shari sebagai Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa pasukan Negeri dan Pertandingan Antarabangsa merangkap Pengurus Pasukan Bolasepak Selangor dan 4 muka baru didalam jawatankuasa tersebut.

Dengan perubahan tersebut, Pasukan Bolasepak Selangor telah menampakkan peningkatan persembahannya dalam memberikan saingan kepada pasukan berbelanja besar di dalam Liga Malaysia seperti Johor, Felda, Negeri Sembilan, Kedah, Pulau Pinang dan PDRM.

- b) - Kompleks FAS di Puncak Alam akan menempatkan 4 pasukan pelapis dalam usaha untuk memperkasakan pasukan bolasepak negeri.
- Apabila siap akan dilengkapi dengan peralatan bolasepak yang terkini.
- Dalam jangkamasa 3 tahun lagi FAS akan mempunyai pelapis dan tidak perlu lagi bergantung kepada pemain 'bintang' yang akan meminta gaji yang tinggi.
- Pengambilan bekas pemain Selangor sebagai jurulatih berwibawa yang akan membimbing pemain pelapis ini sepenuh masa.
- c) Peruntukkan yang disalurkan oleh KNS :-

2014	RM10.5 juta
2013	RM8.5 juta
2012	RM8.5 juta
2011	RM6.5 juta
2010	RM6.5 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : LAPORAN STATUS MARRIS

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penghuraian Menteri Besar tentang senarai perbelanjaan MARRIS mulai Januari hingga Disember 2014
- b) Sila nyatakan pecahan perbelanjaan MARRIS mengikut PBT
- c) Adakah Menteri Besar berpuas hati dengan pelaksanaan setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Dalam tempoh Januari hingga Disember 2014, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM592,892,129.44** peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Selangor (MARRIS) bagi tujuan-tujuan berikut:-

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Projek Penyelenggaraan Jalan Negeri Tahun 2013	131,952,059.43
2.	Projek Penyelenggaraan Jalan Negeri Tahun 2014	448,810,631.64
3.	Pelan Tindakan Tiga (3) Bulan Pembersihan Awam Di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor	11,965,048.37
4.	Perbelanjaan Pengurusan a) Pembelian peralatan GPS	133,280.00
5.	Perbelanjaan Kecemasan a) Bencana Alam	31,110.00
JUMLAH KESELURUHAN		592,892,129.44

- b) Pecahan perbelanjaan MARRIS mengikut PBT sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2014 adalah seperti berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PELBAGAI PERBELANJAAN (RM)
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	39,923,468.70
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	87,337,540.18
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	33,102,138.58
4	Majlis Perbandaran Klang	72,747,579.00
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	33,955,447.79
6	Majlis Perbandaran Kajang	37,946,864.36
7	Majlis Perbandaran Selayang	29,619,377.10
8	Majlis Perbandaran Sepang	14,129,566.86
9	Majlis Daerah Kuala Langat	32,989,204.86
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	12,190,414.23
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	16,893,695.33
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	22,911,755.13
JUMLAH KESELURUHAN		433,747,052.12

Nota: Perincian lebih lanjut seperti di **Lampiran A**.

- c) Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan peruntukan MARRIS sepanjang tahun 2014 setakat 31 Disember 2014 adalah baik dan memuaskan jika dilihat dari aspek perancangan dan pelaksanaan seperti berikut:-

(i) Prestasi Berdasarkan Siling Projek MARRIS Tahun 2014

PERINCIAN	JUMLAH (RM)	RUJUKAN
Siling Projek MARRIS 2014	557,163,646.72	A
Perbelanjaan Sebenar (31 Disember 2014)	448,810,631.64	B
PERATUS PERBELANJAAN	80.1%	

Sebagai langkah penambahbaikan, Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengarahkan semua agensi pelaksana untuk memastikan projek-projek MARRIS Tahun 2015 dapat disiapkan selewat-lewatnya pada 30 September 2015 bagi memastikan perbelanjaan peruntukan yang telah diluluskan dapat dioptimalkan.

LAMPIRAN 1**PERUNTUKAN SILING PROJEK MARRIS 2014**

BIL	AGENSI PELAKSANA	JUMLAH (RM)
1	Jabatan Kerja Raya (JKR)	157,221,535.75
2	Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)	4,000,000.00
3	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	384,142,110.97
4	Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT)	11,800,000.00
JUMLAH		557,163,646.72

LAMPIRAN 2**PEMBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA 31 DISEMBER 2014**

BIL	AGENSI PELAKSANA	JUMLAH (RM)
1	Jabatan Kerja Raya (JKR)	102,227,900.49
2	Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)	3,590,061.50
3	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	335,189,684.63
4	Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT)	7,802,985.02
JUMLAH		448,810,631.64

**PECAHAN PERBELANJAAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
PERUNTUKAN MARRIS (JANUARI HINGGA DISEMBER 2014)**

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PERBELANJAAN (RM)				
		Projek MARRIS 2013 (RM)	Projek MARRIS 2014 (RM)	Pelan Tindakan 3 Bulan (RM)	Kecemasan (RM)	JUMLAH BESAR (RM)
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	7,056,942.25	32,866,526.45	0.00	0.00	39,923,468.70
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	7,024,251.00	80,313,289.18	0.00	0.00	87,337,540.18
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2,190,734.15	30,146,844.43	764,560.00	0.00	33,102,138.58
4	Majlis Perbandaran Klang	16,131,530.00	54,109,639.00	2,475,300.00	31,110.00	72,747,579.00
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	7,270,095.26	25,065,102.53	1,620,250.00	0.00	33,955,447.79
6	Majlis Perbandaran Kajang	9,535,554.22	26,977,707.00	1,433,603.14	0.00	37,946,864.36
7	Majlis Perbandaran Selayang	7,027,037.40	20,848,715.20	1,743,624.50	0.00	29,619,377.10
8	Majlis Perbandaran Sepang	3,607,609.25	9,972,878.61	549,079.00	0.00	14,129,566.86
9	Majlis Daerah Kuala Langat	7,527,448.20	24,835,949.70	625,806.96	0.00	32,989,204.86
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	4,611,125.00	7,379,289.23	200,000.00	0.00	12,190,414.23
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	5,559,851.43	10,985,652.30	348,191.60	0.00	16,893,695.33
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	8,680,135.93	11,688,041.00	2,543,578.20	0.00	22,911,755.13
JUMLAH KESELURUHAN		86,222,314.09	335,189,634.63	12,303,993.4	31,110.00	433,747,052.12

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD (PIYS)

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lembaga pengarah, pemegang saham dan pengurusan PIYS kini?
- b) Apakah latar belakang kelayakan mereka tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB) dipegang sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pemerbadanan Menteri Besar Selangor Berhad. Manakala ahli Lembaga Pengarah PIYSB adalah terdiri seramai 6 orang seperti berikut :-

Bil.	Nama / Jawatan	Jawatan
1.	Y.A.B Tuan MohamedAzmin bin Ali	Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah
2.	YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad	Ahli Lembaga Pengarah
3.	Prof. (E) Dato' Ir Dr. MuhammadZohadie bin Bardaie	Ahli Lembaga Pengarah
4.	Y.B Dr. Che Rosli bin Che Mat	Ahli Lembaga Pengarah
5.	Dato' Noordin bin Sulaiman	Ahli Lembaga Pengarah
6.	Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman	Ahli Lembaga Pengarah
7.	Puan Iزارina binti Ishak	Setiausaha Syarikat

b) Latar Belakang kelayakan ahli Lembaga Pengarah PIYSB adalah seperti berikut:-

- i. Y.A.B Tuan MohamedAzmin Bin Ali, Dato Menteri Besar merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PIYSB. Beliau merupakan Ahli Parlimen Gombak, Selangor dan Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Antarabangsa Selangor dari Parti Keadilan Rakyat. Beliau menerima pendidikan awalnya di Sekolah Gurney Road (2) Kuala Lumpur dari tahun 1971 hingga 1976. Selepas itu beliau belajar di Sekolah Menengah Setapak, Kuala Lumpur (1977-1979) dan Sekolah Menengah Teknik, Jalan Cheras, Kuala Lumpur (1980-1981). Pada tahun 1982, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Minnesota di Amerika Syarikat dan berjaya memperolehi ijazah dalam bidang matematik dan ekonomi pada 1987. Selanjutnya beliau menyambung Sarjana Pendidikan (Matematik dan Ekonomi) di Universiti yang sama.
- ii. Y.B Nik Nazmi bin Nik Ahmad, memegang jawatan Exco Pendidikan Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi dan dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PIYSB. Beliau adalah ahli politik yang dicalonkan dalam Pakatan Keadilan Rakyat di kerusi Dewan Undangan Negeri Seri Setia, Kelana Jaya, Selangor. Mendapat pendidikan awal di SRK La Salle Petaling Jaya dan Kolej Melayu Kuala Kangsar. Seterusnya belajar di King's College, University of London dalam jurusan undang-undang.
- iii. Prof. (E) Dato' Ir Dr. MuhammadZohadie bin Bardaie mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang akademik. Beliau pernah dilantik sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan pada tahun 1988 di UPM, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) pada Ogos 1993, UPM dan seterusnya dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada tahun 2001 sehingga 2005. Beliau memiliki Ijazah dalam Sarjana Muda Sains Kejuruteraan dan Sarjana Muda Pengurusan & Sains Pertanian di Universiti California. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian Sarjana Sains Kejuruteraan Kejenteraan di Universiti California dan Ijazah PhD Kejuruteraan Pertanian Universiti Cornell, Amerika Syarikat.
- iv. Y.B. Dr. Che Rosli bin Che Mat merupakan Ahli Parlimen Hulu Langat Selangor dari PAS. Latar belakang pendidikan adalah Sarjana Muda Sains (UKM, 1971-1974), MSc (LONDON), United Kingdom 1975-1977, PhD (LANCASTER) United Kingdom 1980-1983. Berpengalaman luas dalam bidang Sains Nuklear di mana beliau pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan Sains Nuklear, UKM 1993. Pada tahun 1984-1999,

beliau adalah Ahli Jawatankuasa Perlindungan Sinaran Lembaga Perlesenan Tenaga Pelesenan, Malaysia.

- vi. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman telah dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : STRATEGI PEMBANGUNAN PERUMAHAN SELANGOR

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pecahan projek pembangunan perumahan mewah dan mampu milik di Selangor untuk 25 tahun akan datang serta pelan tindakan Kerajaan Negeri demi memastikan keseimbangan dalam memenuhi kesemua kategori keperluan perumahan.

JAWAPAN:

- a) Perancangan pembangunan perumahan Negeri Selangor adalah berpandukan kepada dasar yang telah ditetapkan iaitu Dasar Rumah Selangorku. Melalui Dasar Rumah Selangorku nisbah pecahan pembangunan perumahan antara rumah harga bebas (mewah) dengan rumah mampu milik (Rumah Selangor) adalah ditentukan berdasarkan Zon 1, Zon 2 ataupun Zon 3 dan juga keluasan pembangunan perumahan yang akan dibangunkan. Ratio pembangunan antara Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangor) dengan Perumahan Harga Bebas yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah di antara nisbah 20:80 (20% harga mampu milik dan 80% harga bebas) sehinggalah nisbah 50:50 (50% harga mampu milik dan 50% harga bebas). Penyediaan rumah mampu milik ini telah ditetapkan harga jualannya pada harga RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit berdasarkan saiz keluasan lantai dan jenis rumah.

Kerajaan Negeri ketika ini tiada Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJK) sehingga 25 tahun. Walau bagaimanapun, matlamat untuk menyediakan sekurang-kurangnya 35,000 unit Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) dari tahun 2013 sehingga tahun 2018 melalui perancangan pembangunan 5 tahun berada di landasan yang terbaik. Bagi memastikan matlamat tersebut tercapai, YAB Dato' Menteri Besar Selangor semasa ucapan Belanjawan 2015 telah menasarkkan sebanyak 15,000 unit Rumah Selangorku akan dibina bermula tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) tahun akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : FENOMENA EKUINOKS

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan kerajaan negeri bagi menghadapi fenomena Ekuinoks di Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memberi pemahaman kepada rakyat berkenaan fenomena Ekuinoks?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Mesyuarat menghadapi Musim Kering / Kemarau pada 23 Februari 2015 yang telah dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan telah hadir. Taklimat telah diberikan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Selangor dan perbincangan adalah berkaitan dengan pengurusan bencana kebakaran ; tanah gambut, hutan simpan dan tapak pelupusan sampah.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah mendapatkan taklimat daripada agensi-agensi yang berkaitan iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan Jabatan Meteorologi Malaysia dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor pada 5 Mac 2015.

Kerajaan Negeri Selangor mendapati bahawa keadaan pembekalan air di Negeri Selangor adalah dalam keadaan yang terkawal dan menjangkakan dapat terus membekalkan bekalan air kepada pengguna.

Keyakinan Kerajaan Negeri Selangor ini adalah berdasarkan kepada keupayaan Kerajaan Negeri Selangor menyediakan sumber air mentah yang mencukupi. Ia adalah berdasarkan kedudukan paras empangan di seluruh Negeri Selangor adalah di atas daripada paras kritikal.

Kerajaan Negeri Selangor telah dan akan terus melaksanakan tindakan-tindakan untuk memastikan kesinambungan bekalan air serta kesediaan sumber air di empangan seperti berikut:

- i. Meneruskan operasi pembenihan awan (*cloudseeding*) yang membolehkan hujan turun di kawasan tadahan dan lembangan sungai;
- ii. Menerus dan menguruskan operasi pengepaman air dari kolam takungan di sekitar Bestari Jaya tanpa mengabaikan soal kualiti sumber air tersebut;
- iii. Mengawal pelepasan air empangan bagi memastikan pelepasan dilaksanakan secara optimum dengan mengambil kira sumber air sedia ada;
- iv. Mengadakan kerjasama erat antara agensi Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar untuk memantau dan mengawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran sumber air; dan
- v. Penguatkuasaan yang tegas melalui pemantauan yang berterusan di sepanjang sungai yang terlibat dalam pembekalan air mentah iaitu Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Semenyih termasuk semasa waktu cuti.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah memindahkan air dari terowong Langat 2 ke Sungai Langat yang bertujuan untuk memberdaya ketahanan Sungai Langat untuk Loji Rawatan Air Sungai Langat, Bukit Tampo dan Cheras Batu 11.

Kerajaan Negeri Selangor juga sedang melaksanakan tindakan-tindakan untuk kelangsungan bekalan air secara jangka panjang seperti berikut :

- i. **Pembangunan sistem HORAS**
Projek HORAS adalah usaha untuk menakung lebih air larian sungai (stormwater) ke dalam suatu kolam takungan yang dikenali sebagai HORAS untuk digunakan sebagai sumber air tambahan bagi digunakan oleh loji rawatan air. Pembangunan HORAS ini dibangunkan secara berfasa iaitu HORAS 600 bagi fasa pertama yang akan mula siap pada September 2015 dan HORAS 3000 yang masih dalam peringkat kajian perbandingan.
- ii. **Pengurangan kadar air tidak berhasil atau *Non Revenue Water* (NRW)**
Pada ketika ini kadar NRW adalah pada 35%. Kerajaan Negeri Selangor mahukan supaya kadar NRW ini dapat diturunkan pada tahap 25% dalam tempoh lima (5) tahun iaitu sehingga tahun 2020 selaras dengan perancangan penurunan NRW Kebangsaan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

- iii. Penyaluran air mentah Sungai Bernam
Kajian terperinci sedang giat dilaksanakan untuk memastikan sumber air tersebut dapat membantu memperkasakan aliran air di Sungai Selangor.
- iv. Pembangunan *off-riverstorage* (ORS) di Sungai Semenyih / Sungai Langat
Membangunkan sumber air tambahan sebanyak 100 hingga 200 JLH di Sungai Semenyih dan Sungai Langat melalui sistem ORS.

Kerajaan Negeri Selangor mendapati bahawa penggunaan air per kapita bagi rakyat di Negeri Selangor adalah pada kadar yang tinggi iaitu sebanyak 235 liter sehari.

Kerajaan Negeri Selangor ingin menasihatkan kepada pengguna supaya turut sama mengurangkan per kapita penggunaan air setiap isi rumah supaya tanggungjawab menjaga kelangsungan bekalan air turut dikongsi oleh semua pengguna.

Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan usaha-usaha untuk mendidik pengguna menerusi program konservasi bagi meningkatkan kesedaran dan pendidikan terutamanya berkaitan sumber air seperti berikut:

- i. Sambutan Hari Air Sedunia peringkat Negeri Selangor;
- ii. Dialog bersama industri dan pengilang;
- iii. Program bersama pihak sekolah, universiti dan komuniti;
- iv. Pemuliharaan dan tanaman semula pokok bakau;
- v. Pantai angkat dan sungai angkat bersama komuniti;
- vi. Pemeliharaan sumber air melalui program kitar semula minyak masak terpakai; dan
- vii. Edaran risalah berkaitan sumber air.

Dengan langkah-langkah yang dilaksanakan seperti di atas, Kerajaan Negeri Selangor yakin bahawa bekalan air di Negeri Selangor dapat dibekalkan kepada pengguna secara berterusan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS telah dan sedang melaksanakan tindakan-tindakan bagi memastikan kesediaan sumber air Negeri ketika menghadapi musim kering berkaitan fenomena Ekuinoks seperti berikut :

- Operasi pembenihan awan (*cloudseeding*),
- Operasi pengepaman air kolam alternatif di Bestari Jaya,

- Pelepasan air empangan di Sg. Selangor dikawal dengan ketat melalui kelulusan daripada LUAS secara harian,
- Pemindahan air dari terowong Langat 2 ke Sg. Langat dilakukan dengan tujuan untuk memberdaya ketahanan Sg. Langat bagi keperluan Loji Pembersihan Air (LPA) Sg. Langat, Bukit Tampo dan Cheras Batu 11,
- Mengadakan kerjasama erat antara agensi Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk memantau dan mengawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran sumber air, dan
- Penguatkuasaan yang tegas melalui pemantauan yang berterusan di sepanjang sungai yang terlibat dalam pembekalan air mentah iaitu Sg. Selangor, Sg. Langat dan Sg. Semenyih termasuk semasa waktu cuti.

Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS juga sedang melaksanakan tindakan-tindakan untuk kelangsungan sumber air secara jangka panjang seperti berikut:

- Pembangunan Kolam Takungan Hiliran/HORAS 3000
- Penyaluran air mentah Sg. Bernam
- Pembangunan *off-riverstorage* (ORS) di Sg. Semenyih / Sg. Langat
- Membangunkan sumber air bumi

***MAKLUMAT TAMBAHAN**

- **Operasi pembenihan awan (*cloudseeding*)**
Telah mula dijalankan pada 21 Februari 2015 yang lalu bersama Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dan syarikat pembekal perkhidmatan yang dilantik di kawasan lembangan sungai termasuk kawasan tadahan Empangan Sg. Selangor sebanyak 2 kali setiap hari bergantung kepada kesesuaian atmosfera,
- **Operasi pengepaman air kolam alternatif di Bestari Jaya**
Telah bermula pada 2 Februari 2015 yang lalu dengan keupayaan pengeluaran 800 juta liter sehari (JLH). Air kolam yang dipam ke Sg. Selangor ini mematuhi piawaian air mentah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk dirawat oleh loji pembersihan air (LPA). Proses pemantauan kualiti air dijalankan melalui 3 peringkat, iaitu; i) pemantauan di kolam alternatif oleh LUAS dan Jabatan Kesihatan

Negeri Selangor (JKNS), ii) pemantauan air mentah di sungai dan muka sauk oleh LUAS, operator loji dan JKNS, dan iii) pemantauan air terawat selepas proses rawatan di LPA oleh operator loji dan JKNS. Pensampelan kualiti air kolam-kolam ini dijalankan oleh JKNS dan dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM),

➤ **Pelepasan air empangan di Sg. Selangor dikawal dengan ketat melalui kelulusan daripada LUAS secara harian.**

Beberapa semakan pelepasan juga dilakukan sehingga 3 kali sehari untuk mengoptimalkan aliran air sungai sedia ada dan sumber air daripada kolam alternatif tersebut,

➤ **Pembangunan Kolam Takungan Hiliran/HORAS 3000**

Pembangunan kolam ini adalah usaha untuk menakung lebih air larian sungai (*stormwater*) ke dalam kolam takungan di hilir sungai untuk digunakan sebagai sumber air tambahan dan juga mengurangkan impak banjir di kawasan muka sauk LPA. Pembangunan HORAS ini dibangunkan secara berfasa iaitu HORAS 600 bagi fasa pertama yang akan mula siap pada September 2015 dan HORAS 3000 yang di dalam peringkat kajian perbandingan.

➤ **Penyaluran air mentah Sg. Bernam**

Kajian terperinci sedang dilaksanakan untuk memastikan sumber air tersebut dapat membantu memperkasakan aliran air di Sg. Selangor. Perbincangan awalan bersama Kerajaan Negeri Perak telah diadakan dan ia juga merujuk kepada Kajian Semula Sumber Air Negera 2000 – 2050.

➤ **Pembangunan *off-riverstorage* (ORS) di Sg. Semenyih / Sg. Langat**

Membangunkan sumber air tambahan sebanyak 100 hingga 200 JLH di Sg. Semenyih dan Sg. Langat melalui sistem ORS.

➤ **Membangunkan sumber air bumi**

Keupayaan abstraksi air bumi yang selamat untuk Negeri Selangor adalah 2373 MLD berdasar Kajian Kebolehdapatan Sumber Air Bumi Negeri Selangor yang dijalankan oleh Jurutera Perunding yang dilantik oleh LUAS. Pembangunan sumber air bumi adalah sebagai sumber air yang terakhir setelah mengambilkira sumber dari sungai dan air permukaan.

- b) Bagi memberikan pemahaman kepada rakyat berkenaan fenomena Ekuinoks, Kerajaan Negeri telah melancarkan Kempen Jom Minum Air bagi menggalakkan orang ramai menjadikan tabiat minum air kosong sebagai satu budaya. Melalui Kempen ini, Orang ramai dinasihatkan minum air kosong sekurang-kurangnya tiga liter sehari untuk mencegah kematian akibat strok haba ketika musim panas ekstrim, ekuinoks. Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Konsortium ABBAS Sdn. Bhd. mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Kempen Jom Minum Air Peringkat Negeri Selangor, seiring dengan sambutan Hari Air Sedunia yang disambut pada 22 Mac 2015. Sebanyak 10,000 botol Air Minuman ABASS 350 ml bakal diedarkan ke lokasi-lokasi tumpuan umum seluruh negeri seperti hospital, sekolah dan stesen-stesen pengangkutan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : NAIK TARAF JALAN MERU KE KLANG

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sudahkah ada kajian dibuat hal penggunaan lalulintas jalan?
- b) Apakah keputusan kajian tersebut?
- c) Berdasar keputusan, bilakah akan dilaksana?

JAWAPAN:

- a) Ya. Kajian telah dilaksanakan iaitu kajian trafik bagi Cadangan Penambahbaikan di Persiaran Hamzah Alang (FT 3217) Jalan Meru (FT 3217) dan Jalan Kapar (FT 05) di Daerah Klang.
- b) Keputusan kajian tersebut merumuskan cadangan pelebaran jalan sediaada, pembinaan persimpangan bertingkat dan tiada pembinaan jalan baru.
- c) Jalan yang dimaksudkan adalah jalan persekutuan FT 3217 dan FT 05. JKR Selangor telah memohon untuk menaiktaraf jalan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Pelaksanaan akan dilaksanakan sekiranya peruntukan diperolehi dari Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : MANFAAT PERPUSTAKAAN SUK

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pengunjung dan jumlah bahan dan koleksi yang dipinjam daripada Perpustakaan SUK setiap tahun?
- b) Apakah kriteria penentuan judul buku dan bahan rujukan yang dibeli untuk Perpustakaan SUK?
- c) Siapakah yang bertanggungjawab menentukan pemilihan judul buku dan bahan rujukan baharu di Perpustakaan SUK?

JAWAPAN:

- (a) Berdasarkan semakan dan penelitian oleh Pentadbiran ini mendapati perincian statistik jumlah pengunjung dan jumlah bahan dan koleksi yang dipinjam daripada Perpustakaan SUK bagi tempoh lima (5) tahun terkini adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Bilangan Pengunjung	Jumlah Bahan/ Koleksi
1.	2010	973	961
2.	2011	1,676	1,117
3.	2012	1,710	1,091
4.	2013	931	1,234
5.	2014	932	953
	<u>Jumlah</u>	<u>6,222</u>	<u>5,356</u>

- b) Penentuan judul buku dan bahan rujukan yang dibeli untuk Perpustakaan SUK adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:

Bil.	Kriteria	Penjelasan
1.	Wibawa/ AuthorityPengarang	<ul style="list-style-type: none">• Latar belakang pendidikan;• Pengalaman dalam bidang; dan• Hasil tulisan terdahulu (<i>sekiranya ada</i>).
2.	Wibawa/	<ul style="list-style-type: none">• Dikenali dalam industri;

Bil.	Kriteria	Penjelasan
	Authority Penerbit	<ul style="list-style-type: none"> • Reputasi yang baik; • Mempunyai editor yang ada pengalaman dan kepakaran dalam bidang tersebut; dan • Mempunyai kawalan kualiti yang baik.
3.	Kemaskini	<ul style="list-style-type: none"> • Bila bahan diterbitkan (<i>terutama bahan berkaitan sains dan teknologi</i>); dan • Bagi edisi baru (<i>new edition @ revised edition</i>), semak edisi lama dan lihat sekiranya terdapat banyak penambahan ataupun sebaliknya.
4.	Ketepatan	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber rujukan atau bibliografi yang disenaraikan pada akhir sesebuah buku dapat memberitahu tahap kualiti penulisan itu; dan • Pegawai perlu menyemak kebenaran maklumat yang terkandung di dalam sebuah buku.
5.	Skop	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai perlu membuat perbandingan bagi menentukan bahan yang terbaik; • Bahan terbitan baru yang mempunyai tajuk atau topik yang sama tetapi dikemaskini bagi melengkap maklumat lama adalah baik dan wajar dipilih; dan • Liputan penulisan yang luas dan mendalam, lebih khusus adalah sesuai dijadikan rujukan.
6.	Penyusunan	<ul style="list-style-type: none"> • Hasil penulisan yang baik perlu disusun dengan sistematik dan mudah difahami; • Bahasa serta idea perlu jelas dan tidak mempunyai kesalahan tatabahasa dan ejaan; • Bahan yang mempunyai indeks, glosari, nota kaki dan bibliografi adalah bahan yang lengkap; • Indeks memudahkan pembaca mencari topik yang diperlukan dalam sesebuah buku; • Glosari ialah senarai istilah atau perkataan tertentu dalam sesebuah bidang atau subjek yang biasanya tidak diketahui umum. Berfungsi menjelaskan istilah atau perkataan itu dengan bahasa biasa yang dapat difahami oleh semua golongan; dan • Nota kaki dan bibliografi pula memberikan

Bil.	Kriteria	Penjelasan
		keterangan bahan yang digunakan atau dirujuk bagi menghasilkan buku tersebut. Nota kaki dan bibliografi penting dalam buku akademik. Pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang sesuatu bidang perkara, boleh menyemak dan merujuk nota kaki dan bibliografi untuk mencari rujukan yang digunakan.
7.	Format Penjilidan	<ul style="list-style-type: none"> • Buku kulit keras; dan • Buku kulit lembut
8.	Ciri Istimewa	<ul style="list-style-type: none"> • Buku yang mempunyai gambar dan ilustrasi warna, menarik dan berkualiti; dan • Contoh buku rujukan seperti atlas dan ensiklopedia.
9.	Kos	<ul style="list-style-type: none"> • Faktor terpenting dalam pemilihan bahan perpustakaan; • Perlu dibahagi sama rata bagi memenuhi setiap keperluan dan permintaan pelanggan; dan • Bagi perpustakaan khusus, perlu memilih bahan-bahan yang diperlukan untuk tujuan penyelidikan.

Selain itu, memandangkan status Perpustakaan SUK merupakan sebuah perpustakaan khusus jabatan, pemilihan bahan perpustakaan juga adalah berdasarkan bidang utama atau kategori subjek mengikut pengkhususan yang berkaitan seperti berikut:

Bil.	Kategori Subjek	Peratus (%)
1.	Sains Politik/ Akta/ Undang-undang	15
2.	Pengurusan/ Pentadbiran/ Terbitan Kerajaan	15
3.	Kamus/ Ensiklopedia/ Biografi/ Bahasa	15
4.	Ekonomi	15
5.	Komputer/ Sains dan Teknologi	5
6.	Pelancongan/ Sejarah	5
7.	Psikologi/ Sosial/ Pendidikan	5
8.	Alam Sekitar	5
9.	Industri/ Pertanian/ Infrastruktur	5
10.	Fiksyen	5

11.	Agama	5
12.	Wanita/ Kesehatan	5
	Jumlah	100%

c) Pemilihan judul buku dan bahan rujukan baharu di Perpustakaan SUK akan ditentukan oleh:

- (i) Y.B. Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor;
- (ii) Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor;
- (iii) Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor;
- (iv) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan);
- (v) Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan; dan
- (vi) Penolong Pustakawan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : STATUS TANAH DI BAWAH MPAJ (GERAI)

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tapak-tapak tanah yang telah diwartakan sebagai tapak perniagaan (gerai) tetapi masih belum dibangunkan.

JAWAPAN:

a) Gerai-gerai statik yang dibina atas tanah rezab gerai:-

- i) Rezab gerai di Jln Medan 2, Medan Bukit Indah
- ii) Rezab gerai di Tmn Kosas (berhampiran Aprt Kasturi)
- iii) Gerai Built, Open & Transfer (BOT)
 - BOT Ukay Perdana
 - BOT Jln Kelab Ukay, Bkt Antarabangsa
 - BOT Keramat Permai
 - BOT Pandan Perdana
 - BOT Bandar Baru Ampang
 - BOT Jln Bunga Tanjung 8B, Tmn Muda
 - BOT Pandan Cahaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : GOLONGAN MISKIN DAN ASNAF YANG MENERIMA BANTUAN
DARIPADA JKM DAN LZS DI DUN KAMPUNG TUNKU**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon kerajaan memberi maklumat terperinci tentang semua pemohon bantuan daripada JKM dan LZS yang beralamat di kawasan Seksyen 20, Seksyen 21, Seksyen 22, SS1, SS3, SS9A, Kampung Baru Seri Setia, (Sungai Way) dan nyatakan status permohonan mereka dengan terperinci.

JAWAPAN:

JAWAPAN LZS:

- a) Berikut merupakan jumlah keluarga asnaf fakir dan miskin

**JUMLAH KELUARGA ASNAF FAKIR DAN MISKIN
BAGI TAHUN 2014**

Bil	Kawasan	Fakir	Miskin	Jumlah (Keluarga)
1	Seksyen 20	0	0	0
2	Seksyen 21	0	0	0
3	Seksyen 22 dan SS1	4	31	35
4	SS3	0	0	0
5	SS9A	0	0	0
6	KgBaru Seri Setia (Sg Way)	9	25	34
JumlahKeluarga Asnaf Fakir dan Miskin		13	56	69

JAWAPAN JKM:

- a) Statistik permohonan bantuan di kawasan Seksyen 20, Seksyen 21, Seksyen 22, SS1, SS3, SS9A, Kampung Baru Seri Setia, (Sungai Way) adalah seperti berikut:

Jadual 1: Statistik Tahun 2013

Kawasan	Bilangan Permohonan	Bil. kes Lulus	Bil. kes Ditolak
Sek. 20	7	4	3
Sek. 21	3	2	1
Sek. 22	6	2	4
SS1	11	9	2
SS3	20	8	12
SS9A	16	9	7
Kg. Sg. Way	1	-	1
JUMLAH	64	34	30

Jadual 2: Statistik Tahun 2014

TAHUN 2014	Bilangan Permohonan	Bil. kes Lulus	Bil. kes Ditolak
Sek. 20	2	1	1
Sek. 21	2	1	1
Sek. 22	2	1	1
SS1	6	4	2
SS3	11	5	6
SS9A	7	2	5
Kg. Sg. Way	5	-	5
JUMLAH	35	14	21

Jadual 1: Statistik Tahun 2015 (Sehingga Mac)

TAHUN 2014	Bilangan Permohonan	Bil. kes Lulus	Bil. kes Ditolak
Sek. 20	1		1
Sek. 21	0		
Sek. 22	1	1	
SS1	2		2
SS3	1	1	
SS9A	4	2	2
Kg. Sg. Way	2	1	1
JUMLAH	11	5	6

SEBAB-SEBAB KES DITOLAK:

1. Jumlah pendapatan isirumah telah melebihi syarat PGK iaitu RM720.00 sebulan.
2. Pemohon tinggal serumah dengan anak dewasa sihat bekerja dan masih mampu menyara pemohon.
3. Pemohon mempunyai pendapatan dari SOCSO, pencen yang melebihi syarat PGK RM720.00 sebulan.
4. Pemohon gagal ditemui walaupun siasatan ke rumah telah dibuat oleh Pegawai kes.
5. Pemohon telah berpindah dan alamat baru tidak dimaklumkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : KEMASUKAN PELABUR KE SELANGOR

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik kemasukan pelaburan ke Selangor dari tahun 2010-2014?
- b) Apakah faktor-faktor turun naik jumlah pelaburan yang masuk ke Selangor?
- c) Senaraikan 5 buah negara tertinggi nilai pelaburannya di Selangor?

JAWAPAN:

- b) Statistik kemasukan pelaburan ke Selangor dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut:-

Tahun	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
2011	263	20,750	4,504,853,012	4,237,146,599	8,741,999,611
2012	252	22,719	7,305,494,367	4,429,323,568	11,734,817,935
2013	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	9,833,006,852
2014	229	15,118	3,836,871,787	3,205,388,198	7,042,259,985
Jumlah	1,297	109,971	27,349,917,627	20,644,002,157	47,993,919,784

Sumber : MIDA

- c) Berdasarkan kajian pihak Invest Selangor, antara faktor-faktor turun naik jumlah pelaburan yang masuk ke Selangor seperti berikut:-
 - i. Kadar penurunan prestasi FDI di peringkat global. Merujuk kepada Laporan oleh UNCTAD, FDI di peringkat global pada tahun 2014 telah menurun sebanyak 8%.
 - ii. Keadaan ekonomi semasa di peringkat Global yang kurang memberangsangkan.
 - iii. Senario politik semasa.
 - iv. Isu bekalan air yang disensasikan oleh media.
 - v. Selangor tidak lagi memfokus kepada industri berat.
 - vi. Harga tanah industri yang tinggi berbanding Negeri lain.

vii. Keadaan penawaran tenaga kerja tempatan yang kurang menyebabkan industri yang berintensifkan buruh tidak digalakkan.

d) Lima (5) Negara tertinggi yang melabur di Selangor pada tahun 2014 antaranya:-

Bil.	Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
1.	Singapore	22	1,485	872,721,382
2.	Japan	18	2,001	824,889,627
3.	United Arab Emirates (UAE)	1	90	373,900,000
4.	Korea Rep.	2	305	196,516,541
5.	Taiwan	5	454	145,466,675

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PEMERKASAAN FUNGSI MUZIUM NEGERI

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan fungsi Muzium Negeri dalam memperkenalkan budaya warisan masyarakat negeri Selangor yang berbilang agama, kaum dan bangsa?

JAWAPAN:

- a) Muzium negeri adalah di bawah pentadbiran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor berperanan dalam memperkenalkan dan memelihara budaya warisan masyarakat negeri Selangor yang berbilang agama, kaum dan bangsa. Ahli Lembaga Pengarah PADAT itu sendiri adalah terdiri dari perbagai kaum dan agama yang membantu dalam merangka dan memastikan segala kegiatan dan program permuziuman hendaklah melibatkan semua kaum dan agama yang mana berkaitan. Yang terbaharu pihak PADAT telah mengadakan seminar berkaitan pantang larang masyarakat di negeri Selangor. Di dalam seminar ini semua kaum telah hadir dan memberi input berkaitan budaya dan warisan masyarakat mereka dan dari input tersebut satu pameran akan di adakan bagi di persembahkan kepada orang ramai.

Selain daripada itu, Kumpulan Kesenian PADAT juga boleh melakukan persembahan tarian dan muzik pelbagai etnik di Negeri Selangor untuk dipersembahkan kepada orang ramai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROJEK TANAMAN SAWIT OLEH PKPS

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumbangan PKPS kepada petani yang kehilangan hasil pertanian disebabkan oleh projek tanaman sawit di Sg Tengar Utara?
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk menukar projek tersebut kepada penempatan penduduk miskin.?

JAWAPAN:

- a) PKPS tidak membayar pampasan tanah kepada petani-petani berkenaan kerana mereka telah mencerooh ke atas tanah tersebut. Walaubagaimanapun PKPS boleh mempertimbangkan untuk membayar kos pembersihan tanah yang telah dilaksanakan oleh mereka.
- b) PKPS tidak bercadang untuk menukar projek ladang kelapa sawit kepada penempatan penduduk miskin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : STATISTIK ADUAN MBPJ

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila beri statistik aduan yang diterima oleh MBPJ untuk tahun 2012-14 mengikut jenis aduan.
- b) Sila beri statistik aduan yang diterima oleh MBPJ untuk tahun 2012-14 mengikut zon ahli majlis.
- c) Sila beri statistik aduan yang diterima oleh MBPJ untuk tahun 2012-14 mengikut cara aduan diterima (email, telefon, dsb).

JAWAPAN:

- a) Statistik aduan diterima MBPJ mengikut jenis aduan:

Bil	Jenis Aduan	Tahun		
		2012	2013	2014
1	Sampah Kebun / Haram / Rumah / Papantanda Sampah	3760	2731	3088
2	Cantas Pokok	2615	2469	2561
3	Longkang Tersumbat	1723	1804	1888
4	Lampu Jalan	1346	1389	1533
5	Jalan Rosak	1377	1405	1439
6	Semak-samun dalam rumah / tanah lapang	529	742	925
7	Kerosakan Longkang	788	769	866
8	Anjing Liar	695	749	838
9	Halangan Kenderaan	770	708	749
10	Lampu Isyarat	635	784	382
11	Lain-lain	6051	6018	6722
	JUMLAH	20289	19568	20991

- b) Tiada maklumat

- c) Statistik aduan diterima MBPJ mengikut sumber:

Bil	Sumber	Tahun		
		2012	2013	2014
1	Laman Web	4000	4264	5955
2	E-mel	3336	1553	2204

3	SMS	36	41	40
4	Hari Bertemu Pelanggan/PZ/RA	124	297	149
5	Hadir Sendiri	1353	1762	1739
6	Surat /Faks	182	189	189
7	Telefon	10973	10832	10411
8	Surat Khabar	0	32	38
9	Biro Pengaduan Awam	17	129	74
10	Sistem STARS	94	185	0
11	Ahli Majlis/ADUN/MP/DB	129	212	79
12	Agensi Kerajaan	45	72	113
	Jumlah	20289	19568	20991

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : MASJID TAMAN TUN TEJA,RAWANG

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah dan berapa jumlah peruntukan yang diluluskan untuk membina Masjid Taman Tun Teja?
- b) Apakah jadual kerja pembinaan masjid ini yang telah ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) i. Masjid Tun Teja, Rawang akan memulakan pembinaan pada akhir tahun 2015.
 - ii. Siling peruntukan bagi pembinaan Masjid Taman Tun Teja dalam RMK 10 adalah sebanyak RM6,000,00.00.
- b) Pada masa ini, pihak JKR Negeri Selangor dalam proses rekabentuk akhir dan dijangka memulakan tender pada bulan Ogos 2015. Penyiapan projek dijangka dalam tempoh 1 ½ tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PUSAT AKTIVITI BELIA TEMPATAN

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pusat aktiviti belia tempatan sebagai pusat riadah anak muda?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri merancang untuk menyediakan pusat-pusat untuk para belia melakukan aktiviti dan program mereka melalui kemudahan pusat beriadah terutama untuk menggalakkan para belia aktif bersukan bagi melahirkan belia yang sihat dengan membina Dataran Anak Muda bagi setiap DUN. Sehingga kini, sebanyak 30 Dataran Anak Muda telah dibina melalui Geran Selangorku seperti jadual di bawah :-

BIL.	NAMA PROJEK	DUN
1.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Bandar Baru Puncak Alam	Jeram
2.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Pekan Bestari Jaya	Ijok
3.	Kerja-kerja pembinaan gelanggang serbaguna futsal di Taman Kota Sungai Rambai, Daerah Kuala Langat	Sijangkang
4.	Kerja-kerja pembinaan gelanggang serbaguna futsal di Kampung Batu Laut, Daerah Kuala Langat	Tanjung Sepat
5.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Padang Astaka Tg Karang	Sungai Burong

6.	Pembinaan Gelanggang Futsal dan Bola Jaring di Pejabat SUK Selangor	Kota Anggerik
7.	Kerja-kerja membaikpulih/membina gelanggang sukan serbaguna dan dataran anak muda di Pekan Meru	Meru
8.	Membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Taman Jati Mukim Rawang 1	Rawang
9.	Membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Jalan H1, Taman Melawati, Mukim Hulu Kelang	Hulu Kelang
10.	Membina sebuah padang futsal di Padang Permainan Seksyen 1, Kajang Utama	Bangi
11.	Pembinaan gelanggang futsal/ takraw/ badminton di Jalan Pandan 8/Jalan Pandan 7, Pandan Jaya	Cempaka
12.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Kg. Parit Serong	Permatang
13.	Kerja-kerja membina gelanggang serbaguna dan dataran anak muda di kawasan bersebelahan dewan orang ramai Sungai Pelek	Sungai Pelek
14.	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepak takraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Kawasan Kampung Sekolah/Taman Seri, Batang Kali	Batang Kali
15.	Kerja-kerja membina gelanggang sukan serbaguna dan dataran anak muda di Jalan Dato' Dagang 17A, Taman Sentosa	Sri Andalas
16.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna di Gugusan Semarak Seksyen 4, Kota Damansara	Kota Damansara

17.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda berhampiran masjid dan dewan di Kg Kanchong Tengah	Morib
18.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Jalan 1, Taman Ampang Jaya	Bukit Antarabangsa
19.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda berdekatan dengan Tasek Biru Kuang	Kuang
20.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Taman Kantan Permai	Kajang
21.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan Dataran Kejat di DUN Bukit Lanjan, Taman Kayu Ara Indah	Bukit Lanjan
22.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Taman Sri Nanding	Dusun Tua
23.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Taman Bidara, Selayang	Taman Templer
24.	Pembinaan gelanggang sukan pelbagai guna dan dataran anak muda di Kg. Baru Batu Caves	Batu Caves
25.	Membina dan menyiapkan dataran anak muda di Kampung Tasek Tambahan, Ampang	Lembah Jaya
26.	Pembinaan gelanggang serbaguna di Jalan PU 2/29 Taman Puncak Jalil Seri Kembangan	Seri Serdang
27.	Pembinaan gelanggang serbaguna di Padang Mahkota, Banting	Teluk Datok
28.	Pembinaan gelanggang serbaguna di Kampung Pasir Baru, Semenyih	Semenyih
29.	Membina gelanggang bola keranjang baru di Taman Maju Jaya Cheras, antara Lorong Bunga Melati 1A dan Lorong Bunga Melor 3.	Teratai
30.	Pembinaan gelanggang serbaguna di kawasan lapang sebelah Dewan Meranti, Bandar Bharu Sg Buloh	Paya Jaras

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK : PEMATUHAN PEMAJU ATAS SYARAT KELULUSAN KEBENARAN
MERANCANG (KM) OLEH MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kemudahan awam yang belum dibina seperti dewan, pangsapuri mampu milik, ramp, tadika dan rizab tapak awam yang belum diserahkan oleh Tetuan HicomGamuda di Kota Kemuning Seksyen 31, Shah Alam.
- b) Apakah punca kelewatan pemaju tersebut gagal mematuhi syarat kelulusan Kebenaran Merancang?
- c) Apakah tindakan pihak kerajaan bagi memastikan pemaju seperti ini memenuhi semua syarat-syarat kelulusan yang termaktub di dalam Kebenaran Merancang asal di semua PBT di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Senarai kemudahan awam yang belum dibina dan belum diserahkan oleh Tetuan HicomGamuda di Kota Kemuning Seksyen 31, Shah Alam adalah seperti berikut:

1) Dewan dan Tadika

Kelulusan Kebenaran Merancang rujukan MBSA/PRG/PSA 31-30-09 melalui surat rujukan MBSA/PRG/2016-95 (31) Jilid 17 bertarikh 17hb. November 2009 telah mensyaratkan kepada pemaju untuk membina dan menyerahkan tapak-tapak berikut:-

- i. 26 tapak telah diserahkan (termasuk sekolah, balai polis, balai bomba, tapak kubur, terminal/depoh lori/bas, Masjid, Gereja, Kuil, Perpustakaan, Pusat Sivik, Dewan, Bazaar dan Pusat Kesihatan)
- ii. 30 tapak yang melibatkan pembangunan surau, tadika, Dewan Orang Ramai, Tempat Letak Lori, Gerai, Tempat Letak Kenderaan, Kawasan Rekreasi, Tempat Letak Kenderaan Bertingkat telah pun dibina dan diserahkan kepada Majlis. Ini termasuklah pembinaan berikut :
 - a) 5 tapak dewan (telah dibina dan diserahkan kepada Majlis)
 - b) 2 tapak tadika (telah dibina dan diserahkan kepada Majlis)

- iii. Pembinaan 2 tapak gerai berikut telah disiapkan dan baru diserahkan kepada Majlis pada 22hb. Disember 2014

Tapak	Luas (Ekar)	Lokasi	Syarat KM	Pengurus/ Pentadbir	Status
Gerai	1.45	1 & 3, Jalan Anggerik Mokara 31/44	Bina dan serah	Majlis Bandaraya Shah Alam	Telah siap dan telah diserahkan pada 22hb. Dis. 2014
	1.00	1 & 3, Jalan Anggerik Mokara 31/44	Bina dan serah	Majlis Bandaraya Shah Alam	Telah siap dan telah diserahkan pada 22hb. Dis. 2014

- iv. Hanya 1 tapak dewan dan tadika bersepadu (belum dibina) dan pelan bangunan telah dibatalkan memandangkan pemaju perlu meminda semula cadangan yang dikemukakan kerana telah disyaratkan untuk meminda cadangan daripada saiz dewan dua gelanggang kepada 3 gelanggang dan akan mengemukakan semula pelan baru pada penghujung bulan Mac 2015 :

Tapak	Luas (Ekar)	Lokasi	Syarat KM	Pengurus/ Pentadbir	Status Serahan Tanah
Dewan dan Tadika	1.52	2, Jalan Anggerik Vanilla 31/97	Bina dan serah	Majlis Bandaraya Shah Alam	Telah Serah

2) Pangsapuri Mampu Milik

Pemaju telah disyaratkan untuk mematuhi dasar penyediaan rumah mampu milik 20:20:10 (20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana) bagi tambahan kediaman yang dibuat apabila membuat pindaan pembangunan komersial kepada kediaman di utara pembangunan Kota Kemuning yang melibatkan cadangan 183 unit Rumah Kos Rendah, 183 unit Rumah Kos Sederhana Rendah dan 92 unit Rumah Kos Sederhana.

Pindaan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri memandangkan ia melibatkan cadangan pecah sempadan lot tanah antara cadangan pembangunan rumah Kos Rendah serta Kos Sederhana dan Kos Sederhana Rendah yang tidak boleh dibangunkan bersekali sebagaimana peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) yang telah ditolak oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun perkara ini masih lagi dibincangkan di peringkat Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan juga Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor kerana yang melibatkan cadangan kepada pembangunan dan dasar baru bagi Rumah Selangorku yang dicadangkan untuk dibangunkan di tapak tersebut.

3) Ramp

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor bil.1/2012 bertarikh 13.02.2012 telah memutuskan rezab 'ramp' dikekalkan dan satu kajian lanjut melibatkan LLM, JKR dan MBSA perlu dijalankan untuk keseluruhan sistem lalulintas dan rangkaian jalan kawasan Persiaran Anggerik Mokara tersebut dan rangkaian jalan yang bersambungan dengannya.

Majlis melalui Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur & Bangunan bil. 9/2013 bertarikh telah melantik pihak IKRAM PremierConsulting untuk membuat semakan semula Laporan Kajian Lalulintas di persimpangan Anggerik Mokara & Anggerik Vanilla Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam.

Kajian lalulintas yang melibatkan keseluruhan rangkaian jalan termasuklah pembangunan CanalCity di Kuala Langat dan penyelarasan semula keseluruhan sirkulasi trafik di kawasan pusat komersial Kota Kemuning sedang dalam peringkat akhir penyediaannya.

Cadangan menaiktaraf dan penambahbaikan system dan sirkulasi lalulintas di Persiaran utama yang melibatkan Persiaran Anggerik Mokara dan Persiaran Anggerik Vanillah termasuk Pusat Daerah keseluruhan Kota Kemuning tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Bangunan, MBSA pada bulan Februari dan Mac yang lepas dan akan diperincikan lagi melibatkan kos dan pemaju-pemaju yang akan terlibat.

4) Kemudahan Lain Yang Belum Diserah

Majlis akan memberi peringatan semula kepada pemaju berhubung tindakan untuk menyerahkan tapak kolam takungan air di bawah sebagaimana disyaratkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk tindakan selanjutnya sebagaimana pelan diluluskan.

Tapak	Luas (Ekar)	Syarat KM	Pengurus/ Pentadbir	Status Serahan Tanah	Status Pembinaan Dan Serahan Bangunan
Kolam Takungan Air	19.18	Bina dan Serah	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	Belum serah	Belum Bina dan Serah

- b) Kelulusan pembangunan ini melibatkan beberapa kali proses pindaan yang melibatkan juga pindaan kedudukan tapak-tapak kemudahan awam. Pembangunan Kota Kemuning ini juga melibatkan proses kelulusan di Pihak Berkuasa Perancang Tempatan yang berbeza kerana pembangunannya diluluskan seawal tahun 1995 yang mana pembangunannya diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor (yang merupakan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ketika itu) sebelum diperakukan pelan tersebut setelah kawasan ini diwartakan ke dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam.

Pembangunan kawasan juga dimajukan mengikut fasa dan pembangunan kemudahan awam akan disyaratkan mengikut jumlah dan taburan penduduk yang terlibat dalam mana-mana fasa pembangunan. Kemungkinan cadangan tersebut tertinggal apabila pelan pemajuan dikemukakan oleh pemaju melalui arkitek yang dilantik mengikut blok pemajuan mengikut fasa yang ditetapkan.

Majlis dari masa ke semasa memantau pembinaan ini dan mensyaratkan pembinaannya kepada pemaju tetapi kawalan menjadi sukar apabila cadangan tersebut terpisah daripada pemajuan mengikut fasa yang dicadangkan dan melibatkan pengemukaan pelan bangunan yang berasingan.

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR (JPBD)

- c) Setiap kelulusan Kebenaran Merancang yang diberi oleh PBT telah ditetapkan pelbagai syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju dan Kerajaan Negeri telah pun menurunkan kuasa kepada PBT untuk memantau kerja-kerja ditapak sehingga projek siap dilaksanakan dengan sempurna.

PBT boleh mengemukakan notis ketidakpatuhan kepada pihak Lembaga Arkitek Malaysia jika berlaku ketidakpatuhan syarat-syarat KM sebelum Certificate of Completion and Compliance (CCC) dikeluarkan.

Pihak PBT dengan kuasa yang diberikan melalui Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 – (Akta 172) boleh melaksanakan penguatkuasaan berdasarkan

Seksyen 28 yang memperuntukkan PBT boleh mengeluarkan notis dan denda bagi pelanggaran dan ketidakpatuhan syarat KM bagi pemajuan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PEMBAKARAN SECARA TERBUKA

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan kerajaan negeri bagi mengawal pembakaran secara terbuka di Selangor?
- b) Senaraikan tangkapan yang dilakukan kerana melakukan pembakaran secara terbuka pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2014, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) telah menerima sebanyak 1,269 aduan mengenai pembakaran terbuka manakala bagi tahun 2015, dari 1 Januari hingga 15 Mac 2015, sebanyak 250 aduan telah diterima yang terdiri daripada pembakaran di tapak pembinaan, tapak pelupusan sampah haram, ladang, kebun, hutan, belukar dan pembakaran sampah di kawasan perumahan, tepi jalan dan tepi sungai.

Bagi kawasan Semenyih, sebanyak 30 kes pembakaran terbuka telah dikesan pada tahun 2014 dan 58 kes pembakaran terbuka dikesan pada tahun 2015 bagi tempoh sehingga 15 Mac 2015. Sebanyak 7 kes telah disediakan Kertas Siasatan terhadap kesalahan melakukan pembakaran terbuka untuk diambil tindakan mahkamah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pada tahun 2014, manakala kes-kes yang lain dikenakan tindakan kompaun, Notis Arahan atau surat amaran.

Bagi mengurangkan kes pembakaran terbuka, Kerajaan Negeri mengambil tindakan dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:-

- (i) Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh JAS dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah & Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka;
- (ii) JAS menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;

- (iii) Kerajaan Negeri telah mewujudkan Unit Penguatkuasaan Khas bagi mencegah pembakaran terbuka di bawah Majlis Perbandaran Klang bagi memantau kawasan pertanian Revolusi Hujau, Johan Setia, Klang;
- (iv) Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dengan melaksanakan "watermanagementsystem" melalui pembinaan "check dam" dan pembinaan telaga air tanah (tubewell) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
- (v) Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, JPAM dan RELA terlibat di dalam kerja-kerja pemadaman bagi kes-kes kebakaran yang telah berlaku melibatkan kawasan hutan, tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;
- (vi) Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/PembakaranTerbuka dan Jerebu;
- (vii) Bagi membantu untuk mempercepatkan pemadaman kebakaran yang dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kerajaan Negeri telah mendapatkan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk menggunakan khidmat penerbangan Bombardier untuk pemadaman kebakaran hutan di Negeri Selangor ;
- (viii) Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-30/2012 yang diadakan pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan bahawa Pejabat Tanah Daerah akan merampas tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak mengusahakan apa-apa aktiviti dan tidak menjaga tanah mereka; dan
- (ix) Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

- b) Pada tahun 2014, tiada kes tangkapan dibuat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar kerana melakukan pembakaran terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : LONGKANG DAN PARIT

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi memastikan setiap longkang dan parit tidak tersumbat dan berfungsi dengan baik?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi membaikpulih longkang dan parit di Selangor pada tahun 2015?

JAWAPAN:

a) Bagi memastikan setiap longkang dan parit tidak tersumbat dan berfungsi dengan baik, Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan seperti berikut :

- i) Kerja-kerja penebasan dan pembersihan parit oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri sebanyak 3 pusingan setahun dengan merujuk kepada jadual tebasan yang telah ditetapkan oleh pihak JPS Selangor seperti berikut :
 - Pusingan 1 – Bulan Februari hingga Mac
 - Pusingan 2 – Bulan Jun hingga Julai
 - Pusingan 3 – Bulan Oktober hingga November

Purata panjang parit yang terlibat anggaran 21.7km bagi setiap pusingan kerja tebasan merangkumi 13 buah kampung dalam Mukim Jeram dengan anggaran perbelanjaan setiap pusingan adalah sebanyak RM150,000.00.

- ii) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembangunan sistem saliran yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik secara perolehan sebutharga. Kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan menggali dan mendalamkan parit serta borrowpit, menaiktarafpembetung, membina jambatan jenis Medium Traffic Bridge (MTB) serta LightTraffic Bridge (LTB) dan sebagainya. Justeru pada tahun ini sejumlah RM250,000.00 telah diterima di bawah Kerajaan Negeri bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit di dalam kawasan saliran Mukim Jeram telah diperuntukkan.

- iii) Memandangkan Daerah Kuala Selangor terletak berhampiran dengan laut, fenomena air pasang surut turut terkesan kepada kawasan saliran. Oleh demikian, peranan dan operasi Pintu Kawalan Pasang Surut sebanyak 8 buah yang terdapat di kawasan Mukim Jeram sentiasa dipantau dan diselenggarakan baik oleh jabatan.

- b) Peruntukan sebanyak RM1.5 juta telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membaikpulih longkang dan parit di dalam Negeri Selangor pada tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD (KPSB)

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan struktur, pengurusan kanan dan lembaga pengarah kumpulan serta anak syarikatnya kini?
- b) Senaraikan kejayaan KPSB pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Struktur, pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah KPSB serta anak syarikatnya adalah seperti berikut:-
 - (i) Ahli Lembaga Pengarah KPSB dan anak-anak syarikatnya.

KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD

- 1. YM Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin
- 2. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
- 3. Encik Mustaffa Kamil bin Ayub
- 4. YB Dato' KamarulBaharin bin Abbas
- 5. YB Sivarasa A/L Rasiah
- 6. YBhg Dato' Dr. MohamedAriffin bin Aton
- 7. Encik Rosely @ MohamedRoss bin Mohd Din
- 8. YBhg Dato' Idris bin Md Tahir

Anak Syarikat Kumpulan Perangsang Selangor Berhad

CASH BAND (M) BERHAD

- 1. YB Dato' KamarulBaharin bin Abbas
- 2. YB WilliamLeong-JeeKeen
- 3. Encik Rosely @ MohamedRoss bin Mohd Din

VIABLE CHIP (M) SDN BHD

1. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
2. Mr. KevinLeeShih-Min
3. Puan Hashimah binti Mohd Isa

PERANGSANG OIL & GAS SDN BHD

1. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah
2. Encik Aminurddin bin Abdul Jalil

PERANGSANG TELCO SDN BHD

1. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah
2. Encik Abdul Latib bin Tokimin

TITISAN MODAL (M) SDN BHD

1. Encik SuhaimiKamaralzaman - Pengerusi
2. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah
3. Encik Abdul Karim bin Endut

HYDROVEST SDN BHD

1. YBhg Dato' Dr. MohamedAriffin bin Aton - Pengerusi
2. YB Sivarasa A/L Rasiah
3. YBhg Dato' Idris bin Md Tahir
4. YBhg Dato' Lim CheeMeng
5. Mr. PhangKwai Sang
6. Mr. Wong VoonLeong (Pengarah Gantian kepada YBhg Dato' Lim CheeMeng)

Anak Syarikat CashBand (M) Berhad

PERANGSANG HOTEL & PROPERTIES SDN BHD

1. YB Dato' KamarulBaharin bin Abbas - Pengerusi
2. Encik Rosely @ MohamedRoss bin Mohd Din

BRISDALE INTERNATIONAL HOTEL SDN BHD

1. YB Dato' KamarulBaharin bin Abbas - Pengerusi
2. Encik Rosely @ MohamedRoss bin Mohd Din

Anak Syarikat Titisan Modal (M) Sdn Bhd

KONSORTIUM ABASS SDN BHD

1. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman - Pengerusi
2. Tuan Haji Ir. Abas bin Abdullah
3. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah
4. Encik Abdul Karim bin Endut

Anak Syarikat Hydrovest Sdn Bhd

AQUA-FLO SDN BHD

1. YBhg Dato' Dr. MohamedAriffin bin Aton - Pengerusi
2. YBhg Dato' Idris bin Md Tahir
3. Mr. Tan Chee Kit
4. Mr. Yeoh Hang Keng @ Yeoh Ah Kock
5. Mr. PhangKwai Sang
6. Mr. ChanChiangHeng (Pengarah Gantian kepada Mr. Yeoh Hang Keng @ Yeoh Ah Kock)

(ii) Senarai Pengurusan Kanan KPSB dan anak-anak syarikat

1. Kumpulan Perangsang Selangor Berhad

Encik Suhaimi bin Kamaralzaman - Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan/Pengarah Urusan

2. CashBand (M) Berhad

Encik Sapuan bin Abd Razak - Ketua Pegawai Eksekutif

3. Konsortium Abass Sdn Bhd

Encik Ir. Abas bin Abdullah – Ketua Pegawai Operasi

- b) Kejayaan KPSB pada tahun 2014 adalah KPSB telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM315.479 juta dengan keuntungan selepas cukai dan zakat sebanyak RM118.062 juta. KPSB juga telah mengisytiharkan dividen sebanyak 4% atau RM19.960 juta kepada pemegang-pemegang saham.

Selain daripada itu, KPSB juga telah membelanjakan sebanyak RM5.0 juta bagi Program Tanggungjawab Sosial Korporat Syarikat. Sumbangan ini termasuklah penajaan bagi Program Pembangunan Sukan untuk Negeri Selangor, Program Pembangunan Usahawan (EDP) dan sumbangan kerusi dan meja kantin kepada 97 sekolah-sekolah Tamil di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon YAB menyatakan secara terperinci semua projek pembangunan yang akan dilaksanakan dalam Dun Sabak sepanjang 2015 hingga 2018.

JAWAPAN:

- a) Projek Pembangunan yang akan dilaksanakan dalam Kawasan DUN Sabak bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:-
- i. Cadangan membangunkan semula Stesen Bas di Pekan Sabak;
 - ii. Cadangan Penjenamaan Semula Sabak Waterfront, di Pekan Sabak;
 - iii. Cadangan menaiktaraf jalan JKR B5 dari Sungai Besar ke Pekan Sabak;
 - iv. Cadangan menurap semula jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Bedena dan Jalan Bedena 1, PanchangBedena, Sabak Bernam;
 - v. Cadangan menurap semula jalan dan membaikpulih longkang serta kerja-kerja berkaitan dilorong belakang Lorong B, C Jalan Serindit, Jalan Rajawali, Jalan Merbok dan Jalan Cederawasih, Taman Berjaya, Sabak Bernam;
 - vi. Cadangan menurap semula jalan dan membaik pulih semula longkang di Jalan Feri (Jalan Feri 1, Lorong Belakang Jalan Feri 3, 4, 5) dan Taman Bernam Jaya (Jalan Bernam 1, 2 dan 6), Sabak Bernam;
 - vii. Cadangan menurap semula jalan serta membaikpulih longkang di Jalan Bunga Tulip dan Lorong Belakang di Jalan Serendah 1, 2, 3, 4, 5 dan 6, Taman Serendah, Sabak Bernam;
 - viii. Cadangan menurap semula jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan 2, Taman Pertama, Sabak Bernam;
 - ix. Cadangan menurap jalan dan membaik pulih longkang serta kerja-kerja berkaitan di Lorong Belakang Jalan Mawar, Lorong Mawar 1, Lorong Mawar 2, dan Jalan Melor di taman Pertama, Sabak Bernam;
 - x. Cadangan menurap semula jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Pasar, Sabak Bernam;
 - xi. Cadangan menurap semula jalan serta kerja-kerja yang berkaitan di Jalan Tebedu, Sabak Bernam; dan
 - xii. Cadangan menurap semula jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Lintang Parit 11 Barat, Bagan Terap, Sabak Bernam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : 1 DUN 1 KOMPLEKS SUKAN

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan akan mencapai tahap di mana semua DUN mesti mempunyai sekurang-kurangnya 1 kompleks sukan?
- b) Apakah kriteria yang diguna pakai oleh kerajaan untuk meluluskan permohonan bajet untuk program pembangunan belia dan sukan di peringkat DUN?
- c) Senaraikan program belia dan sukan mengikut DUN untuk 2015

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini kerajaan negeri tidak berhasrat untuk menyediakan 1 kompleks sukan di setiap DUN memandangkan kos pembinaan dan penyelenggaraan sesebuah kompleks sukan melibatkan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun pada masa ini di setiap daerah telah mempunyai kompleks sukan yang dikawal selia oleh Pihak berkuasa Tempatan (PBT) untuk kegunaan orang ramai dan komuniti di kawasan-kawasan tersebut. Melalui itu juga dapat dilihat perkara ini juga penggunaan kompleks-kompleks sukan tersebut tidak digunakan secara menyeluruh oleh pihak yang terlibat dan ianya hanya digunakan secara bermusim sekiranya ada program-program besar yang melibatkan komuniti dikawasan tersebut.
- b) Buat masa ini kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor tidak mempunyai bajet khusus untuk pembangunan sukan di peringkat DUN. Maka ianya tiada kriteria yang digunapakai oleh kerajaan dalam untuk meluluskan permohonan bajet untuk program pembangunan belia dan sukan di peringkat DUN.
- c) Program belia dan sukan mengikut DUN untuk 2015 Liga Sukan Selangor Plus yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Kebudayaan yang akan dilaksanakan di kawasan DUN seluruh Negeri Selangor

pada bulan April hingga Mei 2015 ini. Pelancaran Liga Sukan Selangor Plus ini telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari selaku EXCO yang bertanggungjawab untuk program sukan ini.

Liga ini mempertandingkan sebanyak 3 jenis sukan iaitu futsal, 3 on 3 bola jaring, dan 3 on 3 bola keranjang. Juara bagi ketiga-tiga acara di peringkat DUN akan bertanding di Grand Finale peringkat negeri pada bulan Jun 2015 nanti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KESELAMATAN DAN USAHA BANTERAS JENAYAH

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan terbaik dalam menyebarkan program Community Policing/PKKPJ/Seroja serta langkah yang diambil oleh kerajaan Selangor dalam menyediakan infrastruktur yang mampu mencegah jenayah?
- b) Adakah peruntukan yang disediakan/digunakan bagi program PKKPJ benar2 memberi impak terhadap isu menjaga keselamatan?
- c) Nyatakan Statistik kes-kes jenayah di seluruh negeri Selangor bagi setiap kawasan DNS bagi 2013-2015 (berdasarkan jenis jenayah, umur penjenayah terlibat, jumlah tangkapan, jumlah kes yang berjaya diselesaikan).

JAWAPAN:

- a) Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor telah menyediakan piawaian Garis Panduan Permohonan termasuk borang-borang yang diguna pakai secara seragam bagi memudahkan JMB dan MC untuk memohon bantuan Skim SEROJA. Garis Panduan tersebut telah pun diedarkan kepada semua Unit Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan dan akan dipanjangkan kepada semua pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen untuk meluaskan akses kepada JMB dan MC. Setakat ini, terdapat 13 kawasan pangsapuri telah mendapat dan membuat permohonan bantuan skim SEROJA seperti berikut:

BIL.	PBT	NAMA PANGSAPURI	TAHUN BERMULA PELAKSANAAN
1.	MBSA	1. SRI ERA	2013
2.	MBPJ	2. DESA MENTARI, BLOK 3	2014
3.	MPSJ	3. A27-A30, PUCHONG PERMAI	2013
4.	MPAJ	4. CEMARA 1 & 2	2014
		5. NUSA KURNIA	2014
		6. INTAN, BUKIT PERMAI	2014
		7. INAI BLOK A, B, C DAN D	2015
5.	MPK	8. MAWAR CEMPAKA	2013
6.	MPKj	9. MELUR, TAMAN SUTERA KAJANG	2014

BIL.	PBT	NAMA PANGSAPURI	TAHUN BERMULA PELAKSANAAN
7.	MPS	10. LAKSAMANA JAYA	2013
8.		11. CEMPAKA, TAMAN GOMBAK PERMAI	2014
9.	MPSp	12. MEGAH VILLA	2013
10.	MDHS	13. KENANGA, TAMAN BUNGA RAYA	2014

- b) PKKPDiperkenalkanpadatahun 2011 denganperuntukansumbangansebanyak RM5,000.00 kepadasetiap RA / RT mengikutsyarat-syarattertentu. Padatahun 2014, program inidiperluaskankepada JMB kosrendah / sederhana. Tujuan PKKPD iniadalahuntukmenggalakkan 'community policing' di kalanganpendudukPetaling Jaya. Hasilanalisa yang dijalankanmelaluikaedahborang, laporan, temuramahdanpemerhatianmandapati, sepanjangtahun 2011 sehingga 2014 mendapatikawalankeselamatan yang dilaksanakansecarasukarelaolehpendudukmeningkatdankekerapanrondaanlebih 3 kali seminggumeningkatsebanyak 75% daritahun 2011.
- c) Perangkaan jenayah indeks bagi tempoh Januari – Disember 2013/2014 iaitu pada tahun 2014 sebanyak 43,059 kes jenayah indeks dicatatkan berbanding tahun 2013 sebanyak 36,308 kes iaitu penurunan sebanyak 6,751 kes @ - 15.68%. Berikut adalah perangkaan jenayah indeks bagi kontinjen Selangor tempoh Januari – Disember 2013/2014.

Bil	Jenis Kesalahan	Jenayah Indeks			
		2013	2014	Jumlah	Peratus
	Jenayah Kekerasan	Kes	Kes	+N/-T	%
1	Bunuh	167	114	-53	-31.74%
2	Rogol	395	319	-76	-19.24%
3	Samun Berkawan Bersenjatapi	15	10	-5	-33.33%
4	Samun Berkawan Tanpa Bersenjatapi	6097	5077	-1020	-16.73%
5	Samun Bersenjatapi	5	6	1	20.00%
6	Samun Tanpa Senjatapi	871	811	-60	-6.89%
7	Cedera (324 - 326KK)	1105	1087	-18	-1.63%
Jumlah Kekerasan		8655	7424	-1231	-14.22%
Jenayah Hartabenda					
1	Lain-Lain Curi	5143	4683	-460	-8.94%
2	Curi Motokar	5834	4747	-1087	-18.63%
3	Curi Motosikal	12652	10770	-1882	-14.88%
4	Curi Motolori / Van / Jentera Berat	2047	1649	-398	-19.44%
5	Curi Ragut	983	845	-138	-14.04%
6	Pecah Rumah Dan Curi	7745	6190	-1555	-20.08%
Jumlah Hartabenda		34404	28884	-5520	-16.04%
Jumlah Besar		43059	36308	-6751	-15.68%

Perangkaan Jenayah Indeks Mengikut Daerah Polis Kontinjen Selangor Tempoh Januari – Disember 2013 / 2014 adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jen. Indeks (KPI -5%)		
		2013	2014	%
Daerah Kategori 'A'				
1	Kajang	4880	4520	-7.38%
2	Gombak	4711	4265	-9.47%
3	Ampang Jaya	4421	3718	-15.90%
4	Klang Selatan	3626	3095	-14.64%
5	Shah Alam	3037	2496	-17.81%
6	Klang Utara	2055	1722	-16.20%
7	Petaling Jaya	8068	6487	-19.60%
8	Subang Jaya	3599	2769	-23.06%
9	Serdang	2698	2105	-21.98%
Daerah Kategori 'B'				
10	Sepang	957	1033	7.94%
11	Sabak Bernam	453	476	5.08%
12	Kuala Selangor	666	564	-15.32%
13	Sg. Buloh	2059	1642	-20.25%
14	Kuala Langat	945	756	-20.00%
15	Hulu Selangor	884	660	-25.34%
JUMLAH BESAR		43059	36308	-15.68%

Perangkaan jenayah indeks bagi tempoh Januari – Februari 2014/2015 iaitu pada tahun 2015 sebanyak 5,304 kes jenayah indeks dicatatkan berbanding tahun 2014 sebanyak 6,608 kes iaitu penurunan sebanyak 1,304 kes @ -19.73%. Berikut adalah perangkaan jenayah indeks bagi kontinjen Selangor tempoh Januari – Februari 2014/2015.

Bil	Jenis Kesalahan	Jenayah Indeks			
		2014 Kes	2015 Kes	Jumlah +N/-T	Peratus %
1	Bunuh	19	25	6	31.58%
2	Rogol	60	51	-9	-15.00%
3	Samun Berkawan Bersenjatapi	6	1	-5	-83.33%
4	Samun Berkawan Tanpa Bersenjatapi	973	677	-296	-30.42%
5	Samun Bersenjatapi	0	0	0	#DIV/0!
6	Samun Tanpa Senjatapi	151	97	-54	-35.76%
7	Cedera (324 - 326KK)	160	181	21	13.13%
Jumlah Kekerasan		1369	1032	-337	-24.62%
Jenayah Hartabenda					
1	Lain-Lain Curi	989	635	-354	-35.79%
2	Curi Motokar	778	653	-125	-16.07%
3	Curi Motosikal	1835	1559	-276	-15.04%
4	Curi Motolori / Van / Jentera Berat	262	274	12	4.58%
5	Curi Ragut	284	249	-35	-12.32%
6	Pecah Rumah Dan Curi	1091	902	-189	-17.32%
Jumlah Hartabenda		5239	4272	-967	-18.46%
Jumlah Besar		6608	5304	-1304	-19.73%

Perangkaan Jenayah Indeks Mengikut Daerah Polis Kontinjen Selangor Tempoh Januari – Februari 2014 / 2015 adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jen. Indeks (KPI -5%)		
		2014	2015	%
Daerah Kategori 'A'				
1	Kajang	1154	681	-40.99%
2	Ampang Jaya	771	487	-36.84%
3	Subang Jaya	538	352	-34.57%
4	Klang Selatan	518	437	-15.64%
5	Shah Alam	413	353	-14.53%
6	Petaling Jaya	1118	1010	-9.66%
7	Klang Utara	275	268	-2.55%
8	Serdang	347	348	0.29%
9	Gombak	618	623	0.81%
Daerah Kategori 'B'				
10	Sg. Buloh	290	199	-31.38%
11	Kuala Langat	119	98	-17.65%
12	Hulu Selangor	116	100	-13.79%
13	Kuala Selangor	109	96	-11.93%
14	Sepang	153	167	9.15%
15	Sabak Bernam	69	85	23.19%
JUMLAH BESAR		6608	5304	-19.73%

Perangkaan Bagi Kes Jenayah Indeks, Jumlah Kes Selesai Dan Jumlah Tangkapan Bagi Negeri Selangor Tempoh Tahun 2013 hingga 2014 Dan 2015 (Jan-Feb)

Bil	Daerah Jenayah Kekerasan	2013			2014			2015		
		Jumlah Kes	Jumlah Selesai	Jumlah Tangkap	Jumlah Kes	Jumlah Selesai	Jumlah Tangkap	Jumlah Kes	Jumlah Selesai	Jumlah Tangkap
1	Bunuh	167	92	75	114	78	94	25	13	24
2	Rogol	395	365	90	319	294	137	51	48	54
3	Samun Berkawan Bersenjatapi	15	13	13	10	6	11	1	1	2
4	Samun Berkawan Tanpa Bersenjatapi	6097	3130	1917	5077	2988	4914	677	394	258
5	Samun Bersenjatapi	5	3	0	6	3	3	0	0	0
6	Samun Tanpa Bersenjatapi	871	434	78	811	531	55	97	62	24
7	Mendatangkan Cedera	1105	1002	352	1087	913	327	181	137	144
Jumlah Kekerasan		8655	5039	2525	7424	4813	5541	1032	655	506
Jenayah Hartabenda										
1	Lain-Lain Curi	5143	3303	1666	4683	3186	1479	635	397	339
2	Curi Motokar	5834	2403	1720	4747	2057	1277	653	272	71
3	Curi Motosikal	12652	5641	872	10770	5092	695	1559	707	125
4	Curi Motolori / Van / Jentera Berat	2047	698	465	1649	671	120	274	112	33
5	Ragut	983	440	82	845	455	107	249	149	26
6	Pecah Rumah Dan Curi	7745	3328	2589	6190	3352	2130	902	437	172
Jumlah Hartabenda		34404	15813	7394	28884	14813	5808	4272	2074	766
Jumlah Besar		43059	20852	9919	36308	19626	11349	5304	2729	1272

Perbandingan Jenayah Indeks bagi tahun 2013 dan 2014 telah menunjukkan penurunan sebanyak 6,751 kes @ -15.68% di mana tahun 2013 sebanyak 43,059 kes dan tahun 2014 sebanyak 36,308 kes.

Perbandingan Jenayah Indeks bagi tahun 2014 dan 2015 (Jan – Feb) telah menunjukkan penurunan sebanyak 1,304 kes @ -19.73% di mana tahun 2014 sebanyak 6,608 kes dan tahun 2015 sebanyak 5,304 kes.

Bagi kes selesai pada tahun 2013 sebanyak 20,852 kes @ 48.43% telah berjaya diselesaikan daripada 43,059 kes dan tangkapan penjenayah sebanyak 9,919 orang saspek.

Bagi kes selesai pada tahun 2014 sebanyak 19,626 kes @ 54.05% telah berjaya diselesaikan daripada 36,308 kes dan tangkapan penjenayah sebanyak 11,349 orang saspek.

Bagi kes selesai pada tahun 2015 (Jan-Feb) sebanyak 2,729 kes @ 51.45% telah berjaya diselesaikan daripada 5,304 kes dan tangkapan penjenayah sebanyak 1,272 orang saspek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : DENGGI

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah afirmatif yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan kes denggi berkurangan?
- b) Berapakah kos yang diperuntukkan untuk tujuan ini, dan nyatakan kos perkara yang dibelanjakan?

JAWAPAN:

a) Langkah-langkah alternatif yang diambil oleh pihak Majlis adalah seperti berikut:

- i) Pelan Tindakan Denggi PBT di Lokaliti Hotspot

Bilangan lokaliti hotspot sehingga minggu ke 10/2015 (08/03/2015 hingga 14/03/2015) sejumlah 44 lokaliti hotspot aktif dicatatkan di kawasan pentadbiran MBSA.

Penumpuan lokasi untuk aktiviti pemeriksaan pembiakan Aedes adalah kepada empat kawasan iaitu

- lot/ tanah kosong
- pusat kitar semula
- tapak bina terbengkalai
- sampah haram

Aktiviti 'larvaciding' serta aktiviti penguatkuasaan juga dijalankan sekiranya terdapat kesalahan pembiakan jentik-jentik. Aktiviti ini dijalankan setiap hari manakala laporan dihantar ke pihak KPKT pada kekerapan mingguan.

- ii) Jadual One Stop Coordinating Center

Pihak Pejabat Kesihatan Daerah Petaling menyediakan jadual aktiviti kawalan (aktiviti semburan ruang thermal dan aktiviti semburan ruang ULV) setiap hari untuk dilaksanakan oleh setiap PBT. Jadual disediakan berdasarkan notifikasi kes demam denggi yang diterima. Aktiviti dilaksanakan setiap hari.

iii) Penubuhan 'TaskForce' Denggi MBSA

Pihak Majlis telah menubuhkan pasukan taskforce denggi peringkat Majlis pada bulan Julai 2014 bagi memastikan penduduk Shah Alam bebas dari penularan kes demam denggi

Sebanyak 19 pasukan taskforce denggi telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Penyelarasan Pelan Tindakan Wabak Denggi pada 7 Ogos 2014. Setiap pasukan taskforce denggi dipertanggungjawabkan ke atas satu kawasan atau jenis premis untuk dilawati. Pemeriksaan dijalankan bagi memeriksa kebersihan kawasan secara amnya, mengenalpasti sebarang permasalahan dan sekiranya perlu mengambil tindakan secara holistik dan bersepadu.

Berikut adalah pecahan pasukan 'taskforce' denggi mengikut kawasan atau jenis premis

- Bangunan berstrata (2 pasukan)
- Tapak bina
- Tapak bina/ projek terbengkalai
- Pembersihan longkang monsun
- Pembersihan awam
- Longkang tanah luar bandar
- Tempat pembuangan sampah haram
- Tempat perniagaan barang lusuh/ besi buruk
- Kilang-kilang
- Pembersihan jalan-jalan protokol/ persiaran/ tasik/ taman
- Tanah kosong
- Rumah kedai/ pasar/ foodcourt/ gerai/ restoran
- Aset kerajaan – milik MBSA
- Aset kerajaan – selain milik MBSA
- Kampung tradisi
- Taman perumahan (2 pasukan)
- Institut Pengajian Tinggi

Ketua kumpulan dilantik dari kalangan pegawai kumpulan Pengurusan dan Professional dari pelbagai jabatan. Pergerakan kumpulan-kumpulan ini ditentukan oleh ketua kumpulan berdasarkan lokalitihotspot demam denggi.

Sarjen/Koperal	YY6/YY4	1
Pemandu Kenderaan	R3 (Kontrak)	1
Pembantu Am Pejabat	N1 (Kontrak)	1
Pekerja Sambilan Harian	(Sambilan)	1
Jumlah		10


UNIT PERKHIDMATAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	2
Pembantu Tadbir (P/O)	N17 (Kontrak)	2
Pembantu Penguatkuasa	N17 (Kontrak)	3
Pembantu Am Pejabat	N4	2
Pemandu Kenderaan	R6	1
Pemandu Kenderaan	R3	2
Pemandu Kenderaan	R3 (Kontrak)	1
Pembantu am Pejabat	N1	1
Pekerja Sambilan Harian	(Sambilan)	1
Jumlah		16

UNIT MEDIA		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Setiausaha Akhbar	41	1
Pereka Set/Juru Foto	17	1
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	1
Jumlah		3

UNIT KEWANGAN		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Pembantu Tadbir (Kew.)	W17	1
Jumlah		1

NOTA : Jumlah kakitangan keseluruhan sedia ada termasuk Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian adalah sebanyak 30 orang

**CARTA FUNGSI PEJABAT
YAB. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RANCANGAN PELAN STRATEGIK TRAFIK

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perincian pelan strategik trafik alternatif bagi sekitar Bandaraya Petaling Jaya, Damansara dan Puchong setelah kononya projek membina Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) dibatalkan.

JAWAPAN:

- a) Sebagai langkah alternatif, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Selangor untuk menjalankan kajian dan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Kerajaan Negeri memutuskan supaya Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negeri Selangor dibangunkan dalam tempoh enam (6) bulan bermula dari bulan April 2015. Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam yang dijalankan akan lebih menyeluruh serta merangkumi aspek sistem pengangkutan awam sedia ada, sistem jaringan jalanraya dan lalu lintas yang akan membantu memperbaiki sistem pengurusan trafik di Negeri Selangor. Melalui pembangunan pelan induk itu juga, Kerajaan Negeri Selangor bolehlah membuat pertimbangan terperinci antara keperluan pembangunan lebuhraya, jalanraya ataupun pembangunan pengangkutan awam.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan supaya pembangunan infrastruktur pengangkutan awam diberi keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan selaras rancangan untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama berbanding kenderaan persendirian di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor mengesyorkan nisbah minimum pengangkutan awam kepada pengangkutan kenderaan persendirian ialah 60:40.

Keutamaan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan adalah melaksanakan rancangan pembangunan BusRapid Transit (BRT), perkhidmatan rel (komuter, LRT, MRT) dan perkhidmatan bas (*feederbus*, bas henti-henti).

Kerajaan Negeri juga menerima baik akan usaha untuk membangunkan perbandaran di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur menggunakan konsep *Transit Oriented Development* (TOD) bagi membolehkan pembangunan perumahan dan komersial di Lembah Klang diintegrasikan dengan penyediaan infrastruktur pengangkutan awam.

Kerajaan Negeri Selangor telah menunjukkan komitmen bagi membantu meningkatkan penggunaan pengangkutan awam melalui penyediaan perkhidmatan *feederbus* kepada komuniti di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mulai Jun 2014. Perkhidmatan ini akan diperluaskan lagi di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KAWASAN PENEROKA BANDAR

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah terkini keluasan tanah kerajaan yang diduduki oleh peneroka bandar di seluruh Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi mencapai sifar peneroka bandar di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan Peneroka Bandar yang masih tinggal di atas tapak adalah berjumlah 2,542 keluarga seperti di Lampiran 1.
- b) Dasar Kerajaan Negeri bagi mencapai sifar Peneroka Bandar adalah melalui cara yang lebih berhemah dan mengambilkira pandangan semua pihak termasuk Peneroka Bandar yang akan dipindahkan. Kerajaan Negeri akan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Peneroka Bandar berkenaan sebelum diputuskan sama ada perobohan akan dijalankan atau dikekalkan di atas tapak. Kerajaan Negeri juga amat menitikberatkan kebajikan dan kemampuan kewangan Peneroka Bandar sebelum dipindahkan ke penempatan baru. Kerajaan Negeri juga masih mengekalkan dasar bagi penempatan Peneroka Bandar baru akan dirobuhkan manakala penempatan Peneroka Bandar sedia ada atau yang membawa kes ke mahkamah akan dipertimbangkan mengikut keperluan semasa. Kerajaan Negeri juga akan memastikan setiap operasi perobohan yang akan diadakan tidak memberi pandangan negatif kepada Peneroka Bandar dan orang awam. Selain itu program penawaran Rumah Selangorku juga ditawarkan kepada Peneroka Bandar yang layak memohon untuk memiliki rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : MIMBAR

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah penerima pembiayaan MIMBAR semenjak 2014 sehingga kini? Nyatakan mengikut DUN?
- b) Apakah usaha-usaha baru yang di buat bagi membantu penduduk di bandar keluar dari kemiskinan?
- c) Berapakah sasaran pembiayaan yang telah tercapai? Jika tidak, nyatakan faktor kegagalan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Jumlah pertambahan peserta baru semenjak tahun 2014 sehingga Februari 2015 sebanyak 352 orang. Pecahan penerima pembiayaan bagi tahun 2015 mengikut DUN adalah seperti berikut:

DUN	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
BALAKONG	5	22,500.00
BANGI	6	21,000.00
BATU CAVES	3	10,000.00
BATU TIGA	41	184,350.00
BUKIT ANTARABANGSA	2	8,500.00
BUKIT LANJAN	1	5,050.00
CHEMPAKA	11	35,500.00
DENGKIL	4	17,050.00
DUSUN TUA	3	9,500.00
GOMBAK SETIA	9	35,650.00
HULU KELANG	7	25,000.00
JERAM	6	25,100.00
KAJANG	9	22,000.00
KINRARA	6	21,000.00
KOTA ALAM SHAH	4	14,000.00
KOTA ANGGERIK	29	123,450.00
KOTA DAMANSARA	26	87,700.00
KUANG	9	34,600.00
LEMBAH JAYA	8	27,500.00

MERU	18	76,200.00
PANDAMARAN	2	8,000.00
PAYA JARAS	5	16,050.00
PELABUHAN KLANG	9	37,750.00
RAWANG	9	32,050.00
SELAT KELANG	17	62,100.00
SEMENTA	12	40,050.00
SEMENYIH	2	4,000.00
SERI ANDALAS	9	37,150.00
SERI KEMBANGAN	2	5,000.00
SERI SERDANG	12	46,100.00
SERI SETIA	1	3,000.00
SIJANGKANG	1	5,050.00
SRI MUDA	33	138,000.00
SUBANG JAYA	3	11,550.00
SUNGAI PELEK	1	2,500.00
SUNGAI PINANG	5	20,550.00
TAMAN MEDAN	14	63,400.00
TAMAN TEMPLER	6	14,000.00
TELUK DATUK	2	10,100.00
JUMLAH	352	136,2050.00

- b) MIMBAR telah ditambahbaik apabila disatukan ke dalam program mikrokredit bersepadu iaitu Program Hijrah Selangor dengan pendekatan dan kaedah yang dikemas kini dengan baik supaya dapat memberikan hasil yang lebih baik.
- c) Sehingga Februari 2015 MIMBAR telah membiayai seramai 5,136 orang peserta dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM10,915,528.00.

Pertambahan peserta dari tahun 2014 sehingga Februari 2015 adalah sebanyak 352 orang peserta dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1,362,050.00 daripada jumlah dana yang diterima MIMBAR pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM1,430,000.00. Walau bagaimanapun, untuk tahun 2015, MIMBAR masih menunggu penyaluran dana baru sebanyak RM20 juta seperti yang diumumkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar di dalam pembentangan bajet 2015 yang lalu.

Statistik Kemasukan peserta tahun 2014 hingga Februari 2015

PERKARA	BIL	JUMLAH RM
PESERTA MIMBAR	241	801,500.00
PESERTA BANTUAN UP TOWN	111	560,550.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : AIR TERJUN DI SELANGOR

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan destinasi-destinasi air terjun yang menarik pelancong dan keunikannya di Selangor.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menjadikan semua destinasi tersebut sebagai destinasi utama pelancong? Jika tidak, nyatakan sebabnya?

JAWAPAN:

a) Senarai destinasi-destinasi air terjun yang menarik pelancong dan keunikannya di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) Taman Rimba Ampang

Kaya dengan khazanah flora dan fauna, taman rimba yang juga sebahagian daripada Hutan Simpan Ampang telah dinaik taraf sebagai pusat rekreasi. Air bukit yang jernih lagi segar, dilengkapi pula dengan kemudahan taman permainan dan kawasan rehat berserta laluan pejalan kaki, pondok istirahat, kawasan permainan darat dan air. Penaikan taraf taman rimba ini memberi nafas baru dan menjadikan Ampang sebagai salah satu destinasi pelancongan utama.

ii) Hutan Rekreasi Sungai Congkak

Kawasan rekreasi ini terletak di Hulu Langat. Para pengunjung dapat merasai kehidupan kampung dan alam semula jadi yang memberikan ketenangan. Jaraknya yang dekat dengan pusat bandar Kuala Lumpur memudahkan pengunjung ke Hulu Langat dengan kos yang agak murah. Semasa musim buah-buahan, para pengunjung dapat melihat menikmati pelbagai buah-buahan tempatan seperti durian, langsung, manggis, cempedak dan rambutan yang dijual di sepanjang jalan.

iii) Air Terjun Sungai Tekala

Hanya 45 minit perjalanan dari Kuala Lumpur, kedudukannya sangat strategik di pinggir jalan raya ke Hulu Langat dan ke Kuala Kelawang, Negeri Sembilan. Kemudahan yang disediakan adalah seperti gerai, surau, bilik persalinan dan tempat berteduh menjadikan lokasi ini sangat ideal untuk aktiviti mandi-manda dan lokasi perkelahan bersama keluarga mahupun bersama rakan-rakan.

iv) **Air Terjun Sungai Pangsun**

Air Terjun Sungai Pangsun terletak di Batu 22, Hulu Langat. Air terjun ini menjadi salah satu lokasi tarikan peminat aktiviti rekreasi dan pencinta alam khususnya penggemar aktiviti merentas dan menjelajah hutan. Terdapat pemandangan indah yang boleh dilihat daripada puncak bukit seperti pemandangan menghijau di sekitar Empangan Pangsun dan kawasan yang berhampirannya. Terdapat sebuah kolam semula jadi yang terbentuk dan sesuai untuk melakukan aktiviti lasak seperti terjun dari aras yang tinggi. Pemandangan di sekitar air terjun ini juga sangat mempesonakan.

v) **Air Terjun Sungai Gabai**

Air terjun Sungai Gabai terletak di Kampung Sungai Lui, Mukim Hulu Langat. Mempunyai 12 tingkat dengan 336 anak tangga hingga ke tingkat paling atas. Terdapat banyak pondok rehat yang dibina oleh Majlis Daerah Hulu Langat. Kemudahan seperti surau, bilik persalinan dan tandas juga disediakan. Selain itu, terdapat juga sebuah perkampungan orang Asli yang dikenali sebagai Rancangan Penempatan Semula Orang Asli Sungai Gabai. Terdapat kira-kira 12 buah rumah Orang Asli suku Temuan di sini. Rumah-rumah mereka diperbuat daripada kayu menyerupai rumah peneroka FELDA. Rumah-rumah ini dibina dengan bantuan kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

vi) **Air Terjun TemplerPark**

Berada di sebuah lembah kecil di utara sempadan bandar Kuala Lumpur dan terletak bersebelahan dengan jalan raya yang sibuk menghala ke Ipoh menyebabkan lokasi ini mudah diakses dan menjadi tumpuan ramai. Terdapat banyak kawasan perkemahan di sepanjang dua batang sungai di TemplerPark ini. Dari kawasan tempat letak kereta, terdapat jalan yang membawa ke kawasan kolam yang dijaga baik dan di situlah bermulanya trek ke kawasan air terjun.

vii) **Air Terjun Batu Asah**

Lokasinya berhampiran dengan Kampung Kemensah, Hulu Kelang. Perjalanan daripada Pusat Bandar Kuala Lumpur mengambil masa selama 20 minit dan jarak perjalanan adalah sejauh 15 km sahaja. Pengunjung akan melalui Zoo Negara sebelum sampai ke Kg. Kemensah dan seterusnya perjalanan mengambil masa selama 10 minit untuk sampai ke destinasi tersebut. Air Terjun Batu Asah terletak di dalam Hutan Simpan Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Nama Air Terjun Batu Asah ini telah diberikan oleh orang asli yang mencari hasil hutan untuk kegunaan masyarakat beliau.

viii) **Hutan Rekreasi Sungai Tua**

Berhampiran Empangan Batu, Hutan Rekreasi Sg. Tua merupakan hutan simpan dan rekreasi yang mempunyai air terjun yang menarik. Terletak di dalam kawasan Hutan Simpan Hulu Gombak yang merupakan Hutan DipterokarpPamah yang terkandung pelbagai flora, fauna dan herba untuk pelbagai kegunaan perubatan dan penawar. Di sini juga terdapat kawasan-kawasan perkelahan di bawah penyeliaan Jabatan Hutan Daerah. Perkampungan Orang Asli Ulu Batu juga berdekatan dengan kawasan ini.

ix) **Hutan Rekreasi Bukit Lagong**

Terletak di Selayang, Hutan Rekreasi Bukit Lagong merupakan kawasan yang masih mengekalkan kawasan hijau dan berpotensi menjadi kawasan pelancongan yang berasaskan ekopelancongan yang menarik. Pembangunan pelbagai kemudahan rekreasi dan pelancongan secara tidak langsung membantu menambahkan satu lagi sektor ekonomi Selayang. Di Bukit Lagong pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak MPS seperti wakaf, gerai, tandas, dua (2) buah jambatan dan juga bilik persalinan.

x) **Hutan Rekreasi Kanching**

Terletak kira-kira 3 km dari Taman Rimba Templer, ia dilengkapi dengan laluan pejalan kaki di sepanjang air terjun. Seperti Taman Rimba Templer, ia masih diliputi hutan tropika yang hijau. Di beberapa tempat terdapat kedudukan yang sesuai untuk aktiviti perkhemahan dan berkelah. Antara kemudahan yang disediakan ialah tandas awam, tempat persalinan, gerai untuk menjaja dan kawasan letak kereta.

xi) **Air Terjun Sungai Pisang**

Air Terjun Sungai Pisang terletak di daerah Gombak. Dikelaskan sebagai air terjun dengan laluan trekking yang sederhana, kawasan air terjun ini turut mempunyai sebuah kawasan perkhemahan berhampiran yang terletak berhadapan dengannya. Sememangnya air terjun Sungai Pisang ini sangat menarik dan tidak lagi tercemar, terhasil dari lencongan arah sungai pada kira-kira 45 darjah, menjadikan kawasan air terjun ini betul-betul terletak di hujung laluan.

xii) **Hutan Rekreasi Sungai Kedondong**

Merupakan salah satu lokasi pilihan terbaik bagi mereka yang menggemari aktiviti riadah. Lokasinya terletak di Batang Kali, Hulu Selangor. Destinasi popular ini sudah lama menjadi tumpuan penduduk tempatan dan kawasan sekitarnya, termasuk dari Pahang, untuk bersantai bersama keluarga bukan sahaja pada hujung minggu, tetapi juga cuti umum dan cuti musim perayaan. Tidak sukar untuk ke pusat

perkelahan ini biarpun lokasinya terletak kira-kira 60 kilometer dari Kuala Lumpur. Terletak di laluan utama Jalan Genting Highlands ke Batang Kali menyebabkan destinasi ini cukup mudah untuk dikunjungi sepanjang masa.

xiii) Air Terjun Semangkuk

Lokasi Air Terjun Semangkuk terletak antara Jalan Kuala Kubu Bharu ke Bukit Fraser. Dari arah Kuala Kubu Bharu, ia terletak selepas Empangan Sungai Selangor. Air Terjun Semangkuk merupakan kawasan air terjun yang kecil saiznya berbanding dengan air terjun lain yang berada di sekitar Selangor. Kawasan air terjun ini juga dilengkapi kemudahan-kemudahan seperti bilik persalinan, tandas dan pondok untuk beristirahat sambil menikmati pemandangan air terjun yang cantik.

xiv) Air Terjun Sungai Sendat

Air Terjun Sungai Sendat mempunyai tiga (3) tingkat. Tingkat pertama, kolamnya agak luas dengan kedalaman yang sesuai untuk mandi-manda. Tingkat kedua, kolamnya cetek dan sesuai untuk bersantai. Kolam di tingkat ketiga pula tidak begitu luas, tetapi kedalamannya sesuai untuk aktiviti berenang dan terjun tiruk. Bagi mereka yang tidak pandai berenang, tidak disarankan untuk berada di kawasan ini. Hutan lipur di sini juga sesuai untuk aktiviti perkhemahan. Pihak Jabatan Perhutanan negeri turut menyediakan beberapa ruang tapak khas untuk pengunjung berkhemah. Ada juga tapak perkhemahan yang disimen bagi keselesaan pengunjung.

xv) Air Terjun Sungai Chilling

Air Terjun Chiling terletak di rizab yang dinamakan Sungai *ChilingFishSanctuary*, projek penyelidikan perikanan yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor. Air Terjun Sungai Chilling juga dikenali sebagai air terjun tercantik di Selangor. Bayaran dikenakan sebanyak RM1 untuk orang dewasa dan percuma untuk kanak-kanak di bawah 12 tahun. Pengunjung perlu mendaftar di pondok pendaftaran untuk tujuan keselamatan. Petugas Jabatan Perikanan akan membuat taklimat dan penerang kepada pengunjung mengenai laluan ke air terjun dan keselamatan semasa berada di sini. Kemudahan asas seperti surau, gerai dan tandas awam disediakan. Bagi yang ingin membina khemah, tapak perkhemahan juga disediakan di dataran yang luas.

- b) Kerajaan Negeri sememangnya dalam usaha untuk menjadikan semua destinasi air terjun tersebut sebagai destinasi utama pelancongan. Walau bagaimanapun, masih banyak perkara yang perlu dilakukan terutama dari segi perancangan pembangunan dan pengurusan yang menitik beratkan aspek keperluan infrastruktur, kebersihan, kesihatan dan keselamatan pengunjung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah MBI akan menjalani penstrukturan semula subsidiari-subdiarinya? Sila bekalkan rancangan masa depan MBI dengan terperinci.
- b) Sila senaraikan semua subsidiari MBI dengan anggaran nilai pasaran dan senarai ahli lembaga pengarah masing-masing.
- c) Sila senaraikan gaji, elaun serta segala kemudahan yang diterima untuk setiap pengarah MBI dan subsidiarinya.

JAWAPAN:

- a) MBI telah diberi mandat untuk mengkaji aktiviti dan peranan setiap anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri dalam bidang perniagaan, dengan matlamat untuk mewujudkan nilai tambah yang berterusan melalui penstrukturan semula atau rasionalisasi aset perniagaan milik Kerajaan Negeri.

Proses ini masih diperingkat awal dimana dan status proses penstrukturan semula ini akan dihebahkan kepada semua pihak-pihak berkepentingan dalam masa terdekat.

- b) i. Senarai subsidiari MBI adalah seperti berikut:-

- 1) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB);
- 2) Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB);
- 3) Kumpulam Semesta Sdn. Bhd. (KSSB);
- 4) SSIC Berhad (SSIC);
- 5) Tourism Selangor Sdn. Bhd (TSSB);
- 6) Communication Corporation Sdn. Bhd (CCSB);
- 7) Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB);
- 8) Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS);
- 9) Yayasan Dar AlQardAl Hasan Selangor (YAQ);
- 10) Bukit Beruntung Golf &CountryResort Berhad (BBGC);
- 11) Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB);
- 12) MSNS Holdings Sdn. Bhd. (MSNSH).

- ii. Anggaran Nilai Pasaran setiap Anak Syarikat adalah seperti berikut:-

Tiada kaitan. Kedua belas (12) Anak Syarikat MBI seperti di atas tidak tersenarai dalam Bursa Saham Malaysia.
 - iii. Senarai Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti di Lampiran 1.
- c) Merujuk kepada Sidang Dewan yang terdahulu, maklumat berkenaan pengajian dan emolumen tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu. Ianya adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Walau bagaimanapun, Y.B. Ahli Dewan Negeri Selangor boleh memohon terus secara bertulis kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor atau kepada Setiausaha Dewan sekiranya memerlukan maklumat yang berkenaan. Jawapan hanya akan diberikan kepada Y.B. Ahli Dewan yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa penerima maklumat mestilah bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 709.

SENARAI NAMA PENGARAH / PEMEGANG AMANAH BAGI ANAK-ANAKSYARIKAT DI BAWAH MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) (MBI) (SETAKAT 19HB MAC 2015)			
BIL	SYARIKAT	BIL	SYARIKAT
1	KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Dato' MohammedKhusrin Bin Haji Munawi 4 YM Raja Dato' Idris Bin Raja Kamarudin 5 YBhg En. Suhaimi Bin Kamaralzaman` 6 YM Raja Shahreen Bin Raja Othman 7 YBhg En. SoffanAffendi Bin Aminudin	7	TOURISM SELANGOR SDN. BHD. (TSSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' MohammedKhusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman
2	PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YBhgDato' Haji Ahmad BinOmar 4 YM Raja Shahreen Bin Raja Othman 5 YBhg En. SoffanAffendi Bin Aminudin	8	YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR (YAQ) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' MohammedKhusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YB Tuan Dr Abd Rani Bin Osman 5 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman 6 YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi
3	KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. (KKSBB) 1 YBhg Tuan Haji Sabtu Bin Md Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman 4 YBhg En. Cheong Seng Gee 5 YBhg Dato' Dr. Azimuddin Bin Bahari 6 YM Raja Shahreen Bin Raja Othman 7 YBhg En. SoffanAffendi Bin Aminudin	9	YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Dato' Idris Bin Md. Tahir 5 YBhg Dato' Abdul Halim BinHarun 6 YBhg Puan Siti Khamnah Binti Hashim

4	SELANGOR STATE INVESTMENT CORPORATION (SSIC) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' MohammedKhusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman 5 YBhg En. Hasan Azhari Bin Haji Idris 6 YB Dato' Teng ChangKhim	10	BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BHD (BBGC) 1 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman-Pengerusi 2 YBhg En. Mohd Azizi Bin Mohd Zain 3 YBhg En. Tukiman Bin Nail 4 YBhg En. AmirulAzizan Bin Abd Rahim 5 YBhg En. Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim
5	MSNS HOLDINGS SDN. BHD. (MSNSH) 1 YB Tuan Amirudin Bin Shari-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman 4 YBhg En. Azal Bin Adzhar - AltDir To Dato' Noordin	11	RANTAIAN MESRA SDN. BHD. (RMSB) 1 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman-Pengerusi 2 YB Tuan Dr Abd Rani Bin Osman 3 YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi
6	PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN. BHD. (PIYSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Dato' Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 4 YBhg Prof (E) Dato' Ir. Dr. MuhamadZohadie Bin Bardaie 5 YB Tuan Dr. Che Rosli Bin Che Mat 6 YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad	12	COMMUNICATION CORPORATION SDN. BHD. (CCSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Dato' MohammedKhusrin Bin Haji Munawi

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : GELANGGANG FUTSAL

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapakah jumlah Futsal yang telah dibina diatas tanah kerajaan negeri di setiap PBT?
- b) Nyatakan kos pembinaan dan kos penyelenggaraan setiap Futsal;
- c) Siapakah badan-badan atau persatuan yang diberi tanggungjawab untuk kerja-kerja penyelenggaraan Futsal?

JAWAPAN:

a), b), dan c)

Gelanggang Futsal

PBT	JUMLAH FUTSAL	KOS PEMBINAAN (RM) SEUNIT	BADAN/PERSATUAN
MBSA	44	150,000.00	Melantik Kontraktor
MBPJ	15	20,000.00	Jab. Lanskap & Kehijauan Bandar, MBPJ
MPK	4	Tiada	MPK
MPAJ	27	100,000.00	Tiada
MPS	2	150,000.00	JKKK/JKP/Kontraktor Majlis
MPSJ	65	120,000.00	- Jab Kejuruteraan (Kerja Sivil) - Jab. Pembangunan (Peralatan sukan)
MPKJ	5	140,000.00	Persatuan Penduduk Berdaftar
MPSP	6	100,000.00	Persatuan Penduduk/MP Sepang
MDKL	6	Peruntukan MBI	MDKL
MDKS	54	80,000.00	MDKS/Pejabat Daerah/Tanah/ICU
MDHS	20	100,000.00	Tiada
MDSB	18	90,000.00	MDSB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : NELAYAN SUNGAI

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif yang diberikan kepada nelayan-nelayan sungai?
- b) Berapakah jumlah nelayan sungai yang terdapat di negeri Selangor?
- c) Jumlah pecahan mengikut DUN dan kaum?

JAWAPAN:

- a. Insentif yang diberikan kepada nelayan-nelayan sungai adalah seperti berikut :-
 - Bantuan pembaikan rumah – di Selangor sebanyak 11 buah rumah dibaikpulih (8 buah rumah di Kuala Selangor dan 3 buah rumah di Hulu Selangor).
 - Elaun sara hidup nelayan darat baru bermula pada tahun 2015.
- b. Jumlah nelayan sungai yang terdapat di Negeri Selangor adalah seramai 196 orang (terbahagi kepada nelayan sepenuh masa dan sambilan).
- c. Pecahan mengikut DUN dan kaum adalah seperti berikut :-

Daerah	Dun	Bil.Nelayan
H.Selangor	a. Kuala Kubu	d. 27
	b. Ulu Bernam	e. 4
	c. Batang Kali	f. 5
K.Selangor	g. Ijok	l. 74
	h. Malawati	m. 2
	i. Permatang	n. 1
	j. Sg.Burong	o. 1
	k. Jeram	p. 2
Sabak Bernam	Sg.Panjang	79
JUMLAH		196

*semua nelayan darat adalah di kalangan kaum bumiputera

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah masih ada asnaf yang tercicir dalam senarai penerima zakat?
- b) Apakah syarat menjadi asnaf zakat menerima zakat di Selangor?
- c) Bagaimanakah struktur Lembaga Zakat Negeri Selangor?

JAWAPAN:


- a) Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlaku keciciran asnaf. Antaranya termasuklah:
 - i. Tidak ada maklumat tentang individu atau keluarga tersebut.
 - ii. Asnaf yang baru berpindah.
 - iii. Individu atau keluarga yang baru jatuh dalam kategori asnaf.
 - iv. Individu atau keluarga yang tidak tahu cara untuk mendapatkan bantuan.

Namun begitu, LZS telah melaksanakan pelbagai langkah bagi mengenal pasti golongan asnaf yang tercicir di Selangor. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah:

- i. Program Skuad Jejak Kemiskinan (SJK) – Mula diperkenalkan pada tahun 2011. Ia merupakan aktiviti turun padang yang diadakan di setiap daerah di Selangor bagi mengenal pasti golongan yang memerlukan, namun tidak berdaftar dengan LZS. Ia diadakan Pada tahun 2014, sebanyak 33 siri SJK telah diadakan dan seramai 830 keluarga telah ditemui dan didaftarkan sebagai asnaf fakir dan miskin di Selangor.
- ii. Memaklumkan melalui Talian Zakat Selangor (1-800-88-5353) atau FB LZS.
- iii. Kerjasama melalui 1,700 penolong amil kariah yang dilantik oleh LZS.
- iv. Membuat semakan tahunan untuk asnaf fakir dan miskin.
- v. Memaklumkan melalui Kaunter Mini Zakat yang dibuka pada minggu-minggu tertentu di setiap daerah.
- vi. Memaklumkan dengan mengunjungi 26 cawangan LZS di seluruh Selangor.
- vii. Memaklumkan melalui Kaunter Bergerak LZS.
- viii. Memperkenalkan apps Lapor Asnaf dalam telefon pintar dan portal LZS.
- ix. Mengadakan pertemuan dari semasa ke semasa dengan pemimpin dan penolong amil setempat.

- b) Syarat-syarat untuk menjadi asnaf di Selangor adalah seperti berikut:
- i. Beragama Islam.
 - ii. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap.
 - iii. Lahir dan menetap di Selangor/bermastautin dan masih menetap di negeri Selangor tidak kurang tiga tahun.
 - iv. Pendapatan keluarga tidak mencapai haddul kifayah (kadar keperluan asasi yang minimum bagi sesebuah isi rumah).
- c) Berikut merupakan struktur Lembaga Zakat Selangor di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS):

KEDUDUKAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : GERAI TIDAK STRATEGIK

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kedudukan gerai yang tidak strategik dan terpencil?
- b) Nyatakan jumlah gerai yang telah dibina oleh kerajaan negeri pada tahun 2014 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 12 Mac 2015 telah menolak soalan ini.**
- b) Tiada pembinaan gerai dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk PBT bagi tahun 2014. Walau bagaimanapun, PBT telah menyediakan tempat berniaga seperti kompleks pasar, menyediakan pusat-pusat penjaja khas, gerai dan kiosk PBT serta jadual seperti pasar malam, pasar pagi, pasar tani. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan kemudahan pembiayaan kepada mereka yang berminat berniaga melalui program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) iaitu Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : HUB PENGAJIAN AL-QURAN DI HULU LANGAT

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di DUN Dusun Tua sekarang mempunyai 15 buah pusat tahfiz dengan jumlah pelajar seramai 1330 orang dan sedang berkembang. Adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan Hulu Langat sebagai Hub Pengajian Al-Quran dengan menyediakan:
- i. Bantuan kewangan
 - ii. Program Lanjutan di UNISEL atau rancangan lain. Nyatakan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan belum bercadang memilih mana-mana daerah untuk menjadi Hub Pengajian Al-Quran.
- i) Tiada. Bagaimanapun kerajaan bercadang untuk mengadakan Maahad Integrasi negeri Selangor (MITS) di setiap Daerah untuk jangka masa panjang.
- Kerajaan juga mengujudkan perbincangan berkala untuk membincangkan bagaimana pusat-pusat Tahfiz dapat terus diperkukuh dan dipertingkatkan dan masa ke semasa.
- ii) Tiada kaitan (dengan Jabatan Agama Islam Selangor)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : RIZAB SIMPANAN WANG PBT

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan rizab simpanan wang setiap PBT sejak tahun 2007 hingga sekarang

JAWAPAN:

a) Penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 2014 dalam semakan Jabatan Audit Negara. Secara keseluruhannya, rizab tunai di semua PBT telah meningkat melebihi 100% dibandingkan dari tahun 2007 hingga tahun 2013 iaitu daripada RM-83.25 juta kepada RM626.28 juta.

Butiran terperinci ke semua rizab tunai PBT Negeri Selangor dengan mengambil kira tunai di bank dan simpanan tetap ditolak dengan cagaran, deposit dan tanggungan semasa sejak tahun 2007 hingga tahun 2013 adalah seperti di **Lampiran A**.

KEDUDUKAN RIZAB PBT SELANGOR DARI TAHUN 2007 SEHINGGA 2013 YANG TELAH DIAUDIT

LAMPIRAN A

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	RIZAB TUNAI TAHUN 2007 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2008 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2009 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2010 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2011 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2012 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2013 (RM JUTA)
MBSA	(71.04)	(61.35)	(59.66)	(55.56)	(39.76)	(18.87)	37.57
MBPJ	68.45	73.17	106.92	127.29	189.25	233.76	308.25
MPK	(88.95)	(98.33)	(92.68)	(74.25)	(69.46)	(80.71)	(68.15)
MPAJ	20.90	12.96	31.84	39.76	51.86	61.30	69.43
MPSJ	1.98	(0.89)	(34.45)	(28.87)	(21.99)	42.78	67.03
MPS	(44.50)	(38.83)	(46.16)	(32.64)	(19.61)	(14.00)	6.01
MPKJ	22.40	26.37	35.14	33.99	39.84	52.90	97.78
MPSP	26.14	27.08	29.73	32.11	29.94	52.86	84.12
MDKS	(14.68)	(14.87)	(21.68)	(24.27)	(26.79)	(6.70)	(6.38)

KEDUDUKAN RIZAB PBT SELANGOR DARI TAHUN 2007 SEHINGGA 2013 YANG TELAH DIAUDIT

LAMPIRAN A

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	RIZAB TUNAI TAHUN 2007 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2008 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2009 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2010 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2011 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2012 (RM JUTA)	RIZAB TUNAI TAHUN 2013 (RM JUTA)
MDHS	(7.52)	(6.88)	(3.03)	(1.51)	1.61	17.57	11.58
MDKL	5.14	2.36	2.60	4.57	5.94	(2.53)	11.29
MDSB	(1.59)	0.63	5.11	5.59	1.68	8.00	7.75
JUMLAH	(83.25)	(78.57)	(46.32)	26.21	142.50	346.36	626.28

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PENERBITAN SELANGORKINI DAN SELANGOR TIMES

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan cetakan Selangorkini versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Cina setakat bulan Februari 2015 serta jumlah perbelanjaan tersebut.
- b) Bilakah SelangorTimes dapat diterbitkan semula?

JAWAPAN:

a)

		Jumlah cetakan	Jumlah cetakan	Perbelanjaan	Perbelanjaan
		seminggu	sebulan	senaskah	sebulan
		(naskah)	(naskah)	(RM)	(RM)
Selangor Kini					
- Versi Malaysia	- Januari 2015	169,000	676,000	0.25	169,000.00
	- Februari 2015	169,000	676,000	0.25	169,000.00
- Versi Cina	- Januari 2015	Tiada Keluaran			
	- Februari 2015	Tiada Keluaran			

b) Masih dalam perbincangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : SELAMAN SDN BHD

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status kewangan terkini ?
- b) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai aktiviti Selaman yang memperoleh keuntungan dan kerugian dari 2010-2014 ?
- c) Sila senaraikan nama ahli lembaga pengarah,gaji,elaun,bonus dan semua kemudahan yang dinikmati dari 2010-2014 ?

JAWAPAN:

- a) Status Kewangan Selaman Sdn Bhd tahun 2014 yang beraudit adalah seperti berikut :

PERKARA	2014 (RM)
Pendapatan	1,123,457
Perbelanjaan	5,726,851
Keuntungan Sebelum Cukai	(4,603,394)

PERKARA	2014 (RM)
Aset Tetap	27,755,956
Aset Semasa	22,825,326
	50,581,282
Liabiliti Tetap	1,549,485
Liabiliti Semasa	3,335,714
Ekuiti Pemilik	45,696,084
	50,581,283

b) Butiran Aktiviti adalah seperti berikut :

Perkara	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan Jualan Hartanah	53,679,242.00	27,412,892.00	11,605,584.00	209,400.00	289,340
Lain-lain Pendapatan	1,999,875.00	1,494,708.00	2,332,671.00	13,969,553.00	834,117
Jumlah Pendapatan	55,679,117.00	28,907,600.00	13,938,255.00	14,178,953.00	1,123,457
Perbelanjaan	(46,673,904.00)	(21,341,508.00)	(12,325,050.00)	(7,643,832.00)	(5,880,324)
Keuntungan/(Kerugian)	9,005,213.00	7,566,092.00	1,613,205.00	6,535,121.00	(4,756,867.00)

c) Rujuk Lampiran 1.

SELAMAN SDN. BHD.

JADUAL YURAN DAN ELAUN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2010-2014 YANG TELAH DILULUSKAN OLEH AHLI PERBADANAN PKNS

No.	Nama Pengarah	2014 (RM)			2013 (RM)			2012 (RM)			2011 (RM)			2010 (RM)		
		Elaun Mesyuarat	Yuran Tahunan	Jumlah	Elaun	Yuran	Jumlah	Elaun	Yuran	Jumlah	Elaun	Yuran	Jumlah	Elaun	Yuran	Jumlah
1	YB DATO' MOHD ARIF AB RAHMAN	-	-	-	-	-	-	4,000.00	25,000.00	29,000.00	34,000.00	25,000.00	59,000.00	4,000.00	24,000.00	28,000.00
2	YB AMIRUDIN BIN SHARI	5,000.00	-	5,000.00	5,000.00	22,100.00	27,100.00	5,000.00	23,800.00	28,800.00	4,000.00	20,000.00	24,000.00	4,000.00	7,500.00	11,500.00
3	DATO' AZLAN BIN HASHIM	1,000.00	-	1,000.00	1,000.00	22,100.00	23,100.00	2,000.00	23,800.00	25,800.00	4,000.00	20,000.00	24,000.00	-	3,125.00	3,125.00
4	TUAN HJ AZLAN BAQEE BIN ABDULLAH	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4,000.00	11,875.00	15,875.00
5	DATO' OTHMAN BIN OMAR	5,000.00	-	5,000.00	5,000.00	-	5,000.00	87,500.00	20,000.00	107,500.00	4,000.00	20,000.00	24,000.00	4,000.00	15,000.00	19,000.00
6	AZMI BIN HASHIM	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,000.00	15,000.00	18,000.00
7	NOR AZRINA BINTI AZLAN	5,000.00	-	5,000.00	5,000.00	22,100.00	27,100.00	4,000.00	23,800.00	27,800.00	2,000.00	9,166.66	11,166.66	-	-	-
8	YB DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN	5,000.00	-	5,000.00	5,000.00	*#	5,000.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	Total	21,000.00	-	21,000.00	21,000.00	66,300.00	87,300.00	102,500.00	116,400.00	218,900.00	48,000.00	94,166.66	142,166.66	19,000.00	76,500.00	95,500.00

*# Yuran Pengarah YB Dato' Noordin Bin Sulaiman bagi tahun 2013 ditangguhkan pembayarannya disebabkan oleh permintaan YB Dato' sendiri supaya menangguhkan pembayaran tersebut sehingga diberitahu kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS DI SAUJANA UTAMA DI AWAL PAGI

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penduduk di sekitar taman-taman di dalam Saujana Utama, Kuala Selangor menghadapi kesesakan lalu lintas yang terus di awal pagi di jalan menuju ke jalan Kuala Selangor-Kepong. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan tertentu untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 1/2015 pada 5 Februari 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan ahli lembaga dan pasukan pengurusan PKPS serta anak-anak syarikatnya kini?
- b) Apakah hala tuju dan strategi PKPS untuk masa hadapan selepas pelantikan Menteri Besar yang baharu?

JAWAPAN:

- a) Ahli lembaga dan pasukan pengurusan PKPS serta anak-anak syarikat adalah seperti berikut :-

i) SENARAI AHLI JEMAAH PKPS

BIL	NAMA	JAWATAN DALAM JEMAAH AHLI	JAWATAN
1	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali	Pengerusi	YAB Dato' Menteri Besar
2	YB Dato' Hj. MohammedKhusrin Bin Hj. Munawi	Timbalan Pengerusi	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
3	YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	Ahli Jemaah	Pegawai Kewangan Negeri Selangor
4	YB Tuan Hj. Zaidy Bin Abdul Talib	Ahli Jemaah	Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani.
5	YB Tuan Amirudin Bin Shari	Ahli Jemaah	Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan Dan Pembangunan Usahawan

BIL	NAMA	JAWATAN DALAM JEMAAH AHLI	JAWATAN
6	YBhg. Dato' Hj. Mohammed Bin Ismail	Ahli Jemaah	Timbalan Ketua Pengarah (Pusat Transformasi Penyampaian), Jabatan Perdana Menteri.
7	YBhg. Puan Hjh. Noriah Binti Shahrudin	Ahli Jemaah	Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, Kementerian Kewangan Malaysia
8	YBhg. Dato' Rahim Bin Abu Bakar	Ahli Jemaah	Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
9	YBhg. Dato' Hj. Ali Bin Ahmad	Ahli Jemaah	Mantan Pengurus Besar Kumpulan PKPS

ii) SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH ANAK-ANAK SYARIKAT PKPS

BIL	NAMA SYARIKAT	AHLI LEMBAGA PENGARAH	STATUS SYARIKAT
1	PKPS LivestockFarm Sdn Bhd	1. Tuan Haji TambyOmar bin Mohammed 2. Tuan Haji Aqmal Azam bin Ahmad 3. Puan Rosnani binti Abdul Malek 4. Tuan Haji Mohamed bin Hassan	Aktif
2	PKPS FarmMart Sdn Bhd	1. Tuan Haji TambyOmar bin Mohammed 2. Tuan Haji Aqmal Azam bin Ahmad 3. Puan Rosnani binti Abdul Malek	Aktif
3	PKPS ManagementServices Sdn Bhd	1. Tuan Haji TambyOmar bin Mohammed 2. Tuan Haji Aqmal Azam bin Ahmad 3. Puan Rosnani binti Abdul Malek 4. Tuan Haji Mohamed bin Hassan	Aktif

iii) SENARAI PASUKAN PENGURUSAN PKPS

PKPS

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Hj. TambyOmar Bin Mohammed	Pengurus Besar Kumpulan
2	Hj. Aqmal Azam Bin Ahmad	Timbalan Pengurus Besar Kumpulan (Perkhidmatan Korporat & Operasi)
3	Hj. Mohamed Bin Hassan	Timbalan Pengurus Besar Kumpulan (Pentadbiran & Perladangan)
4	Rosnani Binti Abdul Malek	Pengurus Kanan Kewangan
5	Noraini Binti Mohamad Ramlan	Pengurus Sumber Manusia, Latihan & Integriti / Kesetiausahaan
6	Abd Wahab Bin Haji Abbas	Pengurus Kanan Perladangan
7	Majidah Binti Mohd Said	Juruaudit Dalam

ANAK SYARIKAT PKPS

BIL	NAMA	JAWATAN
1	PKPS LivestockFarm Sdn Bhd - Nik Adnan bin Raja Muhammad - Mohamad HairilHanas Bin Mukayat - Mohd Razif Bin Ismail	Pengurus Unit Ternakan Eksekutif Akaun Penyelia 1
2	PKPS FarmMart Sdn Bhd - NiksonCheahTheamSoon - Lees ' Aida Binti Ramli	Pengurus Eksekutif Akaun
3	PKPS ManagementServices Sdn Bhd -Pengurusan syarikat dikendalikan secara langsung oleh PKPS. Ianya kerana syarikat merupakan "SpecialPurposeVehicle" untuk pelantikan kakitangan yang akan berkhidmat di projek-projek PKPS.	Tiada

b) Berikut dinyatakan hala tuju dan strategi PKPS.

BIL	HALA TUJU	STRATEGI
1	Pembinaan Kilang Kelapa Sawit	<ul style="list-style-type: none"> - Menambah keluasan kawasan kelapa sawit sebanyak 3,000 hektar kepada 4,000 hektar khususnya di Daerah Sabak Bernam.
2	Rumah Ternakan Ayam	<ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan teknologi moden dengan kerjasama Charoen Pokphand Jaya Farm (M) Sdn. Bhd. (CP) - CP melatih tenaga kerja PKPS dalam pengurusan rumah ternakan ayam. - Mengadakan kontrak untuk CP membeli kesemua ayam yang dikeluarkan.
3	Rumah Sembelihan Ayam	<ul style="list-style-type: none"> - Mendapatkan kelulusan tukar syarat tanah dari PTG dan kelulusan pelan kerja tanah dan bangunan dari Majlis Perbandaran Selayang agar pembinaan dapat dijalankan dalam masa terdekat. - Menambah bilangan rumah ternakan ayam PKPS. - Mendapatkan bekalan ayam hidup daripada pengusaha – pengusaha luar.
4	Rehabilitasi kawasan tanaman buah-buahan di Selangor Fruits Valley	<ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan amalan perladangan baik. - Mempertingkatkan pengurusan projek. - Menggunakan tenaga pekerja mahir.
5	Meningkatkan prestasi anak syarikat PKPS Livestock Farm Sdn Bhd (Lembu Tenusu)	<ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan “networking” dengan “Industry Player” yang berjaya dan jabatan kerajaan yang berkaitan. - Mendapatkan tenaga kerja terlatih dan berkelayakan. - Meningkatkan pengurusan projek seperti mengawal kos operasi, mengenalpasti formula makanan ternakan yang lebih berkesan, memperbaiki pengurusan ladang rumput dan meningkatkan tahap kesihatan ternakan.
6	Meningkatkan prestasi anak syarikat PKPS FarmMart Sdn Bhd (Ikan Tilapia & Pembenihan Keli)	<ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan “networking” dengan “Industry Player” yang berjaya dan jabatan kerajaan yang berkaitan. - Mendapatkan tenaga kerja terlatih dan berkelayakan. - Meningkatkan pengurusan projek seperti mengawal kos operasi, memperbaiki pengurusan air dan memperbaiki baka induk ikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : KAWASAN TANAMAN POKOK BAKAU

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keluasan kawasan tanaman pokok bakau yang masih ada di Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memelihara kawasan berkenaan?

JAWAPAN:

- a) Keluasan Hutan Paya Laut (bakau) di negeri Selangor adalah berjumlah lebih kurang 21,194 ha dan Hutan Paya Laut yang diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal ialah seluas 18,988.00 ha.
- b) Bagi memelihara kawasan Hutan Paya Laut (bakau) di negeri Selangor, Jabatan ini telah mengklasifikasikan keseluruhan kawasan ini sebagai kawasan Hutan Perlindungan sepertimana yang diperuntukan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985. Selain itu, Jabatan ini turut menjalankan rondaan dan pemantauan secara bersepadu khususnya di kawasan persisiran pantai bagi mengesan dan mencegah berlaku pencerobohan dan penebangan kayu bakau secara haram di dalam hutan simpanan kekal dan tanah kerajaan.

Selain itu, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga turut bekerjasama (blueoceanstrategy) dengan agensi-agensinya penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), pihak Polis serta memperoleh maklumat dari penduduk tempatan. Tindakan tegas akan diambil sekiranya berlaku pencerobohan di dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah kerajaan, dengan menahan pihak tersebut serta mengambil tindakan undang-undang di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini IDE?
- b) Apakah objektif dan matlamat penubuhan IDE?
- c) Nyatakan struktur, pengurusan kanan IDE?

JAWAPAN:

- a) Institut Darul Ehsan (IDE) telah melantik Ahli Lembaga Pengarah berkuatkuasa 1hb April 2015.
- b) Penubuhan Institut Darul Ehsan (IDE) ini berfungsi sebagai wahana untuk merangka kebijakan-kebijakan serta menerapkan pemikiran progresif demi kecemerlangan Selangor melalui program penyelidikan, persidangan, seminar, bengkel-bengkel sumbang saran dan penerbitan laporan dan periodikal. Kerajaan Negeri melalui Belanjawan Negeri Selangor 2015 telah memperuntukkan dana berjumlah RM2.0 juta bagi menjayakan penubuhan institut tersebut.
- c) Struktur, pengurusan Kanan IDE adalah seperti berikut :-

1. YAB Dato' Menteri Besar Selangor	-	Penaung / Penasihat
2. Dato' Dr. Siddiq Fadzil	-	Pengerusi
3. Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman	-	Timbalan Pengerusi
4. Prof. Dr. Shahril Md. Zain	-	Lembaga Pengarah
5. YB. Nik Nazmi Bin Nik Ahmad	-	Lembaga Pengarah
6. Dr. ShahrudinBadaruddin	-	Lembaga Pengarah
7. Datuk KamaruddinJaafar	-	Lembaga Pengarah
8. Tuan Hj. Mohd Yahya Mat Sahri	-	Setiausaha Syarikat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penghuraian Exco Kebajikan tentang kadar minimum dan maksimum pemberian Skim Bantuan Am di Selangor RM100 dan RM175 merupakan kedua terendah di Malaysia : Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambahkan peruntukan atau memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar mewujudkan peruntukan yang ditamatkan sejak Januari 2014?
- b) Penghuraian Exco Kebajikan tentang jumlah pusingan pembiayaan MIMBAR, berapakah jumlah peserta dan pembiayaan?
- c) Berapakah jumlah dan peratus peserta yang masih menerima pembiayaan dalam pusingan seterusnya dan berapakah jumlah dan peratus yang melepasi garis kemiskinan dan tidak lagi menerima pembiayaan?

JAWAPAN:

- a) Penghuraian EXCO Kebajikan tentang kadar minimum dan maksimum pemberian Skim Bantuan Am di Selangor RM100.00 dan RM175.00 merupakan kedua terendah adalah berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 bil 3. Jabatan Audit Negara Negeri Selangor telah menjalankan auditan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor pada April hingga Jun 2014 berkaitan Pengurusan Skim Bantuan Am (SBA). Merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3, Jabatan Audit mendapati kadar Skim Bantuan Am yang ditetapkan di negeri Selangor merupakan kedua terendah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Jadual 1 menunjukkan Kadar Skim Bantuan Am mengikut negeri.

Jadual 1: Perbandingan Kadar Skim Bantuan Am mengikut negeri- negeri

NEGERI	KADAR SEMASA SKIM BANTUAN AM (RM)		SEMAKAN TERAKHIR KADAR SBA DIBUAT (TAHUN)
	Minima	Maksima	
Perlis	50.00	150.00	2013

Selangor	100.00	175.00	2007
Negeri Sembilan	100.00	200.00	2001
Melaka	140.00	230.00	2013
Perak	150.00	250.00	2013
Sarawak	150.00	250.00	2009
Sabah	150.00	300.00	2012
Kedah	150.00	350.00	2004
Terengganu	200.00	450.00	2013
Pulau Pinang	220.00	770.00	2014
Kelantan	120.00		2012
Johor	150.00		2012
Pahang	300.00		2012

(Sumber : Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3 Negeri Selangor)

- i. Kerajaan Negeri Selangor bercadang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sedang meneliti kadar baru Skim Bantuan Am. Pada masa sekarang sedang dalam peringkat kajian yang melibatkan pengesahan statistik penduduk Negeri Selangor yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan. Pengesahan ini perlu kerana ia melibatkan implikasi kewangan.
- ii. Pada tahun 2001, Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah meluluskan Pakej Rangsangan Baru Ekonomi Negara dengan peruntukan RM100 juta untuk menaikkan Kadar Bantuan Am Negeri. Tambahan peruntukan MTEN diberi pada kadar 33.3% daripada kadar Bantuan Am yang diberikan oleh kerajaan Negeri tetapi tidak melebihi had maksima RM350.00 sebulan bagi satu keluarga.

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan Kebajikan Masyarakat bil. 02/2013 pada 12 hingga 14 September 2013 memutuskan peruntukan tambahan di bawah Pakej Rangsangan Baru Ekonomi Negara yang diterima mulai Januari 2001 ditamatkan pada Januari 2014. Asas pertimbangan penamatan adalah:

- memudahkan pengurusan pembayaran bantuan. Pada masa sekarang JKM perlu mengeluarkan 2 baucer berbeza untuk setiap bayaran; dan
- mengelakkan kekeliruan di kalangan penerima bantuan

- b) Sehingga Februari 2015, jumlah keseluruhan peserta MIMBAR adalah seramai 5,136 orang dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM10,915,528.00. Dari tahun 2011 hingga 2015, MIMBAR telah memberikan tiga (3) kali pusingan kepada pesertanya yang ingin meneruskan dan menambah pembiayaan. Pecahan pusingan ini adalah seperti berikut:

PUSINGAN	PUSINGAN 1	PUSINGAN 2	PUSINGAN 3	TIDAK MENERUSKAN PUSINGAN PINJAMAN	JUMLAH KESELURUHAN
PESERTA	2,743	295	12	1,779	5,136
PEMBIAYAAN (RM)	5,067,708.00	1,132,580.00	55,000.00	3,527,660.00	10,915,528.00
PERATUSAN (%)	56.79	10.38	0.51	32.32	100.00

- c) Berdasarkan statistik sehingga Februari 2015, seramai 2743 peserta iaitu 56.79% masih lagi dalam pembiayaan pusingan 1 bersamaan RM5,067,708.00. Manakala peserta yang meneruskan pusingan ke-2 dan ke-3 seramai 307 peserta bersamaan RM1,187,580.00 mewakili 5.98%. Jumlah peserta yang telah habis bayaran balik pinjaman MIMBAR dan tidak meneruskan pusingan pinjaman seterusnya adalah seramai 1,779 peserta bersamaan 37.23%. Manakala peserta yang melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK) pula tidak dapat dijelaskan secara kajian ilmiah kerana tiada kajian khusus dan menyeluruh dalam mengukur keberkesanan keluarga penerima MIMBAR yang berjaya melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK). Hanya melalui pemantauan pegawai-pegawai MIMBAR, telah mengenal pasti terdapat golongan minoriti di kalangan pesertanya yang agak cepat matang dalam perniagaan dan mengalami perubahan yang mendadak dari keadaan zon "survival" kepada zon keusahawanan. Jumlah tersebut mewakili seramai 800 peserta dengan pendapatan antar RM1,600.00 sehingga RM3,000.00 sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : TABUNG BANTUAN BENCANA DAERAH KLANG.

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah jawatankuasa dibentuk dan bidang kuasanya? Senaraikan.
- b) Berapakah peruntukan diperolehi setahun dan bencana bagaimana disalurkan?
- c) Apakah perancangan memastikan tabungan sentiasa sedia untuk sebarang kemungkinan?

JAWAPAN:

- a) MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN) melalui ARAHAN No. 20 (SEMAKAN SEMULA) - DASAR DAN MEKANISME PENGURUSAN BENCANA NEGARA

PERKARA 7 : JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Pengurusan Bencana hendaklah dikendalikan berasaskan (3) peringkat pengurusan seperti berikut:

- I. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP)
- II. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan
- III. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD)

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA DAERAH (JPBD)

A. KEAHLIAN

Pengerusi : Pegawai Daerah/

Ahli-ahli :

1. Ketua Polis Daerah
2. Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah
3. Pegawai Kesihatan Daerah
4. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
5. Pegawai Jabatan Alam Sekitar Daerah
6. Wakil Angkatan Tentera Malaysia
7. Ketua Penguatkuasa Maritim Daerah / Wakil Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran / Daerah
9. Pegawai Pertahanan Awam Daerah

10. Wakil Jabatan Meteorologi Malaysia
11. Pegawai Penerangan Daerah
12. Pegawai Pelajaran Daerah
13. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
14. Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
15. Pegawai RELA Daerah
16. Wakil Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
17. Pengurus Telekom Malaysia Daerah
18. Pengurus Tenaga Nasional Berhad Daerah / Wakil Pengurus Syarikat Bekalan Elektrik Negeri
19. Wakil Pengarah / Pengurus Jabatan / Syarikat Bekalan Air Negeri
20. Wakil Pengurus Jabatan Penerbangan Awam Negeri / Daerah
21. Pengarah Kementerian Pelancongan Negeri / Pejabat Tourism Malaysia Negeri
22. Penghulu / Penggawa Mukim

Turut Hadir : Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

Setiausaha : Setiausaha Keselamatan Daerah,

Majlis Keselamatan Negara (MKN) Daerah

Mulai tahun 2014, Unit Pengurusan Bencana, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah ditubuhkan bagi membantu menyelaras pengurusan bencana di Negeri Selangor.

B. BIDANG TUGAS

1. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu Bencana di Peringkat Daerah.
2. Mengarusperdanakan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana melalui semua Agensi Kerajaan di Peringkat Daerah secara berkesan.
3. Melaksanakan dan memantapkan penyampaian Sistem Amaran Awal Bencana secara berkesan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
4. Melaksanakan latihan pengurusan Bencana yang bersepadu di antara Agensi Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu Bencana.
5. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan Kesedaran Awam di Peringkat Daerah dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.
6. Menubuhkan Kumpulan Kerja yang bertanggungjawab kepada JPBD bagi melicinkan pengurusan Bencana di tempat kejadian. Kumpulan Kerja terlibat adalah seperti berikut:
 - a. Kumpulan Kerja Kawalan Keselamatan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM);

- b. Kumpulan Kerja Mencari dan Menyelamat diterajui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
 - c. Kumpulan Kerja Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - d. Kumpulan Kerja Kebajikan diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
 - e. Kumpulan Kerja Sokongan Logistik diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);
 - f. Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan; dan
 - g. Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu bencana yang berlaku.
7. Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian bagi tujuan taksiran kerugian dan Pemulihan yang diakibatkan oleh Bencana.
 8. Mengangkat cadangan bantuan ihsan atau bantuan Pemulihan, sekiranya perlu kepada Kerajaan Negeri.
 9. Menentukan operasi mencari dan menyelamat dijalankan secara lancar dan berkesan.
 10. Mengenalpasti dan menubuhkan pusat-pusat pemindahan dan pangkalan hadapan.
 11. Memantapkan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung/Taman dalam melaksanakan penyelarasan dan Tindak Balas awal terhadap kejadian Bencana.
 12. Merancang dan melaksanakan program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan di Peringkat Daerah.
 13. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko Bencana di Peringkat Daerah tujuan perancangan pembangunan dan Tindak Balas Bencana.
 14. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di Peringkat Daerah yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
 15. Menubuhkan PKOB dengan secepat mungkin selepas sesuatu kejadian Bencana dan mengaktifkannya termasuklah mewujudkan sistem perhubungan dengan PKTK.
 16. Menyelaraskan keperluan pengurusan dan bantuan Bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa operasi Tindak Balas Bencana.
 17. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, makanan, tempat tinggal, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.

18. Memastikan post-mortem dilakukan selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan Bencana yang dilaksanakan.
 19. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa-mangsa.
- b) Akaun Tabung Bencana Daerah hendaklah dibuka atas nama Jawatan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah dengan had siling sebanyak RM50,000.00.

Dalam menguruskan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana, kadar bantuan adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Kadar Maksimum (RM)
1.	Mangsa banjir , tanah runtuh dan ribut	500.00
2.	Mangsa Kebakaran	
	a) Musnah Keseluruhan	500.00
	b) Musnah Sebahagian	250.00
3.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	1,000.00

Wang dalam akaun ini hendaklah digunakan bagi tujuan berikut:

1. Membantu kerja-kerja menyelamatkan dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
 2. Membiayai bantuan kewangan bagi meringankan beban mangsa-mangsa bencana, waris-waris mangsa dan mereka-mereka yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dengan bencana berkenaan.
 3. Membiayai penyediaan makanan dan minuman kepada mangsa-mangsa bencana kecuali mangsa-mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan.
 4. Membiayai penyediaan makanan dan minuman petugas yang terlibat sepanjang bencana tersebut.
 5. Lain-lain perbelanjaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah (JPBBD) dengan kelulusan Jawatankuasa Akaun.
- c) Pegawai Daerah boleh membuat rekupan Tabung Bencana Daerah tertakluk kepada had siling / amaun pusingan Tabung Bencana Daerah sebanyak RM50,000.00 dari Tabung Bencana Khas Negeri Selangor melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KEBERKESANAN PROGRAM INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah insentif ini mencapai objektif yang telah digariskan?
- b) Berapakah peratusan golongan belia yang telah memanfaatkan insentif ini berbanding jumlah perkahwinan golongan belia di negeri Selangor?
- c) Adakah kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan lagi jumlah insentif yang diberikan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) bertujuan untuk menjadikan program ini sebagai satu program kebajikan kepada rakyat Selangor dengan hasrat hasil negeri untuk rakyat. Seterusnya, program ini juga merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mensejahterakanrumahtangga dan keluarga di Negeri Selangor di samping sebagai insentif kepada golongan belia di Negeri Selangor yang baru mendirikan rumah tangga.
- b) Sejak daripada program ini dijalankan bermula pada tahun 2013, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 15,920 orang atau 55.9% berbanding dengan jumlah perkahwinan golongan belia di Negeri Selangor adalah sebanyak 28,489 orang.
- c) Kerajaan Negeri masih mengekalkan kadar insentif yang diberikan kerana Kerajaan Negeri baru sahaja menaikkan kadar insentif daripada RM200.00 seorang kepada RM500.00 seorang yang telah meningkatkan jumlah peruntukan untuk menjalankan program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : GERAI PLB

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Gerai PLB di bawah pengurusan MPAJ, senaraikan berapakah jumlah gerai-gerai PLB di bawah MPAJ. Berapakah yang berlesen dan tidak berlesen?
- b) Daripada jumlah tersebut berapakah yang diniaga oleh orang tempatan dan pendatang?
- c) Apakah pendekatan untuk menaiktaraf gerai-gerai tersebut supaya kerajaan tempatan beroleh pendapatan daripadanya?

JAWAPAN:

- a) Rujuk Lampiran 4-8
- b) Rujuk Lampiran 4-8
- c) 1. Status tanah
MPAJ diberi miliki ke atas tanah yang dibina gerai PLB dan untuk itu Majlis berhak untuk melesenkan dan mengutip caj pembersihan. Pihak Pejabat Tanah perlu menyelesaikan isu status tanah kerana terdapat PLB yang bina di atas tanah pihak persendirian dan agensi lain
- 2. Meroboh dan membina semula atau menaik taraf gerai yang sedia ada.
- 3. Peruntukan daripada Kerajaan Negeri disalurkan untuk perkara 2.
- 4. Tindakan sitaan & penguatkuasaan ke atas unit gerai yang menjadi kediaman
Tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja yang sewakan kepada warganegara asing.

NAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

JUMLAH KEDAI PLB DIBAWAH MAJLIS : 77 BUAH

NO.	BIL.	NAMA PENYEWAWA/ PEMILIK	LOKASI PERNIAGAAN	JENIS PERNIAGAAN	AKTIF / TIDAK AKTIF	TINDAKAN
1	1	TIADA PEMILIK	TAMAN SRI BARU	TIADA	TIDAK AKTIF	UPGRADE
	2	ROHANA BINTI AZIZ		MAKANAN & MINUMAN	AKTIF	
	3	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
	4	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
	5	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
2	6	TIADA PEMILIK	3/10 PANDAN INDAH	TIADA	TIDAK AKTIF	UPGRADE
	7	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
	8	MUSTAFFA KAMAL BIN AHMAD		"EVENT MANAGEMENT"	AKTIF	
	9	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
	10	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
	11	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
	12	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
	13	MOHD AFIZAN BIN ASARI		SEWA KANOPI/KERUSI	AKTIF	
3	14	HANISAH BINTI MOHD NOOR	JALAN A, KG, PANDAN	KEDAI JAHIT	AKTIF	KIV
	15	KAMARUJAZ BINTI ABDULLAH		KEDAI RUNCIT	AKTIF	
	16	ZULKIFLI BIN HAJI HASSAN		KEDAI PENGIKLAMAN	AKTIF	
	17	AZHAR BIN HAJI HITAM			TIDAK AKTIF	
	18	SAMAD		SATAY KAMBING	AKTIF	
	19	NORMAH BINTI IDRIS		MENJUAL TIKET PENGANGKUTAN	AKTIF	

LAMPIRAN 5

NO.	BIL.	NAMA PENYEWAJ/ PEMILIK	LOKASI PERNIAGAAN	JENIS PERNIAGAAN	AKTIF / TIDAK AKTIF	TINDAKAN
4	20	HAJI RAZALI B. JUSOF	JALAN F, KG. PANDAN	MAKANAN & MINUMAN	AKTIF	KIV
	21	INTAN SOFIYA BT YAHYA		MAKANAN & MINUMAN	AKTIF	
	22	MAHANI BIN SHARIF		KEDAI BUNGA	AKTIF	
5	23	ABDUL JALIL BIN DARUS	JALAN 10A, LEMBAH JAYA SELATAN	ALUMINIUM DAN CERMIN		SEMAK STATUS
	24	RAMLI ISMAIL		KEDAI BASIKAL	AKTIF	
	25	MASLAN BIN SALEH (PENYEWAJ)		KEDAI MAKAN	TIDAK AKTIF	
	26	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
6	27	ABDUL WAHID BIN SHAMSUDIN	JALAN 2/1, JALAN TASEK TAMBAHAN	BENGGKEL KERETA	AKTIF	KIV
	28	ABU WAHAB BIN OTHMAN		BENGGKEL BESI	AKTIF	
7	29	ABAS BIN MOKHTAR	JALAN 4/8, KG.TASEK TAMBAHAN	TIADA	TIDAK AKTIF	ROBOH & BINA SEMULA
	30	AWALLUDDIN BIN AHMAD		TIADA	TIDAK AKTIF	
	31	ABD GHAFOR B. AMIN		MAKANAN & MINUMAN DAN BARANGAN ELEKTRIK	AKTIF	
	32	AINAL YAKIN B AMEO		KEDAI JAHIT & UBAT-UBATAN	AKTIF	
	33	SITI AISHAH BINTI SAWAD		KEDAI JAHIT & KEDAI RUNCIT	AKTIF	
	34	ZULKIFLIE BIN KAMARUDIN		STOKIS GAS & BARANGAN PLASTIK	AKTIF	
	35	ABD. HAMID BIN ISMAIL		TIADA	TIDAK AKTIF	
	36	MD YUSOFF BIN ISMAIL		TIADA	TIDAK AKTIF	
	37	ABD GHANI BIN YACOOB		KEDAI JAHIT	AKTIF	
	38	HARUN BIN YAACOB		KIMPALAN	AKTIF	

LAMPIRAN 6

NO.	BIL.	NAMA PENYEWA/ PEMILIK	LOKASI PERNIAGAAN	JENIS PERNIAGAAN	AKTIF / TIDAK AKTIF	TINDAKAN
8	39	NORIZWAN BIN MOHAMED	JALAN UTAMA, TAMAN TASIK TAMBAHAN	KIMPALAN	AKTIF	ROBOH & BINA SEMULA
	40	ROSMAH BIN BAHARUM		KEDAI JAHIT & RUMAH	AKTIF	
	41	TIADA PEMILIK		TIADA	TIDAK AKTIF	
	42	NORFAYATINA BINTI MOHAMAD YATIM		MAKANAN & MINUMAN	AKTIF	
	43	MUSTAFA BIN AB. RAHMAN		BENGGEL CAT	AKTIF	
	44	SYED ABU BAKAR B SYED MAHMOD		STOR	TIDAK AKTIF	
	45	M. ELYAS WONG ABD		BENGGEL MOTOR	AKTIF	
	46	SABRI BIN AMAN		KEDAI MAKAN	AKTIF	
	47	MOHD SAIDI BIN YUSOF		BENGGEL KIMPALAN	TIDAK AKTIF	
	48	MUHD FAYZAN BIN RAHIM		BENGGEL CAT KERETA	AKTIF	
	49	AZIZAH BINTI RAHIM		BENGGEL BESI	AKTIF	
9	50	SEKRAH BT HASAN	KG. TASEK PERMAI	MAKANAN & MINUMAN	AKTIF	ROBOH & BINA SEMULA
	51	ROHAIDAH BINTI MUHD YUSOF		MAKANAN & MINUMAN	AKTIF	
	52	ROSMAN BIN ABD HASSAN		BUAH-BUAHAN	AKTIF	
	53	HASMAH BT ISMAIL		BUAH-BUAHAN	AKTIF	
	54	OLI MOHD B. K MOHD IBRAHIM		KEDAI RUNCIT	AKTIF	
	55	PONIAH BT AHMAD		KEDAI RUNCIT	AKTIF	
	56	SULAIMAN BIN LAUT		BENGGEL MOTOR	TIDAK AKTIF	
	57	MIDAH BT YAACOB		MAKANAN & MINUMAN	AKTIF	
	58	ABDULLAH BIN AWANG		KEDAI MAKAN	AKTIF	
	59	DALINAH BT ABDULLAH		SALON	AKTIF	

LAMPIRAN 7

NO.	BIL.	NAMA PENYEWAWA/ PEMILIK	LOKASI PERNIAGAAN	JENIS PERNIAGAAN	AKTIF / TIDAK AKTIF	TINDAKAN
10	60	SURAIZAN BIN SUMALI	JALAN UTAMA LEMBAH JAYA SELATAN	KIMPALAN	AKTIF	ROBOH & BINA SEMULA
	61	JONO JUTA		KIMPALAN	AKTIF	
	62	MOHD PADZIL BIN ABD RAHMAN		KIMPALAN	AKTIF	
	63	MUNAP BIN TAHIR		KEDAI PENDAWAIAN ELEKTRIK	AKTIF	
	64	ABDULLAH BIN. K AMMO		KEDAI GRILL	AKTIF	
	65	MUHD HAFIZ BIN HARUN		KIMPALAN	AKTIF	
	66	TIDAK DIKENALPASTI		KIMPALAN	AKTIF	
	67	NOOR AFIZAH BT MOHD ISA		KEDAI FOTOKOPI	AKTIF	
11	68	SYEIKH MOHD KAMARUDIN	JALAN BUKIT BELACAN	TIADA	AKTIF	KEKALKAN
	69	ABDUL RAZAK BIN MAAROF		BENGGEL KIMPALAN BESI	AKTIF	
	70	ABDUL RANI BIN YAHAYA		TIADA	AKTIF	
	71	MOHD RAZALI B. BIDI		BENGGEL KERETA	AKTIF	
	72	TAJERI BIN MOHAMED		BENGGEL KERETA	AKTIF	
	73	MOHD ASRUL AFENDI B. ROSLAN		BENGGEL KERETA	AKTIF	
12	74	SANDIRAN A/L ARUMUGAM	JALAN PERMAI D, TASEK PERMAI	KEDAI GUNTING	AKTIF	KEKALKAN
	75	SENNY A/L SUPPAIAH		KEDAI JAHIT	AKTIF	
	76	J.JAYALETCHUMI A/P R.JAYAPPALEN		KEDAI MAKAN	AKTIF	
	77	KANNYARASY A/P R. SATHUPATHY		KEDAI RUNCIT	AKTIF	
JUMLAH					46	

KEPUTUSAN:

ROBOH & BINA SEMULA : 4

KEKALKAN : 2

KIV: 3

UPGRADE : 2

SEMAK STATUS : 1

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PENDAPATAN KUMPULAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD (WHB)

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pendapatan dan jumlah kewangan WHB pada tahun 2014?
- b) Nyatakan peraturan dan prosedur bagi memastikan perbelanjaan pendapatan berhemat WHB?

JAWAPAN:

- a) Jumlah perolehan Kumpulan WHB bagi tahun 2014 adalah RM322,280,188.00
Keuntungan sebelum cukai ialah RM105,330,240.00
Keuntungan selepas cukai ialah RM71,038,499.00

Jumlah perolehan WHB (Syarikat) bagi tahun 2014 ialah RM170,732,193.00
Keuntungan sebelum cukai ialah RM41,655,273.00
Keuntungan selepas cukai ialah RM25,823,732.00

- b)
 - i. Perbelanjaan adalah berdasarkan kepada bajet tahunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
 - ii. Proses kelulusan adalah dibuat secara telus dan terbuka melalui Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan berdasarkan had kuasa yang diluluskan seperti Bahagian Perolehan, Bahagian Audit dan Bahagian Risiko dan Pematuhan.
 - iii. WHB juga telah menandatangani Ikrar Integriti pada Disember 2013.

Ringkasan Projek-projek yang telah diserahkan kepada pembeli oleh WHB

SECTION 7

NO	PROJEK	JENIS	UNITS	HARGA RM	TAHUN DISERAHKAN
1	BAIDURI	Kos Sederhana	312	106,732.00	2004

SUBANG BESTARI

NO	PROJEK	JENIS	UNITS	HARGA RM	TAHUN DISERAHKAN
1	SERI GALAKSI	Kos Sederhana	120	102,440.00	2008
2	SERI BINTANG	Kos Sederhana Rendah	432	72,000.00	2008
3	SERI PURNAMA	Kos Rendah	118	42,000.00	2009
4	SERI KEJORA	Kos Sederhana	254	120,000.00	2011
5	SERI ATRIA	Kos sederhana	178	170,000.00	2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan ahli lembaga dan pengurusan kanan PKNS kini?
- b) Nyatakan struktur, perjawatan, jawatankuasa-jawatankuasa dalam PKNS serta fungsinya kini?

JAWAPAN:

a) Senarai Ahli Lembaga Pengarah PKNS adalah seperti berikut :

1. YAB. Tuan MohamedAzmin bin Ali - Pengerusi
2. YB. Dato' Haji MohammedKhusrin bin Haji Munawi
3. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman
4. Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Hamizan bin Mohd. Inzan
5. YB. Dato' Iskandar bin Abdul Samad
6. Y.Bhg. Datuk Nozirah binti Bahari
7. Y.Bhg. Datuk AhmadBadri bin Mohd. Zahir
8. Y.Bhg. Datuk Razali bin Che Mat
9. Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Mahmud
10. YB. Dato' Teng ChangKhim

Senarai Pengurusan PKNS

1. Pengurus Besar
(Tuan Haji Azlan bin Md. Alifiah)
2. Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran dan Pembangunan)
(Puan Hajah Noraida binti Haji Mohd. Yusof)
3. Timbalan Pengurus Besar (Teknikal)
(Dato' Ir. Haji Abdul Ghani bin Hashim)
4. Timbalan Pengurus Besar (Perhubungan Korporat)

(Puan Hajah Nor Azlina binti Amran) – penanggungjawab kerja
mulai 03.02.2014

5. Kontroler Pembangunan Wilayah Utara
(Puan Hajah Siti Zubaidah binti Haji Abd. Jabar)
 6. Pengurus Kanan Pembangunan Bisnes
(Puan Norzila binti Sidek)
 7. Pengurus Kanan Pengurusan Projek
(Tuan Ir. Izharuddin bin Abd. Rahman)
 8. Setiausaha Kerja
(Puan Hajah Roziah binti Ahmad)
 9. Kontroler Pembangunan Wilayah Selatan
(Tuan Haji Lokman bin Haji Abd. Kadir)
 10. Kontroler Pembangunan Wilayah Tengah
(Encik Azmi bin Adnan)
 11. Pengurus Kanan Perancangan Korporat dan Pengurusan Transformasi
(Puan Hajah Norita binti Mohd. Sidek)
- b) Struktur, perjawatan, jawatankuasa-jawatankuasa dalam PKNS serta fungsinya kini adalah seperti berikut :

Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus dan Integriti (JKTI)

Peranan: Memastikan sistem kawalan dalaman dan amalan tadbir urus terbaik (GoodCorporateGovernance) di semak serta dibuat penilaian untuk penambahbaikan secara berterusan.

Penasihat bebas untuk 'CheckandBalance' dan telus dalam pelaksanaan tadbir urus PKNS.

Mengikuti perkembangan muktahir mengenai tadbir urus untuk memastikan amalan tadbir urus korporat terbaik PKNS.

Y.Bhg. Dato' Haji MohamadRoslan bin Sakiman(Pengerusi)

Y.Bhg Datuk Razali bin Che Mat

Dr. Loi Kheng Min

Y.Bhg Dato' Ir.HajiHamizan Bin Mohd Inzan

Y.Bhg Dato' Hajah Sutinah bt Sutan

Jawatankuasa Perjawatan dan Tatatertib

Peranan: Memilih dan mengesahkan pelantikan pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan A dan B berdasarkan kompetensi yang sesuai serta membincangkan dan menimbangakan isu-isu berkaitan pembangunan organisasi perjawatan dan perkhidmatan

Y.B Dato' Haji MohammedKhusrin bin Haji Munawi

Y.Bhg Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman

Y.Bhg Datuk AhmadBadri bin Mohd Zahir

Tuan Haji Azlan bin Md. Alifiah

Jawatankuasa Tender PKNS

Peranan: Mempertimbang dan menyetuju terima tender (termasuk kerja, bekalan, perkhidmatan dan khidmat perunding) berasaskan kepada prinsip, dasar & Peraturan PKNS serta tawaran yang paling menguntungkan (ValueForMoney)

YB. Dato' Haji MohammedKhusrin bin Haji Munawi

YB. Dato' Noordin bin Sulaiman

Y.Bhg Dato' Ir Haji Hamizan bin Mohd Inzan

Y.Bhg Datuk Nozirah bt Bahari

Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah

Jawatankuasa Audit PKNS

Peranan : Sebagai mekanisma penyemakan dan pengimbangan (checkandbalance) terhadap pengurusan dan pentadbiran PKNS.

Y.Bhg Dato' Mohd Salleh bin Mahmud

Y.Bhg Datuk Zalekha bt Hassan

YB Dato' Iskandar bin Abdul Samad

Jawatankuasa Kewangan

Peranan : Mentadbir dan mengawal pengurusan dan perjalanan operasi kewangan PKNS

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman

Y. Bhg. Datuk Nozirah Binti Bahari

Y. Bhg. Datuk AhmadBadri Mohd. Zahir

Tuan Haji Azlan Bin Md Alifiah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perkembangan mutakhir Perjanjian Induk yang dimeterai di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan pada 1 Ogos 2014 yang sepatutnya menyaksikan rakyat Selangor dikembalikan segala hak pentadbiran dan pengurusan air sebelum atau pada 15 Januari 2015.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor masih menghormati dan berusaha untuk menyempurnakan setiap *Condition Precedent* (CPs) yang telah digariskan di dalam Perjanjian Utama yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Namun demikian, Pada 25 Februari 2015, MMKN telah dimaklumkan tentang pendirian Kerajaan Persekutuan yang telah disampaikan pada suatu mesyuarat yang diadakan pada 16 Februari 2015 di Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ('KeTTHA'), di mana dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memuktamadkan bahawa aset-aset air yang terletak di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah hak milik Kerajaan Persekutuan.

Mengenai pemilikan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, melalui peguam yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri berpendapat bahawa LRA Semenyih dan tapak tanah loji tersebut adalah milik Wilayah Persekutuan Putrajaya seawal 6hb Mac 1996, atau paling tidak sekitar tahun 2000 berdasarkan keterangan dokumen-dokumen yang diteliti seperti berikut:-

- a. Kerajaan Negeri Selangor pada 6 Mac 1996 telah mengeluarkan Suratan Hakmilik Sementara H.S.(D) 3605 P.T. 9495, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang meliputi tapak tanah LRA Semenyih;
- b. Pengesahan pemberimilikan kawasan LRA Semenyih tersebut kepada Pesuruhjaya Persekutuan dan seterusnya di dalam kawasan Pentadbiran Putrajaya juga disokong oleh surat Pejabat Daerah/Tanah Sepang bertarikh 3hb Januari 1997; dan
- c. Perjanjian Penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya bertarikh 7 November 2000, Fasal 1, Perkara 1 termasuk peruntukan di mana

Kerajaan Negeri Selangor melepaskan semua hak di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya, pada 1 Februari 2001.

Mengenai pemilikan Loji Rawatan Air Bukit Nanas ('LRA Bukit Nanas') pula, didapati bahawa tanah dan LRA Bukit Nanas juga milik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai 1hb Feb 1974 berdasarkan keterangan dokumen-dokumen berikut:-

- a. Menurut Fasal I, Perkara I Perjanjian Berhubung Dengan Penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kedaulatan Kerajaan Negeri Selangor ke atas kawasan-kawasan yang termasuk dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhenti dari 1 Februari, 1974;
- b. Fasal 1 Perkara I kepada Perjanjian Berhubung Dengan Perkiraan Kewangan bertarikh 23hb Mei, 1981 pula memperuntukkan pembayaran RM3.550 bilion kepada Negeri Selangor sebagai balasan untuk semua harta alih dan tak alih yang terletak dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- c. Pindaan Perlembagaan Persekutuan di mana Artikel 1 (4) memperuntukkan "*(4) the territory of the State of Selangor shall exclude the Federal Territory of Kuala Lumpur established under the Constitution (Amendment) (no. 2) Act 1973 [Act A206] and the Federal Territory of Putrajaya established under the Constitution (Amendment) Act 2001 [Act A1095] and the territory of the State of Sabah shall exclude the Federal Territory of Labuan established under the Constitution (Amendment) (no. 2) Act 1984 [Act A585], and all such Federal Territories shall be territories of the Federation.*"

Selain dari isu pemilikan aset-aset air yang terletak di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang ditegaskan sebagai hak milik Kerajaan Persekutuan, isu utama yang dipertikaikan oleh Kerajaan Negeri adalah mengenai pendirian Kerajaan Persekutuan bahawa pemindahan hak milik aset-aset air syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB perlu dipindahkan bersama-sama hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut yang akan mengakibatkan kesemua aset-aset air Negeri Selangor bernilai RM14.9 bilion akan dipindahkan kepada PAAB bagi menyelesaikan liabiliti syarikat-syarikat konsesi.

Kerajaan Negeri berpendirian bahawa Perjanjian Utama yang telah dirunding dan dipersetujui pada September tahun lalu adalah berdasarkan prinsip dan semangat "commercial agreement" untuk mengasingkan tanah dan aset air syarikat konsesi. Ini ialah berdasarkan hujah-hujah yang berikut:

- a. Syarikat konsesi tidak memiliki apa-apa tanah di dalam buku akaunnya. Syarikat konsesi hanya menaik taraf aset air di atas tanah milik Kerajaan Negeri.
- b. Nilai aset air dan tanah milik Kerajaan Negeri adalah jauh lebih tinggi dari aset air yang telah di naik taraf oleh syarikat konsesi. Umpamanya,

anggaran Kerajaan Negeri ialah hanya lebih kurang 1,000 kilometer paip air telah di baik pulih oleh syarikat konsesi berbanding jumlah 26,000 kilometer paip milik Kerajaan Negeri.

- c. Termasuk di dalam bond syarikat konsesi ialah amaun yang tidak dibelanjakan oleh syarikat konsesi untuk apa-apa aset air. Umpamanya, ada syarikat konsesi yang menggunakan bond air untuk pembayaran hutang tertunggak bekalan air. Untuk melaksanakan pengambilalihan bond tersebut oleh PAAB, suatu "*commercial agreement*" perlu dicapai untuk pengambilalihan bond dan penyewaan balik kepada Air Selangor sebagai suatu "*contractual lease*".

Syarikat-syarikat konsesi air tidak pernah diberi hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut oleh Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, tapak tanah aset syarikat konsesi air tidak termasuk di dalam senarai aset-aset syarikat konsesi yang akan dipindahkan kepada PAAB.

Dari awal perbincangan lagi telah dipersetujui aset syarikat-syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB adalah meliputi aset-aset yang telah di naik taraf (*upgraded asset*) oleh Syarikat Konsesi dan tidak melibatkan soal pindah milikan tanah. Perkara ini telah dipersetujui semasa dalam rundingan sebelum Perjanjian Utama dimuktamadkan.

Pendirian Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kesemua pemindahan aset-aset syarikat konsesi kepada PAAB berserta pemindahan milik tapak tanah menjurus kepada keadaan bahawa Kerajaan Negeri Selangor perlu menyerahkan kedaulatan ke atas tanah-tanah milik Negeri Selangor selama 45 tahun kepada Kerajaan Persekutuan melalui PAAB.

Keengganan Kerajaan Persekutuan menerima pemindahan milik hanya bahagian-bahagian aset air yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat konsesi seperti mana yang telah disenaraikan di dalam Perjanjian Induk sebaliknya meletakkan syarat supaya keseluruhan aset-aset bersama pemilikan tanah dipindahkan kepada PAAB menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan inginkan hak milik keseluruhan loji rawatan air yang terlibat berserta tapak tanah walaupun hanya sebahagian sahaja dari aset tersebut menjadi hak milik syarikat konsesi.

Pertikaian mengenai aset bekalan air di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor telah menyebabkan dua *Condition Precedents* (CPs) utama dalam Perjanjian Utama seperti berikut masih belum dapat diselesaikan:-

- i. Pemeteraian Perjanjian Kemudahan dan Perjanjian Pajakan antara PAAB dan Air Selangor; dan
- ii. Pemberian Lesen Individu Perkhidmatan dan lesen Individu Kemudahan kepada Air Selangor

Tempoh bagi memenuhi *CPs* bagi Perjanjian Utama pada asalnya adalah pada 09 November 2015 telah dipersetujui oleh kesemua pihak untuk dilanjutkan sehingga 09 Mac 2015 dan PNHB melalui kenyataan media pada 10 Februari 2015 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh memenuhi *CPs* Perjanjian Jual Beli Saham PNHB sehingga 09 Mac 2015. Sehingga 09 Mac 2015, *CPs* dalam Perjanjian Utama masih tidak dapat dipenuhi.

Memandangkan *CPs* di dalam Perjanjian Utama tidak dapat diselesaikan sehingga 09 Mac 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk tidak melanjutkan tempoh Perjanjian Utama selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 8/2015 yang diadakan pada 25 Februari 2015 dan telah disahkan oleh MMKN ke 9 pada 04 Mac 2015 yang telah bersetuju supaya tarikh 09 Mac 2015 merupakan tarikh akhir Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan untuk memenuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Utama.

Perbincangan di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan masih berterusan, maka Perjanjian Pembelian Saham di antara Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ('Air Selangor') dan Puncak Niaga Holdings Berhad bagipengambilalihan 70% pegangan saham dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd dan 100% pegangan saham dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd telah dilanjutkan ke 9 April 2015.

Walau bagaimanapun, YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air telah meminta rundingan diteruskan. Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa apa jua rundingan yang akan dibuat di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk menyempurnakan *CPs* Perjanjian Utama hendaklah merujuk kepada peruntukan di dalam Perjanjian Utama dan semangat (*spirit*) perjanjian tersebut dimuktamadkan termasuk persetujuan Kerajaan Persekutuan ke atas aset-aset yang disenaraikan untuk dipindahmilik kepada PAAB di dalam *Appendix 7*, Perjanjian Utamanya tertakluk kepada aset-aset air yang telah dinaiktaraf dan dimiliki oleh syarikat konsesi sedangkan tapak tanah adalah di bawah milik Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : BILANGAN RUMAH DI MBPJ

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila beri bilangan unit rumah di MBPJ mengikut setiap seksyen.
- b) Sila juga beri pecahan mengikut jenis perumahan, seperti rumah teres, pangsapuri, pangsapuri servis, SOHO, dan lain lain.

JAWAPAN:

- a) Senarai bilangan harta kediaman dan kediaman bertingkat mengikut kawasan di Petaling Jaya

Jumlah Kediaman Dan Kediaman Bertingkat Mengikut Kawasan
Di Petaling Jaya

BIL	SEKSYEN	KEDIAMAN	KEDIAMAN BERTINGKAT	JUMLAH
1	SEKSYEN	15,013	9,069	24,082
2	SS	23,616	9,786	33,402
3	PJS	7,655	28,362	36,017
4	PJU	26,258	70,143	94,601
JUMLAH BESAR				188,102

- b) Pecahan mengikut jenis perumahan:

- Rumah Teres - 55,234
- Pangsapuri - 21,218
- Pangsapuri Servis - 6,933

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KEJIRANAN HIJAU

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah aspek-aspek yang ditekankan dalam kejriran hijau dalam konteks Negeri Selangor?
- b) Senaraikan PBT yang telah melaksanakan kejriran hijau dalam perancangan tempatan.
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu sasaran untuk melaksanakannya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah menerimapiakai dan melaksanakan Garis Panduan Perancangan Kejriran Hijau yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia.

Daripada 49 tindakan yang di nyatakan di dalam Garis Panduan Kejriran Hijau tersebut, pihak Kerajaan Negeri Selangor telah menggariskan 5 inisiatif kejriran hijau yang diberikan keutamaan selaras dengan Pekeliling Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2014 iaitu :

- i. Penyediaan laluan basikal ;
 - ii. Penyediaan Laluan Pejalan Kaki ;
 - iii. Pembangunan Kebun Kejriran ;
 - iv. Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPA) ;
 - v. Program pengkomposan sisa
- b) Semua PBT di Negeri Selangor sedang melaksanakan kejriran hijau dalam perancangan tempatan.
 - c) Kerajaan Negeri menyasarkan semua PBT Negeri Selangor melaksanakan semua elemen kejriran hijau yang dinyatakan di atas. Pelaksanaan elemen tersebut adalah mengikut kemampuan dan keupayaan bagi setiap PBT. Hal ini kerana, kos yang diperlukan bagi pelaksanaan elemen kejriran hijau ini memerlukan kos yang amat besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : DENGGI

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain dari program gotong royong, adakah ada pendekatan lain bagi menangani masalah nyamuk aedes?
- b) Berapakah kawasan yang sudah berjaya melepasi kawasan zon bebas denggi di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pendekatan lain untuk menangani masalah nyamuk Aedes termasuk:
 - i. Aktiviti- aktiviti untuk memastikan kebersihan dirumah, tempat kerja dan alam sekeliling dipeliharasepanjang masa ('24/7') untuk menghalang risiko pembiakan nyamuk Aedes.
 - ii. Elakkan daripada tabiat masyarakat membuang sampah merata-rata/sampah haram dan memastikan semua sampah domestik/kebun/pukal dibuang secara teratur dengan sistem pungutan yang efektif.
 - iii. Menggunakan ubat jentik-jentik, seperti Abate dan Bti, di tempat air bertakung yang tidak dapat dihapuskan.
 - iv. Menubuhkan Pasukan Combi/ Skuad Anti-Denggi di tempat tinggal/ kerja supaya aktiviti komuniti dalam pencegahan pembiakan nyamuk Aedes dilaksanakan secara konsisten dan berkala.
- b) Berapakah kawasan yang sudah berjaya melepasi kawasan zon bebas denggi di Negeri Selangor?

Pada 14/03/2015, terdapat 644 lokaliti wabak denggi di Negeri Selangor dan daripadaini, jumlah 'hotspot' ialah 214 lokaliti (33%). Pada masa sekarang, seluruh Negeri Selangor adalah berisiko untuk penularan penyakit Denggi oleh kerana penemuan tempat pembiakan nyamuk Aedes yang tinggi di semua daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : KAJIAN SETAKAT MANAKAH MASJID REMAJA-SENTRIK?

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kajian yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk mengetahui sejauh manakah keupayaan masjid menarik golongan remaja dan belia.
- b) Berapa peratuskah remaja di kariah masjid/surau hadir solat berjemaah? menyertai program dan aktiviti?
- c) Sejauh manakah kerajaan terlibat dengan pemimpin berpengaruh tempatan termasuk ADUN dan NGO wanita?

JAWAPAN:

- a) Tiada kajian yang dijalankan setakat ini.
- b) Tiada kajian menyeluruh mengenai perkara ini. Walaubagaimanapun keterlibatan remaja dan belia ke program anjuran masjid semakin bertambah mutakhir ini dengan penganjuran program-program yang menjurus kepada remaja dan belia. Antara program tersebut ialah Program Daurah Remaja Islam, Kem Bestari smart Solat, Perkhemahan Remaja, Kursus Imam Dan Bilal Muda, Sukan Masjid, Santai Belia, Rehlah, lawatan dan lain-lain.
- c) Dalam usaha mengimarahkan masjid dan mempelbagaikan program masjid, JAIS telah dan terus bekerjasama dengan beberapa aktivis dan pimpinan NGOS wanita contohnya NGO Muballighat, Badan Kebajikan Wanita Selangor (BAKAWANIS), Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia (SALIMAH), Pertubuhan Mawaddah Malaysia (MAWADDAH), Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Selangor (LKPIS), Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) dan International Muslim Woman Union (IMWU).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan Rumah Selangorku yang diterima pada tahun 2014?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang diluluskan oleh kerajaan negeri pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan Rumah Selangorku yang diterima oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada tahun 2014 adalah sebanyak 31 permohonan.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, daripada 31 permohonan yang diterima, sebanyak 26 permohonan telah diluluskan Rumah Selangorku dan baki 5 permohonan telah ditolak dan kekal dengan keputusan membina rumah mampu milik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENGANGGURAN DI KALANGAN BELIA

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar pengangguran belia di Selangor?
- b) Apakah faktor-faktor turun naik peluang pekerjaan di Selangor ?
- c) Apakah tindakan yang dibuat untuk mengurangkan kadar pengangguran?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada sumber yang diperolehidaripada Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah terkini belia menganggur di Negeri Selangor iaitu pada tahun 2013 adalah sebanyak 71,500 atau 2.5% orang berbanding 5.8 juta penduduk di Negeri Selangor.
- b) Faktor-faktor turun naik peluang pekerjaan di Selangor yang berlaku sekarang adalah sebagaimana berikut :-
 - i) Berpunca daripada penggantian buruh dengan mesin, kemunduran dalam industri dan kemelesetan ekonomi dunia.
 - ii) Keadaan ekonomi di mana berlaku fasa penurunan dan peningkatan di samping matawang yang kurang stabil dalam pasaran.
 - iii) Sikap rakyat tempatan yang terlalu memilih pekerjaan berdasarkan kelayakan akademik dan hanya graduan akan memilih pekerjaan yang dirasai sesuai dengan kelayakan akademik masing-masing menyebabkan kadar pengangguran boleh meningkat.
 - iv) Sikap pekerja yang gemar menukar tempat kerja, mereka ini tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri sendiri serta jemu dengan apa yang dilakukan juga menyumbang kepada faktor turun naik kadar pengangguran di Negeri Selangor.
- c) Kerajaan Negeri Selangor berusaha untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia dengan memberi peluang pendidikan kepada golongan remaja dan belia yang berkelayakan melalui bidang pendidikan sebagai persediaan ke arah melahirkan belia yang berpendidikan dan berdaya

saing pada masa hadapan. Usaha ini dapat dilihat apabila Kerajaan Negeri menubuhkan Universiti Selangor (UNISEL) yang menyediakan pelbagai kursus dan bidang pengajian dari peringkat Diploma sehingga peringkat PhD seperti berikut :-

- a) Kejuruteraan
- b) Pendidikan dan Sains Sosial
- c) Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- d) Sains dan Bioteknologi
- e) Pengurusan Perniagaan
- f) Media dan Komunikasi
- g) Sains Kesihatan
- h) Seni Lukis dan Rekabentuk.

Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor juga berusaha memberi peluang kepada Belia yang tidak berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang akademik untuk menceburi bidang latihan, teknikal dan kemahiran yang dikendalikan oleh InspenInternationalCollege(INPENS). Usaha-usaha ini merupakan bantuan Kerajaan Negeri kepada Belia bagimembantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan pada masa hadapan dalam bidang seperti kecantikan, automatif, pendandan rambut, elektrik, elektronik, mekanik motorsikal, sistem komputer dan penyaman udara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : SUKAN SUKMA

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan kerajaan negeri untuk sukan SUKMA yang akan datang?
- b) Apakah jenis sukan yang menjadi sasaran untuk dimenangi dalam SUKMA akan datang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor untuk tahun 2015 sebanyak RM 5 juta untuk persediaan pasukan-pasukan SUKMA akan datang. Peruntukan ini adalah untuk menjalankan program-program latihan harian, latihan hujung minggu dan termasuk latihan pusat. Selain itu juga, persediaan lain adalah untuk menyertai kejohanan-kejohanan sebagai pendedahan dan juga sebagai mengukur tahap penguasaan permainan, bayaran elaun atlit-atlit yang berlatih, program binaan termasuklah bengkel-bengkel, seminar-seminar kepada pasukan untuk menyemarakkan lagi fasa persediaan mereka.

Pada tahun ini, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor telah mewujudkan Pusat Latihan Daerah (PLD) dengan permulaan sebanyak 3 jenis sukan di setiap daerah. Pusat ini adalah di bawah pengawasan Majlis Sukan Daerah (MSD) dan juga pihak Majlis Sukan Negeri Selangor. Tujuan Pusat Latihan Daerah ini diwujudkan adalah untuk mengembangkan lagi program pembangunan sukan di peringkat akar umbi.

Selain itu, pada tahun 2014, satu program penumpuan sukan yang dinamakan Program Khas telah diwujudkan dan tujuan ianya ditubuhkan adalah untuk menumpukan kepada atlit-atlit yang menyerlah di acara tertentu untuk diberi penumpuan yang lebih dan intensif.

Sebanyak 11 sukan yang dipilih dalam program ini dan sukan-sukan tersebut adalah sukan yang menawarkan banyak pingat iaitu, angkat berat, memanah, menembak, olahraga, gimnastik, akuatik, lawan pedang, kanu, mendayung dan wushu.

- b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor mensasarkan sukan-sukan yang objektif seperti renang, menembak dan basikal berdasarkan

pencapaian SUKMA lepas. Mengikut statistik pada SUKMA tahun 2014 yang lepas, sukan renang adalah sukan yang telah berjaya memenangi sebanyak 11 pingat emas dan sekaligus telah mendominasi punggutan pingat keseluruhan bagi acara renang. Pada SUKMA 2016 yang akan datang, pihak Majlis masih menasaskan sukan renang untuk mendominasi acara ini memandangkan atlet-atlet yang terlibat masih boleh menyertai SUKMA 2016.

Bagi sukan menembak, walaupun dominasi punggutan pingat adalah dari Negeri Pahang, pasukan Selangor mampu memberi saingan dan mendapatkan pingat emas kerana berdasarkan pencapaian SUKMA 2014, pasukan ini berjaya mendapatkan 7 pingat emas dan pada SUKMA 2016 akan datang, pihak Majlis menasaskan pasukan ini mampu mengekalkan dan meningkatkan lagi jumlah pingat emas.

Bagi sukan berbasikal, pada SUKMA 2016 akan datang, ianya dilihat peluang kepada pasukan ini untuk meraih pingat yang lebih berbanding pada SUKMA 2014 yang lalu pasukan ini mendapat sebanyak 4 pingat emas. Kebanyakan atlet sedia ada adalah atlet yang sedang berlatih di Majlis Sukan Negara.

Selain itu, pihak Majlis juga menasaskan sukan olahraga untuk memperbaiki punggutan pingat pada SUKMA akan datang kerana sukan ini menawarkan sebanyak 45 pingat emas dan peluang untuk mendapatkan beberapa pingat adalah tinggi dan pihak Majlis juga sedang dalam penilaian untuk mengenalpasti atlet-atlet yang berpotensi untuk diberi latihan intensif yang sewajarnya.

Sasaran sukan lain adalah sukan gimnastik di mana sukan ini merupakan sukan yang tidak menghampakan untuk mendapatkan pingat emas. Walaubagaimanapun, beberapa inisiatif perlu diambil kerana negeri lain juga sedang berusaha memberi saingan yang hebat kepada pasukan Selangor. Pihak Majlis dengan kerjasama pihak persatuan sedang menjalankan program-program yang sewajarnya kepada atlet-atlet ini agar mereka sentiasa berada di landasan yang betul.

Bagi sukan-sukan yang lain, pihak Majlis tidak berdiam diri dan ianya sedang dalam penelitian dan penilaian prestasi semasa dan pihak Majlis juga menasaskan sekurang-kurangnya setiap pasukan perlu mendapatkan sebanyak 2 pingat emas untuk SUKMA akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENGURUSAN DAN PEMROSESAN SISA PEPEJAL

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam penyelesaian pengurusan dan pemprosesan sisa pepejal secara menyeluruh?
- b) Apakah perkembangan kajian terhadap perancangan pembangunan insinerat or bagi tujuan memproses sisa pepejal di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri masih mempertimbangkan beberapa opsyen dalam menangani perihal pengurusan pemprosesan sisa pepejal secara menyeluruh di Negeri Selangor. Pada masa ini, kutipan sampah diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Semua PBT dipertanggungjawabkan untuk melantik sendiri kontraktor untuk mengurus kutipan mengikut zon yang telah ditetapkan. Kontraktor yang telah dilantik ini perlu mengikut semua syarat dan ketetapan yang terkandung di dalam kontrak. Setelah kutipan dijalankan, kontraktor perlu membuang sisa pepejal tersebut di tapak-tapak pelupusan yang ditetapkan oleh PBT mengikut kesesuaian jarak. Sehingga kini, terdapat lapan (8) kawasan tapak pelupusan yang masih boleh digunakan di Negeri Selangor iaitu:
 - i) Tapak Pelupusan Sanitari Jeram;
 - ii) Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong 12;
 - iii) Tapak Pelupusan Terbuka Bkt. Beruntung;
 - iv) Tapak Pelupusan Terbuka PanchangBedena;
 - v) Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar;
 - vi) Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil;
 - vii) Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sg Kertas; dan
 - viii) Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang.

Namun demikian, senario kebergantungan kepada tapak pelupusan dilihat semakin meruncing di mana kadar pembuangan sisa adalah dua kali ganda dari jumlah sepatutnya. Disebabkan itu, Kerajaan Negeri sedang meneliti beberapa kaedah untuk memodenkan pengurusan sisa pepejal ini secara bersepadu dalam usaha untuk memastikan pengurusan akan menjadi lebih efisien di masa akan datang. Kajian telah dilaksanakan untuk mencari penyelesaian yang paling

efisien dalam pengurusan sisa pepejal ini. Ianya telah dibentangkan pada mesyuarat MTES pada Januari 2015 yang lalu. Kajian tersebut merangkumi perkara-perkara berikut iaitu:

- i) Mengkaji semula status pengurusan sisa pepejal semasa;
- ii) Mengoptimum sistem yang terdapat di Negeri Selangor;
- iii) Menganggarkan kos untuk pelaksanaan pengurusan sisa pepejal secara bersepadu;
- iv) Mengenalpasti isu kritikal dan risiko sistem yang akan dilaksanakan; dan
- v) Mengenalpasti opsyen dan memilih sistem yang sesuai.

Hasil daripada kajian tersebut mendapati Kerajaan Negeri perlu mengubah infrastruktur pengurusan sisa pepejal selari dengan pertumbuhan penduduk dan penghasilan sisa di Negeri Selangor. Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu memperbaiki sistem dan pengoperasian memandangkan terdapat perubahan kepada cara hidup dan penghasilan sisa pepejal di mana penggunaan kaedah kitar semula akan mula dipergiatkan di masa hadapan. Kajian tersebut juga telah mengesyorkan beberapa perkara seperti berikut iaitu:

- i) Melaksanakan pengurusan sisa pepejal bersepadu secara optimum;
- ii) Merombak semula undang-undang, polisi dan perlesenan pengurusan sisa pepejal di Selangor;
- iii) Menubuhkan satu organisasi Sisa Pepejal Selangor;
- iv) Meneliti semula kontrak pengutipan sisa pepejal;
- v) Mempergiatkan kempen-kempen kitar semula dan mengurangkan penghasilan sisa pepejal; dan
- vi) Menyediakan peralatan terkini bagi pengutipan sisa pepejal yang lebih efisien dan kemudahan fasiliti yang moden untuk pelupusan sisa pepejal.

Oleh itu, Kerajaan Negeri akan membuat pertimbangan dan perubahan yang sewajarnya dalam memastikan isu sisa pepejal di Negeri Selangor dapat ditangani secara menyeluruh dan bersepadu.

- b) Kerajaan Negeri sedar akan kepentingan pembangunan insinerator bagi tujuan memproses sisa pepejal di Negeri Selangor. Namun begitu, perancangan tersebut memerlukan kajian yang teliti kerana terdapat beberapa masalah berbangkit yang perlu ditangani terlebih dahulu. Dalam masa yang sama,

Kerajaan Negeri masih melihat beberapa opsi yang boleh digunakan untuk umpamanya dari segi kesedaran dan pendidikan mengenai isu sisa pepejal di kalangan masyarakat.

Kerajaan Negeri juga telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan atau *feasibility study* bagi membangunkan loji tenaga sisa (LTS) atau insinerator di Selangor. Kajian tersebut telah siap pada Oktober yang lalu dan sedia untuk dibentangkan. Mengikut kajian tersebut, loji insinerator ini boleh dibangunkan di Negeri Selangor dengan menggunakan sistem stoker atau pun jeriji bergerak. Sistem ini mampu melupuskan sisa pepejal tanpa membuat sebarang pengasingan. Di samping itu juga ia mampu menjana tenaga elektrik berkapasiti 15MWatt. Sistem ini mampu mengurangkan jumlah sisa sebanyak 90% di mana hanya 10% akan dilupuskan ke tapak pelupusan sanitari.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : AIR PERCUMA

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pelaksanaan 40m padu air percuma akan dilaksanakan?
- b) Atas asas pertimbangan yang dibuat sehingga air percuma di naikkan dari 20m padu ke 40m padu?
- c) Berapakah jangkakan perbelanjaan yang akan dikeluarkan oleh kerajaan untuk tujuan ini?

JAWAPAN:

a), b) dan c).

Kerajaan Negeri Selangor sedia untuk membuat semakan ke atas program pemberian 20 meter padu air percuma ini. Namun apa pun yang diputuskan kelak, matlamat untuk membantu mengurangkan beban rakyat khususnya daripada golongan berpendapatan rendah akan dipertahankan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Selangor perlu berhati-hati dalam membuat semakan ini kerana data dan statistik menunjukkan kadar penggunaan per kapita nasional untuk penggunaan domestik bagi Negeri Selangor adalah pada kadar 235 liter/orang/hari. Kadar penggunaan sebanyak 235 liter/orang/hari ini adalah jauh lebih tinggi dari Singapura sebanyak 170 liter/orang/hari.

Maka itu, program kesedaran dan usaha-usaha boleh dijalankan bagi mengurangkan penggunaan air seperti yang pernah dicadangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) iaitu pengenaan surcaj ke atas penggunaan yang membazir.

Selain langkah mengenakan surcaj, Kerajaan Negeri Selangor juga akan menggalakkan pengguna melaksanakan pemasangan alat-alat penjimatan air [*WaterSavingDevices* (WSD)] yang dapat mengurangkan penggunaan air secara automatik. WSD adalah termasuk sistem penjimatan pancuran air (heads, handsets dan sistem kawalan), peralatan paip (heads, sinki, bibs dan mixers) dan sistem tandas (sistem dwi-siram, tangki curahan dan bidet) serta mesin basuh dan mesin membasuh pinggan.

Kempen-kempen yang akan dibuat adalah usaha-usaha bagi memberi kesedaran kepada pengguna agar menggunakan air secara berhemah dan memastikan tiada unsur-unsur pembaziran dalam penggunaan harian. Kempen-kempen ini akan dijalankan melalui media masa.

Sekiranya penggunaan domestik di Negeri Selangor sebanyak 235 liter/orang/hari dapat dijimatkan sebanyak 20% daripada kadar penggunaan air semasa, ia boleh memberikan penjimatan yang dianggarkan sebanyak 850 JLH pada tahun 2020 daripada jumlah permintaan air sedia ada. Usaha-usaha lebih giat akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan penggunaan air per kapita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : LAWATAN KERJA SEHARI YAB MENTERI BESAR KE DAERAH-
DAERAH**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan daerah-daerah yang telah dan belum mengadakan lawatan kerja sehari YAB Menteri Besar sejak bulan Oktober 2014.
- b) Adakah lawatan kerja sehari tersebut akan diteruskan pada tahun ini? Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Program Turun Padang YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor telah bermula pada bulan Oktober 2014. Tujuan program tersebut adalah untuk memberi peluang kepada rakyat Negeri Selangor untuk mengenali dan beramah mesra dengan YAB Dato' Menteri Besar Selangor bersesuaian dengan pendekatan "Peduli Rakyat". Berikut adalah jadual program turun padang di daerah yang telah dan masih belum dilaksanakan.

Program Turun Padang YAB. Dato' Menteri Besar Selangor

Bil	Daerah	Tarikh
1.	Daerah Gombak	03 Oktober 2014 (Jumaat)
2.	Daerah Kuala Langat	10 Oktober 2014 (Jumaat)
3.	Daerah Klang	17 Oktober 2014 (Jumaat)
4.	Daerah Sabak Bernam	24 Oktober 2014 (Jumaat)
5.	Daerah Petaling	31 Oktober 2014 (Jumaat)
6.	Daerah Sepang	07 November 2014 (Jumaat)
7.	Daerah Hulu Langat	12 Disember 2014 (Jumaat)
8.	Daerah Kuala Selangor	19 Disember 2014 (Jumaat)
9.	Daerah Hulu Selangor	<i>-Ditangguhkan-</i>

- b) Lawatan kerja sehari YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang dimulakan sejak Oktober 2014 akan terus dilaksanakan pada tahun 2015 kerana lawatan kerja ini telah mendapat banyak maklum balas positif dan memberangsangkan berkaitan aduan rakyat dan permasalahan berbangkit di kawasan-kawasan yang dilawati.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : TANAH YANG DIMILIKI OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN
NEGERI LAIN**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan lot-lot tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri lain di Negeri Selangor dengan butiran seperti lokasi, keluasan, anggaran nilai pasaran, catatan dan lain-lain.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah bilangan hakmilik dan jumlah keluasan tanah Kerajaan Persekutuan mengikut Daerah di Negeri Selangor.

DAERAH	BILANGAN HAKMILIK	JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)
PTG	1,924	106,071.46
Klang	26	15.48
Kuala Langat	19	1.61
Kuala Selangor	17	30.55
Sabak Bernam	27	25.38
Hulu Langat	503	16.14
Hulu Selangor	24	15.66
Petaling	55	108.20
Gombak	383	12.34
Sepang	13	19.83
JUMLAH	2,991	106,316.65

Sumber : Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENYELIDIKAN ADAT MELAYU DAN WARISAN SELANGOR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil penyelidikan ke atas seni bina masjid-masjid lama dan rumah tradisional di Selangor?
- b) Apakah usaha yang dilakukan kerajaan negeri untuk memulihara dan mempromosikan seni bina tersebut?

JAWAPAN:

- a) PADAT telah melaksanakan penyelidikan ke atas seni bina masjid-masjid lama di Selangor. Masjid-masjid lama yang telah dilaksanakan penyelidikan adalah sebanyak 56 buah yang meliputi kesemua daerah di negeri Selangor.

Penyelidikan ini telah dibukukan dan diterbitkan oleh PADAT. Buku tersebut bertajuk “**Warisan Masjid-Masjid Lama di Selangor**” yang diterbitkan pada tahun 2012.

Bagi penyelidikan rumah-rumah tradisional pula PADAT telah melaksanakan penyelidikan bagi setiap daerah di negeri Selangor. Bagi tujuan tersebut penyelidikan ini dalam proses penerbitan dalam bentuk buku.

- b) Bagi tujuan pemuliharaan PADAT telah berjaya untuk memulihara Rumah Bugis di Kuala Selangor yang berusia hampir 100 tahun. Kerja-kerja menyelamatkan rumah ini adalah mengikut proses-proses dan standard konservasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara Malaysia. Bagi masjid-masjid lama sebahagian masjid telah diwartakan.

Rumah tradisional Bugis ini setelah di konservasi akan dipindahkan dan ditempatkan di Shah Alam. PADAT mempunyai keyakinan dengan kesenian senibina tradisional dan keunikan rumah Bugis ini akan dapat menarik perhatian pengunjung yang mengunjungi muzium. Iaitu di tengah-tengah pusat bandar Shah Alam masyarakat akan dapat melihat keindahan dan keunikan kesenian dan senibina zaman lampau. Rumah tradisional Bugis ini dapat dianggap sebagai salah satu produk pelancongan bukan sahaja bagi Selangor bahkan untuk Malaysia kerana sehingga ke hari ini belum ada lagi kerja-kerja pemuliharaan bagi rumah Bugis di Malaysia dan Selangor telah memulakan

usaha-usaha ini. (*kenyataan ini diperolehi daripada Dr. Muhammad Pauzi, Pengarah Muzium Warisan Melayu*)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PELAKSANAAN JALAN SEHALA DI PETALING JAYA

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan faktor-faktor pelaksanaan jalan sehalal di Pusat Bandar Petaling Jaya?
- b) Berapakah perbelanjaan bagi melaksanakan jalan sehalal di Pusat Bandar Petaling Jaya?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan jalan sehalal di Petaling Jaya:

Projek sistem jalan sehalal ini lebih merupakan kepada skim pengurusan lalulintas yang dilaksanakan oleh Majlis bagi menambahbaik sistem aliranlalulintassediada bagi menampung keperluan masa kini dan masa akan datang. Ini selaras dengan syor-syor yang telah dicadangkan atau dibuat melalui beberapa kajian lalulintas dan kajian pengangkutan sejak tahun 2001 sehingga 2012.

Antara faktor-faktor yang diambilkira di dalam pelaksanaan projek sistem jalan sehalal ini adalah :-

1. Keupayaan jalan-jalan sediada khususnya simpang-simpang jalan yang mengalami kesesakan lalulintas dan dijangka tidak mampu untuk menampung tambahan beban trafik di masa akan datang
 2. Mempercepatkan dan menjimatkan masa perjalanan
 3. Melancarkan aliran lalulintas di sekitar Pusat Bandar Seksyen 2 Petaling Jaya
 4. Menjadikan Pusat Bandar Seksyen 52 Petaling Jaya sebagai Bandar Lestari dan berdayahuni sejajar dengan permintaan pada masa akan datang bukan sahaja untuk kegunaan pemandu kenderaan tetapi juga untuk pengguna jalanraya lain dan penduduk sekitar beriadah menggunakan kemudahan-kemudahan yang akan disediakan oleh Majlis seperti siarkaki, laluan basikal dan kerja-kerja landskap.
- b) Perbelanjaan bagi melaksanakan jalan sehalal di Pusat Bandar Petaling Jaya:

- Kos keseluruhan projek Fasa 1 dan Fasa2 dianggarkan menelan belanja sebanyak RM23 juta.
- Kos ini adalah bagi kerja-kerja sesi percubaan (trialrun) selama 5 bulan semasa Fasa 1 dan Fasa 2 yang merupakan pembinaan kekal melibatkan penyediaan laluan siarkaki berbumbung dan tidak berbumbung, laluan basikal, pemasangan lampu jalan jenis LED, pemasangan lampu isyarat lintasan pejalan kaki, penyediaan pondok perteduhan bas, pemasangan CCTV, kerja-kerja penurapan jalan dan kerja-kerja landskap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PENJAJA FASA 3 PUNCAK ALAM

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjaja `kedai papan' di Fasa 3 Bandar Puncak Alam telah pun dipindahkan ke gerai baru yang dibina oleh Kerajaan Negeri. Berapakah jumlah gerai yang dibina, kadar sewa yang dikenakan, tempoh penyewaan dan mohon senaraikan nama peniaga-peniaga yang terpilih?
- b) Bagaimanakah kriteria pemilihan penjaja-penjaja itu dilaksanakan dan nyatakan jumlah pemohon gerai berkenaan?

JAWAPAN:

- Pembinaan Gerai tersebut telah disambungkan oleh pihak pemaju perumahan dan pusat perniagaan iaitu Tetuan Metro Kajang Housing Berhad (MKH)
 - Bilangan Gerai adalah 25 unit
- a) Gerai Astana MDKS dibina secara 'BuiltandTransfer' di antara pihak MDKS dengan Tetuan Metro KL City Sdn Bhd dengan tujuan utama bagi menyelesaikan masalah pembinaan Kedai *HighCappara* di Puncak Alam Fasa 3. Jumlah gerai yang dibina adalah seperti berikut :-

BIL	KATEGORI	JUMLAH UNIT	KADAR SEWA (RM)	STATUS SEWAAN	
				DISEWA	KOSONG
1.	Kedai runcit	2	600.00	1	1
2.	Kedai makan	12	400.00	7	5
3.	Kedai pelbagai	10	400.00	6	4
4.	Pejabat cawangan MDKS	1	-	-	-
JUMLAH		25		14	10

Tempoh kontrak penyewaan adalah tiga (3) tahun pertama dan sambungan dua (2) tahun berikutnya sekiranya penyewa mematuhi syarat – syaratperjanjian. Berikut adalah senarai nama penyewa Fasa Pertama yang

telah berjaya pada sesi temuduga yang diadakan pada 23hb Oktober 2014
iaitu :-

- i) Puan NurulFarisha binti Saufie
- ii) *Encik Zulkifli bin Hashim (Permohonan dibatalkan)*
- iii) Encik Fauzi bin Haji Hassan
- iv) Encik Mohd Azami bin Abdullah
- v) Encik Mat Radi Awang Senik
- vi) Encik Ridzuan bin Mohd Yusof
- vii) Puan Isfalaila binti Ismail
- viii) Encik Abdul Munem bin Sharif
- ix) Encik Mohd Zamra bin Nawi
- x) Encik Murad bin Osman
- xi) Encik Mohd Nasir bin Kosot
- xii) Encik Jamaluddin bin Subahi
- xiii) Encik Mohd Ropi bin Mat Amin
- xiv) Encik AhamadKhairi bin Sufi
- xv) *Puan Noorazian binti Labbam (Permohonan dibatalkan)*
- xvi) Encik Mohd Sharan bin Ghair

b) Kriteria pemilihan penyewa adalah seperti berikut :-

- i) Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.
- ii) Pemohon tidak mempunyai rekod senarai hitam yang lampau
- iii) Pemohon tidak menyewa tapak / premis melebihi satu (1) unit dalam satu masa
- iv) Nama pemohon termasuk di dalam senarai bancian oleh Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan, MDKS.

Sesi temuduga untuk Fasa Kedua akan dilaksanakan pada 31hb Mac 2015
iaitu melibatkan 62 orang pemohon yang telah membuat permohonan mulai
Julai hingga November 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : GELANGGANG BOLA KERANJANG BERBUMBUNG

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kos diperlukan untuk bina sesebuah gelanggang bola keranjang berbumbung di negeri Selangor;
- b) Nyatakan di setiap daerah selepas tahun 2008 berapakah bola keranjang berbumbung telah dibina berserta butir-butir lokasi dan tahun pembinaannya;
- c) Mengapakah bola keranjang berbumbung di depan Balai Raya Telok Bunut Jalan Telok Bunut Banting tidak dibina walaupun B.Q telah dihantar oleh YDP Majlis Daerah Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Pembinaan gelanggang bola keranjang berbumbung adalah berbeza-beza mengikut spesifikasi dan reka bentuk. Secara purata anggaran kos pembinaan adalah antara RM150,000.00 hingga RM500,000.00.
- b) Sehingga Disember 2014, 6 buah gelanggang bola keranjang telah dibina dan sebuah lagi di daerah Kuala Langat sedang menunggu kelulusan Kerajaan Negeri. Butiran lokasi adalah seperti berikut:-

PBT	Jumlah Gelanggang Bola Keranjang Berbumbung	Kos Pembinaan (RM)	Lokasi / Tahun Pembinaan
MPK	2	370,000.00	Pandamaran (2010) dan di Taman EngAnn (2014).
MPSJ	3	460,000.00	i) Jln Indah 2, Tmn Universiti Indah ii) Jln SK6/1, Seri Kembangan iii) Jln SK 8/9, Seri Kembangan
MDKL	1 (menunggu kelulusan Kerajaan Negeri)	500,000.00	Teluk Bunut (Cadangan)

MDSB	1	200,000.00	Jalan 4,Bagan
-------------	---	------------	---------------

- c) Merujuk status pembinaan gelanggang bola keranjang berbumbung di depan balai raya Telok Bunut, Jalan Teluk Bunut Banting, YDP MDKL memaklumkan pihaknya masih menunggu kelulusan Kerajaan Negeri dan permohonan telah dibuat melalui MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : MASALAH PEKERJA ASING, PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)
& PELARIAN**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan negeri mengenai kemasukan, penempatan dan pengambilan pekerja asing, PATI dan pelarian?
- b) Adakah kerajaan sedar bahawa kedatangan pekerja asing, PATI dan pelarian telah menimbulkan masalah jenayah, gangguan sosial, kesihatan, rebutan peluang pekerjaan dan perniagaan tanpa lesen dll.

Contoh seperti yang berlaku di kawasan Alam Jaya dan Venice Hill, Hulu Langat.

- c) Nyatakan langkah-langkah pengawalan oleh kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, dianggarkan terdapat berjumlah 1.95 juta orang pendatang asing di Malaysia. Jumlah tersebut dianggarkan menyamai jumlah bilangan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang menetap di Malaysia. Angka tersebut adalah sangat membimbangkan dan menjadi masalah yang membelenggu bukan hanya di Negeri Selangor malahan di seluruh negara.

Untuk makluman YB, kawalan dan dasar pengambilan warga asing adalah di luar bidang kuasa kerajaan negeri. Bidang kuasa kemasukan, penempatan dan pengambilan pekerja asing adalah di bawah tanggungjawab dan kawalan Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui pelaksanaan polisi dan penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia.

- b) Kerajaan Negeri menyedari hakikat kebanjiran PATI ini telah menyumbang pelbagai impak negatif kepada ekonomi, sosial dan persekitaran. Pada asalnya kedatangan warga asing ini adalah bagi mengisi keperluan pekerjaan dalam bidang tertentu seperti pertanian dan pembinaan. Namun demikian, PATI dilihat telah mengambil alih ekonomi rakyat tempatan dan semakin berani menutup periuk nasi rakyat tempatan. Kehadiran PATI membawa budaya dan imej yang buruk kepada masyarakat dan keadaan persekitaran seterusnya membantutkan usaha-usaha kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat tempatan.

- c) Kerajaan Negeri tidak mempunyai punca kuasa khusus bagi menangani masalah ini. Namun demikian, Kerajaan Negeri boleh membantu mengurangkan banjir PATI melalui pelaksanaan polisi dari sektor ekonomi. Kerajaan Negeri Selangor memfokuskan kepada ekonomi berteknologi tinggi yang memerlukan kepakaran tenaga kerja berkemahiran tinggi. Pelaksanaan dasar ini dilihat akan membuka peluang yang lebih kepada pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada PATI.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga giat melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap lesen perniagaan yang diberikan. PBT akan mengambil tindakan menyita dan membatalkan lesen perniagaan sekiranya didapati penduduk tempatan memberikan lesen perniagaan kepada PATI.

Kerajaan Persekutuan sememangnya telah melaksanakan pelbagai operasi membanteras PATI dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) seperti berikut:

- i. Operasi penguatkuasaan dan penangkapan PATI di kawasan pembinaan premis perniagaan;
- ii. Memantau dan operasi terhadap premis perniagaan bagi memastikan lesen perniagaan tidak 'dialibabakan' kepada PATI;
- iii. Memantau perumahan awam dan mengenakan tindakan undang-undang kepada penyewa yang menyewakan rumah kepada PATI;
- iv. Kawalan terhadap pintu keluar masuk negara dan sempadan negara bagi menghalang kemasukan PATI; dan
- v. Mengambil tindakan undang-undang kepada pemilik lesen perniagaan yang menyewakan premis kepada PATI.

Namun, usaha tersebut tidak mengurangkan jumlah PATI tapi dilihat semakin bertambah. Kerajaan Persekutuan digesa untuk melipatgandakan usaha bagi membanteras banjir PATI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : 124 UNIT RUMAH KOSONG YANG TIDAK DISELENGGARA DI TAMAN
MATANG JAYA**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status rumah-rumah tersebut yang telah siap dan tidak diduduki sejak 10 tahun?
- b) Apakah tindakan daripada kerajaan berkenaan kawasan yang tidak diselenggara yang mengganggu ketenteraman penduduk?
- c) Bilakah masalah rumah tidak berpenghuni ini akan diselesaikan?

JAWAPAN:

- a) Pembangunan perumahan di Taman Matang Jaya, Sungai Buloh ini dibangunkan oleh pemaju - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan telah diluluskan Sijil Kelayakan Menduduki (Tetap) pada 28/5/2005 untuk cadangan 525 unit rumah Teres 2 tingkat Kos Rendah. Pembangunan perumahan kategori kos rendah perlu berdaftar dengan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS). Sebahagian pembangunan telah diduduki dan sebahagian lagi merupakan unit-unit kosong.
- b) Majlis Perbandaran Selayang akan mengambil tindakan sekiranya terdapat aduan berkaitan kawasan yang tidak selenggara yang boleh menyebabkan gangguan ketenteraman kepada penduduk. Siasatan akan dibuat dan seterusnya pengeluaran notis kepada pemilik rumah/ lot untuk membuat pembersihan. Sekiranya notis tidak dipatuhi, Majlis Perbandaran Selayang akan membuat pembersihan dan kos pembersihan tersebut akan dicajkan ke dalam Cukai Taksiran pemilik rumah/ lot.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

- c) Berdasarkan rekod terkini PKNS, hanya terdapat 22 unit rumah sahaja yang masih belum diserahkan kepada pembeli awam kerana pembeli masih belum selesai urusan pinjaman bagi membiayai pembelian rumah tersebut dan dijangka akan selesai urusan pinjaman pada Jun 2015.



MPS: B 00680

مجلس سelayang
Majlis Perbandaran Selayang

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI

Di keluarkan di bawah Undang-undang
Kecil Bangunan Seragam 1984 Bah. II Seksyen 25 (1)

Kepada: Tuan James Chin Architect,
M-2, Kompleks Sukan Ampang,
Persiaran Memanda 1,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.

Dengan ini adalah diperakui bahawa bangunan tuan/puan di atas

Lot no : Lot 1 - 525 (Blok G, H Dan Sebahagian Blok F)
Lokasi Harta : Taman Matang Jaya

Jalan Utama : Sungai Buloh - Kuala Lumpur
Mukim : Rawang

Tetuan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

telah siap di bina untuk.....

(Sila lihat di sebelah)

MPS04/3/8/818(RT3)-1 mengikut pelan kelulusan

no: 11 hb. Januari 2005 yang di luluskan oleh

oleh Majlis pada dan bahawa bangunan itu adalah
layak untuk diduduki.

28hb. Mei 2005

Tarikh Lulus: 15 hb. Jun 2005

Tarikh:


Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

IR. ZOLKEFLEE BIN ABD. HAMIL
PENGARAH BANGUNAN
JABATAN PELAN BANGUNAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

CUKAI MENGENAI TAKSIRAN

Adalah diberi notis bahawa bangunan tuan/puan yang di rujukan
di atas, telah di taksir mengikut nilai tahunan sebanyak
(RM.....) Ringgit.....

mulai dari tarikh ini.

Tarikh:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

JABATAN PELAN BANGUNAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

TAMAN MATANG JAYA

1

NO.FAIL MPS 04/3/8/818(RT3)-1

SKM No. MPS : B 00680

A.

Cadangan Pindaan Kepada Pelan Kelulusan MPS 04/3/8/818(RT3)-1 Bagi Cadangan
Pembangunan 40 Blok Yang Mengandungi 525 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (RT3)
Kos Rendah Di Atas Sub Lot 1 - 525 Dan 5 Unit Pencawang Elektrik Di Atas
Blok G, H Dan Sebahagian Blok F, Matang Pagar, Mukim Rawang, Daerah Gombak,
Majlis Perbandaran Selayang.

Untuk : Tetuan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Permohonan Sijil Kelayakan Menduduki Bagi Cadangan :


- (i) 525 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis RT3)
- (ii) 5 Unit Pencawang Elektrik

B.

JENIS BANGUNAN	ALAMAT BANGUNAN	JUMLAH UNIT
525 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis RT3)	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33 dan 35, Jalan MTG Jaya 1	18
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 34, 36 dan 38, Jalan MTG Jaya 3	19
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25 dan 27, Jalan MTG Jaya 3	14
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20 dan 22, Jalan MTG Jaya 4	11
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11 dan 11A, Jalan MTG Jaya 4	7
	No. 2, 4, 6, 8 dan 10, Jalan MTG Jaya 2	5
	No. 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 34, 36, dan 38, Jalan MTG Jaya 11	17
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22 dan 24, Jalan MTG Jaya 11A, (sambung di sebelah)	

Tarikh Lulus SKM : 28 hb. Mei 2005

Tarikh : 15.06.05


Yang Dipertua
IRIZOL KEFLEE BIN ABD. HAMID
Majlis Perbandaran Selayang
PENGARAH BANGUNAN
JABATAN PELAN BANGUNAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

B

JENIS BANGUNAN	ALAMAT BANGUNAN	JUMLAH UNIT
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22 dan 24, Jalan MTG Jaya 11B	12
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33, 35 dan 37, Jalan MTG Jaya 11B	19
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 34, 36, 38, 40, 42, 44, 46 dan 48, Jalan MTG Jaya 11C	24
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33, 35, 37, 39, 41, 43, 45 dan 47, Jalan MTG Jaya 11C	24
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 34, 36, 38, 40, 42, 44 dan 46, Jalan MTG Jaya 11D	23
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33, 35, 37, 39, 41 dan 43, Jalan MTG Jaya 11D	22
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 34, 36, 38, 40, 42, 44 dan 46, Jalan MTG Jaya 11E	23
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31 dan 33, Jalan MTG Jaya 11D	17
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 34 dan 36, Jalan MTG Jaya 11F	18
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33, 35 dan 37, Jalan MTG Jaya 11F	19
	(sambung di sebelah)	

Tarikh Lulus SKM : 28 hb. Mei 2005

Tarikh : 15.06.05


Yang Dipertua
IR ZOLKEFLEE BIN ABD. HAMID
Majlis Perbandaran Seberang Perai
JABATAN PELAN BANGUNAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

B

JENIS BANGUNAN	ALAMAT BANGUNAN	JUMLAH UNIT
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 34, 36 dan 38 Jalan MTG Jaya 11G	19
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26 dan 28, Jalan MTG Jaya 14	14
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25 dan 27, Jalan MTG Jaya 14	14
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25 dan 27, Jalan MTG Jaya 14A	14
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26 dan 28, Jalan MTG Jaya 14A	14
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27 dan 29, Jalan MTG Jaya 14B	15
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28 dan 30 Jalan MTG Jaya 14B	15
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, dan 31, Jalan MTG Jaya 14C	16
	No. 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16 dan 18, Jalan MTG Jaya 14D	9
	No. 29, 31, 33, 35, 37, 39, 41, 43, 45, 47 dan 49, Jalan MTG Jaya 14	11
(sambung di sebelah)		

Tarikh Lulus SKM : 28 hb. Mei 2005

Tarikh : 15.06.05



 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Belayang
 PENGARAH BANGUNAN
 JABATAN PELAN BANGUNAN
 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

B

JENIS BANGUNAN	ALAMAT BANGUNAN	JUMLAH UNIT
	No. 30, 32, 34, 36, 38, 40, 42, 44, 46, 48, 50, 52, 54, 56, 58 60, 62, 64, 66, 68, 70, 72, 74, 76, 78, 80, 82, 84, 86, 88, 90, 92, 94, 96, 98, 10, 102, 104 dan 106, Jalan MTG Jaya 14	39
	No. 1, 3, 5, 7, 9, 11, 11A, 15, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 33, 35, 37, 39, 41, 43, 45, 47, 49, 51, 53, 55, 57, 59, 61, 63, 65, 67, 69, 71, 73, 75, 77, 79 dan 81, Jalan MTG Jaya 15	41
JUMLAH		525
5 Unit Pencawang Elektrik	Jalan MTG Jaya 2	1
	Jalan MTG Jaya 14D	1
	Jalan MTG Jaya 11	3
JUMLAH		5

Tarikh Lulus SKM : 28 hb. Mei 2005

Tarikh : 15.06.05


 Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Selayang
SYED FARID BIN ABD. HAMID
 PENGARAH BANGUNAN
 JABATAN PELAN BANGUNAN
 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : TELECOMMUNICATION TOWER

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi "TelcommunicationTower" diatas bangunan atau kawasan lapang yang berada di MPSJ
- b) Nyatakan status dan tempoh kelulusan yang diberi untuk setiap "TelecommunicationTower" tersebut

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Subang Jaya tidak pernah meluluskan permohonan struktur pemancar telekomunikasi di atas bangunan atau kawasan lapang. Senarai struktur pemancar telekomunikasi di MPSJ seperti di lampiran 1.
- b) Tempoh kelulusan ialah satu (1) hari jika dokumen-dokumen lengkap dikembalikan semasa proses permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : ASET KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD

125 Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nilai aset dan bukan tunai Kumpulan Hartanah sehingga terkini?
- b) Nyatakan jenis, lokasi, keluasan dan nilai hartanah milik KHSB yang terbaru?

JAWAPAN:

- a) Nilai aset dan bukan tunai KHSB yang terkini berdasarkan akaun yang belum diaudit pada 28 Februari 2015 adalah RM 556.51 juta.
- b) Berikut adalah senarai hartanah milik KHSB yang terbaru berdasarkan laporan kewangan berakhir Disember 2014.

	Lokasi	Keluasan	Jenis	Nilai Buku Bersih (RM Juta)
1	Seksyen 14, Petaling Jaya	9.6 ekar	Komersial	78
2	Taman Malawati Jaya, Mukim Api-Api, K.Selangor	4.6 ekar	Perumahan	1
3	Bestari Jaya, K. Selangor	5,000 ekar	Pertanian	41
4	Kalumpang, Hulu Bernam	190 ekar	Bercampur	25
5	Pulau Indah, P. Klang	1,500 ekar	Bercampur	388

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PRESTASI COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB)

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi pendapatan dan keuntungan CCSB pada tahun 2014.
- b) Apakah prestasi projek-projek dibawah CCSB?

JAWAPAN:

a)

	2014	
	ACTUAL	BUDGET
	RM	RM
Revenue	456,763.00	418,300.00
Costofsales	(4,870,020.00)	(5,764,116.00)
Grossprofit	(4,413,257.00)	(5,345,816.00)
GrantfromStateGovernment	8,000,000.00	12,200,000.00
OtherIncome	3,283.00	5,773.00
StaffCost	(3,096,107.00)	(3,595,501.00)
MES Program	(283,701.00)	(2,467,420.00)
Otheroperatingexpenses	(672,549.00)	(790,641.00)
Profitbeforetax	(462,332.00)	6,395.00
Taxation	-	-
Net Profit	(462,332.00)	6,395.00

b) Tiada projek untuk tahun 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN MEMBANTERAS KEMISKINAN

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perbelanjaan mengikut program dalam perkara membanteras kemiskinan pada tahun 2014?
- b) Adakah segala peruntukan yang disediakan bagi tahun 2014 bagi membanteras kemiskinan telah dilaksanakan?

JAWAPAN:

a) dan b).

Strategi utama pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan. Tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:-

- i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
- ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-
 - Program Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS
- iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
 - Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School*.

Program-program pembasmian kemiskinan ini diharap berupaya memastikan golongan miskin yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu dan

sentiasa mendapat manfaat yang mana seterusnya menghasilkan impak positif dan berkesan terhadap taraf hidup rakyat secara berterusan.

Secara dasarnya, peruntukan P01: Pembangunan asal yang diperolehi oleh Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bagi tahun 2014 adalah berjumlah RM4,000,000.00 (RM2 juta di bawah vot P01-02002: Program Pembasmian Kemiskinan dan RM2 juta di bawah vot P01-07011: Program Kemahiran Teknikal). Walau bagaimanapun, memandangkan program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan melibatkan peruntukan yang besar, permohonan peruntukan tambahan telah dibuat mengikut keperluan. Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan adalah berjumlah RM10,711,229.58 iaitu sebanyak 98% berbanding peruntukan berjumlah RM10,842,000.00. Perincian peruntukan dan perbelanjaan P01: Pembangunan bagi program-program pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bagi tahun 2014 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Manakala bagi peruntukan mengurus (B01) pula, jumlah perbelanjaan adalah berjumlah RM91,000.00, iaitu sebanyak 96.28% berbanding peruntukan berjumlah RM95,454.54. Perincian peruntukan dan perbelanjaan B01: Mengurus bagi program-program pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bagi tahun 2014 adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa semua program pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bagi tahun 2014 yang dirancang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan sedia ada tahun 2014 serta telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan hidup rakyat Negeri Selangor.

**RINGKASAN LAPORAN PERBELANJAAN BAGI JAWATANKUASA TETAP KEMISKINAN TAHUN 2014
(PEMBANGUNAN: P01)**

KOD PROJEK	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL	PERUNTUKAN TAMBAHAN	PERUNTUKAN KESELURUHAN	PERBELANJAAN	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PRESTASI (%)
<u>02002</u>	PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN	RM2,000,000.00	RM4,112,000.00	RM6,112,000.00	RM6,111,590.00	RM410.00	99.99%
	*Program Pemberian Bantuan Perayaan Hari Raya Aidfitri Tahun 2014 menggunakan peruntukan di bawah vot P01:21001 Pelbagai	RM0.00	RM2,730,000.00	RM2,730,000.00	RM2,730,000.00	RM0.00	100.00%
<u>07011</u>	PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL	RM2,000,000.00	RM0.00	RM2,000,000.00	RM1,869,639.58	RM130,360.42	93.48%
JUMLAH KESELURUHAN		RM4,000,000.00	RM6,842,000.00	RM10,842,000.00	RM10,711,229.58	RM130,770.42	98%

**PERINCIAN LAPORAN PERBELANJAAN PROGRAM-PROGRAM DI BAWAH
JAWATANKUASA TETAP KEMISKINAN BAGI TAHUN 2014**

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PERBELANJAAN (RM)
P01-02002: PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN			
PERUNTUKAN ASAL: RM2,000,000.00			
PERUNTUKAN TAMBAHAN: RM4,112,000.00			
PERUNTUKAN KESELURUHAN: RM6,112,000.00			
1.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat	RM88,250.00
2.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Langat	RM485,030.00
3.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor	RM198,400.00
4.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Pembelian Terus Peralatan <i>Oven</i> dan Mesin Jahit kepada Mohalim Resources	RM10,300.00
5.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Sabak Bernam	RM148,010.00
6.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Gombak	RM98,400.00
7.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor	RM126,400.00

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PERBELANJAAN (RM)
8.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Klang	RM140,300.00
9.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Sepang	RM132,900.00
10.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	Penyaluran Waran Peruntukan Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan bagi Pejabat Daerah/ Tanah Petaling	RM96,800.00
11.	Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan Tahun Baru Cina 2014	Pembayaran Secara Pemberian Langsung (<i>Outright Grant</i>) kepada Billion Shopping Centre (Sg. Besar) Sdn. Bhd. , ECONSAVE Cash & Carry (PD) Sdn. Bhd. dan GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd.	RM2,240,000.00
12.	Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan Deepavali Tahun 2014	Pembayaran Peringkat Pertama (80%) Secara Pemberian Langsung (<i>Outright Grant</i>) kepada GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd., ECONSAVE Cash & Carry (PD) Sdn. Bhd. dan Pasaraya Sri Kassim	RM1,275,161.00
13.	Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan Deepavali Tahun 2014	Pembayaran Peringkat Pertama (20%) Secara Pemberian Langsung (<i>Outright Grant</i>) kepada GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. dan ECONSAVE Cash & Carry (PD) Sdn. Bhd.	RM265,239.00
14.	Program Pemberian Bantuan Persekolahan untuk Rakyat Miskin Bersempena Program <i>Back to School</i> Tahun 2014	Pembayaran kepada Jendela Simfoni Sdn. Bhd.	RM806,400.00
JUMLAH KESELURUHAN P01-02002: PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN			RM6,111,590.00

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PERBELANJAAN (RM)
*PROGRAM PEMBERIAN BANTUAN PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2014 MENGGUNAKAN VOT P01-21001: PELBAGAI			
1.	Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2014	Pembayaran Secara Pemberian Langsung (<i>Outright Grant</i>) kepada GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd., ECONSAVE Cash & Carry (PD) Sdn. Bhd. dan Pasaraya Sri Kassim	RM2,730,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM2,730,000.00
P01-07011: PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL			
PERUNTUKAN: RM2,000,000.00			
1.	Program Kemahiran Teknikal	Pembayaran Peringkat Pertama Secara Pemberian Langsung (<i>Outright Grant</i>) kepada Kolej Antarabangsa INPENS	RM554,760.00
2.	Program Kemahiran Teknikal	Pembayaran Peringkat Kedua Secara Pemberian Langsung (<i>Outright Grant</i>) kepada Kolej Antarabangsa INPENS	RM3,000.00
3.	Program Kemahiran Teknikal	Pembayaran Peringkat Pertama Secara Pemberian Langsung (<i>Outright Grant</i>) kepada Kolej Antarabangsa INPENS	RM567,280.00
4.	Program Kemahiran Teknikal	Pembayaran Peringkat Kedua Secara Pemberian Langsung (<i>Outright Grant</i>) kepada Kolej Antarabangsa INPENS	RM744,599.58
JUMLAH KESELURUHAN P01-07011: PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL			RM1,869,639.58
JUMLAH KESELURUHAN			RM10,711,229.58

RINGKASAN LAPORAN PERBELANJAAN BAGI JAWATANKUASA TETAP KEMISKINAN TAHUN 2014 (B01:MENGURUS)

NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL	PERUNTUKAN TAMBAHAN	PERUNTUKAN KESELURUHAN	PERBELANJAAN	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PRESTASI (%)
B01: Mengurus	RM95,454.54	RM0.00	RM95,454.54	RM91,900.00	RM3,554.54	96.28%
JUMLAH KESELURUHAN	RM95,454.54	RM0.00	RM95,454.54	RM91,900.00	RM3,554.54	96.28%

**PERINCIAN LAPORAN PERBELANJAAN PROGRAM-PROGRAM DI BAWAH
JAWATANKUASA TETAP KEMISKINAN BAGI TAHUN 2014 (B01 - MENGURUS)**

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PERBELANJAAN (RM)
B01:MENGURUS			
PERUNTUKAN ASAL: RM95,454.54			
1.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	HB CAPITAL RESOURCES -Membekalkan rubber stamp untuk kegunaan 56 Dun sempena program sumbangan Tahun Baru Cina 2014	RM784.00
2.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	MORE DREAM RESOURCES -Membekalkan buku kupon sempena program bantuan perayaan Tahun Baru Cina 2014	RM6,182.40
3.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	PK DELTA RESOURCES -Membekalkan kad ucapan sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina 2014	RM4,500.00
4.	Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan Tahun Baru Cina 2014	JATI WATAN ENTERPRISE - Menyediakan perkhidmatan pengangkutan sewaan lori dan tenaga kerja bagi mengangkut barang-barang dari pasaraya Giant ke pejabat Dun Kota Alam Shah	RM650.00
5.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	SAKURA SHINE ENTERPRISE -Membekalkan goodies kepada penerima bantuan peralatan sempena program bantuan blueprint pembasmian Kemiskinan untuk daerah Hulu Langat pada 07/03/2014	RM6,550.00
6.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	GERBANG MAJU RESOURCES -Membekalkan hamper produk IKS sempena majlis penyerahan bantuan blueprint pembasmian kemiskinan daerah Kuala Langat bagi tahun 2014	RM16,000.00

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PERBELANJAAN (RM)
7.	Program Kemahiran Teknikal	INPEN(SELANGOR) SDN BHD -Bayaran DIRECT grant majlis penyampaian surat tajaan program latihan teknikal bagi sesi Januari 2014 pada 16/05/2014	RM6,350.00
8.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	HB CAPITAL RESOURCES -Membekalkan dan memasang backdrop sempena majlis penyerahan surat tawaran program Blueprint Pembasmian Kemiskinan negeri Selangor daerah Kuala Selangor pada 26/05/2014	RM160.00
9.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	RESTORAN ZULANU -Membekalkan makan/minum majlis penyerahan surat tawaran program Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor daerah Sabak Bernam pada 24/06/2014	RM1,360.00
10.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	THEOBOLD DIAMOND RESOURCES -Membekalkan hamper cenderahati sempena program majlis penyerahan surat tawaran program bantuan Blueprint Kemiskinan daerah Gombak pada 18/08/2014	RM7,760.00
11.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	JUARA SUPPLIER RESOURCES -Membekalkan barangan keperluan harian kepada penerima program penyerahan surat tawaran program bantuan Blueprint Kemiskinan daerah Hulu Selangor pada 23/09/2014	RM2,500.00
12.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	CITRA WAWASAN RESOURCES -Membekalkan barangan keperluan harian kepada penerima sempena program penyerahan surat tawaran program bantuan blueprint kemiskinan daerah Klang pada 30/09/2014	RM2,500.00
13.	Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan Deepavali Tahun 2014	HB CAPITAL RESOURCES -Membekalkan buku kupon untuk program sumbangan baucer untuk rakyat miskin sempena perayaan Deepavali Tahun 2014	RM6,265.60

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PERBELANJAAN (RM)
14.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	AZIZAH ENTERPRISE -Membekalkan goodies beg sempena Majlis Penyerahan Surat Tawaran Program <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan Daerah Sepang Tahun 2014	RM2,500.00
15.	Program Bantuan <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan	NAJIB AGILITY TRADING -Membekalkan goodies beg sempena Majlis Penyerahan Surat Tawaran Program <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan Daerah Petaling Tahun 2014	RM2,500.00
16.	Program Bantuan Kebajikan Warga Miskin Sempena Sambutan Hari Krismas Tahun 2014	SAI DELTA RESOURCES -Membekalkan goodies beg sempena Program Bantuan Kebajikan Warga Miskin Sempena Sambutan Hari Krismas Tahun 2014	RM13,000.00
17.	Bengkel Sasaran Kerja Tahunan Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang Tahun 2014/ 2015	THE EMPEROR HOTEL MELAKA -Menyediakan penginapan bagi Bengkel Sasaran Kerja Tahunan Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang Tahun 2014/ 2015	RM12,338.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM91,900.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : SKIM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai lengkap jumlah penerima TAWAS, TUNAS, SiKEMBAR, Hadiah Pengajian IPT Selangor, Insentif Perkahwinan Belia, Mikrokredit, MIMBAR, SkimSel, SMUE untuk mahasiswa setakat tahun 2015 di DUN Teratai
- b) Sila kemukakan senarai “1 Kampung 1 Industri” yang sedang dilaksanakan di setiap kampung Negeri Selangor

JAWAPAN:

- a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 12 Mac 2015 telah menolak soalan ini.**
- b) Program “1 Kampung 1 Industri” adalah sebuah program yang dilaksanakan di bawah Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, program ini telah diberhentikan pelaksanaannya pada tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2015

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan program dan promosi pelancongan sempena TMS 2015 ?
- b) Sila senaraikan 20 destinasi pelancongan yang sangat digemari pelancong domestik dan luar ?
- c) Sila nyatakan apakah bantuan yang bakal disalurkan oleh KNS bagi mempromosi Sekinchan sebagai destinasi eco-tourism yang baru?

JAWAPAN:

- a) Tourism Selangor menganjurkan acara-acara pelancongan sempena dengan Tahun Melawat Selangor 2015 (TMS 2015) yang mempunyai elemeneko pelancongan, sukan pelancongan, warisan pelancongan, islamik pelancongan, pendidikan pelancongan dan lain-lain.

Acara-acara pelancongan yang dijalankan terbahagi kepada 3 kategori iaitu 9 Acara Utama, 5 Acara Sampingan dan 6 Acara PBT.

Acara-acara pelancongan yang dianjurkan sempena TMS 2015 adalah seperti berikut :

Acara Utama

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1.	Pelancaran Tahun Melawat Selangor 2015	29 Jan – 2 Feb 2015	Dataran SACC Mall, Shah Alam
	Sambutan Meet&Greet Tahun Melawat Selangor 2015	14 Feb 2015	KLIA, Sepang
2.	Malaysia WomenMarathon 2015	6 – 8 Mac 2015	Dataran Kemerdekaan Shah Alam
3.	Selangor IslamicFest	30 – 31 Mei 2015	Stadium Malawati Shah Alam

4.	Selangor FoodFest 2015	5 – 7 Jun 2015	Dataran Kemerdekaan, Shah Alam
5.	Festival Orang Asal 2015	22 – 23 Ogos 2015	Taman Botani Negara Shah Alam
6.	The 7th International Jetski Championship 2015	29 – 30 Ogos 2015	Tasik Biru Kundang, Rawang
Bil	Program	Tarikh	Tempat
7.	Festival Bon Odori 2015	5 Sept 2015	Kompleks Sukan Negara, Seksyen 21, Shah Alam
8.	Selangor Chief Minister Award 2015	11 Nov 2015	Hotel Dorsett Grand, Subang
9.	Raja Muda Regatta 2015	11 – 22 Nov 2015	Pelabuhan Indah, Pelabuhan Klang

Acara Sampingan

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1.	Selangor Chocolate Fair	24 – 26 April 2015	Tropicana City Mall, Petaling Jaya
2.	Pesta Tanglung	19 Sept 2015	Petaling Jaya
3.	Let's Travel Treasure Hunt on Wheels 2015	19 – 21 Sept 2015	Sekitar Selangor
4.	Selangor Golf Master 2015	18 – 21 Sept 2015	Kelab Golf Sri Selangor
5.	Kuala Lumpur Photography Festival 2015 (KLPF 2015)	9 – 11 Okt 2015	Exhibition Hall, Mid Valley

Acara PBT

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1.	Wings of KKB 2015 – Selangor Bird Race	24 – 26 April 2015	Kuala Kubu Bharu – Genting Highlands
2.	PJ Street Art Festival 2015	9 – 10 Mei	Petaling Jaya

		2015	
3.	JugraInternationalAccuracyChampionship 2015	29 – 31 Mei 2015	Bukit Jugra
4.	Karnival 1001 Rasa Sate Kajang 2015	29 Mei – 1 Jun 2015	Stadium Kajang
5.	Pesta Bendang	13 – 14 Jun 2015	Sabak Bernam
6.	The 7th MBPJ InlineHockeyTournament Selangor	29 – 30 Ogos 2015	Arena MBPJ, Petaling Jaya

b)

Tempat Tarikan Pelancong domestik dan luarNegara mengikut Daerah Negeri Selangor	
PETALING	
1)	SunwayLagoon
2)	I-City, Shah Alam
HULU LANGAT	
3)	ChongkakPark&Resort
4)	Sungai TekalaWaterfalls
KLANG	
5)	Masjid Diraja Sultan Sulaiman
6)	Istana Alam Shah
GOMBAK	
7)	Batu caves
8)	Zoo Negara
9)	Hutan Lipur Kanching
10)	FRIM
SABAK BERNAM	
11)	Sekinchan
12)	Sungai Haji DoraniHomestay
SEPANG	
13)	Sepang InternationalCircurt
14)	Avani Sepang Goldcoast
KUALA LANGAT	
15)	Paya Indah Wetlands
16)	Dong ZenTemple
KUALA SELANGOR	
17)	Bukit Malawati

18)Kg. Kuantan (Kelip-Kelip)
HULU SELANGOR
19)StrawberryLeisureFarm
20) Kolam Air Panas Hulu Tamu

- c) Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor tiada sebarang perancangan khusus untuk pembangunan produk pelancongan di Sekinchan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan membantu semua produk pelancongan di Sekinchan yang bersedia dan berpotensi untuk dipromosikan sama ada di dalam dan juga luar negara. Namun bantuan yang diberikan ialah usaha-usaha mempromosikan sesuatu produk melalui beberapa kaedah. Antaranya :

- i. Penerbitan Selangor Breakaway (Bahan Bercetak)
- ii. Promosi melalui laman sesawang Tourism Selangor
- iii. Promosi melalui Media Sosial
- iv. Promosi melalui Aplikasi Telefon Pintar
- v. Penerbitan Selangor Fun Map
- vi. Siri Promosi Pelancongan dan luar negara
- vii. Melalui FamTour Media Agensi Pelancongan Luar Negara

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PERUMAHAN

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penghuraian Exco Perumahan mengenai jumlah rumah kos rendah dan mampu milik yang telah dibina di Selangor sejak 2008 dan terangkan langkah-langkah yang akan diambil untuk merealisasikan dasar perumahan mampu milik negeri.
- b) Penghuraian Kerajaan Negeri tentang tindakan dan polisi penyelenggaraan rumah PPR yang kelihatan usang.
- c) Penghuraian Kerajaan Negeri mengenai tindakan dan polisi kemaskini pengurusan dan pentadbiran PPR yang kini kurang jelas terhadap penduduk dan agensi-agensy kerajaan

JAWAPAN:

- a) Jumlah Rumah Kos Rendah (Rumah Selangorku Jenis A) yang telah dibina di Selangor dari tahun 2008 sehingga 2014 adalah berjumlah 4,393unit yang melibatkan 12 projek seperti berikut:

Bil.	Projek	Lokasi	Bil. Unit
1.	Aman Perdana	Klang	320
2.	Perdana Residence	Gombak	108
3.	Setia Alam Fasa 2	Bukit Raja	725
4.	Bandar Parklands, Bukit Tinggi 3	Klang	800
5.	Taman Damai Utama	Petaling	730
6.	Taman Puchong Prima	Petaling	212
7.	Pangsapuri Sri Sekamat	Cheras	78
8.	Taman Seri Melur	Kajang	22
9.	Wawasan Asli	Klang	30
10.	Alam Impian	Klang	270
11.	Taman Putra Prima	Dengkil	448
12.	Setia Alam Fasa 3	Bukit Raja	650
Jumlah			4,393

Manakala jumlah Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku Jenis B, C, D) yang telah dibina adalah berjumlah 1,683 unit melibatkan 9 projek berikut:

Bil.	Projek	Lokasi	Bil.Unit
1.	Desa Alam, Seksyen U12	Bukit Raja	104
2.	Sri Embun, Sutera Damansara	Damansara	236
3.	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi	Kajang	124
4.	Sunville Fasa 2	Cheras	30
5.	Antara Gapi	Serendah	129
6.	Alstonea @ Taman Subang Mas	Damansara	20
7.	Masreca 19, Cyberjaya	Dengkil	960
8.	Taman Emas Dengkil (Bayu)	Dengkil	40
9.	Taman Emas Dengkil (Suria)	Dengkil	40
Jumlah			1,683

Antara langkah-langkah yang diambil bagi merealisasikan Dasar Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) adalah dengan menetapkan sebarang pembangunan yang melebihi 5 ekar perlu menyediakan Rumah Selangorku (2 ekar ke atas bagi kawasan Petaling Jaya dan Ampang Jaya). Berdasarkan Dasar Rumah Selangorku ini, keperluan bagi penyediaan Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) ini ditetapkan harga jualan dari RM42,000.00 hingga RM250,000.00 jenis dan saiz adalah ditentukan berdasarkan kawasan pembangunan perumahan yang mana dipecahkan kepada tiga (3) Zon iaitu Zon 1, Zon 2 dan Zon 3. Pecahan Zon ini dibuat bagi memastikan pengagihan dan pembinaan dapat dijalankan secara seimbang mengikut kesediaan pembangunan di mana kemudahan pengangkutan, kemudahan awam dan infrastruktur telah tersedia. Setiap zon tersebut pula akan dipecahkan mengikut keluasan tapak cadangan pembangunan untuk ditentukan penyediaan Rumah Selangorku yang perlu dibina.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, di Negeri Selangor hanya terdapat 4 Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang disewakan kepada golongan berpendapatan rendah. PPR ini diuruskan oleh agensi-agensi seperti berikut:

Bil.	Projek	Bil. Unit	Diuruskan
1.	PPR Kg. Baru Hicom	980	PHSSB
2.	PPR Kota Damansara	1,152	PHSSB
3.	PPR Serendah	300	LPHS
4.	PPR Lembah Subang 1	3,004	MBPJ

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2014 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM3.6 juta untuk kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan PPR Kg. Baru Hicom dan PPR Serendah.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Selangor adalah rumah awam yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar (KPKT) dan ada juga dibina oleh Yayasan Perumahan Untuk Termiskin (YPUT) di bawah Kementerian Kewangan. PPR ini kemudiannya diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah yang memenuhi syarat seperti berikut:
- i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur 18 tahun ke atas dan telah berkeluarga atau mempunyai tanggungan;
 - iii. Pendapatan seisi keluarga kurang dari RM2,000.00;
 - iv. Pemohon telah berdaftar dengan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS);
 - v. Pemohon dan suami/isteri tinggal atau bekerja di Negeri Selangor; dan
 - vi. Pemohon dan suami/isteri tidak memiliki tanah atau rumah dalam daerah atau mukim yang sama di mana PPR dibina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN JKM

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar disumbangkan kerajaan negeri bagi penerima bantuan bulanan JKM?
- b) Adakah perancangan untuk meningkatkan kadar tersebut?
- c) Adakah bengkel bimbingan motivasi dan latihan berjadual bagi setiap penerima bagi meningkatkan taraf kehidupannya?

JAWAPAN:

- a) Skim Bantuan Negeri yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri ialah Bantuan Am dan Bantuan Latihan Perantis. Kadar Bantuan adalah seperti berikut:

SKIM BANTUAN	KADAR BANTUAN (SEBULAN)
Bantuan Am	RM100.00, RM150.00 dan RM175.00
Bantuan Latihan Perantis	RM250.00

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sedang meneliti kadar baru Skim Bantuan Am. Pada masa sekarang sedang dalam peringkat kajian yang melibatkan pengesahan statistik penduduk Negeri Selangor yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan. Pengesahan ini perlu kerana ia melibatkan implikasi kewangan.
- c) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor tidak menyediakan latihan berjadual kepada klien jabatannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD (KHSB)

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan struktur, pasukan pengurusan dan lembaga pengarah kumpulan serta anak syarikatnya di bawah kepimpinan kerajaan negeri yang baharu?
- b) Apakah hala tuju dan strategi KHSB untuk masa hadapan selepas pelantikan Menteri Besar yang baharu?

JAWAPAN:

- a) Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) masih mengekalkan lembaga pengarah yang sedia ada, manakala di peringkat pengurusan, rombongan telah dilakukan di mana saiz kumpulan pengurusan diperingkat Kumpulan (KHSB) telah di kecilkan, sejajar dengan pelaksanaan pelan penstrukturan semula KHSB pada awal tahun 2015.
- b) KHSB masih mengekalkan hala tuju syarikat sebagai pemaju hartanah di Negeri Selangor. Bagi mencapai matlamat tersebut, pihak KHSB telah menggariskan beberapa strategi utama. antara lain sepertimengenalpasti tanah-tanah milik kerajaan atau swasta yang berpotensi untuk dibangunkan, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah berkaitan perumahan dan komersial secara berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : HALA TUJU PEMBANGUNAN EKONOMI SELANGOR

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sektor dan industri yang telah dikenalpasti sebagai penjana pendapatan dan pemangkin pertumbuhan ekonomi utama Selangor untuk tiga hingga lima tahun akan datang serta pelan strategik bagi memastikan kejayaan mencapai hasil seperti yang diunjurkan.

JAWAPAN:

- a) Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan prestasi ekonomi Negeri Selangor pada tahun 2013 telah mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.8% dengan nilai RM186,548 juta. Negeri Selangor telah menyumbangkan 23.7% KDNK iaitu sumbangan hampir satu perempat KDNK Negara.

Prestasi pertumbuhan ekonomi tersebut diukur berdasarkan prestasi enam (6) sektor utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, import duti, perlombongan dan kuari serta pertanian. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar ekonomi Negeri Selangor sebanyak 58.8% dengan nilai RM109,673 juta diikuti sektor pembuatan 30.8% dengan nilai RM57,388 juta, pembinaan 5.4% berjumlah RM10,144 juta, import duti 3.4% sebanyak RM6,295 juta, pertanian 1.5% berjumlah RM2,874 juta manakala perlombongan dan kuari memberi sumbangan 0.1% dengan jumlah RM174 juta.

- i. Meningkatkan pertumbuhan sektor perkhidmatan dan pembuatan

6.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara Jepun & Korea (29 – 4 Okt 2014)	34,138.90	1. Tuan Hasan Azhari Bin Hj Idris 2. En Farid Bin Mohd Ba'ai

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : SYARIKAT MILIK KERAJAAN

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila perincikan rekod untung rugi setiap syarikat milik kerajaan untuk tempoh 2010-2014.
- b) Sila perincikan dividen yang dibayar oleh setiap syarikat milik kerajaan untuk tempoh 2010-2014.
- c) Adakah bayaran dividen ini dimasukkan kepada kumpulan wang disatukan, atau ke sumber lain?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah rekod untung rugi setiap syarikat milik kerajaan negeri bagi tempoh 2010-2014

Anak-anak Syarikat	2010 - 2014
Tourism Selangor Sdn Bhd	RM2,225,742.00
Rangkaian Mesra Sdn Bhd	(RM1,304,142.00)
SSIC Berhad	RM3,670,141.00
Pend. Ind. Yayasan Sel. Sdn Bhd	(RM130,274,833.00)
Bukit Beruntung Golf Club Sdn Bhd	(RM2,747,354.00)
MSNS (H) Sdn Bhd	RM1,004,996.00
Kumpulan Semesta Sdn Bhd	RM92,331,598.00
Corporate Communicattion Sdn Bhd	(RM1,369,491.00)
Yayasan Warisan Anak Selangor	(RM3,435,734.00)
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	RM31,287.00
Permodalan Negeri Selangor Berhad	RM145,264,196.00

- b) Berikut adalah dividen yang dibayar oleh syarikat milik kerajaan negeri bagi tempoh 2010-2014

Anak-anak Syarikat	2010 - 2014
Permodalan Negeri Selangor Berhad	RM8,100,000.00
Kumpulan Semesta Sdn Bhd	RM44,500,000.00

- c) Dividen tersebut dibelanjakan untuk Program Merakyatkan Ekonomi Selangor seperti Pembiayaan Mikrokredit, Program Jom Shopping, Program Air Percuma Selangor, Tajaan Bolasepak FAS dan lain lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SEKTOR PERUMAHAN

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi-strategi yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam mengawal harga rumah yang melambung naik?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri peka tentang peningkatan harga jualan hartanah yang semakin melambung tinggi dalam Negeri Selangor. Strategi memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang bermula pada 1 Januari 2014 telah menetapkan syarat penyediaan Rumah Mampu Milik di antara 20% hingga 50% daripada bilangan unit perumahan keseluruhan yang dibina dalam sesuatu pembangunan berdasarkan kepada kawasan pembangunan yang telah ditetapkan sama ada terletak dalam Zon 1, Zon 2 ataupun Zon 3. Penyediaan Rumah Selangorku ini ditetapkan pada harga jualan antara RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit berdasarkan saiz keluasan lantai dan jenis rumah. Berdasarkan kepada syarat pembangunan yang telah ditetapkan ianya secara tidak langsung menetapkan harga jualan rumah yang ditawarkan pada sesuatu pembangunan lebih murah sekurang-kurangnya 20% hingga 50% dari unit-unit lain yang dibangunkan dan dijual pada harga bebas.

Bagi tujuan pemantauan dan pengawalan, pengawalan pula, segala syarat penetapan komposisi pembinaan rumah dan harga jualan rumah akan dimasukkan dalam kelulusan pemberimilikan dan pembangunan tanah khususnya pada agensi yang meluluskan pelan pembangunan. Sebarang ketidakpatuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri akan memberi kesan terhadap pembangunan perumahan yang telah dirancang oleh pemaju.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PROJEK DI BAWAH MENTERI BESAR INCORPRATED (MBI)

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek atau program yang dibiayai oleh MBI dan jumlah dikeluarkan pada tahun 2014?
- b) Bagaimanakah proses kelulusan pembiayaan kewangan oleh MBI?

JAWAPAN:

- a) MBI membiayai program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) iaitu pembiayaan Mikrokredit dibawah seliaan Yayasan QardAlHassan (YAQS) melalui program SkimSel, MiMbar dan Wala serta Pengurusan Bola Sepak Selangor. Dalam masa yang sama, MBI juga menguruskan pengagihan geran Kerajaan Negeri Selangor kepada anak-anak syarikat MBI seperti CommunicationCorporation Sdn Bhd (CCSB),Selangor StateInvestmentCentre (SSIC), Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Rangkaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) dan Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB). Sumbangan secara langsung dan tidak langsung ini adalah berjumlah sekitar RM40juta bagi tahun 2014.
- b) Tiada pembiayaan terbuka diberikan, pembiayaan projek atau program hanya mengikut keputusan atau dasar Kerajaan Negeri sahaja. Pengeluaran pembayaran MBI dilakukan mengikut Prosedur Kewangan MBI. Sebarang proses pembiayaan yang diluar jangkaan MBI akan dirujuk terlebih dahulu kepada Ahli Lembaga Pengarah bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SKUAD PELAPIS SUKAN NEGERI

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri untuk membangunkan skuad pelapis bagi semua jenis sukan?
- b) Berapakah peruntukan kerajaan negeri untuk pembangunan sukan pada tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah mengambil beberapa inisiatif untuk membangunkan skuad pelapis bagi semua sukan yang bergabung untuk pembangunan sukan prestasi tinggi di Selangor. Inisiatif-inisiatif yang diambil adalah, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor telah menubuhkan Pusat Latihan Daerah (PLD) pada tahun ini dan ianya bawah pengawasan Majlis Sukan Daerah (MSD). Tujuan utama penubuhan pusat ini di daerah-daerah adalah untuk memperbanyakkan lagi medium-medium pembangunan sukan untuk menyediakan skuad pelapis di setiap daerah. Keberkesanan program ini akan dinilai berdasarkan kejohanan yang dianjurkan oleh pihak Majlis seperti Sukan Selangor (SUKSES). Untuk permulaan, sebanyak 27 pusat akan diwujudkan pada tahun ini bermula dengan 3 pusat setiap daerah.

Inisiatif lain adalah merencanakan lagi aktiviti sukan di peringkat daerah dengan menyediakan peruntukkan kepada Majlis Sukan Daerah (MSD). Antara program-program untuk MSD adalah seperti penyertaan ke kejohanan oleh pasukan daerah, penyertaan ke bengkel-bengkel atau seminar yang berkaitan dan juga penganjuran kejohanan di peringkat daerah. Setiap daerah telah diperuntukkan sebanyak RM50,000 setahun untuk bantuan program sukan di daerah.

Selain itu, pihak Majlis bukan sahaja bekerjasama dengan Majlis Sukan Daerah dan Persatuan Sukan Negeri, malah pihak Majlis juga bekerjasama dengan pihak Jabatan Pelajaran Selangor (JPS) yang juga merupakan 'stakeholder' utama dalam pembangunan sukan di Selangor terutamanya pasukan pelapis yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah. Pihak Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM50,000 setahun kepada JPS untuk program pembangunan sekolah sukan dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Selangor

(MSSS). Peruntukkan ini termasuklah bantuan kepada Sekolah Sukan Negeri Selangor (SSN) iaitu Sekolah Kebangsaan Seksyen 11, Shah Alam.

Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Sukan Negara melalui Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) juga telah menjalankan program sukan untuk pelapis di peringkat negeri. Program USPTN ini diwujudkan di negeri-negeri adalah untuk membantu pihak negeri untuk mengembangkan lagi medium pembangunan sukan di peringkat pelapis sekaligus membantu negeri untuk mendapatkan atlit yang berpotensi. Sebanyak 16 disiplin yang berada dalam program USPTN Selangor iaitu angkat berat, renang, terjun, tenis, taekwando, memanah, menembak, olahraga, sukan layar, berbasikal, skuasy, tinju, sepak takraw, tenpin boling, gimnastik dan gimrama.

- b) Pada tahun ini, peruntukkan keseluruhan yang diperuntukkan kepada Bahagian Pembangunan Sukan adalah sebanyak RM17.2 juta di mana sebanyak RM12.2 juta telah diperuntukkan untuk infrastruktur sukan manakala bakinya sebanyak RM5 juta sahaja untuk keseluruhan program pembangunan sukan prestasi tinggi. Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak 30% berbanding peruntukkan pada tahun lepas iaitu sebanyak RM7.2 juta yang dikhaskan untuk program pembangunan sukan prestasi tinggi.

Pecahan keperluan pasukan –pasukan adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	PECAHAN	JUMLAH
1.	Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi	RM40,000.00 x 42 sukan	RM1,680,000.00
2.	Persediaan Sukma (Bantuan Latihan)	RM40,000.00 x 30 sukan	RM1,200,000.00
3.	Program Pembangunan Sukan Daerah i. RM100,000.00 x 4 daerah ii. RM50,000.00 x 5 daerah	RM400,000.00 RM250,000.00	RM650,000.00
4.	Program Pembangunan Sekolah Sukan & MSSS		RM50,000.00
5.	Program Pembangunan Sains Sukan & Kejurulatihan		RM100,000.00
6.	Program Binaan i. Kem Kontinjen ii. Kursus / Bengkel	RM200,000.00 RM80,000.00	RM280,000.00
7.	Program Pembangunan USPTN		RM30,000.00
8.	Program Khas		RM500,000.00
9.	Pusat Latihan Daerah		RM200,000.00
10.	Persediaan Kontinjen i. Insuran Pegawai & Atlet	RM60,000.00	RM310,000.00

	ii. Pakaian Latihan	RM50,000.00	
	iii. Pelancaran Program SUKMA	RM100,000.00	
	iv. Persediaan SUKMA Sarawak	RM100,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN			RM5,000,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DAN PEMULIHARAAN KAMPUNG

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri pada tahun ini untuk projek pemuliharaan dan pembangunan kampung atau desa?
- b) Siapakah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan projek tersebut?
- c) Berapa lamakah tempoh pelaksanaan projek tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras untuk memastikan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat pinggiran bandar adalah setanding dengan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat di bandar. Bagi memastikan kelengkapan dan kesempurnaan infrastruktur ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jumlah kewangan yang besar khas untuk menampung kos pembaikan dan pengwujudan infrastruktur baru di kawasan kampung.

Pada tahun 2015, jumlah peruntukan yang diberikan untuk penyelenggaraan jalan kampung adalah sebanyak RM12 juta berbanding RM4 juta pada tahun 2014, manakala bagi menaiktaraf kemudahan asas desa peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM4 juta. Peningkatan peruntukan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri komited dalam menaiktaraf kemudahan awam dan infrastruktur di negeri Selangor khususnya di kawasan kampung.

- b) Pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan projek pemuliharaan dan pembangunan kampung ialah Pejabat Daerah dan Tanah. Peruntukan akan disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri kepada Pejabat Daerah dan Tanah untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan memastikan kerja-kerja tersebut dibuat dengan sempurna.
- c) Tempoh pelaksanaan bagi sesebuah projek adalah tertakluk kepada spesifikasi kerja yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Secara dasarnya, sesebuah projek atau kerja akan diiktiraf sebagai siap selepas kerja tersebut disahkan siap dan sempurna oleh pihak yang memantau projek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : KECERIAAN KUBUR

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status keceriaan pengkuburan Islam di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Status keceriaan pengkuburan Islam di Negeri Selangor masih di tahap sederhana dan perlu di tingkatkan lagi dari semasa ke semasa supaya penambahbaikan dapat dilakukan dan dapat mewujudkan suasana yang selesa dan tersusun untuk memberi kemudahan yang terbaik kepada waris.

Majlis Bandaraya Shah Alam merujuk Manual Garis Panduan Dan Piawaian Negeri Selangor untuk menyediakan kawasan Tanah Perkuburan. Landskap dan pokok-pokok ditanam untuk meningkatkan suasana yang menarik kepada sesuatu kawasan tanah perkuburan. Selain daripada itu, kemudahan utiliti yang secukupnya disediakan untuk memastikan kawasan tanah perkuburan dalam keadaan baik dan teratur.

Antara kerja pengindahan yang telah dilaksanakan oleh pihak MPSJ di kawasan perkuburan USJ22 adalah menanam spesies tumbuhan renek seperti *Evodiadi* atas plot kubur bagi tujuan penyeragaman dan juga menanam rumput karpet (*Zoysiaspp.*) di kawasan perkuburan secara berperingkat.

Tanah perkuburan Islam yang diwartakan atas nama JAIS tetapi diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Seksyen 21 Shah Alam, Seksyen 9 Kota Damansara, Perkuburan Islam USJ 22 dan tapak perkuburan Islam Kampung Delek, Klang telah diuruskan oleh PBT berkenaan mengikut konsep RaudhatusSakinah.

Manakala keceriaan pengurusan kubur di peringkat kariah adalah bergantung kepada pengurusan masjid atau Badan Khairat Kematian Kariah. Pihak JAIS juga telah menyediakan Draf Peraturan-Peraturan Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Negeri Selangor yang ketika ini telah dikemukakan kepada bahagian Undang-Undang MAIS untuk semakan dan kelulusan MAIS yang juga menekankan aspek keceriaan dalam pengurusan semua tapak perkuburan Islam di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PELAN TINDAKAN MENJADIKAN PULAU KETAM SEBAGAI
DESTINASI PELANCONGAN KELUARGA**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila bekalkan pelan tindakan pelan tindakan untuk menjadikan Pulau Ketam sebagai destinasi unik pelancongan keluarga yang nostalgik
- b) Bila dan bagaimana ia boleh dijayakan?

JAWAPAN:

- a) MPK tiada menyediakan pelan tindakan untuk menjadikan Pulau Ketam sebagai destinasi untuk pelancongan keluarga yang nostalgik.
- b) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : MAMMOGRAM SELANGOR

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program ini masih diteruskan dan jika ya, siapakah badan pelaksana kepada program ini?
- b) Sila nyatakan berapa ramai wanita yang telah menyertai program ini dari Sept 2014 - Mac 2015?
- c) Berapakah jumlah wanita yang disasarkan untuk menyertai program ini secara tahunan?

JAWAPAN:

- a) Ya, Program Mammogram masih lagi diteruskan. Buat masa ini badan pelaksana program ini adalah *National Cancer Society Malaysia (NCSM)* dan Majlis Kanser Negara (MAKNA). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang melakukan semakan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan kepada peserta-peserta Mammogram.

Antara penambahbaikan Skim Kesihatan Wanita (Mammogram) adalah bagi menambahbaik perkhidmatan serta penambahan lokasi yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka bagi pemeriksaan saringan percuma kanser payudara agar lebih ramai wanita dapat manfaat daripada program ini.

- b) Sepanjang September 2014 hingga Mac 2015 seramai 495 orang wanita telah menerima manfaat dalam program Mammogram ini. Berikut adalah pecahan penerima manfaat mengikut kaum :-

KAUM	PENERIMA MANFAAT (ORANG)
Melayu	223
Cina	228
India	44
Lain-lain	0
Jumlah	495

- c) Seramai 11,000 wanita disasarkan setiap tahun untuk menerima manfaat Mammogram ini dengan peruntukan sebanyak RM1 juta setiap tahun. Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) adalah wakil kepada Kerajaan Negeri sebagai pengendali program Mammogram ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PADANG GOLF MILIKAN KERAJAAN NEGERI

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan padang golf yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri.
- b) Nyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan operasi padang-padang golf tersebut sejak 2008.
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan padang golf sebagai satu tarikan pelancongan Selangor seperti Bukit Jambul CountryClub di Pulau Pinang? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Padang golf yang dimiliki adalah Bukit Beruntung Golf &CountryResort Berhad (BBGC).
- b) Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan operasi padang golf (TheMines) seperti berikut:
 - Jumlah penambahan keahlian kurang memuaskan
 - Kemudahan dan infrastruktur kelab golf kurang memuaskan
 - Penyeliaan aset yang tidak memuaskan
 - Strategi dan rancangan jangka panjang serta KPI syarikat tidak disediakan
- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum membuat sebarang perancangan jangka panjang untuk membangunkan BBGC. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan baru MBI akan meneliti semula pembangunan jangka panjang BBGC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan negeri bercadang melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Selangor?
- b) Bagaimanakah pelaksanaannya bagi PBT yang mempunyai komposisi kaum yang tidak seimbang?

JAWAPAN:

a) dan b).

Kerajaan Negeri Selangor masih dalam kajian dan perbincangan berkenaan pelaksanaan Pemilihan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan di PBT Negeri Selangor

Dalam hal ini Kerajaan Negeri perlu mengambil kira keputusan Mahkamah Persekutuan yang membuat keputusan bahawa Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang diluluskan oleh kerajaan Pulau Pinang pada 2012 adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Memandangkan Kerajaan Negeri Selangor masih lagi mengkaji kaedah pelaksanaannya, Kerajaan Negeri akan meneliti semua isu berbangkit melibatkan isu perundangan, implikasi kewangan dan kesediaan PBT untuk melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan serta maklumbalas rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kerajaan negeri mengekang kebanjiran PATI di Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi membendung pemilikan premis perniagaan oleh warga asing di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kawalan dan penguatkuasaan berkaitan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah di bawah kuasa mutlak Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang peruntukan perundangan bagi mengekang kemasukan dan kebanjiran PATI.
- b) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri tidak membenarkan pemberian lesen perniagaan kepada warganegara asing mahupun PATI. Namun sikap rakyat Malaysia yang telah 'mengalibabakan' lesen perniagaan kepada PATI untuk mendapatkan keuntungan dengan cara mudah. Ini menyebabkan PATI dapat menjalankan perniagaan dengan mudah tanpa dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Sekiranya pemilik lesen perniagaan didapati telah melanggar peraturan ini, Kerajaan negeri melalui PBT akan menyita barang perniagaan dan mengambil tindakan tegas membatalkan lesen perniagaan dengan serta merta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : MENTERI BESAR INCOPRATED

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah yang memegang kuasa eksekutif dan kewangan MBI?
- b) Nyatakan struktur dan senaraikan perjawatan serta tugas setiap kakitangan dalam MBI di bawah kepimpinan kerajaan negeri baharu?
- c) Nyatakan jumlah gaji, elaun atau yuran setiap perjawatan dalam MBI?

JAWAPAN:

- a) Kuasa Eksekutif dan Kewangan MBI adalah di bawah tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi. Mereka bertanggungjawab dan melapor terus kepada Lembaga Pengarah MBI di mana ia terdiri daripada YAB Dato' Menteri Besar, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri.
- b) Untuk makluman, MBI pada ketika ini menggunakan Carta Organisasi sepertimana yang diamalkan oleh Syarikat Korporat yang lain. MBI mempunyai seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan seorang Ketua Pegawai Operasi (COO). Tanggungjawab kedua-dua mereka adalah memastikan MBI mendapat manfaat kewangan dan strategik yang terbaik serta berpandukan tadbir urus korporat yang telah ditetapkan. Selaras dengan usaha ini, CEO dan COO disokong oleh bahagian-bahagian di dalam MBI Seperti Audit Dalaman, Kewangan, Undang-Undang, Pelaburan dan Pentadbiran.
- c) Merujuk kepada Sidang Dewan yang terdahulu, maklumat berkenaan penggajian dan emolumen tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu. Ianya adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Walau bagaimanapun, Y.B. Ahli Dewan Negeri Selangor boleh memohon terus secara bertulis kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor atau kepada Setiausaha Dewan sekiranya memerlukan maklumat yang berkenaan. Jawapan hanya akan diberikan kepada Y.B. Ahli Dewan yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa penerima maklumat mestilah bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 709.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila Senaraikan penjualan aset KDEB dan subsidiarinya 2008-2014: tarikh penjualan, pembeli, harga, tender terbuka/penjualan terus dan butiran-butiran lain.
- b) Sila senaraikan semua projek usahasama KDEB dan subsidiarinya dengan syarikat swasta.

JAWAPAN:

- a) Senarai penjualan aset KDEB dan subsidiarinya 2008-2014: tarikh penjualan, pembeli, harga, tender terbuka/penjualan terus dan butiran-butiran adalah seperti berikut:-

Sila rujuk kepada lampiran A.

- b) Senarai semua projek usahasama KDEB atau subsidiarinya dengan syarikat swasta adalah seperti berikut:-

No	Nama Projek	Nilai Projek	Tahun Projek Siap
1	81 Unit Kedai Pejabat dikenali sebagai CybervalleyCommercialCentre, Dengkil "DevelopmentAgreement" di antara Kumpulan Hartanah Selangor Berhad dan Temasek Sehati Sdn Bhd	JointVentureEntitlement – RM5.053 Juta Jumlah bayaran diterima sehingga kini– RM4.883 Juta	2014
2	301 unit Projek Perumahan dikenali sebagai Warisan Bestari, Sepang "DevelopmentAgreement" diantara SAP Holdings Berhad dan Gema Padu Sdn Bhd	JointVentureEntitlement – RM 10.0 Juta Bayaran telah diterima sepenuhnya	2013
3	1,799 unit Projek Perumahan dikenali sebagai Setia	JointVentureEntitlement	2019

	EcoTempler, Selayang. "DevelopmentAgreement" di antara CashBand Sdn Bhd dan Setia EcoTempler Sdn Bhd	– Minimum RM140.0 Juta Jumlah bayaran diterima sehingga kini – RM40 Juta	
--	---	--	--

LAMPIRAN A

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PENJUALAN TANAH ATAU ASET KERAJAAN

Perincian maklumat berhubung penjualan tanah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ataupun melalui syarikat-syarikat GLC Selangor

NAMA SYARIKAT :

Bil	Butiran Aset (Tanah/Syarikat/Lain-Lain sila nyatakan)	Tarikh belian Aset	Kos belian Aset (RM)	Tarikh jualan Aset	Nilai jualan Aset (RM)	Untung/(Rugi) jualan Aset (RM)	Nama pembeli	Kaedah tawaran jualan aset (sebut harga/tender/lain-lain sila nyatakan)
1.	Lot PT 28259, HS(D) 25027, Mukim Tanjong Duabelas Daerah Kuala Langat	30/11/2004	278,789.45	28 Februari 2008	27,324,311.04	27,045,521.59	First Allied Holdings Sdn Bhd	Pihak Berkuasa Negeri telah memberi kuasa Perakuan Lombong di tanah Lot PT 28259, HS(D) 25027 dan Lot PT 1136, HS(D) 25014 kepada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS") selama 21 tahun dari 1983 sehingga 2004. Pada tahun 1983, KPS telah memeterai Perjanjian Pajakan (subleased) bagi kedua-dua lot tanah tersebut kepada Petaling Tin Berhad ("PTB") bagi aktiviti perlombongan bijih timah selama 21 tahun
2.	Lot PT 1136, HS(D) 25014, Mukim Tanjong Duabelas Daerah Kuala Langat	30/11/2004	285,793.45	28 Februari 2008	28,676,022.16	28,390,228.71	First Allied Holdings Sdn Bhd	

								<p>sehingga 2004. PTB telah membayar wang pendahuluan sebanyak RM23.9 juta kepada KPS. Walaubagaimanapun pada tahun 1997, aktiviti perlombongan di lot-lot tersebut telah diberhentikan apabila lot-lot tersebut telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada "Wetland Sanctuary".</p> <p>Berikutan itu, KPS telah menyerahkan kuasa Perakuan Lombong kepada Pihak Berkuasa Negeri dan telah menamatkan kontrak pajakan dengan PTB. KDEB telah mengemukakan permohonan pemberimilikan tanah-tanah tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri dan ianya telah diluluskan pada tahun 30 Oktober 2004 di bawah kategori pertanian. Susulan daripada penamatan kontrak pajakam lombong ke atas tanah-tanah tersebut oleh KPS, PTB telah bersetuju bahawa</p>
--	--	--	--	--	--	--	--	--

								<p>pampasan balik daripada KPS akan ditanggung oleh syarikat berkaitan PTB iaitu First Allied Holdings Berhad ("FAHB") melalui pembelian tanah-tanah di Lot PT 28259, HS(D) 25027 dan Lot PT 1136, HS(D) 25014, Mukim Tanjong Duabelas daripada KDEB pada harga RM56 juta berdasarkan laporan penilaian bertarikh 14 Januari 2008 oleh Regroup Associates. Bayaran bagi harga jualan dibayar secara berperingkat dalam tempoh 4 tahun di mana bayaran akhir telah pun diterima.</p>
			564,582.90		56,000,333.20	55,435,750.30		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PARKIR KENDERAAN BERAT DI KAWASAN TAMAN PERUMAHAN

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan diambil dan kuasa diberikan untuk kenderaan berat yang Parkir dalam kawasan perumahan?
- b) Bolehkah kerajaan negeri bersedia ubah undang-undang dan peraturan membenarkan PBT tunda kenderaan berat di Parkir dalam kawasan perumahan?

JAWAPAN:

- a) Tindakan yang akan diambil adalah dengan mengeluarkan kompaun di bawah Undang- undang Kecil (UUK 7), Undang-Undang Kecil Taman PBT 2005 yang melarang kenderaan melebihi dua tan masuk ke mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua. Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengalihkan mana-mana kenderaan bermotor yang melanggar peruntukan perenggan (1) dan menahan motor itu di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Yang Dipertua.Selain itu, operasi bersepadu dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dilaksanakan termasuk menyenaraihitamkan kenderaan berat tersebut.
- b) Kerajaan Negeri akan meneliti kuasa-kuasa PBT yang sedia ada bagi menangani isu kenderaan berat di parkir kawasan perumahan dan sekiranya terdapat keperluan untuk meminda UUK yang berkaitan Kerajaan Negeri akan berunding dengan pihak PBT bagi tujuan penyeragaman pelaksanaan selaras dengan kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Seksyen 9(1) Akta Kerajaan Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI SELANGOR

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membuat kajian mengenai penggunaan teknologi tinggi (incinerator) yang mesra alam dan dapat menukarkan sampah kepada bahan produk yang berguna seperti menjadi baja kompos atau plastik atau sebagainya
- b) Jika tiada, apakah penghalang dan langkah-langkah alternatif?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menjalankan *feasibility study* berhubung pembangunan loji tenaga sisa di Negeri Selangor. Kajian ini dilaksanakan memandangkan tapak pelupusan sedia ada iaitu di Jeram akan mencapai tahap maksima pada 2023 dengan penerimaan sisa pepejal sebanyak 3,000 tan sehari. Mengikut *feasibility study* yang telah dijalankan tersebut, loji tenaga sisa ini boleh dibangunkan di Negeri Selangor dengan menggunakan sistem stoker ataupun jeriji bergerak. Sistem ini mampu melupuskan sisa pepejal tanpa membuat sebarang pengasingan. Di samping itu juga ia mampu menjana tenaga elektrik berkapasiti 15MWatt. Sistem ini mampu mengurangkan jumlah sisa sebanyak 90% di mana hanya 10% akan dilupuskan ke tapak pelupusan sanitari. Sementara itu, sistem lain seperti Loji Kitar Semula (MRF) dan baja kompos telah pun dilaksanakan. Namun begitu, boleh dikatakan hanya 5% ke 10% sisa pepejal sahaja dapat dikurangkan melalui proses tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih belum memutuskan untuk membina incinerator.
- b) Antara langkah-langkah alternatif yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah mendidik masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dalam perihal pengurusan sisa pepejal ini. Sisa yang dihasilkan dari rumah perlu diuruskan dengan baik agar pengurusan pada peringkat yang lebih tinggi menjadi mudah dan berkesan. Oleh kerana kos pengurusan sisa pepejal semakin meningkat, maka program kitar semula dilaksanakan bagi mengurangkan kuantiti sisa pepejal yang dibuang. Kaedah pengurangan penggunaan (*reduce*), penggunaan semula (*reuse*) dan kitar semula (*recycle*) atau lebih dikenal dengan kaedah 3R merupakan teras pertama dalam dasar pengurusan sisa pepejal. 3R juga merupakan pendekatan terbaik dalam perancangan sisa pepejal yang efektif. Konsep 3R ialah mengurangkan kuantiti

penghasilan sisa pepejal, menggunakan semula barang dan kitar semula sisa pepejal menjadi satu bentuk produk baru. 3R berupaya mengurangkan penjanaaan sampah pada punca. Berbanding pengurangan dan penggunaan semula sisa pepejal, kitar semula merupakan aktiviti yang lebih diberi penekanan disebabkan manfaat yang dapat diperolehi melaluinya. Walau bagaimanapun, kitar semula di Selangor masih belum berada di tahap yang membanggakan kerana faktor lemahnya sikap kebertanggungjawaban terhadap alam sekitar dan isu persekitaran yang lain di kalangan rakyat. Hal ini dapat dilihat apabila kebanyakan Kempen Alam Sekitar yang diadakan tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari pihak awam.

Oleh yang demikian, bagi mengurangkan penghasilan sisa pepejal, kempen kesedaran untuk mendidik dan mendisiplinkan masyarakat harus dipertingkatkan demi menggalakkan pengasingan sampah di peringkat sumber (*separation at source*), membendung gejala membuang sampah merata-rata dan mengurangkan penggunaan bekas berasaskan polisterina serta beg plastik. Kerajaan Negeri akan melakukan kempen secara besar-besaran dan berkesan untuk mengubah paradigma bahawa tanggungjawab dan masalah sisa pepejal adalah tanggungjawab bersama bukan hanya kerajaan atau lebih bersifat dari masyarakat kepada kerajaan (*bottom-up*). Apabila pihak awam mula melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan kitar semula, ini merupakan indikator terbaik bagi Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan.

Untuk itu adalah penting kempen kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar dilaksanakan secara berterusan. Kerajaan Negeri yakin pengurusan sisa pepejal yang cekap dan berkesan mampu membawa sesebuah masyarakat ke arah pembangunan lestari.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAMPUNG ORANG ASAL SUNGAI BULOH

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan kerajaan negeri untuk membangunkan infrastruktur kawasan tersebut?
- b) Apakah terdapat perancangan untuk pembangunan generasi muda bagi golongan ini?
- c) Apakah terdapat bantuan pembangunan ekonomi untuk golongan orang asal di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kawasan tersebut telah dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur seperti jalan bertar, bekalan elektrik 24 jam dan bekalan air bersih secara graviti dan terdapat kemudahan surau.
- b) Pembangunan program generasi muda untuk golongan tersebut adalah sama dengan kaum lain di Negara ini. Di antaranya yang khusus untuk mereka adalah seperti berikut:
 - i. bantuan pendidikan untuk sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan tinggi
 - ii. bantuan program kemahiran seperti Program Latihan dan Kemajuan Kerjaya (PLKK) dimana mereka akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Satu dan boleh meneruskan pengajian untuk ke tahap yang lebih tinggi. Mereka juga diberikan peluang untuk belajar di pusat latihan kemahiran dan di antaranya adalah di Institut Kemahiran MARA, Institut Kemahiran Belia Negara dan Giat MARA.
 - iii Program aktiviti riadah dan bersukan yang dikendalikan oleh Persatuan-Persatuan Belia Orang Asli.
- c) Terdapat bantuan ekonomi seperti pembangunan usahawan dan ruang niaga di bawah JAKOA dan pinjaman daripada TEKUN bagi mereka yang berkelayakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PROGRAM PTRS

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila bekalkan statistik yang menunjukkan prestasi peserta-peserta PTRS dalam pemeriksaan SPM pada tahun 2014.

JAWAPAN:

- a) Statistik prestasi peserta-peserta PTRS dalam peperiksaan SPM tahun 2014 adalah seperti berikut:

SUBJEK/GRED	A	B	C	D	E	G
BAHASA MELAYU	22%	21.7%	10.52%	3.1%	0.3%	0%
BAHASA INGGERIS	2.9%	10.2%	16.8%	19%	5.7%	0.9%
MATEMATIK	10.3%	12.48%	14.7%	19.09%	7.5%	2.25%
SEJARAH	14.2%	20.7%	14.2%	6.1%	2.1%	0.75%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : STATISTIK PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik penerima program MES mengikut pecahan kaum dan parlimen pada tahun 2014?
- b) Apakah yang meyakinkan kerajaan negeri bahawa program MES boleh membantu meningkatkan pendapatan rakyat Selangor?

JAWAPAN:

- a) Semua rakyat di Negeri Selangor layak dan mempunyai peluang untuk menikmati manfaat dari Program MES tanpa mengira jantina, kaum, bangsa, fahaman politik dan pegangan agama. Penerima manfaat bagi Program MES mengikut pecahan kaum menunjukkan majoriti penerima merupakan dari kalangan rakyat berbangsa Melayu dengan bilangan seramai 217,012 orang. Kaum kedua tertinggi adalah Cina dengan jumlah seramai 117,890 penerima. Manakala seramai 56,039 orang penerima terdiri dari kaum India.

Ringkasan bagi statistik penerima program MES mengikut pecahan kaum adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

Program MES Statistik Penerima Program MES Mengikut Pecahan Kaum

BIL.	PROGRAM	KAUM			
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	105,406	33,486	21,489	-
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	6,166	974	711	-
3	Skim Mesra Usia Emas	22,744	23,696	9,722	434
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	280	-	1,412	-
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Seluruh Rakyat Selangor			
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	7,465	71	276	-
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Tiada Maklumat			
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	9,907	6,661	2,452	20
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	4,697	68	306	15
10	Insentif Perkahwinan Belia	7,342	2,348	1,953	-
11	Pusat Tuisyen Rakyat	504	32	25	-
12	Pusat Dialisis Rakyat	112	1	8	-
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	1,216	5	10	-
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	9,457	873	891	70
15	Cuti Bersalin 90 Hari	30	-	-	-
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	1	-	-	-
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	1	-	-	-
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	41,684	49,675	16,784	931
19	Pusat Khidmat Krisis Sehentia (OSCC)				
JUMLAH		217,012	117,890	56,039	1,470

Bagi penerima program MES mengikut pecahan parlimen, statistik menunjukkan penerima bagi program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) mencatatkan penerima faedah tertinggi di Parlimen Hulu Langat dengan jumlah seramai 23,440 orang penerima. Manakala untuk program Jom Shopping penerima paling ramai adalah dari Parlimen Subang iaitu seramai 7,834 orang, manakala Skim Bantuan Tadika (TUNAS) mencatatkan penerimaan tertinggi di Parlimen Kapar dengan jumlah 2,043 orang. Parlimen Sepang pula adalah penerima manfaat terbanyak bagi program Skim Kesihatan Wanita (MammoSel).

Ringkasan bagi statistik penerima program MES mengikut pecahan parlimen adalah seperti di Lampiran B.

- b) Pelbagai program telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kekayaan negeri dapat dikongsi oleh rakyat. Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat meringankan beban hidup sekaligus membina modal insan yang mampu memajukan diri dan keluarga seiring dengan perkembangan pesat di Negeri Selangor. MES mempunyai dua (2) peranan utama iaitu:
- i) menjamin dan membela kebajikan rakyat; dan
 - ii) meningkatkan unsur-unsur keusahawanan di kalangan rakyat di Negeri Selangor.

Skim Mesra Usia Emas (SMUE) adalah salah satu contoh skim yang diwujudkan khusus untuk menjaga kebajikan rakyat di Negeri Selangor. Ia bertujuan membantu keluarga warga emas atau orang kurang upaya (OKU) yang memenuhi syarat dan berdaftar yang meninggal dunia tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi dan kedudukan sosial mereka. Manfaat berupa wang bernilai RM2,500.00 akan disumbangkan kepada Penama Warga Emas/OKU yang meninggal dunia dan telah berdaftar. RM1,000.00 akan diberikan selepas menerima laporan kematian serta dokumen lengkap diserahkan dan disahkan Pusat Khidmat berdekatan. Baki RM1,500.00 akan diserahkan dalam tempoh sekitar 60 hari berikutnya dalam satu majlis khas.

Manakala bagi program-program yang diwujudkan untuk meningkatkan unsur-unsur keusahawanan di kalangan rakyat terdiri daripada Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel). Skim-skim ini diperkenalkan bertujuan untuk membantu rakyat berdikari dan bukan hanya mengharapkan bantuan kebajikan kerajaan atau '*welfare*' semata-mata. Peserta program ini berpeluang untuk memajukan diri melalui latihan dan bimbingan komprehensif yang telah dibentuk selaras dengan dasar baru Kerajaan Negeri iaitu '*workfare*' di mana kekuatan jati diri individu itu sendiri menjadi teras dalam mengubah nasib keluarga. Skim bantuan yang diberikan kepada rakyat Selangor ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk membebaskan golongan berpendapatan rendah dari kitaran kemiskinan. Sejak mula dilancarkan, ramai usahawan kecil yang menyertai SkimSel dan MiMBAR kini berjaya memperluaskan perniagaan mereka. Skim MiMBAR menyediakan khidmat nasihat, fasilitator dan segala keperluan peniaga dan usahawan yang ingin memohon pinjaman kecil bagi menampung perniagaan mereka. Lanyalebih menumpukan kepada bantuan sokongan yang diperlukan kebanyakan peniaga kecil dan usahawan untuk mereka berdikari di masa hadapan. Skim ini juga membantu peniaga kecil bagi membiayai modal pusingan serta meringankan beban kos pembelian barangan. Selain itu, ia membantu peniaga kecil yang ingin memulakan perniagaan dengan memberikan pinjaman tanpa faedah serta khidmat nasihat secara percuma. Skim ini telah terbukti banyak membantu

golongan usahawan kecil di kawasan bandar bagi memajukan perniagaan serta menambah pendapatan mereka. Pengenalan skim ini amat tepat kerana kos sara hidup yang meningkat kini serta harga barangan yang semakin lama semakin mahal menyebabkan rakyat terhimpit dalam memenuhi keperluan seharian.

SkimSel pula bertujuan membantu golongan miskin berpendapatan kurang RM1,500.00 sebulan memperolehi dana bagi memulakan atau melebar luas perniagaan sedia ada sebagai salah satu usaha membebaskan daripada kepompong kemiskinan. Skim ini menyediakan pembiayaan mudah dan pembayaran yang fleksibel. Ia diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan kurang berkemampuan menerusi aktiviti ekonomi. Ia tidak memerlukan cagaran, tidak dikenakan faedah dan penerima pinjaman tidak akan diheret ke mahkamah. SkimSel mensasarkan rakyat Selangor berpendapatan rendah atau di bawah garis kemiskinan untuk dibantu keluar dari belunggu tersebut. Matlamat program bukan sekadar memberi pembiayaan, tetapi dengan tumpuan meningkatkan pendapatan sadiq (penerima) sekurang-kurangnya RM1,000.00 sebulan. Pembayaran semula program ini juga amat berjaya dengan hampir semua peserta mampu membayar kembali mengikut jadual. Ini menunjukkan bahawa ianya berjaya membantu meningkatkan pendapatan rakyat Selangor. Di samping itu juga, program ini memberi pendedahan kepada sadiq mengenai tatacara kerja berkumpulan organisasi, membantu rakan kerja serta memberi sokongan dalam menjalankan aktiviti bersama.

Program SkimSel dan MiMBAR ini adalah satu lagi bukti komitmen Kerajaan Selangor untuk mengagihkan hasil kekayaan negeri kepada semua rakyat terutama golongan miskin sejajar dengan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor demi untuk membantu rakyat keluar dari kepompong kemiskinan melalui bantuan yang berjaya meningkatkan pendapatan.

LAMPIRAN B

Program MES
Statistik Penerima Program MES Mengikut Pecahan Parlimen

BIL.	PROGRAM	Sabak Bernam	Sungai Besar	Hulu Selangor	Tanjung Karang	Kuala Selangor	Selayang	Gombak	Ampang	Pandan	Hulu Langat	Serdang	Puchong	Kelana Jaya	Petaling Jaya Selatan	Petaling Jaya Utara	Subang	Shah Alam	Kapar	Klang	Kota Raja	Kuala Langat	Sepang
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	2,473	3,781	5,539	3,665	7,016	8,336	8,993	3,246	1,371	17,948	8,943	5,486	2,626	3,224	2,068	6,686	11,939	16,793	14,197	10,950	12,231	6,265
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Tiada Maklumat																					
3	Skim Mesra Usia Emas	1,937	1,988	2,910	1,813	2,297	3,243	2,700	1,713	1,768	3,563	2,706	2,119	1,425	1,571	2,127	2,143	1,325	4,659	2,829	2,481	2,846	2,495
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Tiada Maklumat																					
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Seluruh Rakyat Selangor																					
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	1,534	-	1,412	-	1,766	-	499	-	-	1,929	-	-	-	628	-	-	-	-	549	-	1,601	1,245
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	-	-	13	-	403	-	12	-	-	-	-	-	-	-	13	-	-	-	-	-	58	32
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	1,194	1,455	885	1,198	664	1,028	848	263	644	375	651	554	614	472	348	797	552	1,240	96	1,384	2,055	1,485
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)	-	-	-	-	12	413	606	271	166	246	271	253	109	177	2	565	375	842	220	415	3	140
10	Insentif Perkahwinan Belia	Tiada Maklumat																					
11	Pusat Tuisyen Rakyat	Tiada Maklumat																					
12	Pusat Dialisis Rakyat	-	-	-	-	-	-	33	49	-	-	-	-	-	23	-	-	-	16	-	-	-	-
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	18	40	57	133	139	149	26	6	-	15	10	5	3	1	11	43	104	211	24	67	150	19
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	454	1,272	368	616	681	400	68	101	4	338	386	418	177	164	-	687	324	2,043	376	671	982	761
15	Cuti Bersalin 90 Hari	Tiada Maklumat																					
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Tiada Maklumat																					
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Tiada Maklumat																					
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	5,111	4,809	3,764	5,033	6,279	5,448	5,028	3,439	4,824	3,708	5,271	3,748	3,898	3,302	4,770	7,834	3,615	6,172	5,802	3,031	4,229	4,536
19	Pusat Khidmat Krisis Seheniti (OSCC)																						
JUMLAH		12,721	13,345	14,948	12,458	19,257	19,017	18,813	9,088	8,777	28,122	18,238	12,583	8,852	9,562	9,339	18,755	18,234	31,976	24,093	18,999	24,155	16,978

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : MEDIA SELANGOR TV

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan kerajaan negeri untuk melaksanakan Selangor TV sejak ia diwujudkan sehingga kini mengikut tahun?
- b) Senaraikan struktur dan perjawatan bagi menjayakan pelaksanaan Selangor TV?

JAWAPAN:


a)

	Kos Mengurus TV Selangor
2009 (Incorporated 18 Feb 2009)	1,129,106.00
2010	3,953,391.76
2011	3,064,678.20
2012	1,827,841.52
2013	1,698,608.18
2014	1,247,723.72
Jumlah keseluruhan	12,921,349.38

* Sumber daripada laporan kewangan beraudit dari 2010 sehingga 2013 dan dari laporan kewangan sebelum audit untuk 2014.

* Jumlah kos termasuk kos tenaga kerja/staff yang terlibat dalam menjayakannya.

b) Struktur dan perjawatan TV Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : YAYASAN DAR AL-QARD AL-HASAN SELANGOR (YAQ)

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendapatan dan keuntungan / kerugian YAQ pada tahun 2014?
- b) Berapakah penerima manfaat skim-skim di bawah YAQ pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Pendapatan Dan Keuntungan/Kerugian YAQ 2014

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Jumlah pendapatan	RM4,766,705.43
2.	Jumlah perbelanjaan	RM6,764,458.22
3.	Kerugian tahun semasa 2014	RM1,997,752.79
4.	Kerugian terkumpul	RM15,296,622.73

- b) Penerima manfaat skim-skim di bawah YAQ pada tahun 2014

Bil.	Program	Bil. Peserta	Jumlah Pembiayaan
1.	SKIMSEL	2032	RM27,114,650.00
2.	MIMBAR	302	RM1,187,850.00
3.	WALA	531	RM671,540.00
	JUMLAH	2865	RM28,974,040.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : TANAH

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah tanah yang telah dirampas oleh Kerajaan akibat kegagalan pemilik tanah membayar cukai tanah?
- b) Sila kemukakan senarai lokasi tanah yang telah dirampas mengikut Daerah di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Sebanyak **789 lot** tanah telah dirampas (Notis 8A) oleh Kerajaan Negeri melalui Seksyen 100 Kanun Tanah Negara 1965 disebabkan oleh kegagalan membayar cukai tanah dan pecahannya mengikut daerah dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	BIL. LOT TANAH DIRAMPAS 2010 – 2014
1.	Petaling	114
2.	Klang	135
3.	Gombak	200
4.	Hulu Langat	149
5.	Kuala Langat	29
6.	Sepang	47
7.	Hulu Selangor	39
8.	Kuala Selangor	57
9.	Sabak Bernam	19
JUMLAH		789

- b) Senarai lokasi tanah yang telah dirampas mengikut pecahan daerah di Negeri Selangor dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**SENARAI LOKASI TANAH YANG TELAH DIRAMPAS OLEH KERAJAAN NEGERI
MENGIKUT PECAHAN DAERAH
DARI TAHUN 2010-2014****i. DAERAH GOMBAK**

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
1.	Setapak	1112
2.	Ulu Kelang	3420
3.	Rawang	9964
4.	Batu	45922
5.	Batu	56490
6.	Batu	27742
7.	Batu	2071
8.	Ulu Klang	5872
9.	Batu	2071
10.	Ulu Klang	3550
11.	Rawang	6699
12.	Rawang	376
13.	Setapak	3004
14.	Setapak	2936
15.	Ulu Klang	2992
16.	Ulu Klang	6547
17.	Rawang	4951
18.	Ulu Klang	13841
19.	Batu	29474
20.	Ulu Klang	3526
21.	Batu	30839
22.	Rawang	1206
23.	Rawang	1203

Lampiran A - Lokasi Tanah Yang Telah Dirampas Oleh Kerajaan Negeri

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
24.	Ulu Klang	12407
25.	Ulu Klang	9411
26.	Batu	30827
27.	Ulu Klang	3755
28.	Batu	20325
29.	Batu	20326
30.	Batu	20327
31.	Batu	20328
32.	Batu	20329
33.	Batu	20330
34.	Batu	20331
35.	Batu	20332
36.	Batu	20333
37.	Batu	20334
38.	Batu	20335
39.	Batu	20336
40.	Batu	20337
41.	Batu	20552
42.	Batu	20553
43.	Batu	20554
44.	Batu	20555
45.	Batu	20556
46.	Batu	20557
47.	Batu	20558
48.	Batu	20559
49.	Batu	20560
50.	Batu	20561
51.	Batu	20562

Lampiran A - Lokasi Tanah Yang Telah Dirampas Oleh Kerajaan Negeri

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
52.	Batu	20563
53.	Batu	20564
54.	Batu	20565
55.	Batu	20566
56.	Batu	20567
57.	Batu	20568
58.	Batu	20569
59.	Batu	20570
60.	Batu	20571
61.	Batu	20572
62.	Batu	20573
63.	Batu	20574
64.	Batu	20575
65.	Batu	20576
66.	Batu	20577
67.	Batu	20578
68.	Batu	20579
69.	Batu	20580
70.	Batu	20581
71.	Batu	20582
72.	Batu	20583
73.	Batu	20584
74.	Batu	20585
75.	Batu	20586
76.	Batu	20587
77.	Batu	20588
78.	Batu	20589
79.	Batu	20590

Lampiran A - Lokasi Tanah Yang Telah Dirampas Oleh Kerajaan Negeri

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
80.	Batu	20591
81.	Batu	20592
82.	Batu	20593
83.	Batu	20594
84.	Batu	20595
85.	Batu	20596
86.	Batu	20597
87.	Batu	20598
88.	Batu	20599
89.	Batu	20600
90.	Batu	20601
91.	Batu	20602
92.	Batu	20603
93.	Batu	20604
94.	Batu	20605
95.	Batu	20606
96.	Batu	20607
97.	Batu	20608
98.	Batu	20609
99.	Batu	20610
100.	Batu	20611
101.	Batu	20612
102.	Batu	20613
103.	Batu	20614
104.	Batu	20615
105.	Batu	20616
106.	Batu	20617
107.	Batu	20618

Lampiran A - Lokasi Tanah Yang Telah Dirampas Oleh Kerajaan Negeri

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
108.	Batu	20619
109.	Batu	20620
110.	Batu	20621
111.	Batu	20622
112.	Batu	20623
113.	Batu	20624
114.	Batu	20625
115.	Batu	20626
116.	Batu	20627
117.	Batu	20628
118.	Batu	20629
119.	Batu	20630
120.	Batu	20631
121.	Batu	20632
122.	Batu	20633
123.	Batu	20634
124.	Batu	20635
125.	Batu	20636
126.	Batu	20637
127.	Batu	20638
128.	Batu	20639
129.	Batu	20640
130.	Batu	20641
131.	Batu	20642
132.	Batu	20643
133.	Batu	20644
134.	Batu	20645
135.	Batu	20646

Lampiran A - Lokasi Tanah Yang Telah Dirampas Oleh Kerajaan Negeri

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
136.	Batu	20647
137.	Batu	20648
138.	Batu	20649
139.	Batu	20650
140.	Batu	20651
141.	Batu	20652
142.	Batu	20653
143.	Batu	20654
144.	Batu	20655
145.	Batu	20656
146.	Batu	20657
147.	Batu	20658
148.	Batu	20659
149.	Batu	20660
150.	Batu	20661
151.	Batu	20662
152.	Batu	20663
153.	Batu	20664
154.	Batu	20665
155.	Batu	20666
156.	Batu	20667
157.	Batu	20668
158.	Batu	20669
159.	Batu	20670
160.	Batu	20671
161.	Rawang	13279
162.	Rawang	13260
163.	Rawang	19030

Lampiran A - Lokasi Tanah Yang Telah Dirampas Oleh Kerajaan Negeri

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
164.	Batu	52240
165.	Setapak	3859
166.	Setapak	3858
167.	Batu	64562
168.	Ulu Klang	16479
169.	Ulu Klang	9948
170.	Rawang	200
171.	Rawang	5652
172.	Ulu Klang	3043
173.	Ulu Klang	2329
174.	Ulu Klang	2330
175.	Ulu Klang	2333
176.	Ulu Klang	2334
177.	Ulu Klang	2335
178.	Batu	47590
179.	Rawang	18654
180.	Batu	31101
181.	Batu	57256
182.	Ulu Klang	6548
183.	Ulu Klang	3665
184.	Ulu Klang	3653
185.	Rawang	14161
186.	Ulu Klang	10333
187.	Batu	1389
188.	Rawang	19317
189.	Rawang	19328
190.	Batu	8918
191.	Ulu Klang	10333

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
192.	Batu	1389
193.	Rawang	19317
194.	Rawang	19328
195.	Bandar Kundang	1264
196.	Bandar Kundang	1263
197.	Bandar Kundang	1262
198.	Bandar Kundang	1261
199.	Rawang	28
200.	Rawang	84

ii. DAERAH KUALA LANGAT

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
1.	Bandar	Kampong Cantik
2.	Telok Panglima Garang	Telok Panglima Garang
3.	Batu	Tanjung Sepat
4.	Morib	Morib
5.	TG Duabelas/Pekan Bukit Changgang	Olak Lempit
6.	TG Duabelas/Pekan Bukit Changgang	Olak Lempit
7.	TG Duabelas/Pekan Bukit Changgang	Olak Lempit
8.	TG Duabelas/Pekan Bukit Changgang	Olak Lempit
9.	TG Duabelas/Pekan Bukit Changgang	Olak Lempit
10.	TG Duabelas/Pekan Bukit Changgang	Olak Lempit
11.	TG Duabelas/Pekan Bukit Changgang	Olak Lempit
12.	Telok Panglima Garang	Sungai Rambai
13.	Batu	Batu
14.	Telok Panglima Garang	Kaw Perusahaan Batu 9, Kebun Baru.
15.	Tanjung Duabelas/Bandar Banting	Bandar Banting

BIL	MUKIM	LOKASI (NO. LOT / NO. PT)
16.	Tanjung Duabelas/Bandar Banting	Bandar Banting
17.	Tanjung Duabelas/Bandar Banting	Banting
33	MPK/JPP/PSP 33 / 12	MENARIK TONG SAMPAH RORO DI KLANG VILLA DAN BANDAR SULTAN SULAIMAN DAN KAWASAN SEKITAR	CERAH ABADI ENT. LOT 2159 (A1) JLN HASSAN, KG SG UDANG, 41250 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/142

34	MPK/JPP/PSP 34 / 12	SELURUH KAWASAN PELABUHAN KLANG, DAN KAWASAN SEKITAR	KEKUCHI ENTERPRISE LOT 49, SERI SEPAKAT SEKSYEN 29 40460 SHAH ALAM	50/143
35	MPK/JPP/PSP 35 / 12	FLAT PENDAMAR INDAH 2, KUARTERS KERAJAAN DI PELABUHAN KLG, BANGUNAN KERAJAAN DI PULAU INDAH DAN KAWASAN SEKITAR	AKHLAH ENTERPRISE NO. 2, JALAN UB5A, TAMAN UKAY BISTARI, HULU KELANG 68000 AMPANG, SEL D. EHSAN	50/144
36	MPK/JPP/PSP 36 / 12	KAWASAN ZON MERU ZON 1,2,3, DAN KAWASAN SEKITAR	AF ENTERPRISE NO 78 - 1B, JALAN RAYA BARAT KS 1, PUSAT PERNIAGAAN RAYA BARAT 41160 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/145
37	MPK/JPP/PSP 37 / 12	TAMAN AMAN PERDANA DAN KAWASAN SEKITAR	REEZ ENTERPRISE S/B 6, JLN AMAN PERDANA 11E/KU5, TMN AMAN PERDANA OFF JLN HJ. ABD MANAN, 41050 KLG SEL. DARUL EHSAN	50/146
38	MPK/JPP/PSP 38 / 12	JALAN MERU BATU 5 - 9 (KIRI & KANAN JLN), JLN KENANGAN, TMN MERU UTAMA, TMN DAYA MAJU, TMN SRI MERU, TMN MERU UTAMA FASA 3, TAMAN SRI JAYA KG. MERU BT 5 ½, MERU BOURT, IKS JLN TERUNTUM & KELEDANG, TMN ISKANDAR, TMN DESA DELIMA, TMN CHERAKAH DAN KAWASAN SEKITAR	ZARIN CORPORATION S/B NO. 50-1B, TKT 1, BLK 8, JLN PAHAT H 15/H, SEKSYEN 15, 40200 S.ALAM, SEL. D. EHSAN.	50/147
39	MPK/JPP/PSP 39 / 12	PEKAN KAPAR DARI BATU 10 - 13 (KIRI & KANAN JALAN) KG. TOK MUDA, KG. SG. SERDANG, JLN KERETAPI LAMA DR BT 10 - 13, TMN TOK MUDA, TMN SAUJANA, TMN SERDANG PERMAI, TMN SRI KAPAR DAN KAWASAN SEKITAR	SCAN TREND SDN BHD 49B, JALAN DENDANG 1 BERKELEY NEW TOWN CENTRE, 42100 KLG SEL. D. EHSAN	50/148
40	MPK/JPP/PSP	TAMAN DAMAI, TAMAN SAGA	FOOART ENTERPRISE	50/149

	40 / 12	TAMAN KAPAR PERMAI, KAPAR BATU 9, TMN KERAYONG, TMN MUTIARA, TMN SAUJANA, DAN KAWASAN SEKITAR	LOT 4098-B, JLN BAHAGIA KG. BUKIT KAPAR MERU 42200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	
41	MPK/JPP/PSP 41 / 12	TAMAN KHOO KEK KHENG, TAMAN INTAN, TAMAN SENTOSA, TAMAN EMAS, TMN ALAM NYATA DAN KAWASAN SEKITAR	DANA WAWASAN ENT. LOT 2556-C, LAPIS 3, , BATU 6, KG SEMENTA, 42100 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/150
42	MPK/JPP/PSP 42 / 12	TAMAN SUNGAI KAPAR INDAH DAN KAWASAN SEKITAR	SRI MELOR NO. 59-1B-4, JLN PAHAT 15/H, SEKSYEN 15 40200 SHAH ALAM SEL. DARUL EHSAN	50/151
43	MPK/JPP/PSP 43 / 12	KAWASAN BUKIT KAPAR ZON 1 DAN ZON 2 DAN KAWASAN SEKITAR	SUPKHI JAYA 217, BT 6 1/2 PEKAN MERU, JLN MERU KLANG 41050 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/152
44	MPK/JPP/PSP 44 / 12	KAWASAN BANDAR PARKLANDS, TAMAN BAYU EMAS DAN KAWASAN SEKITAR	ROSWADA ENTERPRISE 2431, JLN PERMATA 20, TMN PERMATA, ULU KLG, 53300 KUALA LUMPUR	50/153
45	MPK/JPP/PSP 45 / 12	KAWASAN JALAN MERU (SEBELAH KIRI) DARI SEKOLAH TINGGI KLANG, KEDAI SEPANJANG JALAN MERU, TAMAN BUNGA MELOR, TMN PAUH KIJANG DAN KAWASAN SEKITAR	LENANG PERMATA S/B LOT 03-19 TINGKAT 3 KOMPLEKS PKNS 40000 SHAH ALAM SEL. DARUL EHSAN	50/154
46	MPK/JPP/PSP 46 / 12	BANDAR BUKIT TINGGI 2, AMBANG BOTANIK DAN KAWASAN SEKITAR	DAYA PERMATA ENT KOMPLEKS TGK KELANA ARAS 2-9, NO. 106, JLN TENGGU KELANA KS1, 41000 KLG, SEL. D. EHSAN	50/393
47	MPK/JPP/PSP 47 / 12	TMN SEJATI 5, TMN BUNGA ROS, TMN SEJATI, TAMAN SAGA 2, TMN SENTOSA PERDANA DAN KAWASAN SEKITAR.	WESTO TRADING AND SERVICES 37, JLN SG PULUH LIMA, TMN CEMPAKASARI 3,	50/394

			JLN KAPAR, 41400 KLG, SEL. DARUL EHSAN.	
48	MPK/JPP/PSP 48 / 12	TAMAN ALAM NYATA, TAMAN BUNGA RAYA, TAMAN MENARA MAJU, TAMAN ZAINUL RASHID DAN KAWASAN SEKITAR	TERAJU FOKUS ENT SR-7-6 SAUJANA RIA, 3, JLN WANGSA 2/6 TMN WANGSA PERMAI, 52200 KEPONG, SEL. DARUL EHSAN	50/395
49	MPK/JPP/PSP 49 / 12	KG PEREPAT, TAMAN PEREPAT INDAH, TMN PEREPAT PERMAI, TMN SRI PEREPAT, FLAT PEREPAT INDAH, TAMAN SRI PEREPAT, FLAT PEREPAT INDAH, FLAT PEREPAT PERMAI, KG SEMENTA, TMN SRI SEMENTA, TAMAN SEMENTA UTAMA, TMN SEMENTA JAYA, TAMAN QAMARIA, FLAT KLANG PERDANA, TMN KLANG PERDANA DAN KAWASAN SEKITAR	KERAMAT PERMAI ENTERPRISE LOT 510, JLN TELUK GADONG KECIL, OFF JLN YADI, 41250 KLG SEL. DARUL EHSAN	50/396
50	MPK/JPP/PSP 50 / 12	BANDAR SULTAN SULAIMAN DAN KAWASAN SEKITAR.	EXCELLENT JOB SERVICES NO. 2, LORONG PETOLA, KG RAJA UDA, 42000 PEL. KLANG, SEL. DARUL EHSAN	50/397
51	MPK/JPP/PSP 51 / 12	TAMAN KLANG UTAMA, TAMAN CEMPAKASARI DAN KAWASAN SEKITAR	SYARIKAT BUMI PEMBEKAL AM AGENSI 16, LRG JELUTONG, OFF JLN LANGAT, SOUTHERN PARK, 41200 KLG, SELANGOR D. EHSAN	50/398
52	MPK/JPP/PSP 52 / 12	KAMPUNG MERU ZON 2, ZON 3 DAN KAWASAN SEKITAR.	KEMPAS JAYA ENT LOT 6451, JL KEMPAS, KAPAR, 42200 KLANG, SEL. DARUL EHSAN.	50/399
53	MPK/JPP/PSP 53 / 12	KOMPLEKS PASAR BESAR JALAN MERU, KLANG. (TONG ARMROLL)	P. V KAYA ENTERPRISE 32, SOLOK SG KERAMAT 21A, TMN KLG UTAMA, 42400 KLANG SEL. DARUL EHSAN.	50/400

54	MPK/JPP/PSP 54 / 12	PASAR PELABUHAN KLANG, PASAR PANDAMARAN, KUARTERS KASTAM PELABUHAN KLANG DAN KAWASAN SEKITAR. (TONG ARMROLL)	AKHLAH ENTERPRISE NO. 2, JLN UB5A, TMN UKAY BISTARI, HULU KELANG, 68000 AMPANG SEL. D.EHSAN	50/401
55	MPK/JPP/PSP 55 / 12	KUARTERS POLIS BANDAR BARU ANDALAS DAN HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG. (TONG ARMROLL)	PERKHID. PEMBERSIHAN IKHLAS SDN. BHD. NO. 12-03-01, LR BATU NILAM 4A, BDR BUKIT TINGGI, 41200 KLANG, SEL. DARUL EHSAN	50/402
56	MPK/JPP/PSP 56 / 12	FLAT PALMA DAN FLAT KASUARINA BANDAR BOTANIK, KLANG.	RAZ ERA BISTARI ENT NO. 4, JLN SAWI 24/18, SS 24, 40000 S. ALAM, SEL. DARUL EHSAN.	50/403
57	MPK/JPP/PSP 01 / 13	KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DI JALAN BUKIT KUDA DAN JALAN LANDASAN	PERNIAGAAN KASAS 33, JLN SRI SIANTAN 49 TAMAN SRI ANDALAS 41200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/559
58	MPK/JPP/PSP 02 / 13	KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DI KAW. PANDAMARAN TERMASUK JLN YOUNG, JALAN PANDAMARAN, JALAN CHAN AH CHOO, TAMAN CHI LIUNG & KAWASAN SEKITAR	AFBATNIREOURCES NO 52, JLN BAYU TINGGI 8/KS6, BATU UNJUR 41200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/558
59	MPK/JPP/PSP 03 / 13	KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH TONG STANDING BIN DI KAW. PUSAT BANDAR KLG UTARA, KLG SELATAN & PUSAT BANDAR SRI ANDALAS	ERYNN ENTERPRISE TBG 306, JLN SG BERTIH 41100 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/557
60	MPK/JPP/PSP 04 / 13	KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DI KAW BUKIT KUDA & KG KUANTAN, KLANG (KAWASAN KAMPUNG)	UNCANGMAS ENT 236B, JLN DATO SETIA OFF JALAN RAYA BARAT 41000 KLANG SEL. EHSAN	50/556

61	MPK/JPP/PSP 05/13	KUTIPAN SAMPAH DI KAWASAN BUKIT TINGGI 2 (ZON 2)	KEMPAS JAYA ENT LOT 6451, JLN KEMPAS KAPAR, 42200 KAPAR, SELANGOR	50/722
62	MPK/JPP/PSP 06/13	KUTIPAN SAMPAH DI PUSAT BANDAR, BANDAR BUKIT TINGGI, BAYU TINGGI DAN KAWASAN SEKITAR (ZON 2)	NARIZMAN ENTERPRISE 46, JLN PAHLAWAN 3, TMN PAHLAWAN, TELUK PANGLIMA GARANG, 42500 KUALA LANGAT, SELANGOR	50/723
63	MPK/JPP/PSP 07/13	KUTIPAN SAMPAH DI JALAN DATO ABDUL HAMID DAN JALAN DATO DAGANG, TAMAN SENTOSA DAN KAWASAN SEKITAR (ZON 3)	NOURASH ENTERPRISE LOT 2519, LRG OMAR KAMAT, JLN BAKTI, RANTAU PANJANG 42100 KLG, SELANGOR	50/721
64	MPK/JPP/PSP 08/13	PENARIKAN TONG SAMPAH ARMROLL DI TRANSFER STATION, JLN LEMBAGA BANDARAN KE TAPAK PELUPUSAN SAMPAH JERAM	LEBAR BINA ENTERPRISE LOT 1854 (B), BT 7 1/2 KAMPUNG MERU 41050 KLANG SELANGOR	50/719
65	MPK/JPP/PSP 09/13	PENARIKAN TONG SAMPAH ARMROLL DI PANGSAPURI BUKIT KUDA DAN PELANGI COURT, JLN PEKAN BARU, KE TAPAK PELUPUSAN SAMPAH JERAM	SISTEM PERKHIDMATAN SERANTAU NO 24, JALAN MERAH, TMN KUANTAN KELANG, 43100 KLANG	50/720

7. MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

BIL	NAMA SYARIKAT	PENYELIA	LOKASI
1	WAZ PADU SDN BHD	Penyelia : Wani @ Kuntum 016-3877073	PPSP 1 Desa Malawati, Kg Klang Gate Baru Taman Setapak Dan Sebahagian Taman Melawati
2	BINGKISAN CONSTRUCTION NO. 17 & 18, Tingkat 1, Jalan	Penyelia : Wani @ Kuntum016- 3877073	PPSP 2 Taman Bukit Melawati, Kg Kemensah, Taman Bukit Palma

	E1, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur		Kemensah , Puncak Kayangan Kemensah, Taman Kemensah Indah, KemensahHeight, Taman Tropika Kemensah, Ukay Prima, Taman Melawati Indah, Taman Bukit Perdana, Gerai Mara Dan Zoo Negara, Sebahagian Taman Melawati
3	EDEN SYNERGY SDN. BHD. No. 2-2, Jalan Excella 1, Taman Ampang Hilir, 55100 Kuala Lumpur.	Penyelia : Raja Kitman (012-2455514)	PPSP 3 Taman Ukay Perdana, Ukay Spring, Taman SierraUkay
4	BAYU HEBAT SDN BHD NO. 18-1,Tingkat 1, Jalan Rampai Niaga 4, Rampai BusinessPark 53300 Setapak	Penyelia : Zaki 012-3560308)	PPSP 4 Taman Bukit Mewah, Dataran Sg. Sering, Taman RianaUkay, Taman Bukit Mulia,Taman Kelab Ukay, Taman RiverdalePark, Taman Bukit Jaya, Taman Oakleaf, Taman Bukit Utama, Taman Puncak Utama, Taman Bukit Antarabangsa, HighlandTower, Kemensah / Hulu Kelang, Taman Wangsa Ukay.
5	DERMAGA MUTIARA ENTERPRISE No. 42, Jalan 2 Batu Caves CenterPoint 68100BAtu Caves	Penyelia : G.Prabakaran (012-2002499)	PPSP 5 Taman Kelab Ukay, Kg Pasir, Taman Sering Ukay, Taman Desa Haras, Taman Riduan, Taman Ukay, Taman UkayBistari, Taman Ulu Kelang, Taman Zooview, Taman Bukit Jobina, Taman Andaman Ukay, Medan Damai Ukay, Taman Sri Ukay, Taman Hill View, Pinggiran Sri Ukay, BeverlyHeights, Taman Pinggiran Ukay, Taman Villa Sri Ukay, Taman Dataran Hill View, Sebahagian Ukay Perdana
6	BAIDURI RESOURCES SERVICES 2431, Jalan Permata 20, Taman Permata Hulu	Penyelia : Wani @ Kuntum 016-3877073	PPSP 6 Taman Cempaka (Hulu Kelang), Taman Permata, Taman Sepakat, Kg Ulu

	Kelang, 53300 Hulu Kelang.		Klang, Setapak Mukim Hulu Klang, AU3, AU4, AU5
7.	SYARIKAT S.K.I No. 83, Jalan 40, Cheras Baru, 68000 Ampang.	Penyelia : Jumaan (012-3637381)	PPSP 7 Taman Keramat AU2
8.	FIND RESOUCES No. 22-2B, Jalan Pandan 3/2, Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.	Penyelia : Norhaizam (019-3544252)	PPSP 8 Taman Desa Pendidik, Taman Keramat Permai, Dato Keramat Hujung, Dato Keramat Tambahan, Ampangan Puri Sdn. Bhd.,Taman JelatekPark.
9.	IN HOUSE MPAJ	Penyelia : Azhareen (018-2735124)	PPSP 9 PKNS Kampung Melayu, Kg Sri Tanjung, Taman Ampang Point, Taman Dato AhmadRazali, Kg Melayu Ampang, Kg Seri Melor, Taman Emas Ukay, Taman Shuet Liang, Taman Dataran Ukay, Taman Hijau, Kuala Ampang, Taman Tasik Ampang, Taman UkayHeight
10	AUTOJACK SDN. BHD. 9-1A, Jalan UP 1/8, Ukay Perdana, 68000 Ampang.	Penyelia : Harun bin Mat Nayan (016-3449702)	PPSP 10 Desa Melor, Taman Perwira 2, Taman Uda Jaya, Taman Desa Permai, Taman Ampang Prima, Ampang Jaya, Taman Ampang, Desa Teratai, Taman Tun Abd Razak
11	ZAINAB ENTERPRISE No. 83D, Jalan Batu Tiga, Off Jalan Sireh, 41300 Klang.	Penyelia : Adnan (013-3880371)	PPSP 11 Taman Bukit Indah, Taman Rasmi Jaya, Lembah TTDI
12	PEMBERSIHAN MY-MY SDN. BHD. Lot 151, 152 & 153, Tingkat 3, Puteri Park Plaza, Jalan 28, Taman Putra, 68000 Ampang.	Penyelia : Firdaus (012-3514466) Yanto (01126306268)	PPSP 12 Taman Kosas, Ampang WaterFront, Kg Tengah, Taman Ampang Indah, Taman Ampang Prima
13	AL RABB ENTERPRISE No. 45-1A, Jalan Pandan 3/10Pandan Jaya 55100 Kuala Lumpur	Penyelia : Nazaruddin (012-3746668)	PPSP 13 Taman Seri Intan, Taman Indah Jaya, Taman Industri Lembah Jaya, Lembah Jaya Utara, Lembah Jaya Selatan, Lembah Jaya Timur, Kuari GoldenPlus, Kg Muhibbah, Desa Lembah

			Permai, Taman Halaman, Taman Halaman Indah, Taman Sri Ampang, Taman Bukit Ampang, Taman Kesuma, Sebahagian Bandar Baru Ampang
14	TELOK BETONG No.13D, Jalan Pandan Indah 4/2 Pandan Indah 55100 Kuala Lumpur	Noor Fadzillah binti Ariffin (010-2388258) Siti Fatimah binti Diman (012-3701075)	PPSP 14 Taman Mulia Jaya, Taman Ampang Saujana, Taman Dagang Jaya, Taman Dagang Permai.
15	GOLDEN ELITE No. 5A, Jalan Permai Jaya, Taman Permai Jaya, 68000 Ampang, Selangor	Penyelia : Yusof bin Md Deros (019-3262056) Sathasivam @ Siva (019-2633166)	PPSP 15 Bukit Ampang Permai, Kg Tasik Permai, Kg Tasek Tambahan, Kg Tasek Tambahan (Klg), PKNS Kg Tasek Tambahan, Taman Permai Jaya.
16	TITIK ASAS CORPORATION SDN. BHD. No. 11-1, Jalan 9/23E, Taman Danau Kota, Setapak, 53300 Kuala Lumpur.	Penyelia : Sakinah binti Ibrahim (019-3556137)	PPSP 16 Bandar Baru Ampang
17	SRI ROS ENTERPRISE No. 46, Jalan Tasek Tambahan 1, Ampang Tasek, 68000 Ampang.	Penyelia : Firdaus (012-3514466) Yanto (01126306268)	PPSP 17 Taman Pandan Ria I, II & III, Kg. Baru Ampang, Main Street Pekan Ampang, Merdeka Villa/Seri Merdeka, Taman SunriseApt, Sebahagian Bandar Baru Ampang
18	PELANGI SUTERA ENTERPRISE 45-1B, Tingkat 1, Jalan Pandan 3/10, Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.	Noor Fadzillah binti Ariffin (010-2388258) Siti Fatimah binti Diman (012-3701075)	PPSP 18 Taman D'suria, Batu 5 Jalan Ampang, Taman Putra Sulaiman, Batu 4 1/2 Jalan Ampang, Taman Ampang Hilir, Taman Nirwana
19	MUHAMAD TAKYUDIN BIN HAJI HASHIM Lot 489, Batu 18, Jalan Hulu Langat, 43100 Hulu Langat.	Penyelia : Firdaus (012-3514466) Yanto (01126306268)	PPSP 19 Taman Dagang
20	ABRAR JAYA	Penyelia : Suhaini	PPSP 20 Kg Dato' Harun, Kg

	ENTERPRISE No. 41-1A, Jalan Pandan 3/10, 55100 Pandan Jaya.	(019-5755260)	Pandan Dalam, Kg Pewira Jaya, Taman Sri Angsana Hilir, Taman Pandan Utama
21	NUR ENTERPRISE No. 14G, Jalan Pandan Indah 1/15, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.	Noor Fadzillah binti Ariffin (010-2388258) Siti Fatimah binti Diman (012-3701075)	PPSP 21 Taman Pandan Jaya, Taman Dataran Pandan Prima
22.	KRK QUEST No. 2, Tasik Tambahan 3, Taman Tasik Tambahan, 68000 Ampang.	Penyelia : Norhaizam (019-3544252)	PPSP 23 Taman Maju Jaya, Taman Cheras Indah, Pandan Indah, Sebahagian Pandan Perdana
23.	SRI TASIK No. 43, Jalan 1/2, Kampung Tasik Tambahan, 68000 Selangor.	Penyelia : Adnam Hj Othman (016-7339898)	PPSP 24 Pandan Perdana
24.	AIERIDZENTERPRISE 10-5, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 68000 Ampang.	Penyelia : Kaizan (017-2354823) Sazali bin Othman (012-3502510)	PPSP 25 Taman Maju Jaya, Taman Pinggiran Cheras, Kg Cheras Baru, Taman Kencana, Sebahagian Pandan Indah
25	AIERIDZENTERPRISE 10-5, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 68000 Ampang.	Penyelia : Kaizan (017-2354823) Sazali bin Othman (012-3502510)	PPSP 25 Taman Maju Jaya, Taman Pinggiran Cheras, Kg Cheras Baru, Taman Kencana, Sebahagian Pandan Indah
26	NDS DZUL ENTERPRISE No. 03-03A, Block A, Taman Bukit Mewah, Fasa 9, 43600 Kajang.	Penyelia : Norhaizam (019-3544252)	PPSP 26 Sebahagian Pandan Indah
27	J.S SEPAKAT USAHA ENTERPRISE F-1-21, Jalan Ukay Perdana 3, Taman Ukay Perdana, 68000 Ampang, Selangor.	Penyelia : Norhaizam (019-3544252)	PPSP 27 Sebahagian Pandan Indah, Sebahagian Taman Maju Jaya
28	SFD ENTERPRISE No. E-2-30, Tiara Duta Condominium,	Penyelia : Noor Fadzillah binti Ariffin	PPSP 28 Taman Ampang Mewah, Sebahagian Pandan Indah, Taman Pandan

	Taman Putra Sulaiman 680000 Ampang	(010-2388258 / 019-2201075)	Cahaya, Kg. Baru Ampang Tambahan, Taman Cahaya IKS Industri Ringan
29	SYARIKAT AN NUR No. 1, Lorong B, Tempat Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur.	Penyelia : Noor Fadzillah binti Ariffin (010-2388258) Siti Fatimah binti Diman (012-3701075)	PPSP 29 Pandan Indah Industri/Tasek Tambahan, Kg Baru Ampang Tambahan, Taman Pandan Mesra, Pandan Indah BusinessPark
30	PERNIAGAAN ZAMOK No. 38A, Jalan Saga 28, Taman Saga, 68000 Ampang.	Noor Fadzillah binti Ariffin (010-2388258) Siti Fatimah binti Diman (012-3701075)	PPSP 30 Pandan Mewah
31	TERAJU FOKUS ENTERPRISE No. 9, Lorong Ramal Indah, Sungai Ramal Luar, 43000 Kajang.	Penyelia : G.Prabakaran (012-2002499)	PPSP 31 Taman Lembah Maju
32	RIA SATU ENTERPRISE No. 1-05, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 55100 Kuala Lumpur.	Penyelia : SazaliOthman (012-3502510) Wahyu (012-6926646)	PPSP 32 Taman Muda
33	NADIA ENTERPRISE No. 41, Jalan AU2A, Taman Seri Keramat, 68000 Ampang.	Penyelia : SazaliOthman (012-3502510) Wahyu (012-6926646)	PPSP 33 Taman Putra Selangor, Taman Seraya, Taman Mega Jaya
34	NUBSAYU ENTERPRISE No. 20A, Jalan Pandan Indah 1/23A, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.	Penyelia : Farid bin Mohd Ali (013-6057715) Rizal(016-6551894)	PPSP 34 Taman Wira Muda, Taman Melur, Taman Saga, Taman Bukit Teratai
35	GLOBAL LINKS TWO ENTERPRISE C-01-30B, Jalan Serdang Perdana 5/4, Taman Serdang Perdana, 43300 Seri Kembangan.	Noor Fadzillah binti Ariffin (010-2388258) Siti Fatimah binti Diman (012-3701075)	PPSP 35 Taman Bukit Permai, Taman Mestika, Taman Bukit Pandan, Taman Pinggiran Cheras, Taman Mawar, Taman Bukit Pandan Industri

36	PERKHIDMATAN NADI MUHIBBAH No. 56, Jalan 18, Taman Saga, 68000 Ampang.	Penyelia : Sharilnizam Mohd Sait (019-3004477)	PPSP 36 Taman Bukit Segar, Taman Bukit Segar Jaya, Taman Bukit Pandan, Taman Cheras Hartamas
----	---	--	---

8) MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSp)

1. DBM NIAGA
2. IKSHAM PADU BINA
3. LAYANG MAJU JAYA ENTERPRISE
4. LAYANG LAGENDA ENTERPRISE
5. MEWAH YUSOF ENTERPRISE
6. SDA NIAGA
7. W.L. JAYA ENTERPRISE
8. ALL RIGHT ONE SERVICES
9. GERAK IKHLAS ENTERPRISE (SG.MERAB, BANGI)
10. GERAK IKHLAS ENTERPRISE (BBST)
11. ALENG ENTERPRISE
12. RBBA ENTERPRISE
13. SEMERAH ENTERPRISE
14. TERAJU FOKUS ENTERPRISE

9) MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

BIL	ZON	KONTRAKTOR & NO. TELEFON
1.	ZON 1 Tanjong Karang (TD 01/2012)	IsmahEnterprise 189, Kampung Ujong Permatang, 45000 Kuala Selangor Ismail 019-3889410 @ 03-32811094
2.	ZON 2 Ijok & Bestari Jaya	ZarAbadyEnterprise Batu 2 ½, Kg Bukit Badong, 45600 Batang Berjuntai 019-3174613
3.	ZON 3 Kuala Selangor 1 & Kuala Selangor 2	Arya T Bina Enterprise Jalan Rose Bt. 7, Ijok, 45620 Batang Berjuntai 019-6015066 @ 012-2952851
4.	ZON 4	Mainiza Mantap Sdn. Bhd 11A, Jalan USJ 1/19, USJ 1, 47600 Subang Jaya,

	Kuala Selangor 3 & Kuala Selangor 5	Selangor 03-56357410 @ 019-2340911 @ 019-6656545
5.	ZON 5 Kuala Selangor 4 & Sungai Buloh/ Jeram	Puncak Kuala Enterprise No.20, Jalan Dato Harun, Kg. Pasir Tuntong, 45700 Bukit Rotan, Kuala Selangor 019-3683674
6.	ZON 6 Saujana Utama 1, Saujana Utama 3 & Sri Pristana	Ahmad Bin Soid No.2E - 189, Kg. Ujong Permatang, 45000 Kuala Selangor Ahmad 013-2212470
7.	ZON 7 Saujana Utama 2, Sungai BulohCountryResort & Desa Coalfields	Hairi D Enterprise No.19, Jalan 4, Taman Budi, 45800 Jeram Hairi 019-3428933
8.	ZON 8 Puncak Alam 1 & Puncak Alam 2 & Puncak Alam 3	J Kenanga Enterprise No.8, Jalan 2, Taman Bukit Belimbing Indah, 45000 Kuala Selangor 012-3446607
9.	ZON 9 Puncak Alam 4 & Puncak Alam 5 & Puncak Alam 6	Hebat Abadi Sdn. Bhd Lot 15186, Jalan 1/40, Batu 6 ½, Off Jalan Kepong, 52100 Kuala Lumpur 03-62589770 @ 03-62504398 @ 019-2428770
10	Zon 10 Perumahan Ladang SimeDarby(SH 106/2012)	ErwanaEnterprise Lorong Surau Ubudiyah Batu ¼, Jalan Pasar Baru 45500 Tanjong Karang Selangor 013-2533389 / 017-3928677
11	Pasar Basah (TD 10/2012)	AzilaEnterprise Taman Indah, Batu 8 ½ 45500 Tanjong Karang Selangor 012-9194222
12	Pasar Malam (Zon Selatan) (SH 74/2011)	FirstGrethEnterprise Lot 3767, Jalan Parit Deraman, Kampung Bukit Cherakah, Kuala Selangor, 45800 Jeram 019-2298837
13	Pasar Malam (Zon Utara) (SH 75/2011)	Yazmi Maju Enterprise No.46, Jalan Satu, Taman Paduka, 45000 Kuala Selangor

10. MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Bil	Bil	Kawasan Operasi
1.	KHM URUS SUMBER SDN BHD Norsham bin Haji Konting MDKL/JPBP/T.1/2011	Pengurusan Sisa Pepejal Telok Panglima Garang, Taman Desawira, Taman Jaya Utama (Taman Emas), Taman Aman, Taman Jaya Utama, Taman Indah Jaya, Taman Panglima, Taman Telok, Taman Khalijahton, Taman Dato' Hormat, Kawasan Perusahaan, Pekan Telok Panglima Garang, Mukim Telok Panglima Garang, Taman Seri Medan, Taman Perwira, Taman Sijangkang Permai, Taman Desa Sijangkang Dan Taman Medan Indah (Kawasan 01)
2.	WANGDA ENTERPRISE Wan Saidah bt Wan Kadir 019-3830445 MDKL/JPBP/T.2/2011	Pengurusan Sisa Pepejal Taman Sijangkang Jaya, Taman Pertiwi, Taman Pahlawan, Taman Satria, Taman Medan Jaya, Taman Nakhoda, Taman Iram Perdana, Taman Sijangkang Indah, Taman Bentara, Taman Srikandi, Taman Bayu Sijangkang, Sungai Jarum, Taman Seri Jarum, Taman Sejahtera, Taman Gembira, Taman Galing, Mukim Telok Panglima Garang, Mukim Tanjung Duabelas, Taman Rambai Indah, Taman Ria, Taman Melati, Taman Yayasan, Taman Kota, Taman Desa Jarom, Taman Makmur, Kaw, Perusahaan Ringan, Taman Bestari, Kawasan Industri Sg Rambai, Taman Amanah, Taman Sri Rambai, Taman B Dan Taman Setia. (Kawasan 02)
3.	Maaz Teguh Enterprise Tn Haji Muhammad Amir bin Sajari 03-87062106 MDKL/JPBP/T.3/2011	Pengurusan Sisa Pepejal Sg Sedu, Taman Sentosa, Taman Seri Cheeding, Kwsn Perusahaan Seri Cheeding, Kota Seri Langat, Taman Perindustrian Sg Sedu, Sg Manggis, Mukim Tanjung Dua Belas, Taman Manggis Jaya, Bandar Sg Emas, Telok Datok, Pekan Telok Datok, Taman Langat Jaya, Taman Seri Manggis, Banting, Taman Muhibbah, Taman Sari, Taman Delima, Taman Setia Jaya Dan Taman Banting Jaya. (Kawasan 03)

4.	<p>BeryanTrading</p> <p>Azlin bin Tohid 03-31804470</p> <p>MDKL/JPBP/T.4/2011</p>	<p>Pengurusan Sisa Pepejal Taman Aman, Taman Gembira, Taman Seri Banting, Taman Seri Putera, Kwsn Perusahaan, Mukim Tanjung Dua Belas, Taman Damai, Taman Kemuning, Taman Baiduri, Taman Budiman, Taman Mulia, Taman Muhibbah, Taman Cempaka, Taman Banting Mewah, Taman Seri Bunut, Taman Mesra, Pusat Perdagangan Banting, Taman Damai Indah, Taman Seri Damai, Taman Kenanga, Kanchong Darat, Taman Nilam, Kampung Kanchong Darat, Taman OrkidDanTamanSeriPelangi (Kawasan 04)</p>
5.	<p>SEPANG SAUJANA SDN BHD</p> <p>Basiran bin Sarimin 03-31482208</p> <p>MDKL/JPBP/T.5/2011</p>	<p>Pengurusan Sisa Pepejal Taman Seri Desa, Taman Seri Bayu, Taman Harmoni, Pecahan Lot 146, Pekan Morib, Pekan Kanchong Laut, Mukim Morib, Mukim Kelanang, Taman Bahagia, Bayu Impian Resort, MoribGold-Coast, Taman Lot 80-83, Mukim Bandar, Kampung Tanjung Sepat Indah, Taman Tanjung, Taman Mutiara, Kwsn Perusahaan, Mukim Batu, Taman Pelangi, Taman Seri Kundangan, Olak Lempit, Taman Merbah, Taman Bajuri, Taman Nuri, Taman Idaman, Taman Cenderawasih, Kampong Olak Lempit, Taman Beringin, Taman Desa Jaya, Taman Bersatu, Taman Mawar, Kg Sg Lang, Kg Sg Kelambu, Taman Seri Sawah, Taman Jugra Jaya, Taman Muhibbah, Taman Desa Permatang Jaya, Taman Permai, Taman Sepakat, Taman Seri Kelanang, Kg Sg Buaya, Tmn Cemara Kelanang Dan Tmn BantingBaru(Kawasan 05)</p>
6.	<p>SERI TANJUNG FLORA SDN BHD</p> <p>Tn Haji Muhammad Ridzuan bin Amron</p> <p>019-2225055</p> <p>MDKL/JPBP/T.6/2011</p>	<p>Pengurusan Sisa Pepejal Genting. Sanyen, Jln Salak Tinggi, Bukit Changgang, Taman Changgang Jaya, Taman Di Menara, Taman Langat Murni, Tmn Lgt Utama, Taman Seri Changgang 3, Tmn Seri Changgang 1, Taman Langat Utama 3, Taman Seri Dagang 1, LebuhrayaElite, Taman Seri Maju, Kg Rtb Bukit Changgang, Kg Bukit Changgang, Bandar Mahkota Banting, Mega Steel, Lot 8243, Ladang Brooklands, Bandar Seri Ehsan (Kawasan 06)</p>
7.	<p>STRATEGIC SUCCESS CONSTRUCTION AND SUPPLY</p> <p>Noraiza bt Nordin 013-3644160</p> <p>MDKL/JPBP/T.7/2011</p>	<p>Pengurusan Sisa Pepejal Bandar Saujana Putra, Rumah Pangsa Sri Saujana, Rumah Pangsa Impian, Metro WorldDev, Alfa Variamas, CanalCity Dan Pulau Carey.(Kawasan 07)</p>

--	--	--

11. MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

1. SB1Sekinchan kontraktor IsmahEnterprise
2. SB2Sg. Besar kontraktor Siti ZanariahEnterprise
3. SB3 Sabak kontraktor Siti ZanariahEnterprise
4. Tapak Pelupusan Sampahkontraktor Nirwana Utama (M) Sdn Bhd

12.MAJLIS DAERAH HULU LANGAT (MDHS)

(KAWASAN ZON
UTARA)

TEMPOH : 01 JANUARI 2010 HINGGA 31 DISEMBER 2014

NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT	NO. FAIL	KAWASAN	NO. TENDER
MENARA SERANTAU SDN. BHD. NO. 1-A, TAMAN SRI LIAM, HULU YAM BHARU, 44300 BATANG KALI NO. TEL : 03-60752151 NORZEHA BINTI NORDIN	MDHS 622/1177	RASA (ZON 1)	36/2009
PESAKA WAJA ENTERPRISE PT 1334, KG. SENTOSA INDAH, 44300 BATANG KALI NO. TEL : 012-2694473 IZLAN BIN IBRAHIM	MDHS 622/1178	RASA (ZON 2)	37/2009
GABUNG ERAT ENTERPRISE NO. 26, JALAN MERANTI UTAMA, RUMAH MURAH KALUMPANG, 44100 KERLING. NO. TEL : 012-5450630 ABD. LATIF BIN MOHD ALI.	MDHS 622/1179	HULU BERNAM (ZON 1)	38/2009
ZNZ ABADI ENTERPRISE NO. 41A, JALAN DATO' BALAI, 44000 KUALA KUBU BHARU NO. TEL : 016-6145245 ZANARIAH BINTI RAPINGI	MDHS 622 / 1180	HULU BERNAM (ZON 2)	39/2009

(KAWASAN ZON
TENGAH)

TEMPOH : 01 JANUARI 2010 HINGGA 31 DISEMBER 2014

NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT	NO. FAIL	KAWASAN	NO. TENDER
KASADO ENTERPRISE NO. 2, JALAN KELISA 8, TAMAN DESA KELISA, HULU YAM BHARU, 44300 BATANG KALI. NO. TEL : 012-6343317 NAZARUDIN BIN SAIFUDIN	MDHS 622/1181	BATANG KALI (KAW 1)	40/2009
YAHYA ABDUL AZIZ ENTERPRISE NO. 53, JALAN SEMARAK 5B, BANDAR UTAMA, 44300 BATANG KALI. NO. TEL : 012-3693939 YAHYA B. ABDUL AZIZ	MDHS 622/1182	BATANG KALI (KAW 2)	41/2009
CAHAYA ENTERPRISE 33A, KG. PASIR, HULU YAM BHARU, 44300 BATANG KALI. NO. TEL : 03-60751080 / 013- 9242566 NASRUDIN BIN SARI	MDHS 622/1183	HULU YAM BHARU	42/2009
SARIMAH BTE ISMAIL NO. 3, BAZAR MARA, 44000 KUALA KUBU BHARU. NO. TEL : 013-4111757 / 03- 60645782 / 012-5150824 SARIMAH BINTI ISMAIL	MDHS 622/1184	HULU YAM LAMA & PERUMAHAN ANTARA GAPI	43/2009
KHAFI (M) SDN. BHD. No. 65A, Jalan Meranti 1A, Bandar Utama Batang Kali, 44300 Batang Kali. NO. TEL : 03-61574099 NORHAFIPAH BT ABD GHANI.	MDHS 622/1185	SERENDAH (KAW 1)	44/2009
RBBA ENTERPRISE L3, TINGKAT 1, JALAN RASATHURAI, SEKSYEN 7, 44000 KUALA KUBU BHARU NO. TEL : 03-60643806 / 016- 3434159 RAMLAH BIBI BT ABDULLAH	MDHS 622 / 1385	SERENDAH (KAW 2)	
NORDAN ENTERPRISE NO. 2, JALAN 3, RUMAH RAKYAT BATU 30 HULU YAM LAMA, 44300 BATANG KALI NO. TEL ; 013-3627558 MOHD NORDAN BIN ENOH.	MDHS 622/1187	SERENDAH & SG CHOH (KAW 3)	46/2009

ZON SELATAN: TEMPOH : 01 JANUARI 2010 HINGGA 31 DISEMBER 2014

NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT	NO. FAIL	KAWASAN	NO. TENDER
DINEXCOM ENTERPRISE. NO. 64, JALAN TELIPOT 2B, SEK. BS 9, 48300 BUKIT SENTOSA. NO. TEL : 013-3471486 JAMALUDIN BIN MOHD ESA	(MDHS 622/1188)	B. BERUNTUNG I (ZON 1)	TD PB 47/2009
MEKAR TEGUH NIAGA ENTERPRISE. LOT 27, TAMAN DESA JAYA. KG. SG. MASIN, 44300 BATANG KALI. NO. TEL : 012-2447306 SAMRI BIN RAMLI	(MDHS 622/1190)	B. BERUNTUNG I & TMN BUNGA RAYA	TD PB 49/2009
SAZRIN ENTERPRISE. NO. 12 OFF JALAN ABDUL HAMID, 44000 KUALA KUBU BHARU. NO. TEL : 012-3309235 SAADIAH BINTI ISMAIL.	(MDHS 622/1191)	B. SENTOSA I (ZON 3)	TD PB 50/2009
SSD RESTU LESTARI ENTERPRISE. 8A, KG. KELIANG KALUMPANG, 44100 KERLING. NO. TEL : 013-7938578 MUHAMAD SUKUR B SULAIMAN	(MDHS 622/1192)	B. SENTOSA 2 (ZON 4)	TD PB 51/2009
SISTEM PERKHIDMATAN SERANTAU B-3, ARAS 2, KOMPLEKS TABUNG HAJI, 44000 KUALA KUBU BHARU. NO. TEL : 03-60571869 ASHAARI	(MDHS 622/1193)	B. SENTOSA 3 (ZON 5)	TD PB 52/2009
TEKAD SMART PLANNING SDN. BHD. NO. 25, JALAN BERSATU, TAMAN BERSATU, 48000 RAWANG. NO. TEL : 013-2493670 AZMAN BIN AWANG	(MDHS 622/1194)	PERCINT 2,3,4,4A,5,6,7,8,9,10,11,14 & 14 ZON A, BNDR SG BUAYA	TD PB 53/2009

GEROOT ENTERPRISE NO. 1068, KG MASJID SG CHOH,48000 RAWANG NO. TEL : 0192697078 / 03- 60814691 HURAIRAH B HUSSIN	(MDHS 622/1195)	PRECINT 12,13,15,16 & 17 ZON A & PRECINT 3,4 & 11 ZON C, BNDR SG BUAYA	TD PB 54/2009
BUMI ERAT RESOURCES LOT 410, KAMPUNG JAWA 44100 KERLING,SELANGOR SELANGOR	RUJUK FAIL (MDHS 622/1189)	PRECINT 12,13,15,16 & 17 ZON A & PRECINT 3,4 & 11 ZON C, BNDR SG BUAYA	TD PB 48/2009

****Sumber: Semua PBT Negeri Selangor**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PARAS EMPANGAN AIR

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini paras air Empangan di Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan negeri bagi memastikan bekalan air mentah mencukupi sekiranya berlaku krisis air di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Status paras empangan-empangan di Negeri Selangor boleh disemak setiap hari di portal LUAS dan juga di <http://iwrim.s.luas.gov.my>. Berikut adalah status terkini paras empangan-empangan di Negeri Selangor sehingga 22 Mac 2015;

BIL	EMPANGAN	PERATUS TAKUNGAN SEHINGGA 22 MAC 2015
1	Batu	84.49
2	Klang Gates	82.43
3	Langat	87.79
4	Semenyih	95.30
5	Sg. Selangor	69.84
6	Sg. Tinggi	70.47
7	Tasik Subang	99.38

- b) *Juga menjawab pertanyaan-pertanyaan berikut;*
 - i- *Pertanyaan mulut Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd. Aziz berkenaan Pencemaran dan Kekurangan Sumber Air Mentah (c)*
 - ii- *Pertanyaan bertulis Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan berkenaan Fenomena Ekuinoks (a)*

Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS telah dan sedang melaksanakan tindakan-tindakan bagi memastikan kesediaan sumber air Negeri ketika menghadapi musim kering seperti berikut :

Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS telah dan sedang melaksanakan tindakan-tindakan bagi memastikan kesediaan sumber air Negeri ketika menghadapi musim kering seperti berikut :

- Operasi pembenihan awan (cloudseeding),
- Operasi pengepaman air kolam alternatif di Bestari Jaya,
- Pelepasan air empangan di Sg. Selangor dikawal dengan ketat melalui kelulusan daripada LUAS secara harian,
- Pemindahan air dari terowong Langat 2 ke Sg. Langat dilakukan dengan tujuan untuk memberdaya ketahanan Sg. Langat bagi keperluan Loji Pembersihan Air (LPA) Sg. Langat, Bukit Tampo dan Cheras Batu 11,
- Mengadakan kerjasama erat antara agensi Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk memantau dan mengawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran sumber air, dan
- Penguatkuasaan yang tegas melalui pemantauan yang berterusan di sepanjang sungai yang terlibat dalam pembekalan air mentah iaitu Sg. Selangor, Sg. Langat dan Sg. Semenyih termasuk semasa waktu cuti.

Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS juga sedang melaksanakan tindakan-tindakan untuk kelangsungan sumber air secara jangka panjang seperti berikut:

- Pembangunan Kolam Takungan Hiliran/HORAS 3000
- Penyaluran air mentah Sg. Bernam
- Pembangunan off-riverstorage (ORS) di Sg. Semenyih / Sg. Langat
- Membangunkan sumber air bumi

MAKLUMAT TAMBAHAN

- **Operasi pembenihan awan (cloudseeding)**
Telah mula dijalankan pada 21 Februari 2015 yang lalu bersama Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dan syarikat pembekal perkhidmatan yang dilantik di kawasan lembangan sungai termasuk kawasan tadahan Empangan Sg. Selangor sebanyak 2 kali setiap hari bergantung kepada kesesuaian atmosfera,
- **Operasi pengepaman air kolam alternatif di Bestari Jaya**
Telah bermula pada 2 Februari 2015 yang lalu dengan keupayaan pengeluaran 800 juta liter sehari (JLH). Air kolam yang di pam ke Sg. Selangor ini mematuhi piawaian air mentah Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) untuk dirawat oleh loji pembersihan air (LPA). Proses pemantauan kualiti air dijalankan melalui 3 peringkat, iaitu;

i) pemantauan di kolam alternatif oleh LUAS dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS),

ii) pemantauan air mentah di sungai dan muka sauk oleh LUAS, operator loji dan JKNS, dan

iii) pemantauan air terawat selepas proses rawatan di LPA oleh operator loji dan JKNS.

Pensampelan kualiti air kolam-kolam ini dijalankan oleh JKNS dan dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM),

➤ **Pelepasan air empangan di Sg. Selangor dikawal dengan ketat melalui kelulusan daripada LUAS secara harian.**

Beberapa semakan pelepasan juga dilakukan sehingga 3 kali sehari untuk mengoptimalkan aliran air sungai sedia ada dan sumber air daripada kolam alternatif tersebut,

➤ **Pembangunan Kolam Takungan Hiliran/HORAS 3000**

Pembangunan kolam ini adalah usaha untuk menakung lebih air larian sungai (stormwater) ke dalam kolam takungan di hilir sungai untuk digunakan sebagai sumber air tambahan dan juga mengurangkan impak banjir di kawasan muka sauk LPA. Pembangunan HORAS ini dibangunkan secara berfasa iaitu HORAS 600 bagi fasa pertama yang akan mula siap pada September 2015 dan HORAS 3000 yang di dalam peringkat kajian perbandingan.

➤ **Penyaluran air mentah Sg. Bernam**

Kajian terperinci sedang dilaksanakan untuk memastikan sumber air tersebut dapat membantu memperkasakan aliran air di Sg. Selangor. Perbincangan awalan bersama Kerajaan Negeri Perak telah diadakan dan ia juga merujuk kepada Kajian Semula Sumber Air Negera 2000 – 2050.

➤ **Pembangunan off-riverstorage (ORS) di Sg. Semenyih / Sg. Langat**
Membangunkan sumber air tambahan sebanyak 100 hingga 200 JLH di Sg. Semenyih dan Sg. Langat melalui sistem ORS.

➤ **Membangunkan sumber air bumi**

Keupayaan abstraksi air bumi yang selamat untuk Negeri Selangor adalah 2373 MLD berdasar Kajian Kebolehdapatan Sumber Air Bumi Negeri Selangor yang dijalankan oleh Jurutera Perunding yang dilantik oleh LUAS. Pembangunan sumber air bumi adalah sebagai sumber air yang terakhir setelah mengambilkira sumber dari sungai dan air permukaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENYEWAAN FLAT KOS RENDAH

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peraturan untuk pemilik rumah kos rendah individu untuk menjual atau menyewanya (bukan rumah PPR tetapi rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju)
- b) Apakah seksyen undang-undang yang ada untuk perkara di atas

JAWAPAN:

- a) Setiap pemilik rumah kos rendah di Negeri Selangor yang berhasrat untuk menjual semula unit rumah kos rendah (RKR) mestilah mendapatkan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri dan permohonan hendaklah dibuat melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Permohonan kebenaran memindahmilik ini sama ada melalui urusan jualan (sub-sale) atau pindah milik adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Antara syarat-syarat kebenaran pindahmilik rumah kos rendah seperti yang diluluskan oleh MMKN Ke 38/2013 bertarikh 12 Disember 2013 ialah:-
 - (i) Tempoh pemilikan hartanah mestilah mencukupi 5 tahun daripada tarikh perjanjian jualbeli atau apa-apa dokumen pengesahan pemilikan hartanah sebelum boleh dijual semula;
 - (ii) Bakal penerima pindahmilik adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas;
 - Jumlah pendapatan bakal pembeli dan pasangan tidak melebihi RM5,000.00 sebulan. Dalam kes-kes tertentu di mana harga jualan melebihi RM150,000.00 pendapatan pembeli adalah tidak melebihi RM6,000.00;

- Bakal pembeli dan pasangan tidak memiliki sebarang rumah di Negeri Selangor;
- Bakal pembeli atau pasangan hendaklah menetap atau bekerja di negeri Selangor atau dalam kawasan Lembah Klang;

Penetapan kawalan pindahmilik rumah kos rendah ini adalah bertujuan memastikan pengagihan dan pemilikan hartanah harga terkawal terutamanya jenis harga kos rendah di Selangor hanya dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana sahaja. Selain itu, mekanisme ini dapat mengurangkan tindakan pihak-pihak tertentu yang menjadikan pembelian rumah kos rendah untuk dijadikan aset pelaburan seperti rumah sewa atau asrama pekerja kilang.

Setakat ini tiada penetapan syarat oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada pemilik rumah kos rendah yang menyewakan rumah kediaman mereka kepada pihak lain. Tindakan pembeli menyewakan rumah berkenaan adalah di luar kawalan Pihak Berkuasa Negeri.

- (b) Penetapan syarat penjualan semula atau pindahmilik rumah kos rendah ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.32/2011 bertarikh 5 Oktober 2011 yang menetapkan setiap pembeli rumah kos rendah mestilah berdaftar dengan LPHS, belum memiliki rumah dan bermastautin di negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, penetapan syarat pindah milik rumah kos rendah ini adalah sebagai langkah Kerajaan Negeri memastikan hanya golongan yang layak sahaja memiliki rumah jenis tersebut walaupun ia merupakan pembelian secara “sub-sale” dan unit rumah didiami oleh pembeli berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : TAWAS

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan program untuk anak-anak TAWAS sebelum berumur 18 tahun selain dari mengadakan program 'Back To School'?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri akan sentiasa mengadakan program-program mengikut keperluan dan peruntukan dari semasa ke semasa sepertimana yang dilakukan pada tahun-tahun sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENGAMBILAN TANAH REZAB MELAYU

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon YAB Dato' Menteri Besar mempertimbangkan semula atau membatalkan pengambilan 27 lot Tanah Rizab Melayu di Kampung Sesapan Minangkabau/Kampung Sungai Jai, Beranang kerana ia menghakis jumlah Tanah Simpanan Melayu melalui penggunaan Akta Pengambilan Tanah 1960. Kira-kira 53,6012 meter persegi tanah kepunyaan orang-orang Melayu di kampung itu diambil bagi kegunaan membina jalanraya Taman Senangin (nama lama:Bandar Akademia) yang terletak di Negeri Sembilan. Sebagai makluman, surat bantahan penduduk telah dikemukakan kepada YAB Dato' Menteri Besar pada 10 Disember 2014 namun dukacita sehingga kini belum mendapat jawapan.
- b) Melainkan hanya menguntungkan pemaju bagi kegunaan Taman Senangin yang terletak di Negeri Sembilan dan bersempadan dengan negeri Selangor, apakah manfaat yang dinikmati oleh tuan empunya tanah dan penduduk setempat? Penduduk di kawasan berkenaan tidak memerlukan jalan raya baru kerana jalan sedia ada sudah memadai.
- c) Berapakah jumlah pampasan yang dibayar kepada 77 pemilik tanah yang terlibat dengan keluasan 53,601.62 meter persegi itu? Setakat ini, tuan empunya tanah yang terlibat belum lagi menerima pampasan tetapi sebahagian tanah mereka telah "diceroboh" oleh pemaju pada Januari lalu.

JAWAPAN:

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah Negeri Selangor (Seksyen 3C, APT 1960) yang telah diadakan pada 14 Julai 2014 dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah memperakui dan meluluskan pengambilan tersebut dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti merizabkan di bawah Seksyen 62, KTN 1965 setelah jalan siap dibina.

Untuk makluman YB Datuk, Ahli Jawatankuasa tersebut adalah terdiri daripada UPEN, JPBD, JPPH, MPKj, PTD Hulu Langat dan PTGS sebagai setiausaha/urus setia (Kaedah 8 APT 1960).

Pihak syarikat perlu mencari ganti Tanah Rizab Melayu yang terlibat selaras dengan Pekeliling PTG Selangor, Bil. 7/2001 (dasar dan garis panduan pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu Selangor Darul

Ehsan).Namun untuk makluman YB Datuk, Tanah Rizab Melayu yang dibina jalan di atasnya tidak perlu digantikan.

Kertas Ringkasan permohonan pengambilan ini telah dikemukakan kepada MMKN untuk pertimbangan kelulusan dan seterusnya MMKN yang bermesyuarat pada 6 Ogos 2014 dan disahkan pada 13 Ogos 2014 telah menimbang dan meluluskan permohonan pengambilan tersebut.

Untuk makluman YB Datuk, sebarang ketidakpuasan hati pengambilan tanah, orang yang berkepentingan boleh membuat bantahan terhadap projek tersebut dengan merujuk kepada Mahkamah Tinggi.

- b) Untuk makluman YB Datuk, pengambilan ini adalah di bawah Seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 iaitu:

“Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat PBN adalah benefisial untuk kemajuan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian dari itu atau kepada orang ramai secara am atau mana-mana kelas orang ramai”

Setelah mengambil kira ulasan daripada Jabatan Teknikal berkaitan seperti MPKj, JKR, UPEN dan Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah Negeri Selangor, pentadbiran ini berpandangan projek ini memberi impak yang baik dari segi ekonomi kepada kawasan sekitar terutamanya dalam meningkatkan nilai pasaran tanah-tanah rizab Melayu untuk tujuan pembangunan.

- c) Jumlah pampasan yang dibayar kepada keseluruhan 27 lot berkenaan adalah berjumlah RM8,874,715.58. Siasatan bagi tawaran pampasan diadakan pada 24/3/2015 hingga 26/3/2015.

PTD Hulu Langat telah memaklumkan kepada agensi pemohon untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan agensi pemohon hanya boleh memasuki tanah setelah Borang K dikeluarkan. Oleh yang demikian, sekiranya berlaku pencerobohan tanah sebelum Borang K dikeluarkan, pemilik tanah berhak membuat laporan polis dan merujuk penceroboh atau pemaju bagi tindakan di mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : LEMBAGA URUS AIR NEGERI SELANGOR (LUAS)

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan struktur, pasukan pengurusan dan pengarah luas di bawah kepimpinan yang baharu?
- b) Apakah hala tuju dan strategi LUAS untuk masa hadapan selepas pelantikan Menteri Besar yang baharu?

JAWAPAN:

- a) Sehingga Mac 2015, jumlah kakitangan LUAS adalah seramai 96 orang dengan waran perjawatan tetap seramai 69 orang dan kakitangan berstatus kontrak seramai 26 orang. LUAS diketuai oleh Tuan Haji Md Khairi Bin Selamat, Pengarah LUAS yang keempat. Struktur LUAS merangkumi 1 Bahagian Teknikal yang terdiri daripada 4 Seksyen dan 1 Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan yang terdiri daripada 2 unit. Kedua-dua bahagian ini memantau, mengawal dan menguatkuasakan perundangan di ketujuh-tujuh lembangan sungai di Negeri Selangor dan aktiviti berkaitan sumber air di dalamnya. Selain itu, LUAS juga terdiri daripada 1 Bahagian Khidmat Pengurusan yang merangkumi 3 unit, diikuti dengan Unit Korporat dan Unit Audit Dalam. Pengurusan atasan LUAS adalah terdiri daripada ahli-ahli lembaga pengarah seperti yang digariskan di dalam Seksyen 4, Enakmen LUAS 1999 seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah LUAS

Pengerusi :

Dato' Menteri Besar Selangor

Timbalan Pengerusi :

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Setiausaha :

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor

Ahli Tetap :

1. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

2. Pegawai Kewangan Negeri Selangor
 3. Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
 4. 2 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang dilantik oleh Menteri Besar :
 5. Ahli yang dilantik berdasarkan kepakaran di dalam pengurusan sumber air :
- b) Hala tuju dan objektif LUAS sentiasa berlandaskan kepada Enakmen LUAS 1999. LUAS menguatkuasakan fungsi-fungsinya seperti yang digariskan di dalam Seksyen 6(1) dan berdasarkan kuasa yang diberi seperti di dalam Seksyen 6(2) Enakmen LUAS 1999. Ianya adalah untuk menguruskan sumber air Negeri secara bersepadu dan holistik bagi menjamin kualiti dan kuantiti sumber air yang bersih dan mencukupi untuk dibekalkan kepada pengguna.

MAKLUMAT TAMBAHAN UNTUK JAWAPAN SOALAN (a)

Ahli Lembaga Pengarah LUAS

Pengerusi :

Dato' Menteri Besar Selangor

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali.

Timbalan Pengerusi :

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi.

Setiausaha :

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor

Tuan Haji Md Khairi Bin Selamat.

Ahli Tetap :

1. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman.

2. Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman.
3. Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Y.Bhg. Dato' Sri Ir. Haji Ahmad Husaini Bin Sulaiman.
4. 2 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang dilantik oleh Menteri Besar :
 - i. Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping,
Pengerusi,
Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna.
 - ii. Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib,
Pengerusi,
Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani.

5 ahli yang dilantik berdasarkan kepakaran di dalam pengurusan sumber air :

- i. Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim,
Pengarah,
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.
- ii. Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin Bin Syed Hassan
Shahabudin,
Pengarah Eksekutif,
SMHB Sdn. Bhd.
- iii. Datuk Ir. Mohd Adnan Bin Mohd Nor,
Pengarah Urusan,
RPM Engineers Sdn. Bhd.
- iv. Prof. Dr. Zulkifli Bin Yusop,
Pensyarah,
Universiti Teknologi Malaysia.
- v. Ir. Dr. Salmah Binti Zakaria,
Pegawai Hal Ehwal Ekonomi,
UNESCAP.

MAKLUMAT TAMBAHAN UNTUK JAWAPAN SOALAN (b)

Pembangunan Pelan Strategik LUAS 2012-2016 telah diwujudkan pada tahun 2012 untuk menentukan hala tuju LUAS bagi tempoh 5 tahun. Pelan strategik LUAS ini menggariskan 4 objektif strategik iaitu;

- i) Kelestarian Kualiti dan Kuantiti Sumber Air,
- ii) Pemeraksanaan Pelaksanaan Fungsi,
- iii) Kecekapan Sistem Penyampaian, dan
- iv) Pemantapan Kolaborasi bersama Pihak Berkepentingan.

Keempat-empat objektif strategik ini ditetapkan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan LUAS bermula daripada pentadbiran dalaman, pelaksanaan fungsi sehingga kepada penglibatan semua pihak terlibat. Pelan ini akan dikaji semula pada tahun ini untuk mewujudkan kesinambungan bagi tempoh pelan yang seterusnya selari dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri.

LUAS telah menguatkuasakan 5 peraturan yang diwartakan untuk meningkatkan kawalan terhadap penggunaan sumber air bagi aktiviti-aktiviti tertentu. Kelima-lima peraturan ini ditambah baik dari aspek kandungan dan penguatkuasaannya dari semasa ke semasa untuk memastikan ianya selari dengan keadaan semasa sumber air Negeri. Bagi tahun 2015, satu lagi peraturan akan diwartakan dan dikuatkuasakan oleh LUAS iaitu Pelesenan dan Caj Aktiviti Rekreasi Air yang mana memberi panduan kepada LUAS untuk mengawal aktiviti-aktiviti rekreasi yang dijalankan berdekatan sumber air.

Selain daripada penguatkuasaan peraturan-peraturan berkaitan, LUAS juga telah mewujudkan dasar-dasar yang telah digunapakai di peringkat Negeri iaitu Dasar Pengurusan Sungai Negeri Selangor dan Dasar Pengurusan Tasik Negeri Selangor. Kedua-dua dasar ini diwujudkan bagi memelihara keadaan semulajadi fizikal sungai dan tasik sedia ada supaya tidak diubah bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar. LUAS sedang melihat beberapa dasar lain yang boleh diwujudkan untuk memantapkan lagi kawalan terhadap aktiviti berkaitan sumber air di Negeri Selangor.

Untuk jangka masa panjang, hala tuju LUAS di dalam pengurusan sumber air Negeri adalah untuk mengoptimalkan penggunaan air larian permukaan sebagai bekalan air mentah Negeri dan sumber-sumber alternatif lain seperti air bumi, tasik dan kolam. Berdasarkan analisa daripada Kajian Semula Sumber Air Negara 2000-2050, terdapat sebanyak 9,168 juta liter sehari (JLH) air larian yang belum dimanfaatkan. Ke arah ini beberapa projek sedang dilaksanakan seperti HORAS 600 dan kolam takungan hiliran dengan kapasiti 3,000 JLH yang boleh mengoptimalkan lebih aliran air sungai dan

mengurangkan impak banjir di hilir. Kolam takungan Sg. Rasau juga sedang dibangunkan dan kajian sedang dijalankan bagi kolam takungan dengan fungsi yang sama di Sg. Langat. LUAS juga telah menjalankan Kajian Kebolehdapatan Sumber Air Bumi untuk mengenalpasti jumlah air bumi yang boleh digunakan ketika waktu-waktu tertentu sebagai tambahan dan alternatif kepada sumber air sedia ada.

Penglibatan LUAS di peringkat Asia bersama Network of Asian River Basin Organization (NARBO) juga telah membolehkan LUAS dinilai dari segi prestasi perkhidmatannya pada tahun 2013. LUAS telah dinilai dengan pencapaian sebanyak 67% dan adalah yang terbaik di antara 3 organisasi di Asia pada tahun 2013. LUAS menasarkankan untuk mencapai penilaian sehingga 85% pada tahun 2018 berdasarkan ulasan-ulasan dan cadangan penambahbaikan yang disarankan oleh pihak penilai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KESINAMBUNGAN PROGRAM PEMILIKAN KEDIAMAN
PERSENDIRIAN**

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Statistik terperinci pemberian pemilikan tanah mengikut daerah melalui program pemilikan kediaman persendirian yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009 serta dasar dan strategi baharu, jika ada, demi menggalakkan rakyat memiliki tanah yang mereka diami lebih daripada 15 tahun.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) untuk tujuan kediaman bagi tahun 2010 hingga 2014 mengikut Daerah.

BIL	DAERAH	BILANGAN PERMOHONAN YANG DILULUSKAN
1.	Hulu Selangor	260
2.	Kuala Selangor	53
3.	Klang	19
4.	Sepang	401
5.	Gombak	3,106
6.	Petaling	235
7.	Kuala Langat	79
8.	Sabak Bernam	694
9.	Hulu Langat	675
Jumlah		5,522

Sumber : PDT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : TASKFORCE KEMISKINAN PERINGKAT DUN

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri mahu benar-benar menghasilkan impak mengurangkan beban rakyat miskin dengan mewujudkan taskforce khas mengikut lokaliti di DUN?
- b) Berapakah peruntukan bajet yang sanggup disediakan untuk memastikan taskforce yang diketuai oleh ADUN ini berfungsi dan menepati sasaran dan mencapai objektif?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dalam meringankan beban rakyat terutamanya yang melibatkan golongan miskin. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan/ syor supaya satu *taskforce* khas diwujudkan mengikut lokaliti di DUN bagi mengurangkan kadar dan jumlah penduduk miskin di Negeri Selangor. Namun begitu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah pun mengambil inisiatif penting bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan di Negeri Selangor sehingga ke akar umbi. Untuk mencapai hasrat ini, satu kaedah pengukuran terhadap kadar kemiskinan perlu diwujudkan serta Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor yang terkini perlu dimuktamadkan berikutan peningkatan taraf hidup dan ekonomi semasa yang tidak menentu.

Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM438,600.00.

Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor, menganalisis penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor melalui justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan serta mewujudkan dan membangunkan Sistem Maklumat yang dinamakan Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS)

yang mengandungi data lengkap dan holistik isi rumah Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang akan ditetapkan.

Kajian ini dilihat berupaya membolehkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti dan merangka dasar baru, program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara efektif, mengenalpasti jumlah sebenar penduduk miskin serta memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan. Manfaat yang diperolehi melalui program-program bantuan ini membolehkan serta memastikan peluang ekonomi dinikmati secara saksama oleh rakyat Negeri Selangor tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih sejahtera, makmur dan berdaya maju.

- b) Jawatankuasa Tetap Kemiskinan mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan/ syor supaya peruntukan yang besar dan kekal mengikut keperluan DUN disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk program-program pembasmian kemiskinan bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan hingga ke akar umbi. Berdasarkan rekod, bagi tahun 2014, jumlah peruntukan yang pembangunan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi semua program pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah sebanyak RM10,842,000.00. Manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah sebanyak RM10,711,229.58, iaitu sebanyak 98%.

Namun begitu, ketetapan peruntukan program-program pembasmian kemiskinan adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan semasa Kerajaan Negeri. Manakala peruntukan mengikut DUN pula adalah bergantung kepada anggaran jumlah pengundi kaum berkenaan mengikut daftar pemilih serta tertakluk kepada kelulusan MMKN. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan juga berpandangan bahawa peruntukan ini perlu dikawal dan dipantau agar ianya digunakan sebaik mungkin dan tidak berlebihan bagi mengurangkan aras kebergantungan rakyat Selangor terhadap bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : WIFI PERCUMA

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pelaksanaan capaian Wifi Percuma akan dilaksanakan 100% di Selangor? Apakah status terkini?
- b) 112 lokasi kendalian Extol Corporation Sdn Bhd telah ditamatkan perkhidmatannya, apakah ini juga menyebabkan lokasi nanti akan ditamatkan perkhidmatan wifi percuma?
- c) Apakah jaminan supaya Rakyat masih mendapat perkhidmatan ini? Nyatakan.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Pengerusi Menteri Besar (MBI) sedang berusaha bagi memberikan perkhidmatan WiFi percuma ke seluruh Negeri Selangor dengan melaksanakan pertambahan sebanyak 2,500 hotspot. Pada peringkat permulaan ini 300 lokasi hotspot wifi akan dilaksanakan di Pentadbiran Pejabat dan Penyelaras DUN, Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor serta Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bermula 1 April 2015.
- b) Pelaksanaan 2,500 hotspot masih mengambil kira lokasi-lokasi sedia ada. Oleh yang demikian, setiap DUN boleh mengekalkan lokasi sedia ada ataupun mencadangkan lokasi yang baru.
- c) Kerajaan Negeri memang komited dalam memberikan perkhidmatan WiFi Percuma kepada Rakyat. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri menambah lagi lokasi WiFi daripada 112 lokasi kepada 2,500 lokasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BANGUNAN MILIKAN KERAJAAN SELANGOR DI BUKIT FRASER

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan sewa yang diperolehi daripada Rumah Rehat Sri Berkat pada tahun 2013 dan 2014.
- b) Apakah promosi yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri terhadap Rumah Rehat Sri Berkat?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan Bangunan The Gap Bukit Fraser yang mempunyai sejarah dan keunikan yang tersendiri?

JAWAPAN:

- a) Rumah Rehat Sri Berkat, Bukit Fraser adalah salah satu produk pelancongan di bawah seliaan Tourism Selangor Promosi Sdn Bhd. Ianya merupakan sebuah rumah rehat yang telah berusia lebih kurang 90 tahun dan boleh dikatakan antara bangunan bersejarah yang unik serta menyimpan pelbagai cerita yang membuatkan pelancong untuk merasai pengalaman tinggal di sini. Bercirikan seni bina Inggeris serta begitu sinonim dengan Bukit Fraser yang turut dikenali sebagai Little England.

Berikut adalah kutipan sewaan yang diperolehi daripada sewaan diperolehi daripada Rumah Rehat Sri Berkat yang mempunyai 9 buah bilik sahaja:

Tahun	2013	2014
Pendapatan	RM 51,360	RM 68,848

- b) Sebagai salah satu produk di bawah seliaan, Tourism Selangor akan terus memainkan peranan dalam mempromosikan Rumah Rehat Sri Berkat melalui pelbagai medium serta aplikasi bagi menjadikan produk pelancongan dapat menerima lebih ramai pengunjung samaada dalam dan luar negara melalui siri promosi yang disertai oleh Tourism Selangor. Maklumat juga boleh diperolehi melalui terbitan rasmi Tourism Selangor iaitu Selangor Breakaway dan juga penerbitan risalah promosi yang menawarkan kadar istimewa pada waktu-waktu tertentu. Turut memainkan peranan sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat berkaitan Rumah Rehat Sri Berkat ialah melalui laman sesawang

Tourism Selangor iaitu www.tourismsselangor.my ataupun laman sesawang Jabatan Pembangunan Produk, Tourism Selangor sriberkat.wibley.com.

- c) Selain daripada Rumah Rehat Sri Berkat, terdapat sebuah lagi bangunan yang mempunyai tinggalan sejarah yang tersendiri iaitu The GAP. Walaubagaimanapun keadaan rumah ini yang telah uzur dan terbiar untuk sekian lama menyebabkannya memerlukan peruntukan yang amat besar untuk membaik pulih yang membolehkannya beroperasi semula.

Pada tahun 2008, peruntukkan bagi kerja-kerja menaiktaraf Rumah The GAP secara konservasi telah disalurkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia melalui Rancangan Malaysia ke-9 bagi kerja-kerja fasa 1 yang telah pun siap pada tahun 2010. Namun selepas itu Kerajaan Negeri tidak menerima peruntukan selanjutnya daripada Kementerian Pelancongan bagi meneruskan kerja-kerja menaiktaraf yang sepatutnya dilakukan dalam fasa ke-2. Oleh yang demikian rumah tersebut telah terbiar sehingga menyebabkan kerosakan yang amat teruk terhadap bangunan tersebut.

Sehubungan dengan Tourism Selangor turut mengambil langkah dengan bekerjasama dengan Persatuan Arkitek Malaysia untuk membuat kajian semula terhadap bangunan tersebut. Hasil daripada tinjauan yang telah dijalankan oleh Persatuan Arkitek Malaysia bersama Jawatankuasa The GAP telah mendapati bahawa bangunan The GAP perlu menjalani kerja-kerja pembaikan pada keseluruhan bangunan kerana mengalami kerosakan yang teruk. Walaubagaimanapun mereka juga berpendapat bahawa The GAP masih mempunyai potensi untuk dijadikan produk pelancongan yang menarik dan mampu menggamit kunjungan pelancong tetapi hanya sekiranya kerja-kerja pembaikan dapat dilakukan dengan sempurna.

Sebagai langkah alternatif Tourism Selangor telah mempelawa mana-mana agensi yang berminat untuk menghantar kertas cadangan seterusnya berminat melakukan pembaikan dan menaiktaraf the GAP sehingga ianya mampu beroperasi semula. Selepas itu terdapat beberapa pihak pemaju, hotel serta agensi swasta telah melakukan lawatan serta membuat penilaian terhadap The GAP ini namun kebanyakan tidak menunjukkan maklum balas yang positif. Walaubagaimanapun terdapat satu syarikat pemaju yang berminat dan telah menghantar kertas cadangan untuk membangunkan semula dan menjalankan semula operasi The GAP namun setelah Tourism Selangor membuat tinjauan serta penyelidikan terhadap syarikat ini, telah mendapati syarikat ini tidak mempunyai keupayaan terhadap pelbagai aspek untuk menjalankan projek pembangunan semula The GAP.

Kerajaan Negeri Selangor melalui UPEN Negeri Selangor akan membuat permohonan kepada Kementerian Pelancongan Malaysia bagi projek RMK 11 memandangkan projek ini telah tergendala dalam jangka masa yang agak lama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan penjualan aset PKNS dan subsidiarinya 2008-2014: tarikh penjualan, pembeli, harga, tender terbuka/penjualan terus dan butiran-butiran lain.

JAWAPAN:

- a) Sehingga 2013, tiada penjualan aset PKNS dan Subsidiarinya, tetapi pada tahun 2014 terdapat penjualan 5 bangunan PKNS (Kompleks PKNS Shah Alam, SACC Mall, Kompleks PKNS Bangi, Menara PKNS & Wisma Yakin) kepada PKNS Real Estate Sdn Bhd Anak Syarikat milik penuh 100% PKNS pada Jun 2014 dengan harga jualan berjumlah RM321,000,000.00. Tujuan penjualan aset-aset tersebut supaya ianya dapat diuruskan secara lebih *profesional* dan *effisien*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PEMBINAAN JALANRAYA DI KAWASAN PERUMAHAN BARU

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon menyatakan perancangan kerajaan negeri membina jalanraya baru di Jalan Semenyih-Broga disebabkan limpahan kenderaan yang mungkin tidak lagi dapat ditampung oleh Jalan Kajang-Semenyih (FT01) akibat banyaknya taman-taman perumahan baru lalu yang diluluskan. Di DUN Semenyih, tidak kurang daripada 10 taman perumahan baru yang telah diluluskan oleh kerajaan. Pertambahan taman perumahan baru dan juga industri telah meningkatkan bilangan kenderaan di jalanraya. Dalam sedikit masa lagi jalanraya sedia ada sudah tidak dapat menampung kenderaan yang sebegitu banyak dan akibatnya masyarakat berhadapan dengan trafik jem setiap hari walaupun pada hari-hari cuti atau kelepasan am.
- b) Apakah disyaratkan kepada pemaju untuk membina jalan baru yang dihubungkan ke lebuh raya di taman perumahan yang dibangunkan dan jangannya hanya bergantung kepada jalan utama yang sedia ada?
- c) Mohon menyatakan statistik kajian trafik di laluan utama dalam DUN Semenyih.

JAWAPAN:

- a) Jalan Semenyih-Broga adalah dibawah seliaan pihak Jabatan Kerja Raya.
- b) Pihak pemaju Setia Ecohill Sdn. Bhd. dan Eco Majestic Sdn. Bhd. telah disyaratkan oleh MPKj untuk membina jalan baru keluar ke Lebuh raya Lekas dan buat masa ini pembinaan jalan oleh pihak Setia Ecohill telah dijalankan di tapak dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2015.
- c) Laluan utama dalam DUN Semenyih adalah dibawah seliaan pihak Jabatan Kerja Raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN PKNS

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pecahan terperinci projek perumahan mewah berbanding mampu milik yang dikendalikan oleh PKNS dan semua anak syarikat PKNS selaku perbadanan kemajuan ekonomi negeri.

JAWAPAN:

- a) Pecahan projek perumahan PKNS adalah seperti berikut :

TAHUN	JENIS			JUMLAH
	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA	KOS TINGGI	
1963 - 1970	3,636	1,065	452	5,153
1971 - 1980	10,489	5,522	901	16,912
1981 - 1990	20,873	35,287	4,009	60,169
1991 - 2000	15,333	11,781	5,056	32,170
2001 - 2010	8,421	15,852	10,927	35,200
2011 - 2014	1,546	3,598	2,099	7,243
JUMLAH	60,298	73,105	23,444	156,847
Jumlah Pecahan	38%	47%	15%	100%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : JALAN ALTERNATIF TANPA TOL BANDAR SAUJANA PUTRA
JENJAROM**

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah mana-mana pihak Agensi kerajaan atau pihak Syarikat swasta akan bina jalan awam tanpa tol menghubungkan kota kemuning atau ke Jenjarom untuk kemudahan penduduk Bandar Saujana Putra Jenjarom?

JAWAPAN:

- a) Jalan ke Kota Kemuning akan dihubungi melalui jalan Bandar Rimbayu. Walau bagaimanapun, jalan awam ke Jenjarom adalah di bawah bidang JKR.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : BANJIR KILAT DI LOT 2977 KG. PAYA JARAS TENGAH MUKIM
SUNGAI BULOH 1**

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada mekanisme oleh kerajaan negeri terhadap pemilik tanah yang menutup longkang sehingga menyebabkan banjir kilat berlaku di lot tersebut?
- b) Apakah ada peruntukan khas untuk penyelenggaraan dalam lot-lot yang mempunyai sistem perparitan gunasama?

JAWAPAN:

- a) Jalan di tanah lot persendirian adalah tanggungjawab pemilik. Jika didapati penutup longkang yang dibuat sendiri oleh individu yang menyebabkan banjir yang menjejaskan penduduk setempat maka Pihak Majlis akan memberi notis kepada pemilik untuk memecahkan longkang yang telah ditutup. Untuk makluman, jalan-jalan dan longkang yang terlibat, Kampung Paya Jaras Tengah adalah di bawah penyelenggaraan pihak Jabatan Kerja Raya.
- b) Untuk lot persendirian, adalah di bawah tanggungjawab pemilik lot masing-masing dan Majlis tidak menyediakan peruntukan untuk penyelenggaraan lengkap persendirian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : MBI

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan ahli-ahli lembaga terkini bagi MBI serta anak-anak syarikatnya.
- b) Senaraikan wakil-wakil rakyat (Adun/ MP/ Senator) yang dilantik sebagai ahli lembaga bagi syarikat tersebut.
- c) Nyatakan jumlah bayaran kepada setiap ahli lembaga tersebut.

JAWAPAN:

- a) Senarai ahli-ahli lembaga pengarah terkini dan anak-anak syarikat adalah seperti di Lampiran 1.
- b) Senarai Wakil-Wakil Rakyat (ADN/MP/SENATOR) sebagai Pengarah di anak-anak syarikat MBI adalah seperti di Lampiran 2.
- c) Merujuk kepada Sidang Dewan yang terdahulu, maklumat berkenaan pengajian dan emolument tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu. Ianya adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Walau bagaimanapun, Y.B. Ahli Dewan Negeri Selangor boleh memohon terus secara bertulis kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor atau kepada Setiausaha Dewan sekiranya memerlukan maklumat yang berkenaan. Jawapan hanya akan diberikan kepada Y.B. Ahli Dewan yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa penerima maklumat mestilah bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 709.

SENARAI NAMA PENGARAH / PEMEGANG AMANAH BAGI ANAK-ANAK SYARIKAT DI BAWAH MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) (MBI) (SETAKAT 19HB MAC 2015)			
BIL	SYARIKAT	BIL	SYARIKAT
1	KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 4 YM Raja Dato' Idris Bin Raja Kamarudin 5 YBhg En. Suhaimi Bin Kamaralzaman` 6 YM Raja Shahreen Bin Raja Othman 7 YBhg En. Soffan Affendi Bin Aminudin	7	TOURISM SELANGOR SDN. BHD. (TSSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman
2	PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YBhg Dato' Haji Ahmad Bin Omar 4 YM Raja Shahreen Bin Raja Othman 5 YBhg En. Soffan Affendi Bin Aminudin	8	YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR (YAQ) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YB Tuan Dr Abd Rani Bin Osman 5 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman 6 YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi
3	KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. (KKSBB) 1 YBhg Tuan Haji Sabtu Bin Md Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman 4 YBhg En. Cheong Seng Gee 5 YBhg Dato' Dr. Azimuddin Bin Bahari 6 YM Raja Shahreen Bin Raja Othman 7 YBhg En. Soffan Affendi Bin Aminudin	9	YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Dato' Idris Bin Md. Tahir 5 YBhg Dato' Abdul Halim Bin Harun 6 YBhg Puan Siti Khamnah Binti Hashim

4	SELANGOR STATE INVESTMENT CORPORATION (SSIC) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi 3 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 4 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman 5 YBhg En. Hasan Azhari Bin Haji Idris 6 YB Dato' Teng Chang Khim	10	BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BHD (BBGC) 1 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman-Pengerusi 2 YBhg En. Mohd Azizi Bin Mohd Zain 3 YBhg En. Tukiman Bin Nail 4 YBhg En. Amirul Azizan Bin Abd Rahim 5 YBhg En. Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim
5	MSNS HOLDINGS SDN. BHD. (MSNSH) 1 YB Tuan Amirudin Bin Shari-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YBhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman 4 YBhg En. Azal Bin Adzhar - Alt Dir To Dato' Noordin	11	RANTAIAN MESRA SDN. BHD. (RMSB) 1 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman-Pengerusi 2 YB Tuan Dr Abd Rani Bin Osman 3 YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi
6	PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN. BHD. (PIYSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Dato' Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 4 YBhg Prof (E) Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bin Bardaie 5 YB Tuan Dr. Che Rosli Bin Che Mat 6 YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad	12	COMMUNICATION CORPORATION SDN. BHD. (CCSB) 1 YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali-Pengerusi 2 YB Dato' Noordin Bin Sulaiman 3 YB Dato' Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi

Lampiran 2

<u>GLC</u>	<u>NAMA PENGARAH</u>	<u>ADN/AHLI PARLIMEN</u>
KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali	ADN Bukit Antarabangsa / Parlimen Gombak
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali	ADN Bukit Antarabangsa / Parlimen Gombak
KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. (KSSB)	YB Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman	ADN Paya Jaras
SELANGOR STATE INVESTMENT CORPORATION (SSIC)	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali YB Dato' Teng Chang Khim	ADN Bukit Antarabangsa / Parlimen Gombak ADN Sungai Pinang
MSNS HOLDINGS SDN. BHD. (MSNSH)	YB Tuan Amirudin Bin Shari	ADN Batu Caves
PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN. BHD. (PIYSB)	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali YB Tuan Dr. Che Rosli Bin Che Mat YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad	ADN Bukit Antarabangsa / Parlimen Gombak ADN Sementa ADN Seri Setia
TOURISM SELANGOR SDN. BHD. (TSSB)	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali	ADN Bukit Antarabangsa / Parlimen Gombak
YAYASAN DAR AL QARD AL HASAN SELANGOR (YAQ)	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali YB Tuan Dr Abd Rani Bin Osman YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi	ADN Bukit Antarabangsa / Parlimen Gombak ADN Meru ADN Sementa
YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali	ADN Bukit Antarabangsa / Parlimen Gombak
RANTAIAN MESRA SDN. BHD. (RMSB)	YB Tuan Dr Abd Rani Bin Osman YB Puan Dr. Daroyah Binti Alwi	ADN Meru ADN Sementa
COMMUNICATION CORPORATION SDN. BHD. (CCSB)	YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali	ADN Bukit Antarabangsa / Parlimen Gombak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : SKIM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pecahan peratusan penerima manfaat program MES mengikut umur (kanak-kanak, anak muda, dewasa, warga emas)?
- b) Sila kemukakan senarai terkini jumlah perbelanjaan untuk setiap skim MES yang dilaksanakan.
- c) Sila kemukakan mana-mana program MES yang mempunyai syarat-syarat baru dalam tahun 2015.


JAWAPAN:

- a) Kumpulan sasaran bagi setiap Program MES adalah berbeza mengikut tujuan program tersebut diwujudkan. Sesetengah program hanya memberi manfaat kepada warga emas sahaja manakala program yang selainnya memberi faedah kepada golongan kanak-kanak. Daripada semakan yang dilaksanakan, didapati penerima terbesar bagi Program MES adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak di Negeri Selangor iaitu sebanyak 44% daripada jumlah keseluruhan. Manakala penerima di kalangan warga emas sebanyak 42% dan golongan dewasa sebanyak 14%.

Ringkasan bagi pecahan peratusan penerima manfaat program MES mengikut umur adalah seperti di Lampiran A.

Program MES

Pecahan Peratusan Penerima Manfaat Program MES Mengikut Umur



- b) Jumlah perbelanjaan bagi program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) setakat Februari 2015 yang dilaporkan adalah berjumlah RM1,295,181,301.00. Bagi Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Hadiah Anak Masuk Universiti, jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM16,073,200.00 dan RM48,134,950.00. Manakala sebanyak RM143,139,000.00 dan RM8,069,545.00 pula telah dibelanjakan di bawah Skim Mesra Usia Emas dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Untuk kedua-dua Skim Mikrokredit, iaitu Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), perbelanjaan setakat 28 Februari 2015 adalah sebanyak RM96,773,050.00 dan RM10,915,528.00. Bagi Skim Kesihatan Wanita (MammoSel) sejumlah RM1,835,640.00 telah dibelanjakan dan sejumlah RM10,907,400.00 pula dibelanjakan di bawah Program Jom Shopping. Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar) dan Skim Bantuan Tadika (TUNAS) pula masing-masing telah membelanjakan sebanyak RM1,165,540.00 dan RM5,920,462.00. Manakala di bawah Insentif Perkahwinan Belia dan Pusat Tuisyen Rakyat sebanyak RM3,390,600.00 dan RM15,013,545.00 telah dibelanjakan. Perbelanjaan paling tinggi di bawah Program MES adalah bagi Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M3) Pertama, iaitu sejumlah RM931,239,616.00 telah dibelanjakan untuk seluruh rakyat Selangor.

Ringkasan bagi statistik penerima faedah dan perbelanjaan setakat 28 Februari 2015 bagi setiap skim MES yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi yang dilantik adalah seperti di Lampiran B.

LAMPIRAN B**Program MES****Statistik Penerima Faedah dan Perbelanjaan Setakat 28 Februari 2015**

BIL.	PROGRAM	AGENSI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	16,073,200
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	48,134,950
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	143,139,000
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor, UPEN	8,069,545
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor	931,239,616
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	96,773,050
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	2,603,225
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1,835,640
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	10,915,528
10	Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektor, UPEN	3,390,600
11	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	15,013,545
12	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	-
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1,165,540
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	5,920,462
15	Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	10,907,400
19	Pusat Khidmat Krisis Sehent (OSCC)	Seksyen Sektor, UPEN	-
JUMLAH			1,295,181,301

- c) Sehingga Mac 2015, tiada syarat baru yang diwujudkan kepada mana-mana program MES.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja memasang lampu jalan segmen Pekan Sekinchan akan disiapkan ?
- b) Bilakah kerja-kerja membaiki dan menaiktaraf permukaan Jalan Persekutuan 5 yang berlekuk-lekuk dari Tanjung Karang ke Sekinchan akan dilakukan ?
- c) Sila nyatakan kekerapan kerja-kerja tersebut dalam setahun ?

JAWAPAN:

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT05. Kerja-kerja pemasangan lampu jalan bagi segmen Pelan Sekinchan telah siap dilaksanakan pada bulan Disember 2014.
- b) Kerja-kerja membaiki Jalan Persekutuan 5 dari Tanjung Karang ke Sekinchan ada dilaksanakan pada Tahun 2012, 2013 dan 2014 dengan jumlah sebanyak RM2.63 juta.
- c) Kerja-kerja membaiki jalan tersebut adalah sebanyak 2 kali dalam setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : STATUS SOALAN BERTULIS SIDANG YANG LEPAS MASIH TAK
DIJAWAB**

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah jawapan tersebut boleh diperolehi ?
- b) Berapa lamakah tempoh ia boleh diperolehi selepas sidang dewan?
- c) Bagaimanakah status soalan yang masih belum terjawab sehingga sidang baru akan bermula lagi?

JAWAPAN:

- a) Urus setia Dewan Negeri telah membuat semakan ke atas status jawapan bagi semua pertanyaan yang diterima untuk persidangan yang lepas dan mendapati kesemuanya telah dijawab serta diedarkan kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri yang bertanya. Salinan jawapan pertanyaan bagi persidangan yang lalu juga telah dimuat naik ke portal rasmi Dewan Negeri Selangor di alamat: **dewan.selangor.gov.my/hansard**
- b) Pindaan terbaru ke atas Peraturan Tetap 24(8) telah memperuntukkan semua pertanyaan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri mesti dijawab dan diedarkan pada minggu pertama persidangan Dewan.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Dewan yang bermesyuarat pada 28 Ogos 2013 telah membuat keputusan mana-mana jabatan yang gagal mengemukakan jawapan dalam tempoh yang ditetapkan akan dipanggil untuk memberi penjelasan di hadapan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (*SELCAT*).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PRESTASI PENYELENGGARAAN BANGUNAN ANNEX DAN SUK

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah prestasi kerja-kerja penyelenggaraan ini memuaskan?
- b) Apakah tindakan yang diambil sekiranya terdapat aduan berkenaan kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan?
- c) Adakah kerajaan bercadang menyambung kontrak bagi syarikat-syarikat yang telah tamat tempoh kontrak?

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini, terdapat tujuh (7) syarikat yang telah dilantik bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala di Bangunan Annex dan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Bangunan SUK), iaitu melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan seperti pembersihan kawasan dan landskap, pemotongan rumput, pembersihan dan pencucian bangunan, penghawa dingin, sistem kebakaran, penyelenggaraan lif dan lain-lain yang berkaitan.

Untuk makluman, pelantikan syarikat bagi maksud di atas dilaksanakan dengan mematuhi peraturan dan tatacara perolehan semasa yang berkuatkuasa, iaitu dasar tender/sebutharga terbuka, dasar harga terendah serta yang terkini adalah dasar penilaian perolehan secara sistem *cut-off*.

Pentadbiran ini sentiasa memantau prestasi ke atas kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat yang telah dilantik dari semasa ke semasa bagi memastikan pihak syarikat melaksanakan tugas dan tanggungjawab berdasarkan isi kandungan dan terma kontrak yang telah dimeterai. Setakat ini, syarikat-syarikat yang dilantik telah menunjukkan prestasi kerja yang baik dan memuaskan.

- (b) Sekiranya terdapat aduan berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan, Pentadbiran ini akan mengambil tindakan dengan memaklumkan perkara tersebut kepada pihak syarikat yang berkaitan dengan skop aduan berkenaan. Pihak syarikat akan diarahkan untuk menyelesaikan aduan yang berkaitan dalam tempoh yang telah ditetapkan serta memastikan agar tugas

dan tanggungjawab syarikat berdasarkan isi kandungan dan terma kontrak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak syarikat gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkenaan, Pentadbiran ini akan mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) mengemukakan Surat Peringatan kepada syarikat yang berkenaan bagi mematuhi isi kandungan dan terma kontrak yang telah dimeterai;
- (ii) melaksanakan tindakan pemotongan harga ke atas tuntutan bayaran kontrak; atau
- (iii) melaksanakan tindakan penamatan kontrak ke atas syarikat yang telah dilantik.

Setakat ini, syarikat-syarikat yang dilantik telah menunjukkan prestasi kerja yang baik dan memuaskan. Manakala terdapat satu (1) syarikat yang gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan serta tidak dapat menyempurnakan kerja berdasarkan isi kandungan dan terma kontrak yang telah dimeterai. Bagi kes-kes sedemikian, Pentadbiran ini akan mengambil tindakan penamatan kontrak setelah merujuk kepada pihak Kamar Penasihat Undang-undang.

- (c) Sesuatu kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan tidak akan disambung secara automatik, sebaliknya Pentadbiran ini adalah tertakluk peraturan dan tatacara perolehan semasa yang berkuatkuasa, iaitu dasar tender/sebutharga terbuka, dasar harga terendah serta yang terkini adalah dasar penilaian perolehan secara sistem *cut-off*.

Sehubungan itu, sesuatu kontrak yang telah tamat perlu melalui proses dan tatacara perolehan sedia ada yang berkuatkuasa, sama ada melalui proses perolehan secara tender ataupun sebutharga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PEGAWAI-PEGAWAI ATASAN DI MBPJ

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon diberi senarai penuh semua pegawai di Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang berpangkat gred 48 dan ke atas serta maklumat, pengalaman kerja, sejarah perjawatan, semua keraian, elaun, gaji pokok, imbuhan, ganjaran dan bonus yang diterima oleh setiap satu daripada mereka pada masa sekarang.

JAWAPAN:

- a) Senarai pegawai gred 48 dan ke atas dan elaun-elaun yang diterima mengikut skim perkhidmatan, gred jawatan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah seperti di Lampiran HR 1

BIL	GRED	JUMLAH	SKIM GAJI		ELAUN – ELAUN YANG DITERIMA						
			MIN (RM)	MAX (RM)	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (RM)	COLA (RM)	ELAUN KERAJIAN (RM)	IMBUHAN TETAP JAWATAN UTAMA (RM)	ELAUN PEMBANTU RUMAH (RM)	BANTUAN MENYELENG GARA RUMAH (RM) (SETAHUN)	BAYARAN INSENTIF YANG DIPERTUA (RM)
1	VU7	1	7,189.63	14,587.54	1,300.00	-	2,500.00	1,000.00	500.00	2,000.00	1,000.00
2	54	3	5,832.00	11,900.00	900.00	300.00	800.00	-	-	-	-
3	52	3	4,915.00	11,286.00	700.00	300.00	600.00	-	-	-	-
4	48	13	4,914.00	10,689.00	700.00	300.00	550.00	-	-	-	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : TANAH RUMAH IBADAT ISLAM DAN SELAIN ISLAM

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua tanah hak milik, pajakan atau warta di kawasan pentadbiran MBPJ untuk kegunaan rumah ibadat, dan sila perincikan mengikut agama, status tanah dan saiz tanah tersebut.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan membenarkan tanah milik persendirian untuk ditukar menjadi tanah rumah ibadat di kawasan pentadbiran MBPJ?

JAWAPAN:

a) Masjid

Bil.	Masjid	Lokasi
1	Masjid Tabung Haji Kelana Jaya	Jalan SS 5C/1B, SS 5
2	Masjid Al- Husna Bandar Sunway	Jalan PJS 10/22, PJS 10
3	Masjid Nurul Yaqin	Jalan SS 7/8, SS7
4	Masjid Tengku Kelana Jaya Petra Kelana	Jalan SS 7/13, SS 7
5	Masjid Al Islamiah	Jalan PJS 6/4D, PJS 6
6	Masjid Ar-Rahmah	Jalan SS 9/7, SS 9
7	Masjid Jamek Sultan Abd Aziz	Jalan Templer, SEK 3
8	Masjid Tun Abd Aziz	Jalan Semangat, SEK 14
9	Masjid Dato' Kamaruddin	Jalan 224, SEK 51A
10	Masjid Jumriah	Taman Dato' Harun, PJS 3
11	Masjid Nurul Ehsan	Kg Medan Batu 8, PJS 2
12	Masjid Nurul Ehsan	Jalan Universiti, SEK 16
13	Masjid Al Mujahideen	Jalan SS 21/23, SS 21
14	Masjid Ar- Rahmah	Kg. Damansara Baru, SEK 17A
15	Masjid Ridhwani	Jalan SS 9A/88, SS 9A
16	Masjid Al Hidayah	Jalan SS 3/44, SS 3
17	Masjid Al Ehsan	Jalan SS 4A/4, SS 4
18	Masjid Al Muhairi	Jalan SS 2/6, SS 2
19	Masjid Ar Rahman Kg Tunku	Jalan SS 1/31, SS 1

20	Masjid Al Makmuriah	Kg Sg Kayu Ara, PJU 6
21	Masjid Al Muhtadin Damansara Damai	Jalan Damasara Damai, PJU 10

Gereja

Bil.	Gereja
1	Gereja Good Sheperd Hutheran, Jln Othman, SEK 1
2	Gereja Gospel Hall, Jln Gasing, SEK 4
3	Emmanuel Baptist Church, Lorong 4/48D, SEK 4
4	Gereja Methodist Trinity, Jln 5/37, SEK 4
5	Assumption Church, Jln Templer, SEK 4
6	Assembly of God, Jln Gasing, SEK 6
7	First Baptist Church, Jln 9/7, SEK 9
8	Gereja Glad Tidings Assembly, Jln Gasing, SEK 9
9	Gereja St. Francis Xavier, Jln Gasing, SEK 10
10	Gereja Lutheran Bible, Jln Utara, SEK 52
11	Gereja St. Paul Vicarage, Lorong Utara Kecil, SEK 52
12	Gereja Lutheran, Jalan Utara, SEK 52
13	Gereja St. Ignitus, Jln SS 25/23, SS 25
14	Gereja Injil Kristian, Jln SS 9A/1, SS 9A

Tokong

Bil.	Tokong
1	Tokong Kwan Imm Teng, Jln 4/49A,, SEK 4
2	Tokong Buddha, Lorong 4/48C, SEK 4
3	Tokong Tiau Leng Sah Temple, Jln Gasing, SEK 5
4	Tokong Thai Chetawan Temple, Jln 9/7, SEK 9
5	Tokong Kampung Chempaka, Jln PJU 1/17, PJU 1
6	Tokong Buddha, Jln SS 23/6D, SS 23

Kuil

Bil.	Kuil
1	Kuil Sri Sithivinayagar Alayam, Jln. Selangor, SEK. 4
2	Kuil Sivan Temple, Jln. 5/66, SEK. 5
3	Kuil Gudwara Sahib, Lrg. Utara 52/B, SEK. 52

4	Kuil Sri Maha Mariaman, SS7
5	Kuil Sri Sakhti Eshwan, Jln SS 9A/12, SS 9A
6	Kuil Sri Maha Mariaman, PJU 6
7	Kuil Sri Maha Mariaman, Jln. PJS 1/35, PJS 1
8	Kuil Jalan PJS 2B/2, PJS 2

- b) Pengawasan Gunatanah melalui kelas kegunaan tanah "Use Class Order" dalam Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas yang diwartakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : RANCANGAN MALAYSIA KE 11 UNTUK NEGERI SELANGOR

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila bekalkan rancangan pembangunan Malaysia ke-11 khusus untuk negeri Selangor
- b) Adakah perancangan pembangunan RM ke-11 Selangor melibat semua lapisan masyarakat termasuk ADUN?
- c) Apakah rasional keputusan perancangan tersebut?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Pelan Halatuju Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi Negeri Selangor telah disediakan dan dibentangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk diambilkira dalam pelaksanaan RMKe-11.

Penyediaan Rangka Kerja Pelan Halatuju Pembangunan RMKe-11 Negeri Selangor adalah berdasarkan perkara berikut :

- i. Hasrat Rakyat Negeri Selangor merangkumi lapan (8) teras seperti berikut :
 - a) Kestabilan Pertumbuhan ekonomi;
 - b) Penyediaan Peluang Pekerjaan;
 - c) Penyediaan Kemudahan Infrastruktur;
 - d) Kediaman Berkualiti dan Mampu Dimiliki;
 - e) Kecekapan Prasarana Pengangkutan dan Perhubungan;
 - f) Pewujudan Persekitaran Selamat dan Selesa; dan
 - g) Penyediaan Aksesibiliti Pendidikan Penjagaan Alam Sekitar.
- ii. Rangka Kerja Pembangunan Negeri Selangor melihat kepada tiga (3) dimensi utama iaitu :
 - a) Mengoptima sumber;
 - b) Penciptaan kekayaan; dan
 - c) Perkongsian kekayaan secara inklusif

Kedua-dua strategi tersebut digabungkan dan diperincikan bagi menggariskan Visi dan Halatuju RMKe-11 Negeri Selangor iaitu :

- i. Merencanakan Pelaburan dan Perniagaan;
- ii. Teknologi dan Infrastruktur Maju dan Terkini;
- iii. Modal Insan Berkemahiran Tinggi;
- iv. Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan dan Seimbang;
- v. Penyediaan Perumahan Secara Mampan; dan
- vi. Penyampaian Perkhidmatan Awam Ke arah Pembangunan Komuniti Kelas Pertama

Visi ini akan menjadi asas dan panduan kepada semua pihak Kerajaan dan swasta termasuk ADUN bagi melaksanakan Pelan Pembangunan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : BLUEPRINT KEMISKINAN

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada kajian ukuran kejayaan kepada penerima blueprint kemiskinan? Bilakah kali terakhir kajian ini dibuat dan apakah ianya berbentuk tahunan?
- b) Berapa peratusan dari kalangan mereka yang berjaya dikeluarkan dari kemiskinan?
- c) Apakah ada sasaran yang ingin dicapai untuk perkara (b) di atas?

JAWAPAN:

Jawapan a, b dan c dijawab bersekali.

Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan untuk meningkatkan taraf ekonomi bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan bagi membantu menjana serta meningkatkan pendapatan keluarga. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Sehingga Disember 2014, penerima bantuan bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 2,087 orang. Statistik jumlah penerima bantuan adalah seperti di **JADUAL 7**.

Jawatankuasa Tetap Kemiskinan kini sedang dalam proses mendapatkan maklumat hasil daripada siasatan, soal selidik dan pemantauan yang dijalankan oleh Pejabat Daerah/ Tanah berhubung pendapatan seisi rumah penerima bantuan selepas menerima bantuan peralatan. Kajiselidik serta maklumat yang diperolehi ini akan digunakan untuk membuat rekod dan statistik bagi mengenalpasti jumlah penerima bantuan yang berupaya menjana/ meningkatkan pendapatan serta berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan hasil daripada bantuan peralatan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ini seterusnya membolehkan dan membantu Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti serta merangka dasar baru, program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif.

Pada masa kini, fokus dan tumpuan Kerajaan Negeri adalah untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Dengan adanya pelbagai program pembasmian kemiskinan seperti Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan ini diharap berupaya mengurangkan kadar kemiskinan melalui penjanaaan/ peningkatan pendapatan bagi melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) serta seterusnya berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan. Walau bagaimanapun, jangkaan peratusan penerima bantuan yang berjaya keluar daripada belunggu kemiskinan yang ingin dicapai adalah tertakluk kepada hasil/ penemuan kajiselidik Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang akan diperolehi kelak.

JADUAL 7:

**RINGKASAN STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PENERIMA MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	179	90.87%	7	3.55%	11	5.58%	197
2.	2009	322	96.41%	2	0.60%	10	2.99%	334
3.	2010	209	85.31%	4	1.63%	32	13.06%	245
4.	2011	295	83.57%	12	3.40%	46	13.03%	353
5.	2012	227	90.08%	4	1.59%	21	8.33%	252
6.	2013	155	83.33%	-	-	31	16.67%	186
7.	2014	429	82.5%	39	7.50%	52	10%	520
JUMLAH		1,816	87.01%	68	3.21%	203	9.73%	2,087

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 7:**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2008				TAHUN 2009				TAHUN 2010			
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
1.	Petaling	2	0	0	2	2	-	-	2	40	3	1	44
2.	Klang	1	1	0	2	-	3	-	3	33	8	-	41
3.	Gombak	10	2	0	12	21	2	-	23	-	-	-	-
4.	Hulu Langat	2	0	0	2	-	-	-	-	40	3	-	43
5.	Kuala Langat	8	1	2	11	57	1	-	58	45	1	3	49
6.	Sepang	4	0	0	4	2	-	-	2	25	3	-	28
7.	Hulu Selangor	46	3	2	51	23	-	-	23	26	4	-	30
8.	Kuala Selangor	13	2	1	16	9	4	-	13	-	10	-	10
9.	Sabak Bernam	93	2	2	97	208	-	2	210	-	-	-	-
JUMLAH		179	11	7	197	322	10	2	334	209	32	4	245
PERATUS (%)		90.87%	5.58%	3.55%	100%	96.41%	2.99%	0.60%	100%	85.31%	13.06%	1.63%	100%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 7:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2011				TAHUN 2012				TAHUN 2013			
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
1.	Petaling	-	-	-	-	47	1	-	48	-	-	-	-
2.	Klang	33	25	-	58	-	-	-	-	121	29	-	150
3.	Gombak	36	2	-	38	-	-	-	-	34	2	-	36
4.	Hulu Langat	-	-	-	-	18	3	-	21	-	-	-	-
5.	Kuala Langat	81	3	5	89	-	-	-	-	-	-	-	-
6.	Sepang	-	-	-	-	19	6	2	27	-	-	-	-
7.	Hulu Selangor	38	7	2	47	41	4	1	46	-	-	-	-
8.	Kuala Selangor	34	9	4	47	52	7	1	60	-	-	-	-
9.	Sabak Bernam	73	-	1	74	50	-	-	50	-	-	-	-
JUMLAH		295	46	12	353	227	21	4	252	155	31	-	186
PERATUS (%)		83.57%	13.03%	3.40%	100%	90.08%	8.33%	1.59%	100%	83.33%	16.67%	0%	100%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 7:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2014			
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
1.	Petaling	33	-	-	33
2.	Klang	33	9	1	43
3.	Gombak	36	1	-	37
4.	Hulu Langat	30	2	-	32
5.	Kuala Langat	112	29	32	173
6.	Sepang	34	6	3	43
7.	Hulu Selangor	40	2	1	43
8.	Kuala Selangor	65	2	1	68
9.	Sabak Bernam	46	1	1	48
JUMLAH		429	52	39	520
PERATUS (%)		82.5%	10%	7.5%	100%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENUKARAN PAIP PERHUBUNGAN BEKALAN AIR

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap SYABAS bagi memastikan kerja-kerja penukaran paip perhubungan bekalan air yang berusia lebih 40 tahun dan berkarat (jenis GI 20mm) dilakukan supaya penduduk dapat menikmati bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan biasa?

JAWAPAN:

- a) Melalui Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan SYABAS, berkuat kuasa pada 01 Januari 2005, semua aset bekalan air telah diserahkan untuk dikendalikan oleh SYABAS. Bermula dari tarikh tersebut, SYABAS adalah satu-satunya pihak tunggal yang telah diberikan kuasa untuk mengendalikan, menyelenggarakan dan mengoperasikan semua aset air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sebagai operator tunggal, SYABAS telah dipertanggungjawabkan untuk membuat meneliti semula semua sistem agihan termasuk paip perhubungan yang berusia lebih 50 tahun. Cadangan penukaran paip perhubungan berusia lebih 50 tahun memang telah ada di dalam cadangan kerja-kerja pembangunan yang akan dilaksanakan oleh SYABAS menggunakan peruntukan CAPEX.

Namun demikian, bagi menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh rakyat, Kerajaan Negeri Selangor telah meletakkan sasaran utama memastikan bekalan air sentiasa mencapai kualiti yang baik dan kuantiti yang mencukupi selepas tahun 2021, meningkatkan rizab bekalan air bersih kepada kadar 15% dan memastikan kadar NRW dapat dikurangkan sekurang-kurangnya 25% pada tahun 2020.

Salah satu projek yang telah disenaraikan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK11) antaranya adalah penukaran paip-paip lama terutamanya paip perhubungan bekalan air yang berusia lebih 40 tahun akan berkarat (jenis GI 20mm). Namun demikian, program penukaran paip tersebut akan dibuat secara berfasa setelah mendapat kelulusan SPAN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua projek usahasama PKNS dengan syarikat swasta.
- b) Sila senaraikan semua projek usahasamasubsidiari-subdiari PKNS dengan syarikat swasta.
- c) Sila senaraikan semua aset termasuk "land bank" yang dimiliki oleh PKNS dan subsidiarinya.

JAWAPAN:

- a) Rujuk Lampiran 1
- b) Rujuk Lampiran 2
- c) Rujuk Lampiran 3

LAMPIRAN 1

a) Senarai usahasama PKNS dengan syarikat swasta

BIL.	NAMA SYARIKAT	EKUITI PKNS (%)	RAKAN KONGSI	EKUITI RAKAN KONGSI (%)
1.	Kundang Properties Sdn. Bhd.	50	IGB Corporation Bhd	50
2.	Ligamas Sdn Bhd	50	Mixwell (Malaysia) Sdn Bhd	50
3.	Bangi Resort & Development Corporation Sdn Bhd	40	Angsana Resort Sdn Bhd	60
4.	Sunway PKNS Sdn Bhd	40	Sunway City Sdn Bhd	60
5.	Selangor Polo Sdn Bhd	40	Dato' Mucip Haldun Elci	60
6.	Tropicana Indah Sdn Bhd	30	Irama Sejati Sdn Bhd	70
7.	Vintage Heights Sdn Bhd	30	Guocoland (Malaysia) Bhd	40
			Hap Seng Consolidated Bhd	20
			Crescent Capital Resources Sdn Bhd	5
			Cheltenham Investment Pte Ltd	5
8.	Must Ehsan Development Sdn Bhd	30	Encorp Must Sdn Bhd	70
9.	Kesas Holdings Berhad	30	Gamuda Berhad	70
10.	PKNS – LFD Sdn Bhd	49	Inchape Timuran Bhd	49
			YM Tunku Tan Sri Muhamad Bin Tunku Besar Burhanuddin (Allahyarham) Dirujuk Kepada Pemegang Amanah Raya	2
11.	Masscorp Chile Sdn Bhd	16.1	Masscorp Berhad	51.1
			IJM Corporation Berhad	31.8
			Sourcewell Corporation Sdn Bhd	1.0

b) (i) Senarai Anak Syarikat PKNS

BIL.	NAMA SYARIKAT	EKUITI PKNS (%)	RAKAN KONGSI	EKUITI RAKAN KONGSI (%)
1.	PKNS Engineering & Construction Bhd	100	-	-
2.	De Palma Management Services Sdn Bhd	100	-	-
3.	Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd	100	-	-
4.	PKNS Holdings Sdn Bhd	100	-	-
5.	SACC Convec Sdn Bhd	100	-	-
6.	Akademi PKNS Sdn Bhd	100	-	-
7.	PKNS Real Estate Sdn Bhd	100	-	-
8.	Datum Corp International Sdn Bhd	100	-	-
9.	PKNS Infra Berhad	89.5	Kakitangan PKNS	10.5
10.	Selaman Sdn Bhd	60	Puncak Exotica Sdn Bhd	40

LAMPIRAN 2

b) (ii) Senarai usahasama di bawah Anak Syarikat PKNS

BIL.	NAMA ANAK SYARIKAT	SYARIKAT USAHASAMA	EKUITI ANAK SYARIKAT (%)	RAKAN KONGSI	EKUITI RAKAN KONGSI (%)
1.	PKNS Engineering & Construction Bhd	VE Intellitech Sdn Bhd	51	Perunding ZNA (Asia) Sdn Bhd	49
		Millenium Joy Corporation Sdn Bhd	100	-	-
2.	Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd	Transpark System Sdn Bhd	51	Imej Parking	49
		Selmidia Sdn Bhd	100	-	-
		Module Board	100	-	-
3.	PKNS Holdings Sdn Bhd	Worldwide Holdings Berhad	100	-	-
		PKNS – Andaman Development Sdn Bhd	70	Andaman Realty Sdn Bhd	30
4.	PKNS Infra Berhad	Excelon Sdn Bhd	100	-	-
5.	Selaman Sdn Bhd	Halik Sdn Bhd	100	-	-
		Selaman Sejati Sdn Bhd	100	-	-

LAMPIRAN 3**Landbank PKNS**

BIL	DAERAH	KELUASAN TANAH (EKAR)
1	Petaling i) Kota Damansara ii) Shah Alam	25.83
2	Gombak i) Kuang ii) Kota Puteri	2,027.02
3	Hulu Langat i) Bandar Mahkota ii) Broga iii) Sungai Batangsi iv) Sungai Jelok	1,007.96
4	Cameron Highlands i) Cameron Highlands	1.00
5	Kuala Selangor i) Bandar Kuala Selangor	5.37
6	Hulu Selangor i) Bernam Jaya ii) Antara Gapi iii) Bukit Beruntung iv) Ladang Rasa	6,985.16
7	Sabak Bernam i) Sungai Lang ii) Sungai Burung	85.00
8	Klang i) Pulau Indah ii) Bandar Sultan Sulaiman	504.94
9	Sepang i) Taman Sains Selangor 2	1,255.05
JUMLAH KESELURUHAN		11,897.33

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : NAIK TARAF STADIUM JUGRA

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan butir-butir kerja, kos dan segala perbelanjaan yang telah dilakukan untuk naik taraf Stadium Jugra, Telok Datok Kuala Langat?
- b) Adakah Stadium Jugra akan dibuka sewa dan digunakan oleh Rakyat selepas siap di naik taraf?

JAWAPAN:

a)

Butiran	Perihal Kerja	Jumlah (RM)
1.0	Permulaan dan syarat-syarat am	18,250.00
2.0	Pembersihan Tapak	2,000.00
3.0	Trek Balapan	1,063,600.00
4.0	Peralatan untuk Acara	46,300.00
5.0	Longkang Perimeter Padang	58,520.00
6.0	Kerja Longkang Kawasan	75,882.00
7.0	Bangunan Pentas Utama :	
	7.1 Bumbung	30,030.00
	7.2 Gutter	4,200.00
	7.3 Strip Ceiling	31,200.00
	7.4 Lantai & Pentas	35,450.00
	7.5 Bangku	18,000.00
	7.6 Alatan kebersihan	1,920.00
8.0	Lantai Konkrit	3,300.00
9.0	Kerja Keluli	1,600.00
10.0	Kerja Cat	32,780.00
11.0	Perpaipan	1,500.00
12.0	Pembentungan	1,000.00
13.0	Logo	300.00
14.0	Kerja-kerja Elektrik	28,690.00
15.0	Kontigensi	5,000.00
	Jumlah dikumpulkan	1,459,522.00

- b) Ya. Stadium Jugra akan dibuka semula setelah serahan siap kerja daripada JPPI dan dijangka mula beroperasi pada bulan April.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : LOJI RAWATAN AIR

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah loji rawatan air yang membekal air ke kawasan DUN Kinrara?
- b) Nyatakan kawasan yang dirangkumi mengikut setiap loji rawatan di DUN Kinrara

JAWAPAN:

- a) Kawasan DUN Kinrara mendapat bekalan air bersih dari Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP 3) dan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih yang menyalurkan air melalui Kolam Bukit Dengkil berkapasiti 10 juta gelen dan 5 juta gelen.

Selepas Projek Langat 2 siap dan beroperasi kelak, kawasan DUN Kinrara akan mendapat bekalan air tambahan yang akan membekalkan sebanyak 520 JLH ke kawasan Petaling, Sg Besi, Kinrara dan Puchong (Koridor Barat).

- c) Keseluruhan kawasan DUN Kinrara mendapat bekalan air bersih dari Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP 3) dan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : BELIA

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai nama ketua setiap PeBT dan laporan lengkap prestasi setiap ketua Penggerak Belia Tempatan tahun 2014.
- b) Sila kemukakan jadual pelaksanaan program Anak Muda Tahun 2015
- c) Sila kemukakan senarai tempat latihan atau institut pembangunan anak muda.

JAWAPAN:

- a) Senarai nama Ketua Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan laporan lengkap prestasi 2014 adalah sebagaimana berikut :-

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Pengerusi Induk PeBT	Pengerusi Penggerak Belia Tempatan PeBT	
		Aktif	Tidak Aktif
Majlis Bandaraya Shah Alam	Muriza Bin Hasrul	13	11
Majlis Daerah Hulu Selangor	MohammadEffendi Bin Rahim	17	7
Majlis Daerah Kuala Langat	Nuresman Bin Ramli	15	9
Majlis Daerah Kuala Selangor	Sharan bin Mohd Salleh	16	8
Majlis Daerah Sabak Bernam	Ismail Bin Hashim	14	10
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	AhmadZa'im Bin Ishak	14	10
Majlis Perbandaran Kajang	Salahuddin bin Mohd Kidin	11	13
Majlis Perbandaran Selayang	MohammadAzwan Bin Mohd Kamaruzaman	22	2
Majlis Perbandaran Klang	ShahrilRizal Bin Saidon	17	7
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Muhamad Mizan Adli Bin Mohd Noor	19	5
Majlis Perbandaran Subang Jaya	Mohd Rizal Bin Abd Rahman	16	8
Majlis Perbandaran Sepang	Mohd Nazwan Bin Saidi	14	10
Jumlah		188	100

- b) Jadual pelaksanaan program Anak Muda Tahun 2015 adalah berdasarkan kepada SKT 2014 sebagaimana Lampiran 1.
- c) Senarai tempat latihan atau institusi pembangunan anak muda di bawah Kerajaan Negeri adalah seperti INPENS, UNISEL, KUIS dan Pusat Latihan Awam di Negeri Selangor.

**KALENDAR SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN GENERASI MUDA DAN SUKAN
TAHUN 2015**

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	CATATAN
1	International Youth Conference													Dengan Kerjasama ABIM
2	Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di Seluruh PBT													
3	Change Mgt & Kursus Asas													
4	Liga Sukan Selangor PLUS Peringkat DUN <ul style="list-style-type: none"> • Futsal • 3 On 3 Netball • 3 On 3 Basketball 													
5	Grand Finale Selangor Plus Peringkat Negeri Selangor 2015													
6	International Selangor Cyber Game													
7	Program ADUN Muda Selangor													
8	Extreme Outdoor Challenge 4WD													

*TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN TARIKH DAN KELULUSAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : RIZAB PBT

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan butiran terperinci rizab PBT seluruh Negeri Selangor ?
- b) Apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan rizab PBT terus berada dalam keadaan stabil dan kukuh ?
- c) Apakah bentuk insentif yang diberikan kepada PBT yang mempunyai rizab yang stabil ?

JAWAPAN:

- a) Penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir tahun 2014 dalam semakan Jabatan Audit Negara. Walau bagaimanapun jumlah Rizab kewangan PBT setelah mengambil kira liabiliti semasa berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2013 yang telah diaudit adalah seperti berikut:

PBT	TUNAI DAN BANK (RM JUTA) (a)	SIMPANAN TETAP (RM JUTA) (b)	LIABILITI SEMASA (RM JUTA) (c)	RIZAB (RM JUTA) (a+b-c)
MBSA	20.67	301.70	284.80	37.57
MBPJ	36.46	365.53	93.74	308.25
MPK	10.30	29.25	107.70	(68.15)
MPAJ	30.73	68.41	29.71	69.43
MPSJ	19.48	185.81	138.26	67.03
MPS	19.87	82.00	95.86	6.01
MPKj	30.75	272.02	204.99	97.78
MPSp	14.18	132.29	62.35	84.12
MDHS	13.38	26.00	27.80	11.58
MDKS	6.87	7.00	20.25	(6.38)
MDKL	1.71	32.00	22.41	11.79
MDSB	5.19	8.50	5.93	7.75
JUMLAH	209.59	1,510.51	1,093.80	626.28

- b) PBT di Negeri Selangor sentiasa berusaha memperbaiki kedudukan rizab masing-masing. Prestasi rizab PBT dalam tempoh lima tahun terkini telah menunjukkan peningkatan. Langkah-langkah proaktif yang diimplimentasikan oleh PBT untuk memastikan rizab setiap PBT terus stabil dan bertambah adalah seperti berikut:
- i. Mempertingkatkan kutipan cukai taksiran dengan menguatkuasakan tindakan di bawah Seksyen 148 Akta 171.
 - ii. Menubuhkan Jawatankuasa bagi memastikan pelaksanaan kutipan dan sasaran hasil dijalankan. Program insentif kepada kakitangan turut diberikan sekiranya mencapai sasaran kutipan hasil yang ditetapkan melalui Jawatankuasa Teras Hasil.
 - iii. Mengadakan kempen bayaran cukai taksiran yang melibatkan kawasan perumahan dan kampung yang tertentu yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi.
 - iv. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi meningkatkan prestasi kutipan hasil. Selain itu, kaedah penjimatan, kawalan bajet dan kawalan kos dipraktikkan dari masa ke semasa bagi menggalakkan jabatan membuat perbelanjaan berdasarkan keperluan dan keutamaan tanpa melibatkan sebarang kos tambahan.
 - v. Membuat perbandingan faedah yang telah ditawarkan oleh pihak bank bagi memastikan pelaburan simpanan tetap dibuat ke dalam bank yang menawarkan faedah yang kompetitif sahaja.
 - vi. Berusaha mencari hasil-hasil baharu yang membantu menjana pendapatan PBT.
- c) Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyalurkan insentif kepada PBT yang mempunyai rizab yang stabil. Walau bagaimanapun sehingga kini Kerajaan Negeri sentiasa memantau kedudukan kewangan melalui laporan-laporan yang dikemukakan dan belanjawan tahunan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PINJAMAN PERUMAHAN DANASEL

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila perelaskan bila dan apakah matlamat utama DANASEL ditubuhkan ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk tujuan tersebut ?
- c) Sila senaraikan butiran terperinci mengenai kriteria yang dikenakan bagi memperolehi Pinjaman DANASEL ?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (DANA-SEL) Konsep Sewa dan Milik telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-37/2014 dan telah dilancarkan pada Disember 2014. Matlamat utama penubuhan Skim DANA-SEL ini adalah bertujuan untuk membantu golongan yang tidak layak mendapat pinjaman daripada pihak bank untuk pembelian rumah kos rendah.
- b) Jumlah peruntukan yang disalurkan untuk Skim DANA-SEL adalah berjumlah RM10 juta.
- c) Kriteria pemohon yang layak ditawarkan Skim DANA-SEL adalah seperti berikut:
 - i) Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas;
 - ii) Pemohon hendaklah terdiri daripada senarai Peneroka Bandar yang berdaftar dengan LPHS. Senarai nama ini hendaklah disaring dan disahkan oleh pihak LPHS;
 - iii) Tidak layak membuat pinjaman bank. Pemohon mempunyai pendapatan tidak tetap, tidak mempunyai penyata pendapatan, direkodkan dalam CCRIS dan CTOS dan lain-lain;
 - iv) Pendapatan kasar seisi rumah minima RM1,000.00 sebulan;

- v) Pembelian hendaklah rumah pertama bagi kategori kediaman kos rendah untuk didiami; dan
- vi) Berkeupayaan membayar sewa iaitu pembayaran bulanan tidak melebihi 40% dan pembayaran bulanan kesemua pinjamantidak melebihi 65% daripada pendapatan kasar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : RM1.27 JUTA KOS SELENGGARAAN KENDERAAN UPEN

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah nilai ini masih dalam tahap yang dibenarkan oleh panduan kewangan Persekutuan?
- b) Sekiranya tahap di atas bercanggah dengan garis panduan Persekutuan, apakah rancangan kerajaan untuk memperbetulkannya?
- c) Apakah kerajaan bercadang untuk menukar kereta Camry dengan Perdana?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan peraturan sedia ada yang berkuatkuasa, semua kenderaan Kerajaan hendaklah diselenggara secara berjadual sepertimana yang ditetapkan dalam manual pengguna yang dikeluarkan oleh pengeluar/pengedar kenderaan yang berkaitan. Perkara ini bagi memastikan jangka hayat kenderaan lebih panjang, manakala kenderaan sentiasa berada dalam keadaan yang baik serta bersedia apabila perlu digunakan.

Bagi maksud tersebut, sebarang urusan penyelenggaraan kenderaan Jabatan adalah dirujuk sepenuhnya berdasarkan peraturan dan tatacara perolehan yang berkuatkuasa di peringkat Persekutuan dan negeri, iaitu melalui:

- (i) Arahan Perbendaharaan;
- (ii) Pekeliling/ Surat Pekeliling Perbendaharaan;
- (iii) Surat Arahan Perbendaharaan; dan
- (iv) Lain-lain garis panduan, peraturan dan tatacara kewangan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

Berdasarkan semakan dan penelitian oleh Pentadbiran ini mendapati bahawa semua peraturan dan tatacara perolehan bagi urusan penyelenggaraan kenderaan Jabatan adalah dipatuhi sepenuhnya. Manakala tanggungan terhadap kos penyelenggaraan berkenaan adalah berdasarkan peruntukan tahunan yang telah disediakan mengikut keperluan Jabatan dari semasa ke semasa. Untuk makluman, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP: WP 4.1/2013 – Pengurusan Kenderaan Kerajaan telah menetapkan peraturan berkaitan pengurusan kenderaan Kerajaan bagi memastikan ia dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Jabatan Kerajaan yang mempunyai workshop yang lengkap dengan peralatan dan kakitangan mahir hendaklah menyelenggara sendiri kenderaannya. Bagi Jabatan yang tidak mempunyai kemudahan tersebut, kenderaannya hendaklah disenggara dan dibaiki di workshop Jabatan Kerja Raya atau workshop swasta.

- (b) Berdasarkan semakan dan penelitian oleh Pentadbiran ini mendapati bahawa semua peraturan dan tatacara perolehan bagi urusan penyelenggaraan kenderaan Jabatan adalah dipatuhi sepenuhnya. Manakala tanggungan terhadap kos penyelenggaraan berkenaan adalah berdasarkan peruntukan tahunan yang telah disediakan mengikut keperluan Jabatan dari semasa ke semasa.
- (c) Setakat ini tiada sebarang keputusan oleh Kerajaan Negeri untuk menukar kereta Camry kepada kereta Perdana, manakala sebarang keputusan berhubung perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : USAHASAMA MBI DENGAN PEMAJU SWASTA

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Difahamkan bahawa MBI telah mengenalpasti tanah kerajaan seluas 5000 ekar di Lembah Klang untuk projek usahasama (JV) dengan pemaju-pemaju yang berprestij dengan jangkaan GDV berjumlah RM60 bilion. Apakah jaminan MBI bahawa JV ini akan memberi pulangan yang lebih besar?

JAWAPAN:

- a) Jika dibanding dengan jualan terus, dalam model usahasama, MBI mempunyai hak kepada peratusan jualan projek. Dengan ini, MBI menikmati manfaat tambah nilai dari pemaju-pemaju yang berprestij, misalnya “branding” and pengalaman. Di dalam masa yang sama, MBI akan menjalankan inisiatif transformasi di mana peranan MBI di dalam sesuatu pelaburan adalah berbentuk aktif dan strategik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : SKIM CERIA

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua penerima skim ceria untuk tahun 2013 dan 2014, termasuk jenis projek, nilai projek, dan kawasan DUN berkenaan

JAWAPAN:

- a) Butiran senarai penerima Skim CERIA untuk tahun 2013 (Fasa 3) dan 2014 (Fasa 4) adalah seperti pada **Lampiran A**.

SENARAI PENERIMA SKIM CERIA FASA 3-4 (TAHUN 2013 - 2014)

SEHINGGA 21 MAC 2015

BIL	NAMA PEMAJUAN	NAMA PBT	NAMA DUN	PERIHAL KERJA BAIKPULIH		STATUS KEMAJUAN KERJA	KOS SEBENAR/HARGA KONTRAK (RM)
1	Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16, Subang Jaya	MPSJ	Kinrara	Membina tempat letak kenderaan	-	100%	317,998.86
2	Pangsapuri HappyMansion, HappyMansion	MBPJ	Bukit Gasing	Lif	2 unit	100%	191,000.00
3	Pangsapuri Seri Pulai, Taman Puchong Hartamas	MPSJ	Seri Serdang	Tangki & paip	2 unit	100%	16,200.00
4	Pangsapuri Sri Murni, Seksyen U5, Shah Alam	MBSA	Kota Damansara	Cat	1 blok	100%	126,321.00
5	Pangsapuri Seri Melewar	MBSA	Seri Setia	Cat	2 blok	100%	169,540.00
6	Pangsapuri Cengal, Taman Mas, Puchong	MPSp	Dengkil	Lif	2 unit	100%	191,840.00
7	Pangsapuri GoldenVilla Blok G, Klang	MPK	Sri Muda	Lif	2 unit	100%	206,850.00
8	Pangsapuri Anggerik, Seri Kembangan	MPSJ	Seri Kembangan	Lif	2 unit	100%	119,122.00
9	Pangsapuri Pandan Jaya Blok L34 & L35	MPAJ	Chempaka	Cat	2 blok	100%	91,530.40
10	Pangsapuri Kelompok Camar, Ampang Blok A	MPAJ	Lembah Jaya	Bumbung	1 blok	100%	106,838.00
11	Pangsapuri Kelompok Camar, Ampang Blok B	MPAJ	Lembah Jaya	Bumbung	1 blok	100%	107,276.00
12	Apartment Taman Medan Jaya Blok C, Petaling Jaya	MBPJ	Taman Medan	Tangki	2 unit	100%	57,000.00
13	Pangsapuri Pelangi Damansara A,B & C	MBPJ	Bukit Lanjan	Lif	6 unit	100%	502,800.00
14	Pangsapuri Pelangi Ara, PJU 6A	MBPJ	Bukit Lanjan	Genset& panel	-	100%	100,000.00
15	Desa Impian	MPSJ	Kinrara	Lif	2 unit	0%	242,000.00
16	Pangsapuri Seri Kayan, USJ 2	MPSJ	Batu Tiga	Tangki	4 unit	100%	67,800.00
17	Desa Tanjung, Seri Kembangan	MPSJ	Seri Kembangan	Lif	2 unit	100%	81,303.00
18	Desa Mentari Blok 3	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
19	Desa Mentari Blok 4	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
20	Desa Mentari Blok 5	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00

21	Desa Mentari Blok 6	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
22	Desa Mentari Blok 8	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
23	Pangsapuri 15 tingkat SS8, Petaling Jaya	MBPJ	Seri Setia	Pagar	Panjang=41 2mTinggi=1.5m	100%	97,600.00
24	Pangsapuri Tulip Blok 1,2,3,4	MDKL	Dengkil	Tangki & paip	2 unit	100%	125,536.00
25	Pangsapuri Astana Alam 2	MDKS	Jeram	Cat	4 blok	100%	373,372.00
26	Apartment Mawar, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung	MDHS	Batang Kali	Lif	6 unit	100%	350,500.00
27	Pangsapuri RuvenaVilla	MPSp	Dengkil	Sistem paip dalaman	-	100%	870,776.00
28	CityHeightsApartment	MPKj	Kajang	Lif	4 Unit	100%	521,560.00
29	Taman Cheras Mas, Blok A	MPKj	Kajang	Takungan Air Hujan Dari Bumbung	2 Blok	100%	89,760.00
30	Apartment Kenari ABCD	MPKj	Balakong	Bumbung	4 Blok	100%	586,960.00
31	Pangsapuri Baiduri Court	MPSP	Dengkil	Lif	-	-	dalam tindakan
32	Apartment Seri Kembangan	MDHS	Batang Kali	Bumbung	7 Blok	100%	76,831.70
33	Pangsapuri Pahlawan	MPKj	Kajang	Bumbung	4 Blok	100%	390,610.00
34	Apartment Bukit Mutiara	MPKj	Bangi	Bumbung	2 Blok	JMB belum bayar 5%	317,790.00
35	Desa Satu Apartment	MPS	Paya Jaras	Lif	7 unit	70%	715,720.00
36	Pangsapuri Perantau, Blok B	MPK	Selat Klang	Lif	2 Unit	JMB belum bayar 5%	247,264.00
37	Pangsapuri Perantau, Blok C	MPK	Selat Klang	Lif	2 Unit	JMB belum bayar 5%	244,544.00
38	Pangsapuri Perantau, Blok D	MPK	Selat Klang	Lif	2 Unit	JMB belum bayar 5%	247,124.00
39	Pangsapuri Perantau, Blok E	MPK	Selat Klang	Lif	3 Unit	JMB belum bayar 5%	246,264.00
40	Pangsapuri Perantau, Blok F	MPK	Selat Klang	Lif	4 Unit	JMB belum bayar 5%	245,404.00
41	Pangsapuri Taman Cheras Mewah, Blok E	MPKj	Kajang	Pagar	6 Blok	1%	134,720.00
42	Apartment Bandar Baru Selayang	MPS	Imn Templer	Cat & Salur Paip	-	proses penyediaan anggaran kos	-
43	Pangsapuri Taman Selayang Sejati	MPS	Imn Templer	Tangki air	-	proses penyediaan anggaran kos	-

44	Pangsapuri Bukit Baru	MPAJ	Hulu Kelang	Tangki Air	3 Unit	100%	130,230.10
45	Pangsapuri Murah, Kajang Indah	MPKJ	Kajang	Cat	2 Blok	100%	67,800.00
46	Flat Taman Sentosa	MPKj	Semenyih	Sistem Pembentongan	-	peringkat rundingan dengan JMB	100,700.00
47	Apartment Sri Kenari, Blok A	MPKJ	Bangi	Lif	2 Unit	100%	356,960.00
48	Pangsapuri Baiduri 2, Blok Mutiara	MPKj	Balakong	Cat	4 Blok	1%	119,275.00
49	Pangsapuri Impian Baiduri, Blok A	MBPJ	Taman Medan	Lif	3 unit	peringkat akhir untuk kelulusan pelan oleh konsultan sebelum dikemukakan kpd Jabatan Bangunan MBPJ	4,167,500.00
50	Pangsapuri Impian Baiduri, Blok B	MBPJ	Taman Medan	Lif	3 unit		
51	Pangsapuri Impian Baiduri, Blok C	MBPJ	Taman Medan	Lif	3 unit		
52	Pangsapuri Impian Baiduri, Blok D	MBPJ	Taman Medan	Lif	4 unit		
53	Pagsapuri Megaria Lili	MPSJ	Seri Kembangan	Cat	-	100%	85,967.00
54	Desa Peransang, Blok A dan B	MBPJ	Taman Medan	Lif	4 unit	100%	39,550.00
55	Apartment Kenanga	MDHS	Batang Kali	Bumbung	-	proses penyediaan anggaran kos	-
56	Apartment Rajawali	MPS	Rawang	Bumbung	-	proses penyediaan anggaran kos	-
57	Flat Taman Bangi Jaya	MPKj	Semenyih	Bumbung	-	1%	134,900.00
58	Taman Impian Sentosa A, B & C	MPK	Sri Andalas	Lif	8 unit	proses penyediaan anggaran kos	-
59	Apartment Harmoni, Damansara Damai	MBPJ	Bukit Lanjan	Turap Jalan	-	100%	497,200.00
60	Mediterranean/Alora A	MBSA	Sri Muda	3 unit lif	3 unit	perolehan	590,000.00
61	Pangsapuri Seri Mutiara	MPSJ	Sri Muda	Lif	8 unit	95%	620,600.00
62	Pangsapuri Aman, Puchong Prima	MPSJ	Sri Serdang	Lif	2 unit	5%	155,657.60
63	Subang Perdana Courts 2	MPSJ	Subang Jaya	Cat Bangunan	6 Blok	100%	500,040.00
64	Pangsapuri Subang Perdana 3	MBSA	Kota Damandara	Bumbung	-	proses penyediaan anggaran kos	540,000.00

65	Pangsapuri Sri Bintang	MBSA	Kota Damansara	Cooperstri p	-	100%	16,000.00
66	Pangsapuri Sri Bintang	MBSA	Kota Damansara	Cat parking kereta	-	100%	27,245.10
67	Pangsapuri Belimbing Cempaka	MPSJ	Seri Kembangan	Lif	2 unit	proses penyediaan anggaran kos	18,000.00
68	Pangsapuri Lagoon Perdana	MPSJ	Subang Jaya	Lif	9 unit	70%	314,000.00
69	Pangsapuri Aman 1	MPS	Paya Jayas	Cat Bangunan	-	JMB belum bayar 5%	1,000,000.00
70	Pangsapuri Kos Rendah Desa Mutiara	MPKj	Kajang	Bumbung	-	100%	570,000.00
71	Pangsapuri Kos Sederhana Desa Mutiara	MPKj	Kajang	Bumbung	-	100%	196,000.00
72	Pangsapuri Laksamana Jaya A	MPS	Batu Caves	Lif	2 unit	JMB belum bayar 5%	250,000.00
73	Pangsapuri Seri Pelangi	MPSJ	Sri Serdang	Tangki air	-	JMB belum bayar 5%	4,000.00
74	Pangsapuri Seri Pelangi	MPSJ	Sri Serdang	Lif	2 unit	JMB belum bayar 5%	98,000.00
75	Blok Cemara 1 & 2	MPAJ	Teratai	Lif	2 unit	JMB belum bayar 5%	113,380.00
76	Pangsapuri Villa Sentosa	MPK	Sri Andalas	Lif	2 unit	JMB belum bayar 5%	369,000.00
77	Pangsapuri Kos Rendah Petaling Utama	MBPJ	Tmn Medan	Cat Bangunan	-	-	Dalam tindakan
78	Taman Kem Blok A	MPK	P. Klang	Bumbung	-	JMB belum bayar 5%	553,000.00
79	Taman Kem Blok B	MPK	P. Klang	Bumbung	-	JMB belum bayar 5%	561,000.00
80	Taman Kem Blok C	MPK	P. Klang	Bumbung	-	JMB belum bayar 5%	561,000.00
81	Taman Kem Blok D	MPK	P. Klang	Bumbung	-	JMB belum bayar 5%	544,000.00
82	Taman Kem Blok E	MPK	P. Klang	Bumbung	-	JMB belum bayar 5%	544,000.00
83	Taman Daya Kepong Blok D	MPS	Tmn Templer	Bumbung	-	JMB belum bayar 5%	152,000.00
84	GlenCourt Blok A & B	MPKj	Kajang	Cat Bangunan	-	100%	210,525.00
85	GlenCourt Blok C & D	MPKj	Kajang	Cat Bangunan	-	JMB belum bayar 5%	254,000.00
86	Pangsapuri Damai Blok B	MBPJ	Sri Setia	Cat	-	perolehan	1,680,000.00
87	Apartment Kenanga, Blok N, Taman Putra Perdana	MPSP	Dengkil	Paip Dalam	-	-	Dalam tindakan

88	Pangsapuri Anggerik, Taman Putra Perdana	MPSP	Dengkil	Paip Dalaman	-	-	Dalam tindakan
89	SD Apartment II	MBPJ	Bkt Lanjan	Pagar	-	-	Dalam tindakan
90	Pangsapuri Hulubalang	MPK	Sri Andalas	Cat Bangunan	-	-	Dalam tindakan
91	Pangsapuri Sri Mawar	MPKj	Bangi	Cat Bangunan	-	JMB belum bayar 5%	156,982.00
92	Pangsapuri Desa Mentari Blok 2	MBPJ	Seri Setia	Lif	4 unit	40%	518,850.00
93	Apartment Kinabalu	MPKj	Balakong	Tangki Air	1 unit	JMB belum bayar 5%	52,000.00
94	Apartment Gugusan Dedap	MBPJ	Kota Damansara	Cat	-	JMB belum bayar 5%	898,000.00
95	Apartment Mawar, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung	MDHS	Batang Kali	Lif	6 unit	Perolehan	157,000.00
96	MediterraneanAlora II Parcel B	MBSA	Sri Muda	Lif	3 unit	JMB belum bayar 5%	570,000.00
97	Pangsapuri Taman Permai, Pandamaran	MPK	Klang	Tangki Air	-	100%	669,100.00
JUMLAH							27,841,216.76

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : TAHAP PERANCANGAN PROGRAM WANITA DAN KELUARGA

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon senaraikan sasaran kerja tahunan program pembangunan wanita
- b) Apakah program spesifik untuk membangunkan keluarga negeri Selangor?
- c) Berapa peruntukan setiap DUN untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sasaran Kerja Tahunan Program Pembangunan Wanita adalah seperti di Lampiran A.
- b) Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah mensasarkan dua (2) program berskala besar, program yang dimaksudkan adalah:-
 - Seminar Towards Gen Alpha (GenS#2015)
Memberi pendedahan dan ilmu Keibubapaan kepada ibu bapa golongan muda dalam membesarkan anak-anak generasi Alpha.
 - FamilyDay Out 2015 (Sukan)
Mengeratkan institusi kekeluargaan dan memberi masa yang berkualiti bersama keluarga.
- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan sebanyak RM1 juta bagi melaksanakan program wanita dan keluarga yang memberi manfaat kepada seluruh Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan khusus yang disediakan untuk setiap DUN.

LAMPIRAN A

**SASARAN KERJA TAHUNAN 2015
PERANCANGAN KERJA TAHUNAN YANG DIRANCANG
(1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2015)
BAGI JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL WANITA DAN KELUARGA
SELANGOR**

BIL	PERANCANGAN		BUTIRAN	CADANGAN PELAKSANAAN
	PROJEK / AKTIVITI	FOKUS/ BIDANG		
1.	Program Konvensyen / Kursus/ Seminar / Latihan / Bengkel	KELUARGA	- SEMINAR <i>TOWARDS GEN ALPHA</i> (#GenA2015)	15 OKTOBER 2015
2.	Program Pemerdayaan Ekonomi	EKONOMI	- KARNIVAL WANITA DAN KELUARGA NEGERI SELANGOR (Sambutan Hari Wanita)	27 – 29 MAC 2015
		EKONOMI	- <i>SELANGOR ORKED FASHION FESTIVAL 2015</i> (#SOFF2015)	29 – 31 MEI 2015
3.	Program Kempen Kesedaran / Advokasi	KEROHANIA N / AGAMA & SOSIAL	- RAMADHAN	SEPANJANG RAMADHAN
		BAJET GENDER	- KEMPEN KESEDARAN <i>GENDER RESPONSIF BUDGETING (GRB) AWARENEES</i>	10 FEBRUARI 2015 (tunda)
		UNDANG-UNDANG	- <i>WOMEN RIGHTS AWARENESS (WRA)</i>	18 OGOS 2015
	Program Rekreasi Wanita & Keluarga	KELUARGA	- FAMILY DAY OUT 2015 (SUKAN)	28 NOVEMBER 2015
4.	Program (Usahasama)		- Lain-Lain Program Dalam Usahama	MENGIKUT KEPERLUAN
5.	Program Kesihatan Wanita	KELUARGA	- Skim Kesihatan Wanita (MammoSel)	SEPANJANG TAHUN
6.	OSCC	KESIHATAN	- Program OSCC	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : TASKA

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah "Taska Di rumah" yang ada di Selangor mengikut pecahan DUN.
- b) Berapa yang telah berdaftar dan tidak berdaftar. Apakah faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku?
- c) Apakah Polisi kerajaan bagi memastikan pengasuhan di rumah ini di daftarkan?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor tiada data bilangan taska di rumah mengikut pecahan DUN kerana data sedia ada mengenai statistik bilangan taska di rumah yang berdaftar di bawah jabatan telah dikategorikan mengikut pecahan daerah seperti jadual di sebelah.

Daerah	2011	2012	2013	2014	Hingga Mac 2015	Jumlah
Gombak	0	2	9	21	0	32
Petaling	3	4	26	6	0	39
Hulu Langat	0	1	15	4	0	20
Hulu Selangor	0	1	54	0	0	55
Sepang	0	1	4	2	0	7
Klang	0	0	4	1	0	5
Kuala Langat	0	0	5	0	1	6
Kuala Selangor	0	0	3	1	0	4
Sabak Bernam	0	1	0	0	0	1
Jumlah	3	10	120	35	1	179

- b) Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sebanyak 1,017 buah taska telah berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan kanak-kanak 1984 yang meliputi Taska Institusi, Taska Di Rumah, Taska Komuniti dan Taska Di Tempat Kerja. Jumlah pendaftaran taska ini meningkat di setiap tahun kerana tahap kesedaran ibu bapa dan pengusaha taska juga telah meningkat serta melalui operasi pemantauan yang dibuat oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor.

Jadual 2 di bawah menunjukkan bilangan taska yang telah berdaftar mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	2011	2012	2013	2014	HINGGA MAC 2015	JUMLAH
1.	PETALING	48	103	109	98	2	360
2.	KLANG	4	8	40	6	0	58
3.	HULU LANGAT	8	36	65	62	3	174
4.	KUALA SELANGOR	11	37	14	5	0	67
5.	GOMBAK	10	39	34	48	0	131
6.	HULU SELANGOR	2	27	66	3	0	98
7.	SABAK BERNAM	1	5	0	0	0	6
8.	KUALA LANGAT	5	17	22	12	1	57
9.	SEPANG	6	13	16	31	0	66
	JUMLAH	95	285	366	265	6	1,017

Jadual 3 di bawah menunjukkan bilangan taska yang tidak berdaftar mengikut daerah sehingga Februari 2015 adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	BILANGAN TASKA TIDAK BERDAFTAR
1	Kuala Langat	9
2	Shah Alam	26
3	Petaling	27
4	Subang Jaya	46
5	Klang	56
6	Hulu Selangor	3
7	Gombak	0
8	Sepang	17
9	Hulu Langat	151
10	Sabak Bernam	0
11	Kuala Selangor	1
	JUMLAH	336

Merujuk statistik yang dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, sebanyak **336 buah** taska yang masih belum berdaftar. Jumlah ini termasuk dengan jumlah taska sedia ada yang tidak berdaftar dan taska-taska yang baru beroperasi. Atas usaha gigih yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor melalui hebahan media massa, tindakan advokasi, operasi-operasi pemantauan dan program-program kesedaran kepada pengusaha taska, maka jumlah ini telah berkurangan dari tahun ke tahun.

